

الْفِقْهُ الْمَنْهَاجِي

**AL-FIQH AL-MANHAJI
MAZHAB AL-SYAFIE**

Jilid

1



الْفِقْهُ الْمَنْهَاجِي

AL-FIQH AL-MANHAJI MAZHAB AL-SYAFIE

**Ashab Al-Fadhilah
Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho
& Ali Asy-Syarbaji**

**Muqaddimah, Hukum Bersuci, Solat,
Azan & Iqamah, Zakat Fitrah, Qurban,
dan Pengurusan Jenazah**

Jilid



Penterjemah:
Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri & Rakan-rakan

جائتہ كمالہ وان اسلام ملےسبیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AL-FIQH AL-MANHAJI MAZHAB AL-SYAFIE

Jilid



Cetakan Pertama : 2011

© Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Blok D7 & D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

al-Khin, Mustafa

Al-fiqh al-manhaji Mazhab al-Shafie / Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha,
'Ali al-Syarbaji ; penterjemah: Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri & rakan-rakan.
Mengandungi rujukan bibliografi dan indeks.

ISBN 978-983-042-486-6 (jil.1)

1. Islamic law. 2. Muslims--Conduct of life. 3. Zakat. 4. Fasting--Religious aspects--Islam. I. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. II. al-Bugha, Mustafa
III. Al-Syarbaji, 'Ali.
297.14

Diterbitkan oleh:

جائزۃ القرآن والاسلام ماليسيا

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Blok D7 & D9, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62519 Putrajaya.

www.islam.gov.my

Dicetak oleh:

Aslita Sdn Bhd.

No. 20, Jalan 4/10B

Spring Crest Industrial Park

Batu Caves

68100 Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

MUQADDIMAH

SEPATAH KATA PENGARAH INFAD	1
SEUTAS KATA DATUK KETUA PENGARAH JAKIM	3
SEULAS KATA TIMBALAN MUFTI NEGERI TERENGGANU	5
SEPATAH KATA KETUA LAJNAH	6
KATA PENGANTAR PENGARAH DAN <i>MUSYRIF</i> LAJNAH	7
MUQADDIMAH AL-FIQH AL-MANHAJI	9
Muqaddimah	9
Rangka Muqaddimah	11
Pertama: Sejarah Kitab al-Fiqh al-Manhaji	12
Kedua: Keistimewaan Kitab Ini	14
Ketiga: Metodologi Terjemahan Kitab Ini	17
Keempat: Biografi Ringkas Pengarang Kitab Ini	18
i. Syeikh Dr. Mustafa al-Khin	18
ii. Syeikh Dr. Mustafa al-Bugha	19
iii. Syeikh Dr. Ali al-Syarbaji	20
Kelima: Biografi Imam al-Syafie serta Fiqhnya	21

Keenam: <i>Mabadi' al-Ulum</i>	48
Ketujuh: Beberapa Istilah Fiqh al-Syafie	54
Kelapan: Karya dan Fatwa di dalam Mazhab al-Syafie	57
Kesembilan: Sebab Muqaddimah al-Fiqh al-Manhaji Dikemukakan	68
Kesepuluh: Biografi Ringkas Tokoh Hadith	70
Kesebelas: Pendapat Tokoh dan Ulama' berkenaan Kitab al-Fiqh al-Manhaji	83
SEKALUNG PENGHARGAAN	88
MUQADDIMAH PENGARANG AL-FIQH AL-MANHAJI	93
DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI: PENGARAH DAN MUSYRIF LAJNAH PENYUSUNAN DAN TASHIH	123

JILID I

HUKUM BERSUCI	125
BAHAGIAN AIR	131
BEJANA	137
JENIS BERSUCI	141
ISTINJA'	153
WUDHU'	165
MENYAPU <i>KHUF</i>	187
BELAT DAN BARUT	191
MANDI	195
MANDI SUNAT	217
TAYAMMUM	229
SOLAT	239
AZAN DAN IQAMAH	261
SYARAT SAH SOLAT	273

RUKUN SOLAT	283
SUNAT-SUNAT DALAM SOLAT	303
MAKRUH DALAM SOLAT	329
PERBEZAAN CARA SOLAT PEREMPUAN DENGAN SOLAT LELAKI	335
PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT	339
SUJUD SAHWI	343
SUJUD TILAWAH	347
SOLAT BERJEMA'AH	351
SOLAT MUSAFIR	363
SOLAT KHAUF	373
SOLAT JUMAAT	381
SOLAT NAFAL	401
SOLAT DUA HARI RAYA	417
ZAKAT FITRAH	427
QURBAN	431

SOLAT TARAWIH	441
SOLAT GERHANA MATAHARI DAN GERHANA BULAN	445
SOLAT <i>ISTISQA'</i> (SOLAT MEMOHON HUJAN)	451
HUKUM-HUKUM BERKAITAN JENAZAH	457
MENGIRINGI JENAZAH	473

Sepatah Kata Pengarah INFAD

Lafaz *Alhamdulillah* saya *rafa*'kan kepada Yang Maha Esa atas segala kurniaan nikmat yang tidak terhitung. Antara nikmat tersebut menambahkan ilmu dan menghayatinya dalam kehidupan dunia ini untuk *mentahqiqkan* sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Saya amat gembira dengan kemunculan terjemahan kitab-kitab Arab ke dalam bahasa Melayu khususnya yang membabitkan agama seperti fiqh, hadith, tafsir dan lain-lain. Pada kali ini, saya diberi senaskah hadiah buku *al-Fiqh al-Manhaji* terjemahan rakan-rakan yang diketuai oleh Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri sebagai *Musyrif* dan Pengarah Lajnah.

Dari pengamatan saya, buku terjemahan ini sebagai edisi terkini telah dibuat beberapa pembaharuan antaranya:

- Dikecilkan jilid daripada tujuh kepada lima jilid sahaja dengan saiz yang berbeza.
- Adanya penambahan nota kaki dan diambil daripada keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan.
- Edisi terkini juga memuatkan kekurangan terjemahan dengan penambahbaikan yang lebih mantap.
- Buku ini, bertambah menarik apabila disertai dengan bahasa yang mudah, moden dan kaitannya dengan *fiqhu al-hayah* atau fiqh kehidupan.

Kerana itulah, saya berpendapat amat wajar buku ini dimiliki oleh setiap pelajar yang cintakan ilmu dan amat sesuai dimiliki oleh setiap *bait muslim* untuk panduan khususnya berkenaan fiqh yang terarah dalam Mazhab al-Syafie.

Semoga usaha ini dapat diteruskan lagi untuk merencanakan lagi perkembangan ilmiah dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan rantau nusantara amnya.

Sekian.

Prof. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Merangkap Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

1 April 2010

Seutas Kata Datuk Ketua Pengarah JAKIM

Seungguhnya kitab *al-Fiqh al-Manhaji* merupakan hasil karya dan buah tangan tokoh-tokoh ulama' Syria yang terkenal, iaitu Ashab al-Fadhilah Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha dan Dr. Ali al-Syarbaji. Buku ini amat masyhur di kalangan pengikut Mazhab al-Syafie, bahkan turut diajar di pusat-pusat pengajian tinggi dan juga di masjid-masjid.

Dalam konteks pentadbiran sesebuah negara, amat penting bagi kita menyeragamkan kefahaman fiqh dalam satu mazhab sahaja supaya segala urusan pentadbiran dapat dijalankan dengan licin dan yang lebih utama ialah untuk mengelakkan perselisihan yang selalunya menyumbang kepada perpecahan di kalangan umat Islam. Jika terdapat kemaslahatan yang memerlukan kepada pemakaian mazhab lain, JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri akan melaksanakan kajian dan penyelidikan dari semasa ke semasa, seterusnya mengeluarkan satu fatwa untuk digunapakai oleh umat Islam di Malaysia amnya.

Saya mengharapkan dengan terbitnya buku ini akan dapat dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di masjid, surau dan lain-lain. Ini kerana umat Islam perlu dibekalkan dengan ilmu yang mantap bagi mengatasi masalah kejahilan dan kekeliruan mengenai hukum Islam.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Lajnah Penyusunan dan *Tashih* kitab *al-Fiqh al-Manhaji* yang diketuai oleh Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri sebagai Pengarah dan *Musyrifnya*. Kitab ini merangkumi lima jilid termasuk muqaddimah. Diharapkan buku ini dapat menjadikan umat Islam di Malaysia lebih mantap kefahaman feqahnya, selaras dengan Mazhab al-Syafie.

Akhir kata, marilah sama-sama kita mentelaah kitab-kitab feqah yang muktabar, khususnya dalam Mazhab al-Syafie supaya amalan hidup kita selari dengan syiar Islam.

Sekian.

Datuk Hj. Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Seulas Kata Timbalan Mufti Negeri Terengganu

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: “*Sesiapa yang Allah mahukan kebaikan padanya, nescaya Allah memahamkannya dalam urusan agama.*”

Penulisan feqah di zaman kontemporari telah membanjiri pasaran tanah air sejak zaman berzaman. Namun demikian, kebanyakan penulisan hanya berkisar dalam satu atau dua jilid sahaja. Terdapat kelainan yang cuba dibawa oleh penulis dalam bukunya, *al-Fiqh al-Manhaji* kali ini sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti perbahasan yang dipaparkan.

Saya berkeyakinan penuh bahawa penulis melalui bukunya ini telah berjaya mencapai matlamat dan hasrat untuk menambah dan memperkayakan perbahasan hukum-hakam feqah untuk kegunaan dan panduan umat Islam di Malaysia, mahupun di Nusantara.

Adalah diharapkan, agar usaha murni dan penat jerih penulis ini dapat menawan dan menambat hati para pembaca, terutama di kalangan pencinta ilmu atau penuntut-penuntut di pelbagai institusi pengajian sama ada tradisional mahupun moden.

Penulisan ini juga dapat memperkayakan khazanah sumber feqah yang sedia ada, di samping menjadi perangsang ke arah suatu usaha yang murni bagi penghasilan penulisan-penulisan ilmiah yang lain. Semoga Allah memberkati dan membalas hasil usaha ini dengan sebaik-baik kurnia balasan.

Al-Faqir Ila Afwi Rabbih,

Ustaz Abdul Halim bin Awang @ Sulong
Timbalan Mufti Negeri Terengganu
Jabatan Mufti Negeri Terengganu
Kompleks Seri Iman
21100 Kuala Terengganu

Sepatah Kata Ketua Lajnah

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam dipanjatkan ke atas jujungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat Baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan bahan-bahan bacaan ilmiah di kalangan masyarakat masa kini, kami *merafa*'kan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, kami Lajnah Penyusunan dan *Tashih* dapat menyiapkan penyusunan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* untuk semakan edisi kemaskini dengan jayanya.

Antara cabaran yang terpaksa kami hadapi ketika menjalankan misi ini ialah kesulitan dalam menyusun data maklumat, ketidakseragaman kefahaman dengan teks asal, dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya buku terjemahan ini disusun berpandukan teks asal serta ditambah dengan sedikit maklumat tambahan dalam usaha mengemaskinkan penerbitan buku ini dengan lebih tersusun. Oleh yang demikian, besar harapan kami agar buku ini dapat memberi manfaat dan bimbingan kepada semua pembaca yang cintakan ilmu feqah.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat yang bertungkus-lumus dalam menjayakan buku ini. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan mendapat sebaik-baik balasan daripada Allah SWT. Besar harapan saya semoga kita sama-sama mendapat manfaat daripada usaha murni ini.

Selain itu, kami ingin memohon maaf jika sekiranya terdapat kesilapan dan kekurangan yang terdapat di dalam buku ini. Kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan komen yang membina bagi mempertingkatkan lagi kualiti penerbitan buku ini pada masa akan datang. Sekian, Wassalam.

Mohd Mutawalli Sya'rawi bin Mohamad
Ketua Lajnah Penyusunan dan *Tashih*

Kata Pengantar Pengarah dan *Musyrif Lajnah*

Lafaz *Alhamdulillah* kami *rafa*'kan kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan-Nya dan dengan izin-Nya dapatlah disiapkan *tashih* semula penterjemahan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* melalui Lajnah Penyusunan dan *Tashih*. Walaupun begitu, masih banyak ruang yang boleh diperbaiki dalam penterjemahan ini. Justeru, kami dengan berlapang dada mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ashab al-Fadhilah tuan-tuan guru dan para alim ulama' yang dapat melontarkan idea dan memperbaiki kelemahan penterjemahan ini.

Atas sifat peribadi, saya amat terkesan dengan buku ini kerana tiga sebab yang utama:

Pertama: *Ashab al-Fadhilah* Pengarang kitab ini, iaitu Dr. Mustafa al-Khin dan Dr. Mustafa al-Bugha adalah guru saya sendiri. Lebih-lebih lagi, Dr. Mustafa al-Khin adalah *musyrif* atau penyelia tesis Master saya ketika menuntut di Majma' al-Ilmi yang dikenali pada ketika itu sebagai Jami'ah al-Ulum al-Islamiah wa al-Arabiah, Damsyiq, Syria.

Kedua: Buku ini pernah *ditaklifkan* kepada saya untuk dibuat pengajaran di Negeri Sembilan bagi Pasukan Sukarelawan Dakwah yang bertempat di Pusat Dakwah sehingga selesai ketiga-tiga jilid.

Ketiga: Jabatan Mufti Negeri Sembilan merasa terpanggil untuk menterjemahkan semula kitab *al-Fiqh al-Manhaji* dengan membentuk barisan atau Lajnah Penterjemah. Antara yang terlibat termasuk Sahib al-Samahah Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Ahmad, al-Fadhil Tuan Haji Abdul Kudos bin Othman, al-Fadhil Tuan Haji Jamil bin Abdul Wahab dan saya sendiri. Begitu juga, ia dibantu oleh dua pakar bahasa, iaitu Cikgu Haji Shahwan bin Haji Mansor dan Cikgu Haji Ahmad Murad bin Ariffin. Justeru, buku ini amat hampir dan dekat dengan jiwa saya.

Atas alasan yang diberikan di atas, maka sudah pasti buku ini cukup menarik minat saya untuk mengkaji semula penterjemahan dan membuat sedikit penambahbaikan dengan dibantu oleh rakan-rakan dari Lajnah Penyusunan dan *Tashih* yang diketuai oleh Saudara Mohd Mutawalli Sya'rawi dan rakan-rakan yang lain.

Dalam *pentashihan* semula, kami terpaksa membandingkan terjemahan dengan teks yang asal. Di samping itu, kami juga mengemukakan nota kaki sebagai maklumat tambahan dan juga untuk menambahkan lagi koleksi fiqh yang tidak terbatas kepada Mazhab al-Syafie sahaja. Begitu juga, dikemukakan takrif atau definisi daripada sumber yang lain sebagai tambahan dan perbandingan definisi tersebut.

Dalam memahami fiqh, kami bergantung kepada banyak buku fiqh al-Syafie dan kadang-kadang merentasi mazhab yang lain. Di samping itu, kami juga merujuk kepada al-Mustalahat al-Fiqhiyyah al-Syafieyyah, bertujuan untuk memahami maksud fiqh dengan lebih tepat lagi.

Kami tidaklah sesekali mendakwa kerja ini sebagai terbaik kerana yang sempurna hanyalah kitab Allah SWT, seperti yang diungkapkan oleh ulama', termasuk Imam al-Syafie.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dengan meminjam kata-kata guru kami dalam doanya, saya tutup dengan kata-kata ini: “*Ya Allah! Tuluskanlah niat dan amalan kami, taufiqkanlah kami kepada sesuatu yang Engkau sukai dan redhai, manfaatilah umat Islam dengan amalan yang kami lakukan ini dan tunjukkanlah kami ke jalan yang betul.*”

Akhukum fillah,

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

14 Januari 2011

Bersamaan 10 Safar 1432 H

مقدمة الفقه المنهجي

MUQADDIMAH AL-FIQH AL-MANHAJI

Muqaddimah

الحمدُ لله ربِّ العالمين، القائلُ: يَرْفَعُ اللهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَهُوَ الْعَالِمُ الْعَلِيمُ، الَّذِي أَمَرَنَا بِالْعِلْمِ، وَأَرْشَدَنَا لِلدُّعَاءِ بِاسْتِمْرَارِ الْعِلْمِ وَزِيَادَتِهِ، فَقَالَ تَعَالَى: وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا. وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى رَسُولِ اللهِ، الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَالْقَائِلُ: "إِنَّمَا بُعِثْتُ مُعَلِّمًا"، وَقَالَ أَيْضًا: مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَدَعَا لِابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، فَقَالَ: "اللَّهُمَّ عَلِّمْنَا التَّأْوِيلَ وَفَقِّهْنَا فِي الدِّينِ". وَرَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، الَّذِينَ كَانُوا عُلَمَاءَ حُكَمَاءَ، كَادُوا مِنْ فِقْهِهِمْ أَنْ يَكُونُوا أَنْبِيَاءَ، وَرَحِمَ اللهُ الْعُلَمَاءَ الْعَامِلِينَ، وَالْأئِمَّةَ الْمُجْتَهِدِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقَ الْهُدَى وَالْحَقِّ الْمُسِينِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَعْدُ:

Dengan izin-Nya, dapatlah kami menyiapkan terjemahan kitab *al-Fiqh al-Manhaji 'ala al-Mazhab al-Imam al-Syafie* dengan jayanya.

Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam *al-Fiqh al-Islami* berkata: “*Fiqh Islam pernah menjadi kebanggaan dan mesti mendapat penghormatan di kalangan sistem undang-undang di dunia. Ianya merupakan sebaik-baik gambaran praktikal kepada orang Islam, iaitu berjaya memenuhi tuntutan manusia dalam semua aspek peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan perkataan, perbuatan dan tingkah laku. Ia mengatur peraturan kehidupan mereka. Melalui Fiqh Islam ini, tersebarlah keunggulan dan kebenaran hukum-hakam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW.*”

Dengannya, terlaksanalah tujuan suci dan matlamat utama agama yang mulia ini kerana apa jua prinsip yang dibawa oleh Islam sama ada aqidah yang benar, ibadah yang sempurna atau muamalat yang betul, lagi lurus. Pada hakikatnya, kesannya itu bertujuan untuk melaksanakan matlamat pendidikan Islam yang berfungsi memperbetulkan urusan perhubungan dan pekerti mulia masyarakat.

Fiqh dalam erti kata yang luas ialah mengenal diri dengan perkara-perkara yang patut dan wajar serta apa yang tidak patut dan tidak wajar. Fiqh dalam kata yang lebih khusus ialah termasuklah hukum-hukum syara' yang praktikal. Semua ini merupakan terjemahan yang lengkap dan tepat kepada syariat Islam dan metodologinya, iaitu al-Quran tentang kehidupan.”

Dalam terjemahan ini, kami banyak bergantung kepada terjemahan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang diketuai oleh Sahib al-Samahah Ybhg. Dato' Haji Mohd Yusof sendiri dengan pertolongan dan bantuan daripada sahabat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan. Ia juga turut disertai oleh pakar-pakar bahasa bagi mengemaskinkan lagi aspek bahasa dalam proses penterjemahan ini.

Walaupun begitu, sebagai amanah ilmiah dalam terjemahan, kami sentiasa membandingkan dengan teks asal dalam bahasa Arab. Begitu juga, kami merujuk dan mengambil terjemahan sedikit sebanyak daripada panitia *Dar al-Salam* untuk jilid, seperti bab *muamalat* dan bab-bab yang seterusnya. Dalam edisi kemaskini terbaru ini, saya menambahkan beberapa orang sahabat yang membantu untuk semakan dengan lebih telus. Begitu juga, ditambah *takhrij* hadith dan sedikit nota kaki sebagai pelengkap kepada edisi terdahulu. Antara tambahan ialah dengan mengemukakan Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan. Banyak kesilapan yang terdahulu telah diperbetulkan dengan pengamatan dan penelitian yang rapi.

Pada edisi terkini, kami telah menyusun semula pembahagian jilid hanya kepada lima jilid sahaja. Begitu juga, saiz buku dan hurufnya juga menggunakan saiz yang lebih besar untuk mudah penglihatan bagi generasi yang berusia dan kurang jelas penglihatan. Suka dinyatakan bahawa penterjemahan ini bukanlah yang paling lengkap, tetapi ianya lebih kepada *mafhum* makna serta maksud dan matlamat. Diharapkan semoga kefahaman tentang Islam dan perkara di sebaliknya tercapai dengan terjemahan ini.

Rangka Muqaddimah

Di dalam muqaddimah *al-Fiqh al-Manhaji* ini, penterjemah menyusun kitab ini dengan kata-kata aluan daripada tokoh dan Kata Pengantar oleh Pengarah dan *Musyrif* Lajnah Penyusunan dan *Tashih*. Kemudian, ia dirangka sebagaimana berikut:

Pertama: Sejarah Kitab *al-Fiqh al-Manhaji*.

Kedua: Keistimewaan Kitab ini.

Ketiga: Metodologi Terjemahan Kitab ini.

Keempat: Biografi Ringkas Pengarang Kitab ini:

- i. Syeikh Dr. Mustafa al-Khin.
- ii. Syeikh Dr. Mustafa al-Bugha.
- iii. Syeikh Dr. Ali al-Syarbaji.

Kelima: Biografi Imam Syafie serta fiqhnya.

Keenam: *Mabadi' al-'Ulum*.

Ketujuh: Beberapa istilah *Fiqh al-Syafie*.

Kelapan: Karya dan Fatwa dalam Mazhab al-Syafie.

Kesembilan: Sebab-sebab Muqaddimah *al-Fiqh al-Manhaji* dikemukakan.

Kesepuluh: Biografi Tokoh Hadith.

Kesebelas: Pendapat Tokoh dan Ulama' Berkenaan Kitab ini.

Semoga usaha ini mendapat keberkatan Ilahi dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam. *Insya Allah*.

Pertama:
Sejarah Kitab *al-Fiqh al-Manhaji*

Kitab ini dinamakan dengan *al-Fiqh al-Manhaji Ala al-Mazhab al-Imam al-Syafie* yang membawa maksud feqah, yang mempunyai sistem atau *manhaj* mengikut acuan Mazhab al-Syafie.

Kitab ini adalah sebuah kitab susunan baru dalam Mazhab al-Syafie. Antara sebab ia dikemukakan, seperti kata pengarang: *“Walaupun menyedari bahawa kami belum lagi setaraf dengan tokoh-tokoh fuqaha’ yang terdahulu, namun kami berasa berkewajipan melakukan tanggungjawab tersebut. Justeru, kami memohon pertolongan Allah SWT untuk menunaikan tanggungjawab ini dengan sedaya upaya kami.*

Biarlah mereka yang berkecualan melengkapkan yang kurang, memperbaiki yang tidak tepat dan memperbetulkan apa yang salah. Ini kerana walaupun telah mencurahkan segala daya usaha, kami tidaklah mencapai matlamat ke tahap yang sempurna.

*Di sini, kami mengemukakan hasil yang pertama daripada penulisan tersebut yang mengandungi tajuk bersuci dan solat yang wajib diketahui oleh setiap Muslim. Kami menamakan buku ini dengan **al-Fiqh al-Manhaji** berdasarkan kepada Mazhab Imam al-Syafie. Harapan kami kepada mereka yang inginkan yang terbaik agar menunjukkan kepada kami perkara yang terlepas daripada matlamat yang kami tuju, dan bukan menjatuhkan kami serta mencari salah semata-mata.”*

Saya pernah mengemukakan persoalan kepada pengarang kitab ini, iaitu Dr. Mustafa al-Khin berkenaan dengan sebab dan cara buku ini dikarang.

Berkenaan dengan sebab, beliau menjelaskan seperti berikut: *“Para ulama’ kita yang terdahulu telah mengarang banyak kitab tentang ilmu fiqh. Tidak syak lagi bahawa setiap pengarang yang mulia tersebut pasti telah melihat adanya ruang-ruang ilmu yang menuntut mereka membuat*

pengisian, dan adanya keperluan yang menuntut mereka melaksanakannya bersungguh-sungguh.

Ada di kalangan mereka mendapatinya perlu membuat huraian secara meluas, manakala yang lain pula mendapatinya sangat perlu kepada rumusan dan ringkasan sahaja.

Begitu juga, ada di kalangan mereka yang mengarangnya dalam bentuk puisi atau prosa. Seterusnya, ada yang mengkaji masalah-masalah yang penting serta bahagian-bahagian yang berkaitan dengannya.

Di samping itu, ada juga pengarang yang membataskan kajiannya kepada masalah-masalah yang penting sahaja tanpa mengemukakan bahagian-bahagian tersebut. Mereka mengarang kitab masing-masing dengan tujuan mengisi kekosongan yang perlu dipenuhi dan mengatasi kekurangan di dalam perpustakaan Islam. Semoga Allah SWT meredhai usaha yang mereka lakukan dan mencatatkannya sebagai sedekah jariah dan ilmu yang bermanfaat yang tidak habis-habis pahalanya sehingga hari Kiamat.

Oleh yang demikian, kami mendapati keperluan kepada sesuatu penulisan tentang fiqh yang membicarakan masalah-masalah yang penting berserta dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah, yang disertakan keterangan-keterangan tentang hikmah pensyariatannya yang terjangkau oleh pemikiran kami dalam bahasa yang mudah, di samping memperbanyakkan tajuk yang menjelaskan beberapa permasalahan lagi.”

Berkenaan dengan cara penulisannya pula, beliau berkata: “Kami membahagikan tajuk-tajuk dan mengikut metodologi yang disepakati. Kemudian, apabila masing-masing selesai menulis, kami akan berkumpul dan berbincang apa yang sepatutnya diselaraskan antara satu sama lain sehingga terhasilnya buku ini.”

Menariknya, buku ini menjadi kejutan kepada pencinta Mazhab al-Syafie kerana wujudnya pelbagai pembaharuan dan *tajdid* dalam penulisan Mazhab al-Syafie.

Kedua: Keistimewaan Kitab Ini

Berdasarkan pengamatan saya, didapati buku ini mempunyai pelbagai keistimewaan, antaranya:

Pertama: Penerangan yang ringkas, jelas dan padat dalam feqah al-Syafie.

Kedua: Kitab ini menggabungkan pernyataan fiqh dengan dalil-dalil *naqli* dan *aqli*.

Ketiga: *Manhaj* dan sistem buku ini dari segi metodologinya adalah sama pada setiap bab dan kitab.

Keempat: Hadith yang dikemukakan dinyatakan nombor hadith, bab bagi hadith tertentu dan turut disertakan *takhrijnya*.

Kelima: Pengarang juga menyebut sejarah pensyariatian tentang sesuatu perkara, seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain.

Keenam: Kadang-kadang, di dalam terjemahan kitab ini, penulis juga menyebut pendapat fuqaha', seperti Imam al-Nawawi¹, Imam al-Ghazali² dan

¹ Nama lengkap beliau ialah Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Murni bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam al-Dimasyqi. Beliau dilahirkan di Nawa, iaitu sebuah kampung di Hauran, lebih kurang 50 km dari selatan Damsyiq pada tahun 630H. Sejak kecil lagi, beliau rajin dan gemar menuntut ilmu, menghafaz al-Quran dan lain-lain. Kemudian, beliau berhijrah ke Damsyiq pada tahun 649H ketika berumur 19 tahun untuk mendalami ilmu-ilmu agama, kerana Damsyiq pada ketika itu adalah bandar ilmu dan bandar ulama'. Beliau mempelajari 12 mata pelajaran daripada tuan-tuan gurunya sehari semalam. Bahkan, beliau pernah 2 tahun tidak tidur berbaring, iaitu tidak tidur nyenyak kerana menuntut ilmu. Kemudian, beliau dibenarkan mengajar di Dar al-Hadith al-Asyrafiah selepas kewafatan Imam Abu Syamah pada tahun 665H. Pernah satu hari terjadi ketegangan di antara beliau dengan sultan yang memerintah, iaitu al-Malik al-Zahir Bebras (625-676H). Ketegangan ini berpunca kerana Imam al-Nawawi enggan memberi fatwa bersama-sama ulama' lain yang mengharuskan Sultan mengambil wang rakyat untuk menghadapi serangan Monggol (Tartar). Keengganan ini disebabkan beliau mengetahui dengan yakin keadaan Sultan memiliki harta yang banyak, di samping ratusan hamba perempuan yang semuanya berhiaskan emas yang mahal-mahal.

lain-lain. Ini menambahkan lagi khazanah ilmiah bertunjangkan fiqh al-Syafie.

Ketujuh: Buku ini dimuqaddimahkan dengan pengenalan fiqh atau disebut sebagai *Madkhal Am* yang mengandungi pengertian, kaitan antara fiqh dan aqidah, sifat fiqh, sumber-sumber fiqh dan juga pengertian istilah ilmu fiqh, seperti fardhu, wajib dan lain-lain.

Kelapan: Pengarang juga menyebut *wajah istidlal* atau fiqh hadith yang dapat diambil daripada nas-nas *naqli*.

Kesembilan: Kadang-kadang, pengarang menyebut sifat ibadah Rasulullah SAW yang merentasi mazhab, seperti cara Rasulullah berwudhu', ibadah haji Rasulullah SAW dan lain-lain.

Imam al-Nawawi berkata: “*Seandainya tuanku menjual semua hamba-hamba itu dan membelanjakan semua barang kemas yang ada pada mereka untuk keperluan perang, dan ternyata masih belum mencukupi, nescaya hamba bersedia mengeluarkan fatwa bagi membenarkan tuanku mengambil harta rakyat.*” Mendengar kata-kata ini, Sultan al-Zahir murka, lalu mengusir beliau daripada Damsyiq. Dengan berlapang dada, Imam al-Nawawi menerima hakikat ini. Setelah lebih kurang sebulan al-Imam berada di kampung, baginda sultan meninggal selepas baginda sempat memohon maaf kepada beliau. Kemudian, Imam al-Nawawi kembali semula ke Damsyiq untuk mengajar apabila dirayu oleh ramai para ulama'. Kemudian, Imam al-Nawawi pulang ke kampung sekembali daripada haji dan beliau wafat di sisi kedua orang tuanya dan keluarga pada malam Rabu 24 Rejab 676H pada usia yang masih muda, iaitu 46 tahun. Semoga Allah mencururkan rahmat-Nya ke atas rohnya serta roh kedua ibu bapanya.

² Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi, Abu Hamid, *Hujjah al-Islam*. Seorang ahli falsafah dan tasawwuf. Mengarang lebih daripada 200 karya ilmiah. Lahir pada tahun 450H di Tabiran, Khurasan dan meninggal dunia pada tahun 505H di Tabiran. Banyak merantau dalam mencari ilmu dan kerohanian. Antaranya Naisabur, Baghdad, Hijaz, Syam, Mesir dan kemudian kembali ke negerinya sendiri. Ibn Khallikan menggelarnya *Hujjah al-Islam* Zainuddin al-Tusi yang faqih. Beliau bermazhab Syafie dan tidak ada seorang pun ulama' Syafie pada zamannya yang boleh menandingi keilmuannya. Antara gurunya ialah Imam al-Haramain al-Juaini sehingga beliau dapat menggantikan gurunya. Kemudian, beliau memegang jawatan tuan guru di Madrasah Nizamiyah di Baghdad. Terkenal dengan sifat zuhud dan `alim.

Antara kitab karangannya ialah *Ihya' Ulum al-Din*, *al-Mustasfa*, *Minhaj al-'Abidin*, *al-Wajiz*, *al-Wasit*, *al-Basit*, *al-Khulasah* dan lain-lain.

Kesepuluh: Ada kalanya disebut hukum-hukum dan masalah *fihiyyah* di bawah satu-satu tajuk untuk menambahkan lagi kefahaman dan permasalahan fiqh, seperti dalam bab talaq, *`iddah* dan lain-lain.

Kesebelas: Susunan dan metodologi buku ini menyamai risalah atau tesis Master dan Ph.D. Ini tidaklah janggal kerana pengarang diasuh dengan sistem tersebut ketika menyiapkan tesis masing-masing. Tidak syak lagi, keserjanaan mereka terserlah berdasarkan metodologi yang mereka terokai.

Kedua belas: Pengarang mengemukakan contoh-contoh yang bersifat hidup dan semasa, sesuai dengan realiti masa kini bagi memantapkan kefahaman pembacanya.

Ketiga belas: Pengarang juga menyebut hikmah dan *asrar* berkenaan dengan hukum yang *ditaklifkan* oleh Allah SWT atau pensyariatan ibadat. Ini disebut secara khusus di bawah tajuk hikmah.

Berdasarkan apa yang dinyatakan di atas, sebenarnya banyak lagi keistimewaan yang terdapat dalam kitab ini. Antara lain kerana ketokohan pengarang itu sendiri yang begitu *ilmam* dalam penguasaan fiqh dan usul fiqh Mazhab al-Syafie dan ditambah dengan penguasaan ilmu alat yang lain.

Di samping itu, buku ini amat masyhur bukan sekadar di bumi Syam ataupun tanah Arab, tetapi ia melebar ke Nusantara dan yang menariknya ia turut diajar di peringkat masjid-masjid hingga ke menara gading.

Begitu juga, kita dapati ramai tokoh yang mengikut jejak langkah pengarang ini dalam menyusun fiqh al-Syafie, seperti guru kami Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya *al-Fiqh al-Syafie al-Muyassar* dan Dr. Muhammad al-Zuhaili melalui kitabnya *al-Mu'tamad*.

Semoga Allah merahmati pengarang atas usaha mereka dalam memberi kefahaman berkenaan dengan fiqh Islami melalui kitab *al-Fiqh al-Manhaji*. Amin.

Ketiga: Metodologi Terjemahan Kitab Ini

Berkenaan dengan metodologi terjemahan yang dilakukan ini adalah seperti berikut:

1. Terjemahan lebih kepada maksud dan makna bukan secara *harfiah*.
2. Terjemahan yang dirasakan perlu kepada penjelasan akan diletakkan nota kaki dibawahnya. Kandungan untuk nota kaki bertujuan:
 - Sebagai penjelasan.
 - Pengukuhan sokongan fakta dan fatwa.
 - Tambahan maklumat.
 - Tafsiran ayat.
 - Syarahan hadith atau maknanya dengan lebih jelas.
3. Tokoh ulama' yang disebut oleh pengarang diterjemahkan biografinya secara ringkas pada nota kaki kecuali para sahabat, kami tidak menterjemahkan kerana ianya akan menyebabkan kandungannya yang banyak dan tebalnya buku ini.
4. Tokoh-tokoh ulama' hadith akan diterjemahkan biodatanya dalam himpunan pada muqaddimah ini, seperti Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi dan lain-lain.
5. Juga dirujuk kitab-kitab fiqh mazhab dan perbandingan serta diletakkan nota kaki dalam isu-isu tertentu.

Keempat: Biografi Ringkas Pengarang Kitab Ini

Menjadi kelaziman dan adab menuntut ilmu, iaitu mengenali pengarang kitab yang hendak *ditalaqqi* dan dipelajari supaya keberkatan ilmu dapat diperolehinya. Di samping itu, mengenali tokoh ulama' sudah pasti menambahkan lagi minat kepada karyanya dan sifat ini mengikuti jejak langkah mereka, khususnya dalam penyebaran ilmu dan dakwah serta ketekunan mereka dalam menggali dan mengkaji lautan ilmu yang amat luas. Di sini, suka disertakan terjemahan biodata pengarang-pengarang kitab ini.

i. Syeikh Dr. Mustafa al-Khin

Nama sebenarnya ialah Mustafa bin Said bin Mahmud al-Khin al-Syafie al-Midani al-Dimasyqi. Dikatakan al-Khin antara keluarga yang berpengaruh dan besar pada zaman dahulu. Beliau dilahirkan pada tahun 1922M. Mula mempelajari ilmu daripada ramai tokoh ulama' pada masa itu dan antaranya yang paling terkenal ialah al-'Allamah Muhammad Hassan Habannakah yang dianggap sebagai *murabbi* dan banyak mempengaruhi kehidupan syeikh. Beliau mempelajari banyak ilmu daripada gurunya ini, khususnya di Masjid Manjak. Antaranya guru-gurunya yang lain ialah:

- i. Syeikh Ali bin Abdul Ghani al-Daqqar
- ii. Syeikh Muhammad Amin Suwaid
- iii. Syeikh Ibrahim bin Muhammad Khair al-Ghalayini

Beliau menghasilkan banyak kitab dan karya ilmiah yang menjadi rujukan sarjana Islam, antaranya:

- i. *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawaid al-Usuliyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*
- ii. *Abdullah bin Abbas, Habru al-Ummah wa Turjuman al-Quran*
- iii. *Dirasah Tarikhiyyah Li al-Fiqhi wa Usulihi*
- iv. *Al-Adillah al-Tasyri'yyah*
- v. *Abhas Hawla Usul al-Fiqh al-Islami*
- vi. *Nuzhatul Muttaqin*
- vii. *Al-Aqidah al-Islamiyyah* dan lain-lain

Syeikh Dr. Mustafa mengajar di banyak negara dan universiti, di samping itu menyelia banyak tesis Ph.D dan Master. Antara universiti yang pernah diajarnya ialah Universiti Dimasyq, Universiti Imam Muhammad bin Suud, Universiti Umm al-Darman, Universiti Ulum al-Islamiyyah dan lain-lain. Antara ulama' yang seangkatan dengannya ialah seperti Syeikh Sadiq Habannakah, Syeikh Abdul Rahman Habannakah, Syeikh Muhammad Said Ramadhan al-Buti dan lain-lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 2008.

ii. Syeikh Dr. Mustafa al-Bugha

Beliau ialah Mustafa al-Bugha, lahir di Damsyiq, Syria. Seorang ulama' yang terkenal dan begitu aktif dalam menyampaikan ilmu dan dakwah. Sejak dari kecil lagi, beliau mempelajari ilmu daripada tokoh yang terkenal di Syam. Antara guru-gurunya ialah:

- i. Al-'Allamah Muhammad Hassan Habannakah
- ii. Syeikh Sadiq Habannakah
- iii. Syeikh Muhammad Kurayyim Rajih
- iv. Syeikh Muhammad Khair al-Midani dan lain-lain

Beliau banyak mengarang dan mentahqiqkan pelbagai kitab, antaranya:

- i. *Al-Wafi*
- ii. *Al-Itqan (Tahqiq)*
- iii. *Sahih al-Bukhari (Tahqiq)*
- iv. *Al-Fiqh al-Manhaji* dan lain-lain

Syeikh juga merupakan tenaga pengajar di universiti, seperti Jamiah Dimasyq, Jamiah Syariqah dan lain-lain. Beliau juga merupakan seorang khatib yang cukup berwibawa dan disegani. Beliau pernah menjadi khatib di Masjid al-Hasan Zainal Abidin dan lain-lain. Kini, beliau masih lagi aktif dengan pengajaran dan penulisan walaupun usianya telah mencecah 70 tahun.

iii. Syeikh Dr. Ali al-Syarbaji

Beliau ialah Dr. Ali al-Syarbaji, salah seorang daripada ulama' yang masyhur di Kota Syam. Beliau amat bernasib baik kerana dibimbing oleh ramai tokoh-tokoh dan ulama' yang terkenal. Antaranya:

- i. Al-'Allamah Muhammad Hassan Habannakah
- ii. Syeikh Sadiq Habannakah
- iii. Syeikh Muhammad Kurayyim Rajih
- iv. Syeikh Muhammad Khair
- v. Syeikh Hussin Khattab
- vi. Syeikh Mustafa al-Khin
- vii. Syeikh Said Ramadhan al-Buti

Beliau juga menghasilkan banyak kitab dan karya sama ada bersama gurunya atau dengan sendiri. Antara karyanya ialah:

- i. *Tafsir al-Basyair*
- ii. *Al-Fiqh al-Manhaji* dan lain-lain

Ramai ulama' dan guru-gurunya memuji beliau kerana kesungguhan dalam menuntut ilmu, di samping berkarya dan mengajar ilmu. Menjawat jawatan sebagai pensyarah di Universiti Dimasyq, Universiti Ulum al-Islamiyyah dan lain-lain. Sekarang ini, beliau masih lagi bergiat aktif dalam pengajaran dan penulisan karya ilmiah.

Kelima:
Biografi Imam al-Syafie Serta Fiqhnya

Imam al-Syafie adalah imam yang ketiga mengikut susunan tarikh kelahiran. Beliau adalah penyokong kepada ilmu hadith dan pembaharu agama (*mujaddid*) bagi abad yang kedua Hijrah.

Imam Ahmad bin Hanbal pernah berkata: Diceritakan dari Nabi SAW bahawa Allah SWT menghantar kepada umat ini seorang pembaharu agama. Umar bin Abdul Aziz dihantar untuk seratus tahun yang pertama dan aku berharap Imam al-Syafie untuk seratus tahun yang kedua.

Masa hidup Imam al-Syafie ialah semasa pemerintahan Abbasiyyah. Di waktu ini adalah suatu permulaan bagi perkembangan ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, penterjemahan kitab-kitab, ilmu falsafah mulai meluas, dipindahkan serta disusun dan berbagai-bagai fahaman telah timbul dalam masyarakat Islam. Pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan masyarakat telah berlaku dan bermacam pula aliran fikiran yang berkembang.

Percubaan untuk membuat kacau dan kejahatan di kalangan umat telah berlaku daripada golongan *al-Mutakallimin* serta pengacau yang telah keluar dari agama. Perbezaan antara puak atau *Ahlu al-Hadith* dan *Ahlu al-Naqli* dengan puak *Ahlu al-Ra'yi* mula diketahui ramai. Perbincangan dan perdebatan antara kedua-duanya semakin meluas, tetapi Imam al-Syafie lebih rapat kepada puak yang pertama.

Kerajaan Islam mulai berkembang dan ibu-ibu kota yang besar membangun, yang terkenal sebagai gedung ilmu pengetahuan, seperti Kota Baghdad, Kufah, Basrah, Damsyiq, Fustat, Qurtubah, Qairawan dan lain-lain lagi.

Kelahiran dan Keturunan Imam al-Syafie

Imam al-Syafie dilahirkan di Bandar Ghazzah, Palestin pada tahun 105H dan tarikh inilah yang termasyur di kalangan ahli sejarah. Ada pula yang mengatakan beliau dilahirkan di Asqalan, iaitu sebuah wilayah yang jauhnya dari Ghazzah lebih kurang tiga batu dari Baitu al-Maqdis. Pendapat yang lain mengatakan, beliau dilahirkan di negeri Yaman.

Yakut al-Hamawi menceritakan bahawa Imam al-Syafie pernah menceritakan: *“Aku dilahirkan di negeri Yaman, ibuku bimbang aku akan terbiar, lalu dibawanya aku bersama-sama ke Makkah ketika umurku lebih kurang sepuluh tahun.”*

Untuk menyatukan antara pendapat-pendapat tersebut, ada pendapat mengatakan beliau dilahirkan di Ghazzah dan membesar di Asqalan. Penduduk Asqalan kesemuanya dari kabilah orang Yaman. Oleh sebab itulah mereka mengatakan, beliau dilahirkan di Yaman. Yakut telah menceritakan ketiga-tiga riwayat dan kemudian berkata: *“Tidak syak lagi bahawa Imam al-Syafie dilahirkan di Ghazzah, kemudian beliau berpindah ke Asqalan dan tinggal di sana sehingga remaja.”*

Imam al-Nawawi berkata: Pendapat yang termasyhur ialah beliau dilahirkan di Ghazzah. Imam al-Syafie dilahirkan pada malam Imam Abu Hanifah³ meninggal dunia.

Jika pendapat ini sekalipun benar, ia adalah menyimpang dari hakikatnya kerana perkara tersebut terjadi secara kebetulan sahaja. Seorang imam meninggal dunia, manakala di masa itu juga lahir seorang imam yang lain.

³ Abu Hanifah dilahirkan pada tahun 80H bersamaan 660M. Sesetengah pendapat ahli sejarah mengatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 61H. Pendapat ini tidak kuat, tetapi yang sebenarnya ialah pada tahun 80H, sebagaimana pendapat yang pertama. Imam Abu Hanifah terkenal sebagai seorang yang alim di dalam ilmu fiqh di negara Iraq dan juga sebagai ketua golongan ahli fikir (*Ahlu-Ra'yi*). Beliau mendapat pujian daripada pembesar. Seorang utusan yang dihantar oleh Abdullah bin al-Mubaraq (seorang pembesar pada masa itu) berkata: *“Imam Abu Hanifah adalah akal ilmu pengetahuan, manakala perutusan yang lain pula berkata beliau sebagai pakar di dalam ilmu fiqh.”*

Keturunan Imam al-Syafie: Abu Abdullah bin Idris bin al-Abbas, Uthman bin Syafie bin al-Saib bin Ubaid bin Abdu Yazid bin Hasyim bin al-Muttalib bin Abdu Manaf. Beliau adalah dari keturunan suku (bani) Hasyim dan Abdul Muttalib. Keturunannya bertemu dengan keturunan Rasulullah SAW, iaitu datuknya, Abdul Manaf. Lantaran itu juga digelar kepada Imam al-Syafie “Anak bapa saudara Rasul.”

Yakut berpendapat: Hasyim yang disebut di dalam salasilah keturunan Imam al-Syafie itu bukanlah Hasyim, datuk kepada Rasulullah SAW. Hasyim, datuk kepada Nabi SAW ialah Hasyim bin Abdul Manaf dan anak kepada Qusai.

Dengan adanya pertalian tersebut, Imam al-Syafie menganggap dirinya hampir kepada Rasullullah SAW, bahkan beliau dari keturunan “*Zawi al-Qurba*” yang berjuang bersama Rasulullah SAW di zaman Jahiliyah dan Islam. Mereka bersama Rasulullah SAW juga semasa orang Quraisy memulaukan Rasulullah SAW. Mereka juga turut menanggung penderitaan bersama-sama Rasullullah SAW.

Keluarga Imam al-Syafie berasal dari keluarga Palestin yang miskin, yang diusir dari negerinya. Mereka hidup dalam perkampungan orang Yaman, tetapi kemuliaan keturunan beliau adalah menjadi tebusan kepada kemiskinan.

Bapa Imam al-Syafie meninggal dunia semasa beliau masih kecil lagi. Ibu beliau membawanya ke Makkah ketika umurnya dua tahun. Ada pendapat yang mengatakan, umurnya pada waktu itu ialah 10 tahun. Imam al-Syafie menjadi yatim selepas bapanya meninggal dunia.

Ibu Imam al-Syafie adalah dari keturunan al-Azd. Nama ibunya ialah Fatimah binti Abdullah al-Azdiyyah. Ada pendapat yang mengatakan, beliau dari Quraisy adalah tidak benar.

Semasa muda, Imam al-Syafie hidup di dalam kemiskinan sehingga beliau terpaksa mengumpul batu-batu yang baik, tulang, pelepah tamar dan tulang unta untuk ditulis di atasnya. Kadangkala, beliau pergi ke tempat-

tempat perhimpunan orang ramai meminta kertas untuk menulis pelajarannya.

Imam al-Syafie Menuntut Ilmu

Imam al-Syafie dapat menghafaz al-Quran dengan mudah, iaitu semasa beliau kecil lagi termasuk juga menghafaz hadith-hadith dan menulisnya. Beliau sangat tekun mempelajari kaedah-kaedah dan nahu bahasa Arab. Untuk tujuan itu, beliau pernah mengembara ke kampung dan tinggal bersama puak (kabilah) “*Huzail*” lebih kurang sepuluh tahun kerana hendak mempelajari bahasa mereka dan juga adat resam mereka.

Kabilah Huzail adalah satu kabilah yang terkenal sebagai puak yang baik bahasa Arabnya. Imam al-Syafie banyak menghafal syair-syair dan qasidah dari puak Huzail.

Sebagai bukti, al-Asmai’e pernah berkata: “*Beliau pernah membetulkan syair-syair Huzail dengan seorang pemuda dari keturunan bangsa Quraisy bernama Muhammad bin Idris (Imam al-Syafie).*”

Selain daripada mempelajari ilmu pengetahuan, beliau berpeluang untuk mempelajari memanah sehinggakan beliau dapat memanah sepuluh sasaran dengan tepat tanpa melakukan kesilapan.

Beliau pernah berkata: Cita-citaku adalah dua perkara: “*Panah dan ilmu dan aku berjaya mengenakan sepuluh daripada sepuluh.*” Mendengar percakapannya itu, orang yang ada bersamanya berkata: “*Demi Allah bahawa ilmu kamu lebih baik daripada memanah.*”

Seperti yang kita ketahui bahawa Imam al-Syafie Rahimahullah pada usia mudanya, banyak mempelajari syair dan sastera, tetapi Allah SWT menyediakan baginya beberapa sebab yang mendorong beliau mempelajari ilmu feqah dan ilmu-ilmu yang lain.

Kita dapati beberapa riwayat yang menerangkan sebab tersebut, di antaranya: Pada suatu masa, Imam al-Syafie berjalan-jalan dengan menunggang seekor binatang. Bersama-sama beliau adalah seorang jurutulis

kepada Abdullah bin al-Zubairi dan tiba-tiba Imam al-Syafie membaca satu rangkap syair.

Jurutulis itu menepuk belakang beliau untuk memberi nasihat kepadanya: *“Orang yang semacam kamu tidak sesuai membaca syair yang sedemikian kerana ia menjatuhkan maruah dan orang itu bertanya: Di manakah kamu dengan ilmu feqah?”* Pertanyaan ini sangat berkesan hingga memberi kesedaran kepada Imam al-Syafie.

Oleh itu, beliau terus mengikuti Muslim bin Khalid al-Zinji, mufti Makkah untuk belajar ilmu feqah daripadanya. Daripada riwayat yang lain pula, Imam al-Syafie menemui Muslim semasa dalam perjalanan untuk mempelajari ilmu nahu bahasa Arab dan sastera.

Muslim berkata kepadanya: *“Daripada manakah kamu?”* Imam al-Syafie menjawab: *“Aku daripada penduduk Makkah.”*

Muslim bertanya lagi: *“Dari manakah kabilah kamu?”*

Imam al-Syafie menjawab: *“Daripada kabilah Abdul Manaf.”*

Muslim berkata: *“Baik, baik, dan sebenarnya Allah telah memuliakan kamu di dunia mahupun di akhirat. Alangkah baik jika kamu gunakan kecerdikan kamu ini untuk mempelajari ilmu feqah dan inilah yang lebih baik untuk kamu.”*

Di dalam riwayat yang lain pula: Pada suatu masa, Imam al-Syafie sedang mendalami ilmu syair dan pada masa itu beliau menaiki sebuah busut di suatu tempat di Mina. Tiba-tiba beliau terdengar suara dari belakangnya menyeru: *“Pelajarilah ilmu feqah.”* Lantaran itulah, beliau mempelajari ilmu feqah. Kebanyakan tanggapan mengatakan bahawa riwayat-riwayat di atas adalah semata-mata khayalan sahaja, bukan benar-benar berlaku.

Riwayat yang lain pula: Pada suatu hari, Mus’ab bertemu dengan Imam al-Syafie yang sedang bergiat mempelajari syair nahu bahasa Arab. Mus’ab bertanya: *“Untuk apakah ini? Jika kamu mempelajari feqah dan hadith, tentulah lebih sesuai bagi kamu.”*

Pada suatu masa yang lain pula Mus'ab dan al-Syafie datang menemui Malik bin Anas Rahimahullah. Mus'ab meminta Imam Malik mengajar Imam al-Syafie. Oleh itu, Imam al-Syafie dapat mempelajari ilmu yang banyak dari Imam Malik dan beliau tidak meninggalkan sedikit ilmu pun yang didapati dari syeikh-syeikhnya di Madinah.

Imam al-Syafie mengembara ke negeri Iraq untuk mempelajari dengan Muhammad al-Hassan. Selepas beberapa tahun kemudian, Mus'ab dan Imam al-Syafie datang ke Makkah. Mus'ab menceritakan perihal Imam al-Syafie kepada Ibn Daud RA, lalu dihiahkannya sebanyak sepuluh ribu dirham.

Inilah antara empat riwayat atau kisah yang menceritakan tentang sebab-sebab yang mengubah tumpuan Imam al-Syafie dari mempelajari bahasa dan sastera kepada mempelajari ilmu feqah dan sejarah. Tidak mustahil kesemua riwayat itu harus berlaku walaupun pada lahirnya satu daripadanya sahaja yang berlaku.

Walau bagaimanapun, kesemua riwayat tersebut menerangkan asal usul kita. Suatu perkara yang boleh diterima ialah bahawa Allah SWT menyediakan bagi Imam al-Syafie orang-orang yang menerangkan tentang nilai ilmu feqah dan kelebihan dari ilmu bahasa dan sastera.

Pendapat yang sebenarnya ialah Imam al-Syafie menuntut ilmu di Makkah sehingga beliau menjadi seorang yang bijak. Walaupun beliau mendapat kebenaran untuk memberi fatwa dan hukum-hukum dari gurunya, Muslim bin Khalid al-Zinji Rahimahullah, beliau masih tidak berpuas hati, bahkan beliau tetap menyambung mempelajari ilmu-ilmu, kemudian berpindah ke Madinah. Di Madinah, beliau telah belajar dengan Imam Malik, iaitu setelah beliau bersedia untuk berjumpa dengannya untuk mempelajari kitab *al-Muwatta'*.

Imam al-Syafie dapat menghafaz hampir keseluruhannya. Sebagaimana yang diketahui, beliau mengambil surat akuan dari Gabenor Makkah untuk menemui Imam Malik. Apabila Imam Malik menemui Imam al-Syafie, beliau berkata: *“Allah telah memasukkan cahaya (nur) ke dalam hatimu, maka janganlah engkau memadamkannya dengan membuat maksiat.”*

Setelah Imam al-Syafie belajar dengan Imam Malik, Imam Malik meminta beliau supaya belajar dengan lebih giat lagi. Imam al-Syafie terus mempelajari ilmu hadith dan feqah dari Imam Malik sehinggalah Imam Malik meninggal dunia, iaitu pada tahun 170H. Imam al-Syafie pernah menziarahi ibunya di Makkah dan beliau pernah juga mengembara ke mana-mana semasa beliau dalam menuntut ilmu dengan Imam Malik.

Imam al-Syafie Bekerja

Pada zaman remajanya, Imam al-Syafie merasakan bahawa beliau telah mendapat ilmu yang mencukupi hinggalah beliau bercita-cita bekerja untuk mencari nafkah hidup kerana beliau seorang yang miskin.

Cita-cita ini timbul setelah Imam Malik meninggal dunia. Secara kebetulan, seorang gabenor Yaman datang melawat Hijaz. Beberapa orang Quraisy mencadangkan kepada gabenor itu supaya mengambil Imam al-Syafie bekerja di negeri Yaman. Permintaan tersebut telah diterima dan Imam al-Syafie menyewa sebuah bilik untuk menyiapkan dirinya. Kemudian, beliau memegang jawatan “*Najran*”. Keadilan dan kejujuran Imam al-Syafie diketahui ramai. Ramailah penduduk Najran cuba mengusir kedudukan beliau, tetapi tidak berjaya.

Imam al-Syafie berkata: *“Apabila gabenor datang kepada mereka, mereka pun bermuka-muka kepada aku, tetapi mereka tidak berjaya.”*

Pengembaraan beliau dari suatu tempat ke suatu tempat atau suatu negeri ke suatu negeri, juga menolong beliau mempertingkatkan dan mendalami ilmu yang dipelajari. Beliau pernah mengembara ke negeri Yaman, bandar Kufah, Basrah, Baghdad, Makkah dan Mesir. Antara sebab yang lain pula ialah melalui perbincangan dan pertukaran fikiran dengan ulama’-ulama’, seperti ulama’ *mutakallimin*, falsafah, feqah, hadith dan lain-lain, termasuk juga kajian atau pemerhatian individu.

Itulah antara faktor yang membentuk ilmu pengetahuan Imam al-Syafie yang tinggi dan ianya adalah suatu perkara yang penting. Beliau berkata: *“Sesiapa yang mempelajari al-Quran, maka tinggilah ilmunya. Sesiapa yang menulis hadith, kuat dan kukuhlah hujahnya. Sesiapa yang berbincang*

tentang hukum-hukum feqah, maka ia menjadi bijak. Sesiapa yang mengambil berat tentang adab dan budi pekerti, maka budi bahasanya menjadi lembut dan halus. Sesiapa yang memikirkan tentang ilmu kira-kira (hisab), akalunya akan berkembang dan sesiapa yang tidak menjaga kehormatan dirinya, ilmunya tidak akan memberi suatu faedah.”

Guru-guru (Syeikh-syeikh) Imam al-Syafie

Guru-guru Imam al-Syafie yang pertama ialah Muslim bin Khalid al-Zinji Rahimahullah dan lain-lainnya adalah imam-imam Makkah. Manakala ketika umur beliau tiga belas tahun, beliau mengembara ke Madinah. Di Madinah, beliau belajar dengan Imam Malik sehinggalah Imam Malik meninggal dunia. Ramai lagi guru-gurunya yang lain sama ada dari kampung-kampung atau bandar-bandar yang besar, yang diziarahinya. Antara guru-gurunya di Makkah ialah:

- i. Muslim bin Khalid al-Zinji
- ii. Sufyan bin Uyainah bin Abi Imran Maimun al-Hilali al-Kufi
- iii. Said bin Abi Salim al-Qudah
- iv. Daud bin Abdul Rahman al-Athar
- v. Abdul Hamid bin Abdul Aziz bin Abi Daud
- vi. Imam Abu Ali Ismail bin al-Qastatin al-Makki

Sementara di Madinah ialah:

- i. Malik bin Anas Imam Dar al-Hijrah
- ii. Ibrahim bin Sa'd al-Ansari
- iii. Abdul Aziz bin Muhammad al-Dawardi
- iv. Ibrahim bin Abi Yahya al-Usami
- v. Muhammad Said bin Abi Fudaik
- vi. Abdullah bin Nafi' al-Sa'igh

Di Yaman pula ialah:

- i. Matraf bin Mazin
- ii. Hisyam bin Abu Yusuf, kadi bagi bandar San'a
- iii. Umar bin Abi Maslamah, rakan kepada al-Auza'ie
- iv. Yahya bin Husin, rakan kepada al-Laith bin Sa'd

Dan di Iraq pula ialah:

- i. Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani
- ii. Waki' bin al-Jarrah al-Kufi
- iii. Abu Usamah Hamad bin Usamah al-Kufi
- iv. Ismail bin Atiyyah al-Basri
- v. Abdul Wahab bin Abdul Majid al-Basri
- vi. Abu Yusuf, Qadhi al-Qudhah (Ketua Hakim Negara)

Di Mesir pula ialah seorang perempuan yang bernama Sayyidah Nafisah binti Hasan bin Zaid bin al-Hasan bin Ali. Beliau ialah sealim-alim ulama' di Mesir hingga mengalahkan kaum lelaki. Imam al-Syafie amat mengkagumi gurunya yang bernama Sayyidah Nafisah R.Anha, lebih-lebih lagi beliau amat alim dan juga adalah keturunan anak cucu Rasulullah SAW. Beliau belajar dengan guru wanitanya ini dari belakang tabir, bukan secara mendepani muka.

Guru-gurunya yang berlainan memudahkan beliau meluaskan bidang ilmu feqah dan menambahkan ilmu yang dipelajari serta meninggikan ilmu pengetahuannya.

Di Baghdad pula, beliau mempelajari ilmu hadith dan ilmu akal dari gurunya, Muhammad bin al-Hasan Rahimahullah. Beliau menulis ilmu-ilmu yang diterima pada keseluruhannya. Beliau sangat menghormati gurunya dan begitu juga gurunya menghormati beliau.

Imam al-Syafie menghormati majlis-majlis gurunya lebih dari Majlis-majlis Diraja. Beliau tidak pernah meninggalkan majlis-majlis yang diadakan oleh gurunya.

Oleh kerana menghormati gurunya, beliau tidak pernah berbincang dengan gurunya kecuali setelah beliau mendapat kebenaran daripada gurunya. Apabila gurunya meninggalkan majlis, beliau terus mempertahankan kedudukan ilmu feqah orang-orang Madinah.

Mengikuti kisah yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya, *Ihya' Ulum al-Din* bahawa Imam al-Syafie pernah duduk di hadapan seorang ulama' tasawwuf, Syaiban Pengembala kerana beliau mempelajari ilmu kebatinan atau ilmu hati. Dengan lebih tepat lagi, berkaitan persoalan tasawwuf. Walaupun begitu, masih tidak jelas, adakah ia Thauban bin Ibrahim, seorang ahli tasawwuf dan seorang Wali Allah di Mesir yang digelar dengan *Zu al-Nun al-Misri*.⁴

Kitab-kitab Imam al-Syafie

Imam al-Syafie banyak menyusun dan mengarang kitab-kitab. Mengikuti sebahagian ahli sejarah bahawa beliau menyusun 13 buah kitab di dalam beberapa bidang ilmu pengetahuan, seperti ilmu feqah, tafsir, usul dan sastera (*al-Adab*) serta yang lain-lain.

Antara kitab Imam al-Syafie yang lain adalah "*al-Risalah*" yang membicarakan tentang ilmu usul feqah. Beliau menyusun kitab *al-Risalah* sebagai menerima permintaan Abdul Rahman bin al-Mahdi Rahimahullah kerana beliau adalah imam bagi ahli hadith pada masa itu. Manusia dapat menerima dengan baik kitab ini dan berbagai-bagai pendapat manusia tentang kitab ini.

Abdul Rahman bin al-Mahdi Said al-Khattab Rahimahullah memandang tinggi terhadap kitab *al-Risalah* ini, seterusnya mereka yang ada pada masa itu serta yang selepasnya.

⁴ Abu al-Faidh, Zu al-Nun, Thauban bin Ibrahim al-Misri. Seorang yang cukup hebat pada zamannya sama ada dari segi ilmu, wara', *hal (ahwal)* dan juga adab. Beliau pernah menasihatkan Sultan al-Mutawakkil sehingga menangis. Zu al-Nun al-Misri terkenal dengan tubuh yang kurus dan kemerah-merahan. Beliau meninggal dunia pada tahun 245H. Antara kata hikmahnya ialah:

- i. Kalam itu berpaksi pada empat perkara: Kasihkan Tuhan yang *Jalil*, bencikan sedikit, ikut al-Quran dan takut perubahan iman.
- ii. Antara tanda kasih kepada Allah SWT ialah mengikuti Nabi SAW pada semua perkara.
- iii. Hikmah tidak mendiami perut yang kenyang.

Al-Muzani berkata: “*Aku membaca **al-Risalah** sebanyak lima ratus kali. Setiap kali aku membacanya aku dapati hukum-hukum yang baru.*”

Beliau berkata lagi: “*Aku membaca kitab **al-Risalah** sejak lima puluh tahun dahulu dan setiap kali aku membacanya, aku mendapat satu perkara yang baru.*”

Kitab karangan Imam al-Syafie yang lain ialah kitab **al-Umm**. **Al-Umm** adalah sebuah kitab yang luas dan tinggi bagi ilmu feqah. Seseengah ahli sejarah menafikan kitab **al-Umm**, dikarang oleh Imam al-Syafie. Mereka berpendapat, kitab **al-Umm** dikarang oleh Abi Ya’akub bin al-Buwaiti Rahimahullah. Sebagai buktinya, Abi Talib al-Makki pernah menyebut di dalam kitabnya, **Qut al-Qulub**. Ada yang mengatakan kitab **al-Umm** adalah daripada al-Buwaiti. Beliau menyusun kitab **al-Umm** yang dikatakan pada masa sekarang daripada al-Rabi’ bin Sulaiman.

Sebenarnya, ia adalah himpunan daripada al-Buwaiti, tetapi beliau tidak menyebut namanya di dalam kitab dan diserahkan kitab itu kepada al-Rabi’. Al-Rabi’ menambah dan menyebarkannya kepada orang ramai untuk mengetahuinya.

Semasa di Iraq, Imam al-Syafie menyusun kitabnya yang lama, yang diberi nama **al-Hujjah**. Kitab ini telah disahkan oleh empat orang dari ulama’ yang besar, iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn al-Thaur, al-Za’faran dan al-Karabisi.

Antara kitabnya yang lain ialah:

- i. **Al-Wasaya al-Kabirah**
- ii. **Ikhtilaf Ahli al-Iraq**
- iii. **Wassiyatu al-Syafie**
- iv. **Jami’ al-Ilm**
- v. **Ibtal al-Istihsan**
- vi. **Jami’ al-Mizan al-Kabir**
- vii. **Jami’ al-Mizan al-Saghir**
- viii. **Al-Amali**
- ix. **Mukhtasar al-Rabi**

- x. *Mukhtasar al-Buwaiti*
- xi. *Al-Imla'*
- xii. *Ikhtilaf al-Hadith*
- xiii. *Al-Musnad*
- xiv. *Mukhtasar al-Kabir*
- xv. Dan lain-lain lagi

Imam al-Syafie menyusun sebahagian dari kitab-kitabnya dan juga beliau menulisnya sendiri.

Sifat dan Keperibadian Imam al-Syafie

Imam al-Syafie seorang yang tampan rupa parasnya. Badannya tinggi serta lehernya jinjang. Warna kulitnya kemerah-merahan. Suaranya merdu dan baik sebutannya. Orang ramai kerap kali menangis apabila mendengar bacaan al-Qurannya. Beliau memakai sebetuk cincin yang tertulis padanya "*Cukuplah Allah sebagai thiqah (kepercayaan) bagi Muhammad bin Idris.*" Beliau seorang yang tajam pemikiran, tinggi kefahaman serta luas pandangan.

Bisyar al-Muraisyi pernah berkata: "*Lelaki ini akalinya menyamai separuh akal ahli dunia. Beliau seorang yang hebat dalam perbahasan. Fasih lidahnya, jelas penerangannya serta kuat imannya.*" Ishaq bin Rahuyah pernah berkata: "*Beliau adalah ahli pidato kepada ulama' dan banyak mengetahui rahsia jiwa.*"

Antara akhlakunya ialah beliau menjaga maruah sehingga Yahya bin Ma'in pernah berkata: "*Jika dusta itu harus, nescaya tentulah Imam al-Syafie menahan dari berdusta kerana menjaga maruah.*"

Mutiara Kata Imam al-Syafie

Imam al-Syafie adalah seorang yang alim dalam bidang ilmu feqah. Beliau juga terkenal di dalam ilmu sastera bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang lain. Beliau juga seorang yang bijak. Nasihat-nasihat beliau mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai. Antara kata-kata dan nasihat Imam al-Syafie adalah:

1. Belajarlah ilmu feqah sebelum kamu menjadi ketua dan apabila kamu menjadi ketua, maka tidak ada jalan lagi untuk belajar.
2. Menuntut ilmu adalah lebih baik daripada solat sunat.
3. Keredhaan manusia adalah suatu tuntutan yang tidak terhingga baiknya. Aku berkata sedemikian adalah semata-mata untuk memberi nasihat, bukanlah terselamat manusia daripada suatu jalan. Maka, hendaklah engkau melakukan apa yang berguna pada diri engkau. Jalankanlah perkara itu terlebih dahulu dan tinggalkanlah manusia dengan keadaannya.
4. Sesiapa yang benar dalam persaudaraan dengan sahabatnya, akan ditutupi kekurangan dan diampun kehinaannya.
5. Sesiapa yang hendak kepada dunia, maka hendaklah ia mencari ilmu dan sesiapa berkehendak kepada akhirat, juga hendaklah ia mencari ilmu.
6. Seseorang itu tidak akan berjaya di dalam menuntut ilmu melainkan ia menuntut semasa dalam kemiskinan. Sesungguhnya aku pernah meminta kertas, tetapi aku sukar untuk mendapatkannya.
7. Sesiapa yang menuntut ilmu, hendaklah ia mendalaminya. Tanpa keikhlasan, ilmu itu akan hilang.
8. Perhiasan ulama' ialah petunjuk. Manakala pakaian pula, baik akhlaknya. Sementara kecantikan mereka ialah berjiwa mulia.
9. Kemiskinan ulama' ialah kemiskinan ikhtiar, manakala kemiskinan orang jahil ialah kemiskinan kesusahan.
10. Sesiapa yang mulia tanpa ketaqwaan, maka ia bukanlah orang yang mulia.
11. Sesiapa yang tamak haloba kepada dunia ini, dia akan menjadi hamba kepada ahli dunia.

12. Politik memimpin manusia lebih sukar dari politik untuk memimpin binatang.
13. Jika aku mendapati minuman yang sejuk dapat mengurangkan maruah, sudah tentu aku tidak akan meminumnya.
14. Orang yang menjaga maruah sentiasa di dalam perjuangan.
15. Sesiapa berbuat baik kepada engkau, maknanya ia percayakan engkau dan sesiapa yang menjauhi engkau, maka ia akan melepaskan engkau.
16. Manusia yang paling tinggi darjatnya ialah mereka yang tidak melihat darjatnya. Begitu juga semulia-mulia manusia ialah yang tidak melihat kemuliaannya.
17. Pertolongan adalah penyucian keaiban.
18. Persahabatan dengan orang yang tidak takut kepada keaiban akan mendapat malu di akhirat.
19. Engkau dijadikan oleh Allah dengan bebas, maka hendaklah engkau hidup bebas sebagaimana engkau dijadikan.
20. Sesiapa yang memegang jawatan ‘*Qadhi*’ sedangkan ia tidak dikehendaki, ia adalah seorang pencuri.
21. Sesiapa mendengar dengan telinga, ia seorang pencerita dan sesiapa mendengar dengan hatinya, ia adalah orang yang sedar dan sesiapa yang memberi nasihat dengan perbuatan, ia adalah seorang penunjuk.
22. Apabila engkau tersalah membuat sesuatu kebaikan kepada orang yang bertaqwa kepada Allah, maka engkau hendaklah berbuat baik kepada orang yang menjauhi keburukan.

Keluarga Imam al-Syafie

Dikatakan bahawa Imam al-Syafie berkahwin dengan Hamidah binti Nafi' bin Anbasah bin `Amr bin Uthman bin `Affan. Daripada perkahwinan tersebut, beliau mempunyai tiga orang zuriat. Seorang putera dan dua orang puteri. Nama-namanya ialah Abu Uthman Muhammad. Beliau adalah seorang Qadhi di bandar Halab, Syria. Manakala dua orang puterinya pula bernama Fatimah dan Zainab.

Penyakit dan Kematian Imam al-Syafie

Imam al-Syafie menghadapi pelbagai penyakit semasa hayatnya. Antaranya ialah penyakit buasir yang menyebabkan keluarnya darah pada setiap waktu dan ia salah satu sebab beliau meninggal dunia. Riwayat ini daripada Imam Abu Zahrah.

Imam al-Syafie meninggal dunia di Mesir pada malam Khamis selepas Maghrib, iaitu pada malam akhir bulan Rejab, tahun 204H. Imam al-Syafie menghembuskan nafas yang terakhir di sisi anak muridnya yang setia, iaitu Imam al-Rabi' bin Sulaiman al-Jizi Rahimahullah. Umurnya pada ketika itu ialah 54 tahun. Beliau wafat di kediaman Abdullah bin Abdul Hakam dan kepadanya beliau meninggalkan wasiat. Jenazah Imam al-Syafie dikebumikan pada hari Jumaat selepas Asar pada keesokan harinya. Anak-anak Abdul Hakam mengebumikannya di tanah perkuburan mereka, iaitu di sebelah Barat al-Khandak. Di sekelilingnya ialah kubur-kubur anak Zahrah. Yakut berkata: *“Kuburnya sangat masyhur di sana sebagai dalil bagi kebenarannya.”*

Selepas Imam al-Syafie Meninggal Dunia

Ibn Farhun menceritakan di dalam kitab *“Al-Dibaj al-Mazhab”* bahawa sekumpulan manusia duduk di dalam majlis ilmu Imam al-Syafie selepas beliau meninggal dunia. Tiba-tiba, datanglah seorang Arab mengucapkan salam dan bertanya: Di manakah Imam al-Syafie? Di manakah bulan dan matahari bagi majlis ini katanya! Mereka menjawab kepadanya: *“Beliau telah meninggal dunia!”*

Orang itu pun menangis dengan kuat dan berkata: “*Semoga Allah mengasihaniya dan mengampunkan dosa-dosanya.*” Katanya lagi: “*Beliau adalah pembuka kepada pintu-pintu hujah yang tertutup, juga penutup lawannya dengan hujah yang terang. Beliau juga menyucikan air muka yang hitam, seterusnya beliau pembuka pintu fikiran-fikiran yang tertutup rapat. Semoga Allah meredhainya!*”

Pujian Ulama’ Terhadap Imam al-Syafie

Imam al-Syafie mendapat sanjungan dan pujian daripada rakan taulan, murid dan tokoh pada zamannya. Ini menunjukkan ketokohnya diakui oleh ramai orang.

Ramai ulama’ dan tokoh cendekiawan Islam memuji kelebihan Imam al-Syafie. Dinyatakan di sini beberapa pujian terhadap Imam al-Syafie, antaranya:

1. Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah berkata: “*Selama hayatku, aku tidak faham erti nasakh dan mansukh sehingga belajar dengan Imam al-Syafie.*”
2. Imam Qasim bin Salam Rahimahullah berkata: “*Belum pernah aku lihat, orang yang memiliki ilmu, agama yang sempurna, selain Imam al-Syafie.*”
3. Muslim bin Khalid al-Zinji Rahimahullah berkata kepada Imam al-Syafie: “*Berfatwalah kamu, sesungguhnya engkau telah berhak memberi fatwa.*”
4. Imam Muhammad bin al-Hakim Rahimahullah berkata: “*Aku belum pernah melihat ulama’ seperti Imam al-Syafie.*”
5. Imam Ishaq bin Rahawaih Rahimahullah berkata: “*Ulama’ tafsir bercerita kepadaku bahawa Imam al-Syafie antara yang paling handal berkenaan makna dan keterangan al-Quran.*”

6. Yunus bin Abdul A'la Rahimahullah berkata: *“Imam al-Syafie tatkala tafsir al-Quran, seolah-olah beliau menyaksikan ayat al-Quran itu diturunkan.”*
7. Imam Hilal bin al-A'la al-Raqi Rahimahullah berkata: *“Ulama' hadith, seolah-olah anak buah kepada Imam al-Syafie kerana beliau yang membawa kunci ilmu hadith kepada mereka.”*
8. Imam al-Rabi' Rahimahullah berkata: *“Imam al-Syafie sentiasa bangun malam beribadat hingga beliau meninggal dunia.”*
9. Imam Yahya bin Ma'in Rahimahullah berkata: *“Jika berbohong itu hukumannya harus, nescaya Imam al-Syafie tetap menahan dirinya dari berbohong kerana memelihara maruahnyanya.”*
10. Imam al-Rabi' Rahimahullah berkata: *“Imam al-Syafie adalah orang yang fasih berbicara dan bahasanya menarik sekali.”*
11. Ahmad bin Abi Syuraj Rahimahullah berkata: *“Saya belum pernah menemui orang yang pintar berbicara dan menggunakan logik lebih daripada Imam al-Syafie.”*
12. Al-Jahiz Rahimahullah berkata: *“Kerana Imam al-Syafie laksana butiran mutiara yang terangkai dan tersusun rapi.”*
13. Abdul Malik al-Hisyam al-Nahwi Rahimahullah berkata: *“Imam al-Syafie adalah ahli bahasa.”*
14. Sayyidah Nafisah Rahimahallah berkata: *“Semoga Allah melimpahi rahmat-Nya kepada Imam al-Syafie kerana beliau adalah seorang yang sentiasa membaikkkan wudhu'nya.”*

Keistimewaan Imam al-Syafie

Imam al-Syafie mempunyai banyak keistimewaan antaranya:

Pertama: Kecerdasan

Akal yang amat cerdas sehingga menjadi bidalan orang Arab. Siapa yang ingin menuntut ilmu, hendaklah mempunyai tiga perkara, iaitu kesabaran Nabi Ayub AS, harta Qarun dan cerdik seperti Imam al-Syafie. Tanda dan dalil kecerdikannya amat jelas sejak daripada kecil lagi dalam pelbagai peristiwa, seperti hafazan syair, hafazan kitab *al-Muwatta'* dan lain-lain.

Kedua: Penguasaan di dalam Syair

Kepakarannya dalam bidang syair sehingga beliau dianggap sebagai *failasuf* dalam *lughah* dan *ma'ani*. Inilah yang diakui oleh Imam Ahmad.

Ketiga: Perdebatan

Kehebatannya dalam berdebat. Hal ini diakui ketika beliau mampu berdebat dengan mengikut Mazhab Hanafi dan Maliki penuh dengan ketinggian ilmu dan kekuatan hujah sama ada *aqli* dan *naqli*.

Keempat: Pengasas Usul Fiqh

Penguasaan yang mendalam dalam bidang ilmu usul fiqh sehingga beliau dianggap perintis ilmu tersebut, daripadanya usul fiqh *ditadwinkan*.

Kelima: Memanah

Kepintarannya dalam memanah dengan tepat. Dikatakan beliau pernah berkata: “*Jika aku memanah sepuluh, nescaya kesemuanya tepat atau boleh jadi hanya satu yang tidak tepat.*” Ini melambangkan betapa Imam al-Syafie seorang yang menekuni dan mempunyai sasaran dalam hidupnya.

Keenam: Pakar Perubatan

Seorang pengamal perubatan yang cukup hebat. Guru kami, Fadhilah Dr. Muhammad Mukhtar al-Syanqiti dalam bukunya, *Ahkam al-Jarahah al-Tibbiyah* berkata: “Ketika Imam al-Syafie mengunjungi Mesir, pakar-pakar perubatan datang untuk berdebat dan berbincang berkenaan dengan isu perubatan dan akur tentang kehebatan ilmunya itu.”

Ketujuh: Ketajaman Firasat

Imam al-Syafie mempunyai firasat yang tajam. Ini berdasarkan kepada pengamatannya yang mendalam ketika beliau melazimi orang-orang Badwi sejak usia yang masih kecil lagi. Hal ini diakui oleh al-Rabi’ Rahimahullah. Banyak kisah-kisah yang meriwayatkan tentang Imam al-Syafie. Antaranya seperti riwayat al-Rabi’ bin Sulaiman Rahimahullah, tatkala kami masuk menemuinya ketika hampir meninggal dunia. Imam al-Syafie melihat kepada kami dengan renungan yang lama, kemudian beliau bersuara: “Kamu hai Abu Ya’qub! (al-Buwaiti) akan mati dengan besi kamu. Kamu pula hai Muzani! Akan menguasai Mesir begian-begian sehingga kamu dianggap secerdik manusia pada zamanmu. Adapun kamu hai Muhammad! Akan mengikut mazhab ayahmu. Adapun kamu hai Rabi’! Banyak memberi manfaat kepadaku dalam menyebarkan kitab.”

Murid-Murid Imam al-Syafie, Perkembangan Mazhab dan Adillah Fiqhiyyah

Imam al-Syafie Rahimahullah mempunyai ramai anak murid. Hal ini kerana beliau banyak bermusafir dan belajar serta mengajar dan menyebarkan ilmunya. Dinyatakan di sini, murid-murid Imam al-Syafie di kota-kota Islam:

Pertama: Di Kota Makkah

- i. Abu Bakar Abdullah bin al-Zubir al-Asadi al-Makki al-Humaidi Rahimahullah. Meninggal dunia pada tahun 219H.
- ii. Abu al-Walid Musa bin al-Jarud Rahimahullah.

- iii. Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad al-Abbasi Rahimahullah. Meninggal di Kota Makkah pada tahun 237H.

Kedua: Di Kota Baghdad

- i. Ahmad bin Khalid al-Khallal Rahimahullah. Meninggal dunia pada tahun 247H.
- ii. Ahmad bin Sinan al-Qattan Rahimahullah. Meninggal dunia pada tahun 256H.
- iii. Ahmad bin Syuraj al-Nahsyali Rahimahullah.
- iv. Ahmad bin Hanbal Rahimahullah.
- v. Ahmad bin Yahya bin Abdul Aziz al-Baghdadi Rahimahullah.
- vi. Ishak bin Rahawaih Rahimahullah.
- vii. Al-Harith bin Suraj al-Naqqal Rahimahullah.
- viii. Al-Hassan bin Muhammad bin al-Sabah al-Za'farani Rahimahullah.
- ix. Al-Husin bin Ali al-Karabisi Rahimahullah.
- x. Al-Husin al-Qallas Rahimahullah.
- xi. Sulaiman bin Daud Rahimahullah.
- xii. Al-Qasim bin Salam Abu `Ubaid Rahimahullah.

Ketiga: Di Kota Mesir

Imam al-Baihaqi Rahimahullah telah menyebut sebahagian murid-murid Imam al-Syafie, sebagaimana disebut oleh al-Hafiz al-Mizi Rahimahullah dan Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah. Antara mereka yang mengutip mutiara ilmu daripada Imam al-Syafie di Kota Mesir ialah:

- i. **Abu Ya'qub, Yusuf bin Yahya al-Buwaiti Rahimahullah.** Pemimpin para fuqaha' sahabat Imam al-Syafie yang mendampingi dalam masa yang agak lama sehingga mendampingi rakan-rakan yang lain. Al-Buwaiti merupakan seorang Imam dalam ilmu, seorang yang zuhud, *rabbani* dan banyak bertahajjud serta melazimi zikrullah.

Imam al-Syafie memujinya dengan berkata: *“Tidak ada seorang pun dari sahabat-sahabatku yang lebih banyak ilmunya daripada al-Buwaiti.”* Dia disiksa kerana menolak pendapat yang mengatakan bahawa al-Quran itu adalah makhluk. Dia sabar menghadapi ujian itu sehingga wafat di penjara. Semoga Allah SWT merahmatinya dengan rahmat yang luas. Amin.

Imam al-Rabi' bin Sulaiman Rahimahullah berkata: Al-Buwaiti sentiasa menggerakkan bibirnya menyebut Allah. Aku tidak pernah menemui mana-mana orang yang lebih menggunakan kitab Allah sebagai hujah berbanding sumber lain selain al-Buwaiti. Aku lihat dia dinaikkan di atas seekor kuda dengan leher dan kaki diikat, yang diberi beban batu seberat 40 *rithil*.

Al-Buwaiti berkata: *“Sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan makhluk dengan kun (jadilah!), maka makhluk itu pun jadi. Sehingga satu makhluk seakan-akan tercipta kerana makhluk lain. Jika aku dimasukkan ke dalam penjara, pasti aku akan mempercayai orang yang jujur dan aku akan mati dalam belunggu ini sampai datang satu kaum yang mengetahui bahawa ia telah mati dalam keadaan seperti ini, segolongan manusia kerana masalah ini.”* Al-Buwaiti wafat di penjara Iraq pada tahun 231H.

- ii. **Abu Ibrahim, Ismail bin Yahya bin Ismail bin `Amr bin Musali al-Muzani al-Misri Rahimahullah.** Al-Imam `Allamah yang sangat faham tentang agama, dari kalangan para ahli zuhud, murid dari Imam al-Syafie. Beliau lahir pada tahun 175H. Karangannya yang merupakan *mukhtasar* (ringkasan) dalam bidang fiqh memenuhi banyak negeri, yang kemudian dihuraikan oleh sejumlah imam besar sehingga dikatakan, seorang anak gadis saja memiliki sebuah naskhah berupa

mukhtasar al-Muzani, yang disimpan di antara barang-barang miliknya. Imam al-Syafie berkata: “*Al-Muzani adalah pembela mazhabku.*”

Imam al-Zahabi Rahimahullah berkata: `Amr bin Tamim al-Makki Rahimahullah mengatakan: Aku mendengar Muhammad bin Ismail al-Tirmizi berkata: Aku telah mendengar al-Muzani mengatakan hal berikut: Tauhid seseorang tidak benar sehingga dia mengetahui bahawa Allah SWT berada di atas `Arasy dengan sifat-sifat-Nya. Aku (Muhammad bin Ismail) berkata: Contohnya? Dia menjawab: *Sami`* (Maha Mendengar), *Basir* (Maha Melihat), *Alim* (Maha Mengetahui)’. Al-Muzani wafat pada tahun 264H.

- iii. **Al-Rabi’ bin Sulaiman bin Abdul Jabbar bin Kamil, Imam al-Muhaddis al-Faqih al-Kabir Abu Muhammad al-Muradi al-Misri al-Muazzin Rahimahullah.** Dia adalah teman dari Imam al-Syafie, yang mengambil ilmunya, syeikh para muazzin di Masjid Fusthath dan seorang yang diminta oleh para syeikh pada zamannya untuk membacakan atau menyampaikan ilmu. Al-Rabi’ lahir pada tahun 174H. Diriwayatkan bahawa Imam al-Syafie pernah berkata kepadanya: “*Jika aku mampu memberimu makanan ilmu, nescaya aku memberikannya.*” Imam al-Syafie juga berkata: Al-Rabi’ adalah orang yang banyak meriwayatkan tulisanku. Beliau wafat pada tahun 270H.
- iv. **Abu Abdillah, Muhammad bin Abdullah bin Abdul Hakam bin A`yan bin Laith al-Imam Syeikh al-Islam Abu Abdillah al-Misri al-Faqih Rahimahullah.** Beliau lahir pada tahun 182H. Beliau adalah ulama’ Mesir satu zaman dengan al-Muzani Rahimahullah.

Ketika Muhammad bin Abdillah bin Abdul Hakam menaiki kudanya, Imam al-Syafie memandangnya, seraya berkata: “*Alangkah baiknya jika aku mempunyai anak seperti dia dan sementara aku menanggung hutang sebanyak 1000 dinar, yang aku tidak dapat membayarnya.*”

Diriwayatkan bahawa terjadi perselisihan pendapat antara dia (Muhammad bin Abdillah bin Abdul Hakam) dengan al-Buwaiti kerana tampilnya Imam al-Syafie di majlisnya untuk menggantikannya

sehingga Muhammad bin Abdullah bin Abdul Hakam kembali ke Mazhab Maliki.

- v. **Al-Rabi' bin Daud al-Jizi Rahimahullah.** Meninggal dunia pada tahun 256H.

Perkembangan Mazhab al-Syafie

Ibn Khaldun dalam kitabnya, *al-Muqaddimah* berkata: “Adapun permulaan tersebarnya Mazhab al-Syafie, maka pengikutnya di negeri Mesir yang paling banyak daripada tempat lain. Antara puncanya kerana Imam al-Syafie menghabiskan usianya di Mesir, di samping mengajar kepada murid-murid yang setia kepadanya.”

Tersebar mazhabnya di Iraq, Khurasan dan di belakang sungai, di mana mereka membahagikan antara Mazhab Hanafi pada urusan fatwa dan pengajaran pada banyak tempat sehingga banyaknya majlis-majlis perdebatan antara mereka, juga kitab-kitab khalifah dikarang dengan pelbagai *istidlal* (cara mengambil dalil dan hujah). Kemudian, diajar semuanya sama ada di sebelah Timur dan segala pelusuk tempat.

Dikatakan, yang mengembangkan mazhabnya di Iraq ialah al-Hasan bin Muhammad al-Za'farani dan juga Imam Abu Ali Husin bin Ali al-Karabisi. Imam al-Syafie tatkala berada di Mesir, telah bersama dengan Ibn Abd al-Hakam sehingga ramai di kalangan keluarga Abd al-Hakam mengambil mazhabnya. Termasuk Asyub, Ibn al-Qasim, Ibn Haith bin Miskin dan keluarganya.

Seterusnya, hilang fiqh ahli sunnah di Mesir dengan kemunculan kerajaan Rafidhah sehinggalah dikuasai oleh Salahuddin al-Ayyubi, barulah fiqh al-Syafie dan sahabatnya kembali bertakhta daripada Ahli Iraq dan Syam.

Syam ialah Abu Zur'ah Muhammad bin Uthman al-Dimasyqi, yang meninggal dunia pada tahun 301H sehingga Mazhab Imam al-Syafie berkembang dan berpengaruh di sana. Beliau memberi hadiah sebanyak 100

dinar bagi sesiapa yang menghafal kitab *Mukhtasar Imam al-Muzani*, padahal sebelum itu, penduduk Syam menganut Mazhab Imam al-Auzaie.

Diriwayatkan pada abad keempat hijrah, kebanyakan ulama' fiqh Syam telah menganut Mazhab Imam al-Syafie. Tidak ada lagi ulama' yang menganut Mazhab Maliki dan Mazhab Daud al-Zahiri.

Di samping kemunculan tokoh-tokoh yang terkenal, seperti Imam al-Nawawi di Syam, 'Izzuddin Abd al-Salam. Kemudian, Ibn Raf'ah di Mesir, termasuk Taqiyuddin Ibn Daqiq al-'Id dan Taqiyuddin al-Subki sehinggalah kepada Syeikh al-Islam di zamannya, iaitu Sirajuddin al-Bulqini, yang ketika itu Mazhab al-Syafie adalah mazhab yang terbesar di Mesir. Tambahan pula, ramai tokoh ulama' yang terkemuka, berpegang kepada Mazhab al-Syafie.

Syeikh Manna' al-Qattan melalui kitabnya, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami* berkata: "*Ibn Khaldun dalam Muqadimahnyanya berkata, adapun Imam al-Syafie, pengikutnya yang paling kuat di negeri Mesir, yang paling banyak dan juga tersebar luas di Iraq, Parsi, di belakang sungai dan juga di Syam.*"

Adapun di sebelah Nusantara, kebanyakan pengikut berpegang dengan fahaman Mazhab al-Syafie berdasarkan beberapa faktor:

- i. Mazhab yang disebarkan oleh pendakwah adalah Mazhab al-Syafie.
- ii. Raja juga bermazhab dengan Mazhab al-Syafie.
- iii. Tuan-tuan guru dan para ulama' juga bermazhab al-Syafie.
- iv. Guru-guru yang mereka belajar sama ada di Makkah atau di Timur Tengah bermazhab al-Syafie.
- v. Kitab-kitab yang diajar juga dari kitab *Fiqh al-Syafie*.
- vi. Majlis agama kebanyakannya menggalakkan fatwa dalam Mazhab al-Syafie.

Atas alasan inilah, seolah-olah Islam masuk ke Tanah Melayu bersama dengan aliran Mazhab al-Syafie. Mengikut catatan sejarah, seorang syeikh bernama Abdul Aziz datang ke Melaka untuk mengIslamkan Raja Melaka, iaitu penganut Mazhab al-Syafie.

Adillah Fiqhiyyah di dalam Mazhab Imam al-Syafie

Imam al-Syafie mengemukakan usul mazhabnya secara tertib dengan empat sumber berdasarkan kepada *aulawiyyat*, iaitu:

Pertama: *Al-Quran al-Karim*. Iaitu kitab Allah SWT yang diturunkan ke atas Rasulullah SAW melalui malaikat Jibril AS, yang diterima dan dipindahkan kepada kita secara *mutawatir*. Kitab ini berada dalam *mushaf* yang tersusun dan menjadi salah satu mukjizat.

Kedua: *Al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Iaitu apa yang *dithabitkan* daripada Rasulullah SAW, daripada percakapan, perbuatan, *taqrir*, bentuk sifatnya atau akhlak.

Ketiga: *Al-Ijma'*. Ialah apa yang diijma'kan oleh sahabat Rasulullah SAW pada perkara yang berlaku *khilaf*, tidak keluar daripada kata-kata mereka kepada yang selainnya.

Keempat: *Al-Qias*. Ialah mengaitkan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan hukumnya dengan perkara lain, yang dinaskan hukumnya kerana ada persamaan sebab (علة) sesuatu hukum pada kedua-duanya.

Di dalam *Tarikh al-Mazahib al-Islamiah*, oleh Syeikh Abu Zahrah berkata: Telah dinaskan di dalam kitab *al-Umm*, di mana Imam al-Syafie telah menyebut bahawa ilmu mempunyai pelbagai peringkat:

- i. Kitab dan sunnah apabila *thabit*.
- ii. Ijma' yang tiada padanya dalam kitab dan sunnah.
- iii. Kenyataan sebahagian sahabat Rasulullah SAW.
- iv. *Khilaf* sahabat Nabi SAW pada demikian itu.
- v. Qias.

Imam al-Syafie tidak mengambil pendapat sahabat pada kebanyakannya kerana ia adalah ijihad yang boleh jadi betul atau silap.

Beliau juga meninggalkan amalan dengan *istihsan*, yang dipegang oleh Mazhab Hanafi dan Maliki sebaliknya dengan tegas, beliau berkata: “*Siapa yang beristihsan, sebenarnya ia telah membuat syariat.*”

Begitu juga, beliau menolak *al-Masalih al-Mursalah*. Beliau tidak menerima hujah dengan amalan ahli Madinah.

Di sana, ada menyebut berkenaan *qawaid* Mazhab al-Syafie. Antaranya *nazamnya* ialah:

لِلشَّافِعِيِّ بِهَا تَكُونُ خَيْرًا	خَمْسٌ مَحْرَرَةٌ قَوَاعِدُ مَذْهَبِ
وَكَذَا الْمَشَقَّةُ تَجَلِبُ التَّيْسِيرًا	ضُرُرٌ يُزَالُ وَعَادَةٌ قَدْ حُكِّمَتْ
وَالنِّيَّةُ خَلِّصَ إِنْ أَرَدْتَ أَجُورًا	وَالشُّكُّ لَا تَرْفَعُ بِهِ مَتَيْقِنًا

Lima perkara menjadi kaedah mazhab,

Oleh Imam al-Syafie, dengannya, jadilah kamu mahir,

Mudharat yang dihilangkan, adat sebagai mahkamah,

Begitu juga musyaqqah mengheret keringanan,

Syak tidak boleh ditolak dengan yakin,

Niat yang ikhlas jika kamu hendak pahala.

Fiqh Imam al-Syafie

Pertama: Ketika di Kota Makkah

Imam al-Syafie mula mempelajari ilmu di Kota Makkah, berguru dengan ulama'-ulama'nya. Kemudian, barulah dia berkelana. Maksud ketika di Makkah ialah selepas pulanginya dari Baghdad, dalam pelayaran yang pertama. Ketika itu, usianya belum mencapai 40 tahun.

Mereka yang mengkaji pemikiran Imam al-Syafie ketika itu mendapati dalam masalah *kulliyat*, lebih diutamakan daripada *furu'* dan *juz'iyat*. Beliau mengadakan *halaqahnya* di Masjid al-Haram. Mengajar murid-muridnya berkenaan *istinbat* dan segala *wasilahnya*.

Di samping itu, beliau membuat pertimbangan antara *masadir fiqhiyyah*. Boleh jadi, inilah yang pernah dilihat oleh Imam Ahmad ketika mengunjungi Makkah dan meninggalkan *halaqah* Sufyan bin Uyainah.

Kedua: Ketika di Baghdad Selepas Kedatangan Kali Kedua

Kemudian selepas itu, Imam al-Syafie berkelana di Kota Baghdad sekitar tahun 195H dan menetap di sana hampir 3 tahun. Pada *marhalah* ini, dikenali sebagai *marhalah ijtihadnya* dan mengambil pendapat fuqaha' sezaman dengannya, juga pendapat-pendapat sahabat dan tabi'in berdasarkan usul *kulliyat* dan *mentarjih* antaranya mengikut usulnya. Kemudian, Imam al-Syafie mengemukakan pendapatnya mengikut kaedah dan usul mazhabnya.

Ketiga: Ketika di Mesir

Kemudian selepas itu, Imam al-Syafie berpindah ke Kota Mesir sekitar tahun 199 H dan menetap di sana hampir 4 tahun sehingga meninggal dunia pada tahun 204 H. Pada *marhalah* ini, Imam al-Syafie bertambah matang dan masak dari segi kajiannya dan juga pendapatnya. Dengan melihat kepada *'uruf* dan realiti masyarakat setempat, di samping tokoh-tokoh ulama' sebelumnya, yang memandu manusia dengan ilmunya, sudah pasti memberi satu pandangan dan persepsi baru kepada Imam al-Syafie dalam menzahirkan pendapatnya.

Keenam:
Mabadi' al-Ulum

i. Dasar Ilmu

Diterangkan di sini berkenaan dengan dasar-dasar ilmu yang menjadi asas permulaan dalam perbincangan pelbagai disiplin ilmu. Penyair menazamkan hal tersebut dalam rangkap syairnya.

إِنَّ مَبَادِي كُلِّ فَنٍ عَشْرَةٌ الْحَدُّ وَالْمَوْضُوعُ ثُمَّ الثَّمَرَةُ
 فَضْلُهُ نِسْبَةٌ وَالْوَاضِعُ الْأَسْمُ إِلَّا سِتْمَدَادُ حُكْمِ الشَّارِعِ
 مَسَائِلُ وَالْبَعْضُ بِالْبَعْضِ اِكْتَفَى وَمَنْ دَرَى الْجَمِيعَ حَازَ الشَّرْفَا

*Sesungguhnya dasar-dasar setiap bidang itu sepuluh,
 Takrif, maudhu' atau perbahasannya, kemudian hasilnya,
 Kelebihannya nisbahnya, perintis yang mula-mula menggarap,
 Namanya, tempat pengambilannya serta hukum syarak,
 Segala permasalahan yang sebahagian ulama' merasa cukup,
 Siapa yang mengetahui, sudah pasti mendapat kemuliaan.*

Untuk memahami lebih lanjut berkenaan dengan dasar-dasar atau *mabadi' ilmu*, suka dijelaskan seperti berikut:

Pertama: Takrif atau pengenalan satu-satu ilmu yang hendak dibincangkan, seperti fiqh, tauhid dan tafsir.

Kedua: *Maudhu'* atau isi kandungan ilmu tersebut, seperti fiqh dalam bab ibadat dikhususkan dengan solat berkenaan dengan bacaan al-Fatihah.

Ketiga: Buahnya atau hasilnya, iaitu dapat mengetahui dengan dalil-dalil yang *qat'ie* serta beroleh kejayaan dengan kebahagiaan abadi kerana benar *i'tiqadnya* atau sahih ibadatnya, yang sudah pasti mendapat *mardhatillah*.

Keempat: Keutamaannya atau fadhilatnya bahawa setiap ilmu mempunyai kelebihan yang tersendiri serta keistimewaan yang mungkin tiada pada ilmu lain sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kelima: Hubungannya atau kedudukan ilmu tersebut yang mempunyai keistimewaan tersendiri kerana sesuatu ilmu itu ada keunikannya. Sebagai contoh, ilmu tauhid atau ilmu kalam. Seorang penyair pernah berkata:

أَيُّهَا الْمُبْتَدِي لِتَطْلُبَ عِلْمًا كُلُّ عِلْمٍ عَبْدٌ لِعِلْمِ الْكَلَامِ
تَطْلُبُ الْفِقْهَ كَيْ تُصَحِّحَ حُكْمًا ثُمَّ أَغْفَلْتَ مِثْرَ الْأَحْكَامِ

*Wahai para pemula! Hendaklah segera menuntut ilmu,
Setiap ilmu adalah hamba bagi ilmu kalam.
Engkau menuntut ilmu fiqh agar dapat mentashihkan hukum,
Kemudian, engkau lalaikan hukum-hukum itu.*

Keenam: Perintis yang menyusun kitab seperti Imam al-Syafie dalam ilmu usul fiqh melalui kitabnya *al-Risalah*.

Ketujuh: Namanya, setiap cabang ilmu mempunyai nama, seperti tafsir, hadith, fiqh dan lain-lain.

Kelapan: Dasar pengambilannya. *Ghalibnya* daripada *masadir asliyyah*, iaitu al-Quran dan hadith serta pendapat berdasarkan ilmu ulama'.

Kesembilan: Hukum syaraknya sama ada ia menjadi wajib atau fardhuain, seperti ilmu tauhid dan sunat serta ilmu muamalat.

Kesepuluh: Segala permasalahan yang terkhusus kepada satu-satu ilmu, seperti fiqh yang mengkhususkan hukum-hukum syarak yang *zahir* berkaitan dengan sah batal dan lain-lain.

Seterusnya, dijelaskan berkenaan dengan maksud sesebuah buku atau karya:

ii. Pengertian dan Maksud Karya (التأليف)

Maksud daripada karya atau karangan, yang dikenali dengan *taklif*.

Pertama: Tiada yang melakukannya sebelum tersebut, lantas dituliskannya.

Kedua: Sesuatu yang sudah ditulis, tetapi masih kurang, kemudian disempurnakannya.

Ketiga: Kesilapan yang dibetulkan atau *ditashihkan*.

Keempat: Karya yang musykil, lantas *disyarahkannya*.

Kelima: Karya yang panjang, lalu dipendekkan atau *mukhtasar*.

Keenam: Karya yang berselerak, kemudian dikumpulkan.

iii. Lafaz-lafaz Soalan dalam Bahasa

Dinyatakan di sini berkenaan dengan penggunaan lafaz yang memberi maksud pertanyaan dalam bahasa Arab. Mempunyai 10 lafaz, iaitu:

- i. Lafaz (ما) dan (ما هو). Persoalan kedua-duanya ini tentang kesempurnaan.
- ii. Lafaz (أي). Persoalan tentang perbezaan
- iii. Lafaz (كيف). Persoalan tentang keadaan.
- iv. Lafaz (من). Persoalan tentang seseorang.
- v. Lafaz (هل). Persoalan tentang kewujudan.
- vi. Lafaz (متى). Persoalan tentang masa.
- vii. Lafaz (أين). Persoalan tentang tempat.
- viii. Lafaz (كم) dan (كأين). Persoalan kedua-duanya ini tentang bilangan.

iv. **Maksud dan Makna Kitab serta Isinya**

Pertama: Kitab (الكتاب)

Asalnya daripada himpunan atau kesatuan, di mana ianya disatukan atau dihimpunkan daripada beberapa lembaran kertas yang mempunyai bab-bab dan fasal-fasalnya.

Contohnya, kitab solat. Nama bagi jumlah yang tertentu daripada ilmu yang mengandungi bab-bab, fasal-fasal dan beberapa permasalahan pada *ghalibnya*.

Kedua: Bab (الباب)

Pada bahasa dengan maksud pintu kerana ia adalah sebagai permulaan kepada perbincangan tajuk.

Bab ialah nama bagi jumlah yang tertentu daripada ilmu, mengandungi fasal-fasal dan masalah-masalahnya. Dengan kata lain, bab lebih kecil daripada kitab dan lebih besar daripada fasal kerana setiap bab mempunyai fasal-fasalnya. Contohnya, bab wudhu'.

Ketiga: Fasal (الفصل)

Iaitu nama bagi jumlah yang terkhusus daripada ilmu yang mengandungi beberapa masalah pada *ghalibnya*. Dengan kata lain, fasal lebih kecil daripada bab dan lebih besar daripada masalah.

Keempat: Mabhas (المبحث)

Maknanya, tempat kajian, iaitu pada asal, mengkaji sesuatu perkara yang tersembunyi secara *hissi*, kemudian digunakan pada *urufnya* berkenaan menerangkan sesuatu dan membuka segala kesamaran daripadanya, seperti ucapan, membahas begian dengan maksud tempat yang dinyatakannya atau diterangkannya serta yang didedahkan. Begitu juga, ia sebagai *kinayah* daripada permasalahan yang dibahaskannya.

Kelima: *Muqaddimah* (المقدمة)

Perkataan *muqaddimah* (المقدمة) boleh dibaca dengan baris atas atau bawah, yang akan menjadi *isim maf'ul* dan *isim fa'il*.

Jika diperhatikan bahawa *muqaddimah* yang dikemukakan kepada kita dengan maksud kita, nescaya *dal* (د) hendaklah dibaris bawah kerana ia *fa'il* (pembuat) dan jika kita mendapati sebagai apa yang kita kemukakan untuk membina maksud kita, maka dibaca dengan baris atas pada *dal* tersebut kerana menjadi *isim maf'ul*.

Pengarang *al-Sihah* menyebut, perkataan *muqaddimah al-Jaisy*, di mana *dal* dibaris bawah, memberi maksud barisan hadapan tentera. Seolah-olah, *ghalib* padanya nama *isim fa'il* dari satu sudut bahawa ia mendepani tentera, sedangkan tentera mengikutnya sebagai sokongan dan memberi semangat.

Dalam *Lisan al-Arab*, dikatakan harus pada perkataan (المقدمة) dengan *dal* dibaca dengan baris atas. Bahkan, *al-Batliusi* berkata: “Kalau dibaca baris atas *dal*, bukanlah dianggap kesalahan.”

Keenam: *Tahqiq* (التحقيق)

Iaitu mengistinbatkan masalah dengan dalil-dalil atau hujah-hujah.

Ketujuh: *Tadqiq* (التدقيق)

Mengistinbatkan dalil-dalil tersebut dengan dalil-dalil yang lain.

Kelapan: *Daqiqah* (الدقيقة)

Perkara yang dikeluarkan, yang tersembunyi daripada ilmu dengan kefahaman yang begitu seni.

Kesembilan: Qaid (القيد)

Perkara yang didatangkan dengannya untuk menghimpun atau menegah atau menerangkan sesuatu.

Kesepuluh: Tanbih (التنبيه)

Iaitu menyedarkan dan mengingatkan daripada perkataan (النبيه) dengan makna terjaga atau kecerdikan dan itulah yang dikehendaki di sini. Padanya, diitlaqkan *masdar* atas *isim maf'ul*, iaitu disedari dengannya.

Kesebelas: Faedah (الفائدة)

Pada bahasa, iaitu setiap yang memberi faedah dari ilmu atau lainnya. Sedangkan pada *urufnya* pula ialah setiap masalah yang membawa kepada perlakuan sesuatu perkara.

Kedua belas: Masalah (المسألة)

Pada bahasa, iaitu pertanyaan atau persoalan. Sedangkan pada *urufnya* pula ialah tuntutan perkhabaran yang disertakan dengan hujah atau dalil dalam ilmu.

Ketiga belas: Tatimmah (التممة)

Perkara yang menjadi sempurna dengannya sesebuah kitab atau bab dan dia hampir dengan makna *khatimah* atau penutup.

Keempat belas: Khatimah (الخاتمة)

Pada bahasa, iaitu akhir sesuatu. Pada istilahnya pula, nama bagi lafaz-lafaz yang tertentu menunjukkan atas makna tertentu yang diletakkan pada akhir kitab atau bab.

Ketujuh: Beberapa Istilah Fiqh Al-Syafie

Di sini, penulis mengemukakan *maslahat fiqhiyyah* dalam Mazhab Imam al-Syafie yang tidak disebut oleh pengarang *al-Fiqh al-Manhaji*. Antaranya:

Pertama: أكره

Ertinya *Aku benci*. Dari segi maknanya, di sisi Imam al-Syafie digunakan kadang-kadang dengan istilah (لم أجب), ertinya aku tidak suka.

Kedua: لا بأس

Ia bermaksud tidak mengapa. Penggunaan ini digunakan oleh Imam al-Syafie dengan makna harus tanpa makruh dan sunat. Sebagai contoh, kenyataannya pada masalah zakat fitrah:

لا بأس أن يؤدي زكاة الفطرة، ويأخذها إذا كان محتاجا. وغيرها من الصدقات
المفروضات وغيرها

Maksudnya: “Dan tidak mengapa atau harus digunakan zakat fitrah dan mengambilnya jika perlu (dia orang yang berhajat) dan lainnya daripada sedekah yang fardhu dan lainnya.”

Ketiga: جائز

Dimaksudkan dengannya adalah harus. Ia digunakan juga oleh Imam al-Syafie tentang perkataan *Ja'iz* dengan makna tersebut, iaitu bukan makruh atau sunat.

Begitu juga disebut dengan *mubah* (مباح). Ia sama seperti harus. Ini kerana syara' tidak memerintahkan kita meninggalkannya atau

melakukannya. Malah, kita diberi kebebasan sama ada melakukannya atau tidak.

Keempat: لا خير فيه

Imam al-Syafie menggunakan perkataan لا خير فيه, ertinya *tiada kebaikan dengannya*, dengan makna haram yang tidak harus.

Kelima: Sebab (السبب)

Sebab ialah apa yang mempunyai hubungan dengannya dengan yang lain sama ada atau tiada. Dengan kata lain bahawa syariat menjadikan wujudnya sebab sebagai alamat atas wujudnya hukum. Dan menjadikan bersalahannya atau meninggalkannya sebagai alamat ternafinya hukum. Justeru, diikat hukum wajib sebab dengan hukum apabila adanya, sebaliknya tanpa sebab, maka tiadalah hukum. Contohnya, waktu sebab bagi adanya solat.

Keenam: Tegahan (المانع)

Iaitu ikatan antaranya dengan yang lain adanya, maka berlakunya halangan. Ia adalah sifat yang zahir tetap yang melazimi wujudnya tiada hukum atau tiada sebab. Justeru, *mani'* jika adanya, maka ditegah adanya hukum, seperti adanya haidh, maka tiadanya wajib solat. Begitu juga dengan pembunuhan, dalam penerimaan pusaka sekalipun layak dengan perkahwinan atau kerabat, maka dengan sebab pembunuhannya, nescaya terhalang daripada menerima pusaka.

Ketujuh: Azimah (العزيمة)

Iaitu segala hukum syara' yang disyariatkannya oleh Allah untuk semua hamba-Nya pada dasarnya. Maka, setiap hukum yang *thabit* pada syara' dinamakan *azimah* melainkan jika datang yang menyalahinya kerana uzur, maka dinamakan *rukhsah*. *Azimat* berkisar kepada hukum syara' *taklif* yang lima, iaitu wajib, sunat, harus, haram dan makruh.

Kelapan: Rukhsah (الرخصة)

Keringanan atau kelonggaran yang diberikan hukum syara' dengan sebab keuzuran. Justeru, *rukhsah* merupakan rukun syar'ie yang *thabit* dengan dalil syar'ie, yang demikian itu *khilaf* bagi dalil syar'ie yang asal dan sahih. Ini kerana sifat Islam itu adalah agama yang mudah.

Termasuk dalam *rukhsah*, segala empat hukum syara', iaitu wajib seperti makan bangkai bagi yang dalam keadaan darurat, sunat pula seperti qasar ketika musafir, harus pula seperti melihat aurat oleh doktor kerana rawatan dan makruh pula seperti bercakap dengan kalimah kufur kerana dipaksa serta hatinya masih lagi beriman.

Kesembilan: Sahih (الصحيح)

Iaitu hukum syara' yang didapati sebabnya. Sempurna segala rukun dan syaratnya serta menafikan segala tegahannya. Justeru, ia membawa kepada kesan syara', seperti solat yang sah akan terlepas daripada sebarang *zimmah* kerana ianya sudah dikira. Nikah yang sahih menghalalkan untuk bersama suami isteri.

Kesepuluh: Fasid dan Batil (الفاسد أو الباطل)

Fasid dan batil dalam Mazhab al-Syafie adalah sama iaitu hukum yang tidak sahih sama ada dalam ibadat atau muamalat. Ini terjadi dengan sebab berlakunya kepincangan dalam rukun atau pada syarat dan boleh jadi pada sifat. Melainkan perbezaan antara fardhu dan wajib dalam ibadat haji.

Kelapan: Karya dan Fatwa di dalam Mazhab al-Syafie

Kitab yang diriwayatkan oleh ulama' dalam Mazhab al-Syafie terbahagi kepada dua:

Pertama: Ahli sejarah menyebutnya dan perawi-perawi menasabkan kepada Imam al-Syafie. Mereka berkata, kitab *al-Umm* bagi Imam al-Syafie.

Al-Hafiz Abu Said al-'Ala'ie berkata: “*Telah meriwayatkan al-Muwatta' daripada Imam Malik oleh orang ramai.*”

Antara riwayat mereka dan kitab *al-Risalah* oleh Imam al-Syafie dan kitab *Ikhtilaf al-Iraqiyyin* oleh Imam al-Syafie.

Kedua: Ahli sejarah menyebut dengan menasabkan kepada *ashab* Imam al-Syafie bahawa ia adalah ringkasan bagi segala pendapatnya.

Mereka berkata: *Mukhtasar al-Buwaiti* dan *Mukhtasar al-Muzan*. Tanpa ragu lagi bahawa bahagian ini adalah hasil daripada tulisan *ashabnya* sekalipun dinisbahkan pemikiran pada bahagian ini kepada Imam al-Syafie.

Ulama' telah menyebut bahawa kitab Imam al-Syafie yang dikarangnya dalam fiqh sebanyak empat buah.

1. *Al-Umm* (الأم)
2. *Al-Imla'* (الإملاء)
3. *Mukhtasar al-Buwaiti* (مختصر البويطي)
4. *Mukhtasar al-Muzani* (مختصر المزني)

Kedua-dua kitab *Mukhtasar al-Buwaiti* dan *al-Muzani* dinisbahkan kepada Imam al-Syafie semata-mata dari segi maknanya.

Imam al-Haramain al-Juwaini telah meringkaskan dari empat buku ini di dalam kitabnya, *al-Nihayah* atau *Nihayah al-Matlab* (نهاية المطلب) seperti yang dinyatakan oleh ulama' *al-Mutaakhirin*.

Tetapi, mengikut nukilan daripada al-Babili dan Ibn Hajar bahawa kitab *al-Nihayah* adalah *syarah* bagi *Mukhtasar al-Muzani* dan dia adalah daripada *Mukhtasar al-Umm*.

Kemudian, datang al-Ghazali yang meringkaskan *al-Nihayah* melalui kitabnya, *al-Basit* (البيسط). Kemudian, dimukhtasarkan al-Basit dengan kitabnya bernama *al-Wasit* (الوسيط). Kemudian, dimukhtasarkan *al-Wasit* kepada *al-Wajiz* (الوجيز) dan akhirnya diringkaskan *al-Wajiz* dalam kitabnya bernama *al-Khulasah* (الخلاصة).

Kemudian, datang al-Rafie dan meringkaskan daripada *al-Wajiz* dalam kitabnya bernama *al-Muharrar* (المحرر). Tetapi, seperti di dalam *al-Tuhfah*, namanya *al-Muharrar* sebagai ringkasan kerana sedikit lafaznya dan bukan kerana *khulasah* daripada kitab tersebut dan seumpamanya juga pada *Syarh al-Bakri `ala al-Minhaj* (شرح البكري على المنهاج)

Kemudian, Imam al-Nawawi telah meringkaskan *al-Muharrar* (المحرر) dengan menamakannya *al-Minhaj* (المنهاج).

Seterusnya, Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari meringkaskan *al-Minhaj* kepada *al-Manhaj* (المنهج). Kemudian, al-Jauhari meringkaskan *al-Manhaj* kepada *al-Nahj* (النهج).

Al-Rafie telah mensyarahkan *al-Wajiz* (الوجيز) dengan dua syarah:

- i. Syarahan kecil yang tidak dinamakannya.
- ii. Syarahan besar yang dinamakannya dengan *al-Aziz* (العزیز)

Kemudian, Imam al-Nawawi meringkaskan *al-Aziz* dengan menamakan *al-Raudhah* (الروضة)

Ibn Muqri telah meringkaskan *al-Raudhah* dengan menamakannya dengan *al-Raudh* (الروض).

Selepas itu, Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari telah mensyarahkannya dan menamakannya dengan *al-Asna* (الأسنى).

Ibn Hajar telah meringkaskan kitab *al-Raudh* kepada kitab yang dinamakannya *al-Naim* (النعم), kitab yang cukup baik dalam babnya kecuali telah hilang pada zaman hidupnya lagi.

Begitu juga Ahmad bin Umar al-Muzjid al-Zubaidi telah meringkaskan kitab *al-Raudhah* dan dinamakan kitabnya, *al-`Ubab* (العباب).

Kemudian, Ibn Hajar mensyarahkan kitab *al-`Ubab* dengan dinamakan dengan *al-`Iab* (الإيعاب), tetapi tidak sempat menyempurnakannya.

Begitu juga telah diringkaskan *al-Raudhah* oleh Imam al-Suyuti dan menamakan kitabnya dengan *al-Ghunniyah* (الغنية).

Begitu juga, beliau membuat *nazam* syair yang dinamakannya dengan *al-Khulasah* (الخلاصة), tetapi tidak sempat menyempurnakannya.

Begitu juga al-Qazwini telah meringkaskan kitab *al-Aziz Syarh al-Wajiz* kepada kitab yang dinamakan *al-Hawi al-Saghir* (الحاوي الصغير).

Kemudian, telah dinazamkan oleh Ibn al-Wardi pada *Bahjanya*.

Seterusnya, disarakannya oleh Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari dengan dua syarah.

Ibn al-Muqri datang untuk meringkaskan *al-Hawi al-Saghir* dan dinamakan dengan *al-Irsyad* (الإرشاد).

Kemudian, disarakan oleh Ibn Hajar dengan dua syarah. Selepas itu, datangnya al-Imam al-Azra'ie yang mensyarahkan secara *hasyiah*, yang dinamakan dengan *al-Mutawassit baina al-Raudhah wa al-Syarh* (المتوسط بين الروضة والشرح) sebanyak tiga puluh jilid.

Begitu juga, diikuti oleh Imam al-Isnawi, Ibn al-Imad dan al-Bulqini. Mereka dianggap sebagai ulama' tersohor di kalangan *mutaakhirin*, lebih lagi berkenaan dengan *al-Mahl al-Asna* (المحل الأسنى).

Kemudian, datang al-Zarkasyi, murid kepada empat tokoh tadi, yang melakukan himpunan *talkhis* segala *hawasyi* mereka dalam kitabnya yang masyhur, dinamakan dengan *Khadim al-Raudhah* (خادم الروضة).

Sebenarnya, salasilah Zahabi dalam kitab Mazhab al-Syafie menjadikannya kitab yang benar-benar hebat bagi Mazhab al-Syafie.

Secara ringkasnya, dinyatakan di sini, kitab yang muktamad dalam Mazhab al-Syafie:

- i. *Al-Umm* (الأُم), oleh Imam Muhammad bin Idris al-Syafie. Meninggal dunia pada tahun 204H.

- ii. *Mukhtasar al-Muzani* (مختصر المزي), oleh Imam Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzani. Meninggal dunia pada tahun 264H.
- iii. *Al-Muhazzab* (المهذب), oleh Abi Ishaq Ibrahim bin Ali al-Syirazi. Meninggal dunia pada tahun 476H.

Ramai di kalangan mereka yang telah mensyarahkan kitab ini (*al-Muhazzab*), antaranya:

- i. Yahya bin Salim Abu al-Hussin al-`Imrani. Meninggal dunia pada tahun 558H. Menghasilkan karya *al-Bayan fi Mazhab al-Imam al-Syafie* (البيان في مذهب الإمام الشافعي).
- ii. Ismail bin Muhammad bin Ali al-Hadhrami. Meninggal dunia pada tahun 676H. Menghasilkan kitab *Syarh al-Muhazzab* (شرح المهذب).
- iii. Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi. Meninggal dunia pada tahun 676H. Menghasilkan kitab *al-Majmu'* (المجموع) kecuali beliau hanya sampai syarahan karyanya dalam bab *Riba*.

Kemudian, datang Imam Taqiyyuddin al-Subki. Meninggal dunia pada tahun 756H. Beliau mensyarahkan daripada bab *Riba* kepada bab *al-Taflis*. Kemudian, Syeikh Najib al-Mut'ie yang menyempurnakan Syarah tersebut.

- iv. Syeikh Abu Ishaq al-Syirazi juga menghasilkan kitab *al-Tanbih* (التنبيه), iaitu kitab yang cukup baik digunakan oleh Syeikh daripada *ta'liq* Syeikhnya, Abi Hamid dan disyarahkan oleh ramai ulama'. Antara mereka ialah Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Tahrir* (التحرير).
- v. Imam al-Haramain Abdul Malik al-Juwaini. Meninggal dunia pada tahun 478H. Beliau menghasilkan kitab *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*

- vi. Sehingga dikatakan: Baginya segala kemuncak yang tidak dikarang dalam Islam seumpamanya. Dan Syeikh sendiri telah meringkaskan *al-Nihayah* dalam kitabnya yang dinamakan dengan *Mukhtasar al-Nihayah* (مختصر النهاية).
- vii. Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. Meninggal dunia pada tahun 505H. Beliau menghasilkan kitab *al-Basit* (البيسط).

Diiktibarkan kitab ini sebagai ringkasan kepada kitab *Nihayah al-Matlab* (نهاية المطلب) oleh al-Juwaini.

Kemudian al-Ghazali meringkaskan *al-Basit* (البيسط) kepada kitab *al-Wasit* (الوسيط) dan meringkaskan *al-Wasit* (الوسيط) kepada *al-Wajiz* (الوجيز).

Imam al-Nawawi menyamakan antara *Mukhtasar al-Muzani*, *al-Wasit* dan *al-Tanbih* dengan *al-Muhazzab* seraya berkata: Sesungguhnya berhajat kepadanya seperti berhajat kepada *al-Muhazzab*.

- i. Abu al-Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Rafi'e. Meninggal dunia pada tahun 632H. Beliau menghasilkan kitab *al-Muharrar* (المحرر). Beliau sebenarnya telah mengambil daripada kitab *al-Wajiz*, karya Imam al-Ghazali, di mana kitab tersebut terlalu banyak faedah sehingga para ulama' masyhur dengannya sama ada mensyarakannya, meringkaskannya dan mengajarnya.
- ii. Imam al-Rafi'e juga menghasilkan kitab *Fath al-Aziz fi Syarh al-Wajiz* (فتح العزيز في شرح الوجيز). Iaitu kitab syarahan bagi kitab *al-Wajiz*, oleh Imam al-Ghazali, yang dicetak di sebelah tepi *al-Majmu'*.

- iii. Imam Abu Zakaria Yahya al-Nawawi. Meninggal dunia pada tahun 676H. Beliau menghasilkan kitab *Raudhah al-Talibin* (روضۃ الطالبین). Iaitu kitab yang cukup besar dan banyak faedah yang diringkaskan oleh pengarangnya daripada kitab *Fath al-Aziz fi Syarh al-Wajiz*, oleh Imam al-Rafi'e sebanyak tiga belas juzuk.
- iv. Imam al-Nawawi juga menghasilkan kitab *Minhaj al-Talibin* (منہاج الطالبین). Ia *mukhtasar* bagi kitab *Muharrar* oleh Imam al-Rafi'e dianggap sebagai kitab yang paling muktamad dalam mazhab oleh golongan *mutaakhirun* sehingga mereka amat prihatin dengannya sama ada mensyarahkan atau meringkaskannya.
- v. Ibn Hajar Ahmad bin Muhammad al-Haitami. Meninggal dunia pada tahun 974H. Beliau menghasilkan kitab *Tuhfah al-Muhtaj Syarh al-Minhaj* (تحفة المحتاج شرح المنہاج). Iaitu syarah bagi *Minhaj al-Nawawi*, yang menjadi rujukan fatwa dalam mazhab di kalangan ulama' *mutaakhirin*.

Sehingga Dr. Muhammad Ibrahim Ali berkata: Datangnya kitab *Tuhfah al-Muhtaj* sebagai mengepalai senarai rujukan muktamad dan ia lebih dahulu daripada fatwa atas yang lainnya daripada kitab-kitab mazhab sama ada karya Ibn Hajar sendiri atau yang lainnya. Ibn Hajar dalam *Tuhfahnya* lebih banyak mengambil daripada *hasyiah* gurunya, Abdul Haq, atas syarah *Minhaj* bagi *Mahalli*.

- vi. Syamsuddin al-Jamal Muhammad bin Ahmad al-Ramli. Meninggal dunia pada tahun 1004H. Beliau menghasilkan kitab *Nihayah al-Muhtaj Syarh al-Minhaj* (نہایۃ المحتاج شرح المنہاج). Dan telah sampai kepentingan kitab ini sehingga menjadi muktamad dalam mazhab di sisi kebanyakan Mazhab al-Syafie di Kota Mesir dan lainnya sehingga mereka menjadikan kitab *al-Nihayah* dan *Tuhfah al-Muhtaj* sebagai rujukan utama dalam mazhab.

Yang sebenarnya, seperti kata Imam al-Nawawi, kitab-kitab mazhab terdapat *khilaf* yang nyata antara *Ashab* jika tidak terhasil bagi pengkaji apa yang *thiqah*. Maka, jadilah apa yang dikatakan oleh *musannif* sebagai mazhab sehingga dapat mengkaji kitab mazhab yang masyhur.

Tidak dapat tidak, perlu kepada kajian dan pengamatan daripada setiap sesuatu yang disusun dalam kitab-kitab dan tidak memadai dengan hanya fatwa daripada kitab, semata-mata melihat kepadanya.

Ibn Hajar berkata di dalam *al-Fawa'id al-Makkiyyah*: Telah ijma' ahli *tahqiq* bahawa kitab-kitab yang terdahulu daripada *syaikhaini* (Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'e) tidaklah dikira sesuatu daripadanya kecuali selepas sempurna kajian dan semakan sehingga *ghalib zhan* bahawa itulah yang paling *rajih* dalam Mazhab al-Syafie.

Suka dinyatakan di sini bahawa kitab yang berkisar Fiqh al-Syafie ada lima, iaitu:

- i. *Mukhtasar al-Muzani* (مختصر المزني), oleh Imam al-Muzani.
- ii. *Al-Muhazzab* (المهذب), oleh Imam al-Syirazi.
- iii. *Al-Tanbih* (التنبيه), oleh Imam al-Syirazi.
- iv. *Al-Wasit* (الوسيط), oleh Imam al-Ghazali.
- v. *Al-Wajiz* (الوجيز), oleh Imam al-Ghazali.

Berkenaan dengan pendapat yang muktamad selepas daripada kitab Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'e ialah:

- i. *Mukhtasar* oleh Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari. Meninggal dunia pada tahun 925H.
- ii. *Mughni al-Muhtaj* oleh Khatib al-Syarbini. Meninggal dunia pada tahun 977H.

- iii. *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar al-Haitami. Meninggal dunia pada tahun 973H.
- iv. *Nihayah al-Muhtaj* oleh Ibn Syihab al-Ramli. Meninggal dunia pada tahun 1004H.

Pendapat yang muktamad mengikut pandangan ulama' *mutaakhirin* ialah pendapat yang *ditarjihkan* oleh Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'e. Dan jika mereka *khilaf*, apa yang *ditarjihkan* oleh Imam al-Nawawi.

Kemudian, apa yang *ditarjihkan* oleh Ibn Hajar dan al-Ramli. Dan jika tiada dalam kitab-kitab Ibn Hajar, maka yang muktamad dalam mazhab, pada masalah fatwa apa yang dipilih oleh:

- i. Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari melalui kitabnya, (شرح البهجة الصغير), kemudian kitabnya, (المنهج وشرحه).
- ii. Kemudian, apa yang dipilih oleh al-Khatib al-Syarbini.
- iii. Kemudian, apa yang dipilih oleh Ashab al-Hawasyi. *Ghalibnya ashab* al-Hawasyi bersetuju dengan pendapat Ramli.

Secara tertibnya, kebanyakan *fuqaha'* al-Syafie begitu terkesan dan terpengaruh dengan karya Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafi'e.

Sebagai contoh:

- Kitab *Mughni Muhtaj* oleh al-Khatib al-Syarbini.
- *al-Manhaj wa Syarhuhu* oleh Syeikh al-Islam al-Ansari.
- *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar dan
- *Nihayah al-Muhtaj* oleh al-Ramli.

Semuanya merupakan syarah bagi kitab *Minhaj al-Talibin*, karangan Imam al-Nawawi.

Sedangkan *Minhaj al-Talibin* merupakan *mukhtasar* daripada kitab *al-Muharrar*, oleh Imam al-Rafi'e dan *al-Muharrar* pula adalah *mukhtasar* daripada *al-Wajiz*.

Di sini, dinyatakan fatwa dalam Mazhab al-Syafie:

- i. *Fatawa wa Masa'il Ibn al-Solah* (فتاوى ومسائل ابن الصلاح). *Tahqiq* Dr. Abdul Mu'ti Amin Qal'aji.
- ii. *Fatawa al-Nawawi* (فتاوى النووي), oleh Imam Abi Zakaria Muhyiddin Ibn Syaraf al-Nawawi.
- iii. *Fatawa al-Subki* (فتاوى السبكي), oleh Imam Abu al-Hassan Taqiyuddin Ali Ibn Abdul Kafi al-Subki.
- iv. Begitu juga sebuah buku yang bertajuk *Al-Ilam wa al-Ihtimam bi Jam'ie Fatawa Syeikh al-Islam* (الإعلام والإهتمام بجمع فتاوى شيخ الإسلام), oleh Abi Yahya Zakaria Ibn Muhammad al-Ansari. Disusun oleh Ahmad `Ubaid. Meninggal dunia pada tahun 1404H bersamaan 1984M.
- v. *Al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* (الفتاوى الكبرى الفقهية), oleh Imam Shihabuddin Ahmad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn Ali Ibn Hajar al-Haitami. Dihimpun oleh Syeikh Abdul Qadir Ibn Ahmad Ibn Ali al-Faqihi. Beliau meninggal dunia pada tahun 1417H, bersamaan 1997M.
- vi. *Al-Fatawa al-Hadithiyyah* (الفتاوى الحديثية), oleh Syihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali Ibn Hajar al-Haitami.

- vii. Begitu juga sebuah buku yang bertajuk *Fatawa Syeikh al-Islam Izuddin Ibn Abdul Salam* (فتاوى شيخ الإسلام عز الدين ابن عبد السلام). *Tahqiq* Muhammad Jum'ah Kurdi.
- viii. *Al-Hawi li al-Fatawa* (الحاوي للفتاوى), oleh Jalaluddin Abdul Rahman Ibn Abi Bakar Ibn Muhammad al-Sayuti.
- ix. *Fatawa Ibn al-Sabbagh* (فتاوى ابن الصباغ), oleh Abi Nasr bin Muhammad al-Baghdadi.
- x. *Fatawa al-Zarkasyi* (فتاوى الزركشي), oleh Badruddin Ibn Muhammad Ibn Bahadi – Abdullah al-Syafie.

Kesembilan: Sebab Muqaddimah *Al-Fiqh Al-Manhaji* Dikemukakan

Muqaddimah *al-Fiqh al-Manhaji* ini dikemukakan adalah sebahagian daripada kerangka yang ingin dikemukakan oleh Lajnah Penyusunan dan *Tashih*, bertujuan bagi memantapkan lagi pengenalan ke atas *al-Fiqh al-Manhaji* dan juga *al-Fiqh al-Syafie*.

Untuk edisi terkini yang ditahqiqkan dan dikemaskini Muqaddimah al-Fiqh al-Mahaji ini disekalikan dengan Jilid yang Pertama. Ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan jilid terjemahan al-Fiqh al-Manhaji hanya kepada lima jilid. Begitu juga ditambahkan lagi nota kaki untuk keperluan semasa dan maslahat ummah.

Dalam konteks Malaysia, kami Lajnah Penyusunan dan *Tashih* mendapati, buku Mazhab al-Syafie yang lengkap belum ada lagi yang berskala besar, yang ada hanya warisan dan kitab *turath* daripada ulama' Fatani dan Indonesia.

Semoga Allah SWT merahmati mereka atas usaha yang telah dilakukan. Ketika kami melihat matlamat yang hendak dicapai oleh pengarang, maka jelaslah niat mereka untuk melakukan tanggungjawab dan amanah ilmiah dalam penulisan tentang fiqh. Begitu juga dengan tujuan mengisi kekosongan yang perlu dipenuhi dan mengatasi kekurangan di dalam perpustakaan Islam.

Di samping itu, ia bertujuan untuk memberi gambaran jelas berkenaan dengan fiqh dan Mazhab al-Syafie. Dengan kata lain, muqaddimah ini sebagai *mabadi'* atau ia sebagai pengantar umum berkenaan dengan feqah.

Adanya istilah yang tidak disebut oleh pengarang, lantas ditambah dalam ruangan muqaddimah sebagai pelengkap dan penyempurna kepada kitab *al-Fiqh al-Manhaji* ini.

Kami juga memaparkan secara terperinci berkenaan dengan biografi tokoh-tokoh seperti Imam al-Syafie sebagai tokoh mazhab dan Imam.

Begitu juga dengan Ashab al-Fadhilah, Pengarang kitab *al-Fiqh al-Manhaji* ini, iaitu Syeikh Dr. Mustafa al-Khin, Syeikh Dr. Mustafa al-Bugha dan Syeikh Dr. Ali al-Syarbaji.

Di dalam muqaddimah ini juga, kami jelaskan biografi tokoh-tokoh ulama' hadith supaya pembaca mengenali mereka dengan lebih mendalam seperti Imam al-Bukhari, Muslim, al-Nasaie dan lain-lain.

Semoga dengan adanya muqaddimah, nota kaki dan *tahqiq* daripada kami, Lajnah Penyusunan dan *Tashih* diharapkan akan dapat memantapkan lagi buku ini. Amin.

Kesepuluh: Biografi Ringkas Tokoh Hadith

Oleh kerana dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* ini terdapat hadith dan perawi hadith yang meriwayatkannya, kami merasa terpanggil untuk menterjemahkan biografi ringkas tokoh hadith, seperti Imam al-Bukhari dan lain-lain.

Pertama: Imam al-Bukhari

Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari al-Ju'fi. Berasal dari Bukhara. Dilahirkan pada hari Jumaat, selepas solat Jumaat, 13 Syawal, tahun 194H. Beliau telah mempelajari dan menuntut ilmu sejak kecil lagi dan dikurniakan kekuatan hafazan sehingga dapat membetuli sebahagian kesilapan gurunya walaupun ketika itu usianya baru 11 tahun.

Mula mempelajari ilmu hadith di negerinya, Bukhara kemudian, berkelana ke beberapa negeri sehingga dapat mengumpul banyak hadith. Dikatakan bahawa beliau telah menapis 600 ribu hadith untuk dimuatkan di dalam kitab sahihnya ketika berada di Kota Makkah.

Beliau pernah berkata: *“Aku diilhamkan menghafaz hadith ketika aku masih kecil dalam usia sepuluh tahun atau kurang. Kemudian, aku keluar dari tempat pembelajaran dan mengkaji lebih luas dalam bidang hadith dan ketika berusia 16 tahun, aku menghafaz kitab hadith Ibn al-Mubarak, Waqi’ dan aku mengetahui pendapat dan hujah mereka.*

Kemudian, aku bersama ibu dan saudaraku, Ahmad menuju ke Makkah, menetap di sana untuk mengkaji hadith. Tatkala usia mencapai 18 tahun, aku mula mengarang berkenaan permasalahan sahabat, tabi’in dan pendapat mereka.”

Beliau pernah berkata: *“Tidak aku masukkan ke dalamnya (al-Sahih) kecuali hadith yang sahih sahaja. Aku menghafaz lebih daripada 100 ribu*

hadith sahih dan 200 ribu hadith yang tidak sahih.” Pujian ulama’ terhadapnya amat terserlah, antaranya:

- i. Mahmud bin Nasr Abu Sahl al-Syafie (محمود بن نصر أبو سهل الشافعي) berkata: “*Aku masuk Kota Basrah, Syam, Hijaz dan Kufah dan aku mendapati ulama’nya apabila menyebut Muhammad bin Ismail al-Bukhari akan melebihkannya daripada diri mereka.*”
- ii. Muhammad bin Hatim (محمد بن حاتم) berkata: “*Ditanya kepada Muhammad bin Ismail al-Bukhari tentang khabar hadith.*” Lantas jawabnya: “*Wahai Abu Fulan, adakah kamu tengok aku menipu? Aku meninggalkan 10 ribu hadith daripada seorang lelaki yang padaku perlu dibuat kajian. Dan aku meninggalkan seumpamanya atau lebih daripada itu, jika isunya hampir sama.*”
- iii. Ibn Hajar (ابن حجر) berkata: “*Tiadalah yang lebih menakjubkan daripada ingatannya yang mampu menolak hadith yang salah kepada yang benar dan yang lebih hebat lagi, beliau mampu menghafaznya yang salah mengikut tertib satu persatu.*”
- iv. Abu Bakar al-Kalwazani (أبو بكر الكلوازي) berkata: “*Aku tidak lihat seumpama Muhammad bin Ismail yang mengambil kitab daripada ilmu dan mentelaahnya, kemudian menghafal seluruhnya dengan sekali membaca sahaja.*”
- v. Imam Ahmad bin Hanbal (إمام أحمد بن حنبل) berkata: “*Tiadalah bumi Khurasan melahirkan seseorang lebih daripada Muhammad bin Ismail.*”
- vi. Imam Ibn Khuzaimah (إمام ابن خزيمة) berkata: “*Tiada di bawah langit ini lebih alim berkenaan hadith daripada Muhammad bin Ismail al-Bukhari.*”

- vii. Ali bin al-Madini (علي المديني) berkata: “*Tiada dilihat seumpama Bukhari sepertinya.*”

Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu, berbetulan dengan malam Hari Raya ‘Idul Fitri pada tahun 256H, ketika berusia 62 tahun dan beliau tidak meninggalkan anak.

Kedua: Imam Muslim

Beliau dikenali dengan nama Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi. Dilahirkan pada tahun 204H. Belajar mendalami ilmu hadith sejak kecil lagi dan banyak mendengar daripada guru-guru, termasuk guru Imam al-Bukhari dan ulama’ hadith banyak meriwayatkan daripadanya.

Mengarang kitab dan karya yang bermanfaat, terutamanya sahih yang cukup baik dari sudut susunan tertibnya sehingga amat teliti dari segi *pentahqiqannya*. Kelebihannya dibandingkan dengan sahih al-Bukhari sehingga pengarang menyebut di dalam syair:

تَشَاجَرَ قَوْمٌ فِي الْبُخَارِيِّ وَمُسْلِمٍ عِنْدِي وَقَالُوا: أَيُّ ذَيْنِ تَقَدَّمَ
فَقُلْتُ: لَقَدْ فَاقَ الْبُخَارِيَّ صِحَّةً كَمَا فَاقَ فِي حَسَنِ الصَّنَاعَةِ مُسْلِمٌ

*Telah berselisih pendapat antara al-Bukhari dan Muslim,
Di sisiku mereka bertanya: Keduanya yang mana utama?
Aku menjawab: Sahih al-Bukhari lebih tinggi kesahihannya,
Sebagaimanana lebih tinggi sahih Muslim susunannya.*

Beliau meninggal dunia pada petang Ahad, empat hari berbaki daripada bulan Rejab, tahun 261H dan dikebumikan pada hari Isnin di Naisabur.

Ketiga: Imam Abu Daud

Sulaiman bin Ash’as al-Sijistani. Dilahirkan pada tahun 202H. Beliau mendengar ilmu hadith daripada ramai ulama’. Antara guru-gurunya ialah

Imam Ahmad, al-Qa'nubi, Sulaiman bin Harb dan lain-lain. Begitu juga yang meriwayatkan daripadanya ialah al-Tirmizi dan al-Nasaie.

Beliau pernah berkata: *“Aku menulis daripada Nabi SAW lebih daripada 500 ribu hadith, kemudian aku saring untuk dimuatkan dalam kitab al-Sunan, di mana jumlah hadithnya sebanyak 4800 hadith, tiada di dalamnya hadith yang di ijma' ulama' ditinggalkannya.”*

Beliau meriwayatkan *Sunannya* di Baghdad dan penduduk di sana mengambil daripadanya.

Beliau pernah membentangkannya kepada Imam Ahmad dan dipujinya. Al-Khatibi pernah berkata: *“Sunan Abu Daud lebih baik kedudukan dan lebih banyak fiqh daripada dua sahih.”* Ibn al-'Arabi berkata: *“Siapa yang di rumahnya terdapat kitab Allah dan Sunan Abu Daud, nescaya dia tidak berhajat sesuatu pun daripada ilmu.”*

Al-Ghazali menjelaskannya bahawa memadai bagi *mujtahid* menguasai hadith-hadith hukum dan pendapat tersebut dipersetujui oleh ulama'. Meninggal dunia pada tahun 275H di Kota Basrah.

Keempat: Imam al-Nasaie

Ahmad bin Syu'aib al-Kharasani, nisbahnya kepada Nasa' ialah sebuah kota di Khurasan, yang lahir ramai daripadanya ulama'. Imam al-Zahabi berkata: Beliau dilahirkan pada 215H. Beliau meriwayatkan daripada Sa'id, Ishak bin Rahawaih dan ramai ulama' di Khurasan, Hijaz, Iraq, Mesir, Syam dan Jazirah.

Beliau terkenal dengan kepakaran dalam ilmu ini, lebih-lebih lagi berkaitan dengan *ma'rifah Rijal*. Begitu juga *sanad* yang tinggi dan menetap di Mesir. Sebahagian ulama' hadith berkata: *“Sesungguhnya beliau lebih menghafaz daripada Muslim, pengarang al-Sahih.”* *Sunannya* lebih sedikit mengandungi hadith *dhaif* berbanding dengan *Sunan* lain selepas al-Sahihaini.

Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 13 Safar 303H di Ramlah, Palestin dan dikebumikan di Baitul Maqdis.

Kelima: Imam al-Tirmizi

Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah al-Turmuzi. Nisbah kepada bandar yang lama, berhampiran dengan Jaihun Sungai Balah. Ulama' tidak menyebut tarikh lahirnya.

Begitu juga al-Zahabi dan Ibn Athir. Beliau mendengar dan meriwayatkan daripada Imam al-Bukhari dan guru-guru Imam al-Bukhari. Seorang imam yang *thabit* lagi *hujah* dan mengarang kitab ***al-Sunan*** dan ***al-ʿIlal***. Beliau dikatakan buta pada usia senjanya.

Beliau berkata: “*Aku kemukakan kitab ini, iaitu Kitab **al-Sunan** yang dinamakan dengan **al-Jami'** kepada ulama' Hijaz, Iraq dan Khurasan, lantas mereka menerimanya, sehingga dikatakan siapa yang mempunyai kitab tersebut di rumahnya, seolah-olah terdapat di rumahnya Nabi yang bersabda.*”

Al-Hakim berkata: “*Aku pernah mendengar Umar bin ʿAlak berkata: Meninggalnya Imam al-Bukhari dan beliau tidak tinggal di Kota Khurasan, muridnya yang lebih alim daripada Abi Isa sama ada dari segi ilmu, hafazan, wara' dan zuhud.*”

Beliau meninggal di Kota Tirmidz pada akhir Rajab tahun 267H.

Keenam: Ibn Majah

Abu Abdillah Muhammad bin Yazid bin Abdullah bin Majah al-Khazwaini. Dilahirkan pada tahun 207H. Merantau dalam mencari ilmu pada banyak negeri sehingga sempat mendengar daripada sahabat Imam Malik dan al-Laith. Ramai ulama' meriwayatkan daripadanya.

Dikatakan beliau mengarang ***Sunan Ibn Majah*** yang terdapat di dalamnya banyak hadith *dhaif* dan hadith *Munkar*. Al-Hafiz al-Midzi, sebagaimana dinaqalkan daripadanya berkata: Bahawa *ghalib* jika

keseorangan riwayat Ibn Majah, dianggap *dhaif*. Justeru, sebahagian ulama' besar terdahulu memasukkan kitab *al-Muwatta'* dalam lima *Sunan*.

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Orang pertama yang memasukkan *Sunan Ibn Majah* dalam *Sunan* yang lima ialah Abu Fadl bin Tahir dalam al-Atraf, kemudian al-Hafiz Abd al-Ghani dalam kitabnya, *Asma' al-Rijal*.

Beliau merupakan imam dalam ilmu hadith, yang diterima secara *ittifaq*. Beliau meninggal pada hari Selasa, lapan hari berbaki daripada Ramadhan, tahun 275 atau 273H.

Ketujuh: Imam Ahmad bin Hanbal

Abu Abdillah, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Syaibani al-Marwazi Rahimahullah. Lahir pada tahun 164H. Pengasas Mazhab Hanbali. Seorang yang *thiqah*, hafiz, lagi *faqih*.

Antara guru Imam Ahmad ialah yang pertama ialah Abi Yusuf Ya'kub bin Ibrahim al-Qadhi, seorang rakan kepada Abu Hanifah. Beliau mempelajari daripadanya ilmu feqah dan hadith. Abu Yusuf adalah gurunya yang pertama.

Sebahagian daripada ahli pengkaji sejarah mengatakan bahawa pengaruh gurunya (Abu Yusuf) tidak begitu kuat mempengaruhinya sehingga dapat dikatakan beliau adalah gurunya yang pertama. Mereka berpendapat, gurunya yang pertama ialah Husyaim bin Basyir bin Abi Kasim al-Wasiti kerana beliau adalah guru yang banyak mempengaruhi Ibn Hanbal. Ibn Hanbal mengikutinya lebih daripada empat tahun dan mempelajari hadith-hadith darinya serta beliau menulis daripadanya lebih daripada tiga ribu hadith.

Husyaim adalah seorang imam hadith di Baghdad. Beliau seorang yang sangat bertaqwa, lagi wara' dan pengikut kepada Tabi' al-Tabi'in, seorang yang banyak mendengar hadith dari imam-imam dan Imam Malik, juga banyak orang-orang lain meriwayatkan hadith daripadanya. Beliau seorang yang sangat kuat ingatan dan dilahirkan pada tahun 104H dan meninggal dunia pada tahun 183H.

Di samping Ibn Hanbal mempelajari dengan Husyaim, beliau mempelajari juga dengan Umair bin Abdullah, Abdul Rahman bin Mahdi dan Abi Bakr bin Iyasy.

Imam al-Syafie adalah salah seorang dari guru Imam Ibn Hanbal. Bahkan, terdapat juga di sana, mereka menganggap Imam al-Syafie gurunya yang kedua selepas dari Husyaim. Ibn Hanbal bertemu dengan Imam al-Syafie di Hijaz sewaktu beliau menunaikan fardhu haji. Imam al-Syafie mengajar di Masjid al-Haram dan Ibn Hanbal mempelajari daripadanya.

Kemudian, mereka bertemu untuk kali yang kedua di Baghdad. Imam Hanbal ingin mengikuti jejak langkahnya, tetapi niatnya tidak tercapai. Beliau telah belajar memahami dan cara mengeluarkan kesimpulan hukum-hukum dari Imam al-Syafie. Muhammad bin Ishak bin Khuzaimah berkata: *“Tidak diragui bahawa Ahmad Ibn Hanbal adalah seorang dari penuntut Imam al-Syafie.”*

Ibn Hanbal juga pernah mempelajari dari Ibrahim bin Sa’ad, Yahya bin al-Qattan, Wakie’ dan lain-lain. Beliau bercita-cita untuk belajar dengan Imam Malik bin Anas, tetapi sayangnya Imam Malik meninggal dunia semasa beliau masih dalam permulaan untuk menuntut ilmu. Allah menggantikannya dengan Sufyan bin Uyainah yang tinggal di Makkah sehinggakan beliau pernah berkata: *“Imam Malik meninggal dunia, tetapi Allah menggantikan Sufyan bin Uyainah untukku.”*

Abdul Rahman bin Abu Hatim berkata: Aku mendengar ayahku berkata: *“Ahmad bin Hanbal lebih besar daripada Imam al-Syafie kerana Imam al-Syafie belajar banyak hal mengenai hadith daripada Ahmad bin Hanbal.”*

Abdullah bin Ahmad berkata kepadaku: Imam al-Syafie berkata kepada kami: Kamu lebih tahu tentang hadith dan *rijalnya* daripadaku. Oleh kerana itu, apabila ada hadith sahih, maka beritahulah kepadaku, apakah ia dari Kufah, dari Basrah, dari Syam sehingga aku mengambilnya, jika memang hadith itu sahih.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah berkata: “*Imam Ahmad bin Hanbal tidak membaca satu kitab tertentu di hadapan Imam al-Syafie, tetapi ia mendampinginya, sebagaimana juga Imam al-Syafie mendampingi Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani, yang mana masing-masing saling memberi manfaat daripada ilmu dan pengetahuan.*”

Kesesuaian pendapat Imam al-Syafie dan Imam Ahmad dalam usul fiqh lebih banyak daripada kesesuaian Imam al-Syafie dengan Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani. Usia Imam al-Syafie, 17 tahun, lebih tua daripada usia Imam Ahmad bin Hanbal.

Imam al-Syafie datang pertama kali ke Baghdad pada tahun 187H ketika Muhammad bin al-Hasan masih hidup dan setelah wafatnya Qadhi Abu Yusuf. Kemudian, Imam al-Syafie datang untuk kali keduanya ke Baghdad pada tahun 197H dan ketika itulah beliau berjumpa dengan Ahmad bin Hanbal.

Semoga Allah merahmati keduanya. Banyak menghadapi *mehnah* dan tribulasi dalam masalah fitnah *khalqi* al-Quran. Meninggal dunia pada tahun 241H dalam usia 77 tahun. Antara karyanya ialah ***al-Musnad***.

Kelapan: Imam Malik

Abu Abdillah, Malik bin Anas bin Malik bin Abi Amir bin `Amru al-Asbahi. Imam Dar al-Hijrah. Lahir pada tahun 93H di Kota Madinah.

Seorang yang faqih dan menjadi Imam Dar al-Hijrah sehingga kata Imam al-Bukhari: “*Sesahih-sahih sanad semuanya ialah Malik daripada Nafi’ daripada Ibn Umar.*” Beliau adalah pengasas Mazhab Maliki.

Imam Malik adalah seorang hafiz al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW. Ingatannya sangat kuat dan sudah menjadi kebiasaannya membuat kesimpulan mengenai hadith-hadith yang diajar oleh gurunya.

Pada suatu hari, beliau mendengar sebanyak tiga puluh hadith daripada seorang guru yang bernama Ibn Syihab. Beliau dapat menghafaz sebanyak

dua puluh sembilan hadith sahaja dan kemudian menemui Ibn Syihab, lalu bertanya kepadanya mengenai hadith yang beliau terlupa itu.

Gurunya bertanya: *“Bukankah kamu juga hadir sama di dalam majlis hadith tersebut?”* Beliau menjawab: *“Benar, saya ada bersama tuan.”*

Ibn Syihab bertanya lagi: *“Kenapakah kamu tidak menghafaznya?”*

Beliau menjawab: *“Sebenarnya kesemua hadith ialah tiga puluh, tetapi saya terlupa hanya satu sahaja.”*

Ibn Syihab berkata: *“Memang kebanyakan manusia itu pelupa dan begitu juga dengan aku. Bacalah kepadaku hadith yang engkau ingat.”*

Imam Malik pun segera membaca kesemua hadith yang dihafaz, kemudian Ibn Syihab pun memberitahu tentang hadith yang beliau terlupa tadi.

Imam Malik adalah seorang guru yang miskin.

Rakannya, Abu al-Qasim berkata: *“Aku pernah bersama Imam Malik semasa menuntut ilmu. Pada suatu hari, kayu bumbung rumahnya telah roboh, lalu beliau menjual kayu itu untuk mendapatkan sedikit wang bagi perbelanjaan hidupnya.”*

Tetapi, pada akhirnya, beliau dimurahkan rezeki sehingga beliau menjadi seorang yang kaya. Begitu juga dengan orang lain, setelah Imam Malik meningkat remaja, beliau mendapat kemudahan untuk perbelanjaan hidupnya. Menurut apa yang diketahui bahawa Imam Malik hidup di dalam kemiskinan selama beberapa tahun.

Sebagai buktinya, anak perempuannya selalu menangis kelaparan dan akhirnya beliau menjadi seorang yang kaya raya. Imam Malik banyak menerima bantuan seperti derma sehingga Khalifah Harun al-Rasyid pernah menghantar derma kepadanya sebanyak tiga ribu dinar. Sebelum beliau menjadi kaya, beliau hanya memiliki sebanyak empat ratus dinar sahaja.

Dengan wang inilah, beliau mengeluarkan modal untuk perniagaannya. Beliau tidak berniaga sendiri, tetapi beliau memberi modal kepada seorang peniaga dengan membahagikan keuntungan yang didapati.

Menghasilkan karya-karya yang bermutu, antaranya kitab *al-Muwatta'*, *Risalah fi al-Rad ala al-Qadariah* dan *Risalah fi al-Aqdhiyyah*.

Beliau meninggal dunia pada tahun 179H di Kota Madinah. Al-Waqidi berkata: "*Usia beliau mencecah 90 tahun.*" *Al-Zirikly, al-'Alam*, (6/128).

Kesembilan: Imam al-Baihaqi

Abu Bakar Ahmad bin Husain al-Baihaqi. Lahir pada tahun 384H dan meninggal dunia pada tahun 458H. Seorang ulama' yang mempunyai hafazan yang baik, lagi *thiqah* dan menjadi Syeikh di Khurasan.

Imam al-Haramain berkata: "*Tidak ada pengikut Imam al-Syafie kecuali Imam al-Syafie mempunyai kelebihan ke atasnya. Berlainan pula dengan al-Baihaqi, beliau mempunyai kelebihan ke atas Imam al-Syafie kerana banyak karyanya menolong mazhabnya dan memperkuat pendapatnya.*"

Beliau merupakan salah seorang imam umat Islam, pendakwah, faqih, mulia, hafiz besar, ahli usul, ahli zuhud, ahli wara'. Salah seorang daripada ahli ilmu yang terkemuka, sebagaimana kata al-Subki. Begitulah ulama'-ulama' lain, seperti Ibn Taimiyah, Ibn Kathir, al-Zahabi, Ibn al-Jauzi dan lain-lain memuji al-Baihaqi.

Kesebelas: Imam al-Zahabi

Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi, Syamsuddin Abu Abdullah. Beliau dilahirkan pada tahun 673H di Damsyiq, Syria. Beliau juga salah seorang daripada murid Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah.

Antara ungkapannya yang masyhur apabila berlaku *khilaf* dengan gurunya dalam masalah pendapat ialah: “*Syeikh al-Islam, kekasih kami, tetapi kebenaran lebih kami kasih.*”

Seorang *muhaqqiq*, hafiz dan ahli sejarah. Pada tahun 741H, matanya telah buta dan 7 tahun selepas itu, iaitu pada tahun 748H, beliau meninggal dunia.

Antara kitab karangannya, *Dual al-Islam, al-Tawwabin, al-Kabair, Siar A’lam al-Nubala’* dan lain-lain.

Kedua belas: Abu Hatim

Iaitu Abu Hatim al-Razi, Imam hafiz yang besar. Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Idris bin al-Munzir al-Hanzali. Lahir pada tahun 195H dan meninggal dunia pada bulan Sya’ban tahun 277H ketika berusia 82 tahun.

Imam al-Nasaie berkata: “*Beliau seorang yang thiqah.*”

Ketiga belas: Al-Hakim

Iaitu Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Naisaburi. *Ma’ruf* dengan gelaran Ibn al-Bai’. Pengarang kitab terkenal, imam yang besar dan imam ahli *tahqiq*. Dilahirkan pada tahun 321H. Banyak merantau dan mengembara. Antaranya ke Iraq ketika berusia 20 tahun, kemudian mengerjakan haji. Seterusnya ke Khurasan dan juga di belakang sungai. Menuntut ilmu lebih daripada 2000 orang guru.

Antara yang meriwayatkan daripadanya ialah al-Daraqutni, Abu Ya’la al-Khalili, al-Baihaqi dan lainnya. Terkenal dengan karangan yang bermutu tinggi serta dengan taqwa dan pegangan agama yang kuat.

Antara karyanya yang masyhur ialah *al-Mustadrak* dan *Tarikh Naisabur*.

Beliau meninggal dunia pada bulan Safar, tahun 405H.

Keempat belas: Ibn Hibban

Iaitu Abu Hatim Muhammad bn Hibban bin Ahmad bin Hibban al-Busti. Seorang yang hafiz, lagi *`allamah*, seperti kata al-Zahabi. Mendengar daripada ulama'-ulama' Mesir sampai ke Khurasan, dengan jumlah guru yang ramai.

Al-Hakim meriwayatkan daripadanya. Antara kelebihan dan keistimewaan Ibn Hibban ialah beliau termasuk ahli fiqh agama, *hafiz athar*, berpengetahuan dalam perubatan, bintang-bintang dan pelbagai cabang ilmu.

Antara karyanya ialah *al-Musnad al-Sahih*, *al-Tarikh* dan kitab *al-Dhu`afa'*.

Beliau mengajar orang ramai di Samarqand. Al-Hakim berkata: “*Adalah Ibn Hibban, daripada yang menguasai ilmu fiqh, bahasa dan wa`az, daripada manusia yang pintar.*”

Beliau meninggal dunia pada bulan Syawal, tahun 35H, ketika usia mencecah 80 tahun.

Kelima belas: Imam al-Daraqutni

Nama sebenarnya ialah Ali bin Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas'ud bin Nu'man bin Dinar bin Abdullah Abu al-Hasan al-Daraqutni al-Baghdadi. Amirul mukminin dalam hadith.

Dilahirkan pada tahun 305H, bulan Zulkaedah dan meninggal dunia pada tahun 385H. Dikatakan beliau hidup selama 80 tahun.

Beliau dilahirkan di bandar Baghdad, perkampungan yang besar bernama Dar al-Qutn. Beliau bermazhab *salaf* dari segi *i'tiqadnya* dan sangat membenci bid'ah serta falsafah dalam perkara aqidah. Beliau berpegang teguh kepada kitab Allah dan sunnah Nabi-Nya.

Ibn al-Solah pernah berkata, diriwayatkan Ibn Tahir bahawa al-Daraqutni pernah berkata: “*Tiada dunia yang paling aku benci daripada ilmu kalam.*” Ini juga diakui oleh al-Imam al-Zahabi. Mengikuti pendapat yang masyhur, beliau bermazhab Syafie.

Antara sifat al-Daraqutni ialah seorang yang wara’ dan berani menegakkan kebenaran. Beliau seorang yang begitu tawadhu’ dan bertaqwa sehingga terjadi kisah Abdullah bin Muhammad al-Suri yang berkata: Syeikh Abdul Ghani bin Said berkata kepadaku: Aku mula menyusun kitab ***al-Muktalif wa al-Mukhtalif***. Tiba-tiba, Abu Hasan al-Daraqutni datang, sedangkan aku banyak mengambil ilmu daripadanya.

Selesai aku mengarang, beliau menyuruh aku membaca kepadanya untuk mendengar, lantas aku menjawab: “*Sebenarnya, banyak aku mengambil daripadamu.*”

Beliau berkata: “*Jangan cakap begitu. Sebenarnya, kamu mengambil daripadaku secara berselerak dan kamu kumpulkannya.*” Inilah tawadhu’ Imam dengan muridnya.

Ramai ulama’ memujinya dari sudut ingatannya, *dhabitnya*, kefahaman dan begitu juga *inayah* dan prihatinnya terhadap hadith. Banyak dirakamkan dalam majlisnya, yang menunjukkan keistimewaan tersebut.

**Kesebelas:
Pendapat Tokoh dan Ulama' Berkenaan Kitab
*al-Fiqh al-Manhaji***

Oleh kerana kitab ini amat popular di kalangan masyarakat Islam dan ulama', khususnya di Malaysia dan Nusantara, suka dinukilkan di sini pendapat tokoh akademik, cendekiawan, dan ulama' terhadap buku ini.

- "Kita perlu menyeragamkan kefahaman fiqh dalam satu mazhab sahaja supaya segala urusan pentadbiran dapat dijalankan dengan licin dan yang lebih utama ialah untuk mengelakkan perselisihan yang selalunya menyumbang kepada perpecahan di kalangan umat Islam. Sekiranya terdapat kemaslahatan yang memerlukan kepada pemakaian mazhab lain, Jabatan Mufti akan membuat kajian dan penyelidikan dari semasa ke semasa, seterusnya mengeluarkan satu fatwa untuk digunapakai oleh umat Islam di Malaysia secara amnya. Saya mengharapkan buku ini, dapat dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di masjid-masjid, surau-surau dan lain-lain. Ini kerana umat Islam perlu dibekalkan dengan ilmu yang mantap bagi mengatasi masalah kejahilan dan kekeliruan tentang hukum Islam."

(Dato' Hj. Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad, Mantan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan)

- Sesungguhnya sebaik-baik yang dilakukan oleh seseorang itu, mengkaji berkenaan halal dan haram daripada hukum, mengetahui yang sahih daripada yang rosak. Ramai para ulama' yang terdahulu mengarang kitab-kitab sama ada panjang, pendek atau dalam bentuk syarahan. Begitu juga kajian ilmiah berkenaan dengan masalah yang muncul daripada cabang syariat. Perpustakaan Islam sentiasa memerlukan kepada tambahan kerana buku ini yang menyebut perkara dasar dan asas berkenaan fiqh, yang disertakan dengan dalil daripada kitab dan sunnah dikemukakan. Tambahan daripada itu, adanya gembelangan akal daripada hikmah *tasyri'*.

Buku yang mempunyai banyak tajuk adalah amat sesuai dibaca dan mudah difahami berkenaan dengan hukum serta dalil dan hikmah. *Uslubnya* cukup mudah dan ditulis dalam bahasa semasa, sebagaimana yang dikatakan. Semoga Allah SWT merahmati pengarangnya.”

(Prof. Madya Dr. Adel Muhammad Abdul Aziz al-Geriani, USIM, Anggota Rabitah al-Alami Islami dan Mantan Timbalan Pengarah INFAD)

- ”*Subhanallah*, pada pandangan saya, kitab *al-Fiqh al-Manhaji* ini merupakan satu sumber ilmu fiqh yang wajib dipelajari dalam pengajian sama ada di masjid-masjid atau surau. Penekanan terhadap *turath* disulam dengan pendekatan. Semoga para penulis menjadikan kitab ini lebih bernilai untuk dimiliki dan difahami.”

(Ahmad Husni bin Dato’ Abd Rahman, Eksekutif Dakwah Pusat Zakat Wilayah Persekutuan)

- ”Buku *al-Fiqh al-Manhaji* mudah difahami dan dipermudahkan lagi dengan *manhaj* baru oleh Ashab al-Fadhilah pengarang. Buku ini sepatutnya berada di rumah setiap orang Islam sebagai rujukan dalam kehidupan beragama supaya Islam menjadi *the way of life*.”

(Ustaz Zawawi Yusoh, Pengarah Urusan Human Touch Consultan Sdn Bhd)

- ”Buku *al-Fiqh al-Manhaji* memiliki keistimewaan tersendiri dari sudut metod dan pendekatan yang unik. Di samping itu, ia mudah difahami oleh semua lapisan pembaca. Hal ini meletakkannya sesuai dan amat wajar dijadikan bahan rujukan fiqh, khasnya untuk masyarakat Islam di Malaysia. Saya amat berbangga dengan usaha murni untuk menterjemahkan karya bernilai ini ke dalam bahasa Melayu dengan penelitian rapi dan semakan panel yang berwibawa. Semoga usaha ini diberkati oleh Allah SWT.”

(Dr. Ahmad Najib Abdullah, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam, UM)

- ”Kitab *al-Fiqh al-Manhaji* sebuah kitab fiqh yang bersifat kontemporari, dipersembahkan dengan gaya bahasa yang mudah, perbincangan mencakupi semua bidang. Setiap ummah Muslim mesti mempunyai senaskhah kitab ini sebagai tempat rujukan.”

(Ustaz Hj. Zulkifli bin Mohamad, Pusat Pengajian Umum, UKM)

- ”Bagi pandangan saya yang sering terdedah kepada pelbagai persoalan berkaitan hukum feqah, buku ini amat jelas dan jauh daripada sebarang kekeliruan. Buku ini juga lengkap sebagai rujukan dan panduan asas hidup Muslim.”

(Ustaz Haji Wan Shohor Bani bin Leman, Pensyarah UIAM)

- ”Keistimewaan buku ini ialah setiap cabang hukum disandarkan kepada dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, di samping penjelasan yang ringkas, tetapi memadai untuk memberikan kefahaman kepada pembaca.”

(Ustaz Hj. Mohd Zaidi bin Ramli, Mantan Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan)

- ”Sebaik-baik ilmu ialah ilmu feqah kerana daripadanya manusia mengetahui yang halal daripada yang haram dan siapa yang mempelajarinya, sudah pasti mendapat kebaikan yang banyak. Kitab ini hasil susunan daripada *Lajnah* penyusunan dan *Tashih*, yang membicarakan halal dan haram mengikut al-Quran dan al-Sunnah Nabawiyyah. Begitu juga dengan permasalahan fiqh yang menjadi keperluan umat Islam masa kini. Kitab ini, *al-Fiqh al-Manhaji* amat bernilai dan berfaedah, yang cukup unik dengan ibadat, yang mudah dan mampu difahami golongan bawahan dan terpelajar. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga diberi taufiq kepada *Lajnah* ini. Amin.”

(Prof. Dr. Ibrahim Mohammad Khalaf Khilaf, Prof Feqah Perbandingan FSU, USIM)

- "Kitab ini perbahasannya merujuk kepada dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah yang sah."

(Dr. Aminudin Basir @ Ahmad, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum, UKM)

- "Buku yang ringkas, padat dan komprehensif dalam menyelusuri fiqh al-Imam al-Syafie merangkumi permasalahan utama mazhab. Sentuhan kontemporari terhadap realiti hukum juga menjadikan buku ini harus ada sebagai rujukan di setiap rumah."

(Ustaz Hj. Ahmad Shukri Yusoff, Perunding Motivasi Islam, www.fitrahpower.com)

- "*Al-Fiqh al-Manhaji* merupakan kitab fiqh terbaik di abad ini dari sudut susun atur, *manhaj* perbahasan dan isi kandungan yang dimuatkan. Ia sangat sesuai menjadi bahan bacaan, dan rujukan segera masyarakat awam apatah lagi menjadi sukatan dan rujukan di masjid dan surau kerana perbahasannya yang mudah ringkas tapi padat disertai dengan dalil. Tambahan pula perbahasan fiqh yang berasaskan Mazhab al-Syafie beserta dalil ini sangat sesuai bagi masyarakat awam Malaysia yang secara umumnya bermazhab Syafie.

Jutaan penghargaan patut diberikan kepada Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri serta Lajnah Penyusunan dan *Tashih*, yang telah mengusahakan penyusunan penterjemahannya agar kebaikan buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Islam di rantau Melayu ini."

(Ustaz Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri, Pengarah Darul Fuqaha')

- "Kitab *al-Fiqh al-Manhaji* merupakan sebuah kitab yang difahami. Walaupun ringkas, namun perbincangan di dalamnya padat dan bernas, terutama berkaitan fiqh berasaskan Mazhab al-Syafie. Amat sesuai untuk dijadikan rujukan oleh semua pihak."

(Nasruddin Yunos, Pusat Pengajian Umum, UKM)

- ”Kitab ini yang dinamakan dengan *al-Fiqh al-Manhaji* merupakan kitab yang begitu bernilai dalam memahami fiqh al-Syafie. Pendekatan semasa dan digunapakai amat sesuai untuk dipelajari pada masa kini. Kitab ini, sekalipun sebuah karya fiqh, tetapi ia mempunyai asas dan sandaran dengan nas-nas *naqli* daripada al-Quran dan al-Sunnah.”

(Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Deraman, Akademi Pengajian Islam, UM)

- ”Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas penerbitan terjemahan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* sebanyak lima jilid. Saya percaya, penerbitan terjemahan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* akan memberi manfaat dan kelebihan kepada umat Islam di dalam memahami ilmu feqah. Dengan penerbitan ini, ianya dapat membantu dan memudahkan umat Islam memahami secara mendalam isi kandungan kitab *al-Fiqh al-Manhaji* yang sebenar di dalam bahasa Arab dengan sempurna dan tepat tanpa *kekhilafan* dan ragu-ragu dari segi makna dan kefahaman. Semoga penerbitan kitab ini akan membantu umat Islam dalam mengangkat martabat dan syiar umat Islam. Wassalam.”

(Tuan Haji Lukmanul Hakim bin Haji Hanafi, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, Merangkap Penyelaras Seminar dan Wacana Institut Fatwa Sedunia INFAD)

- *Fiqh Al-Manhaji* ialah sebuah kitab yang tersusun secara sistematik, sesuai dengan nama yang diberi, *إِسْمٌ عَلَىٰ مَا يُسَمَّى*. Kitab ini telah dijadikan *muqarrar* pengajian fiqh di masjid-masjid, juga di dewan kuliah universiti atau kolej. Oleh itu, besarlah jasa al-Fadhil Ustaz Dr. Zulkifli al-Bakri dan sahabat di Lajnah Terjemahan & *Tashih* atas usaha murni untuk mendekatkan masyarakat Melayu kepada kitab-kitab Arab yang lama (*turath*), juga baru. Semoga semua usaha ini akan diberkati oleh Allah. *بارك الله فيك*.

(Abu Anas Madani, Dr. Abdul Basit Abdul Rahman, Pondok Sungai Durian, Kelantan. www.abuanasmadani.com)

Sekalung Penghargaan

Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Antaranya: Sahib al-Samahah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Hj. Mohd Yusof bin Hj. Ahmad, Lajnah Terjemah Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Pustaka Salam, Ybhg. Ustaz Saipuddin daripada Darul Syakir. Lajnah penyusunan, semakan dan *tashih* yang terdiri daripada:

- Mohd Mutawalli Sya'rawi bin Mohamad (Ketua Lajnah: Uni. Mu'tah & UKM)
- Abdul Hakim bin Dato' Hj. Azam (UNITI)
- Mohd Faizan bin Musa (UNITI & UM)
- Mohd Firdaus bin Mohd Khalil (USIM)
- Ahmad Tarmizi bin Mahmud (USIM & UKM)
- Mohd Najmuddin bin Ismail (UNITI & Uni. Al-Azhar)
- Mohd Asri bin Silahuddin (KUIS & UKM)
- Mohd Azreen bin Amir (UNITI & KUIS)
- Mohd Zulhilmi Abu Bakar (USIM)
- Ahmad Azam bin Ishak (USIM)
- Mohd Hasrol bin Harun (USIM)
- Fahrur Razi bin Salih (USIM)
- Mohd Shafiq bin Abd. Ghani (UNITI & BAKA PDRM)
- Munir Zihni bin Hassan (USIM)
- Mohd Najib bin Azahari (UNITI & UM)

- Mohd Mustaffa bin Jusoh@Yusoff (Uni. Saddam & USIM)
- Lukmanul Hakim bin Haji Hanafi (UDM, USIM & UIAM)
- Ahmad Husni bin Dato' Abd. Rahman (Uni. Islam Madinah & UM)
- Mohd Firdausil Afnan bin Razali (USIM)
- Ahmad Norfazareez bin Mohd Fauzi (USIM)
- Mohd Shazwan bin Mohd Zain (USIM)
- Mohd Basri bin Ibrahim (USIM)
- Muhammad Naim bin Kamarul Zaman (USIM)
- Abdul Manaf bin Abd Wahab (USIM)
- Mohd Syukri bin Mohd Zin (USIM)
- Ahmad Husaini bin Othman (USIM)
- Ibadurahman bin Mohamed (USIM)
- Mohd Zul Hisham bin Mohd Hassan (USIM)
- Mohamad Amir Sufi bin Mohd kamil (USIM)
- Ahmad Hamdi bin Ahmad Suhaimi (USIM)

Pengarah dan *Musyrif* Lajnah:

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

MUQADDIMAH PENGARANG AL-FIQH AL-MANHAJI

Pendahuluan

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam, yang berfirman dalam kitab-Nya yang amat nyata:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ

Maksudnya: *Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama.*⁵

(Surah al-Taubah: 122)

Selawat dan salam ke atas penghulu kita, Nabi Muhammad SAW, iaitu Rasul yang bersifat amanah dan pemimpin agung kepada umat Islam, yang bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan kepadanya, dia akan diberikan kefahaman tentang agama.”

Riwayat al-Bukhari (1/39), Muslim (7/128), Imam Ahmad (1/306) dan Abu Nuaim dalam *al-Hilyah* (3/362)

Begitu juga keluarga yang bersih dan para sahabatnya yang menyebarkan agama tersebut dengan hujah dan dalil yang terang dan jelas. Sesungguhnya perkara yang terbaik dilakukan oleh seseorang ialah mengenali hukum-hakam halal dan haram dan mengetahui perbuatan yang

⁵ Syeikh al-Maraghi dalam tafsirnya berkata: Ayat ini diturunkan bagi melengkapkan hukum-hakam yang bersangkutan dengan perjuangan, iaitu hukum mengenai penceriaan ilmu dan mendalami urusan agama. Ertinya, melalui mempelajari ilmu agama secara mendalam, itu merupakan suatu cara berjuang yang menggunakan hujah dan menyampaikan beberapa bukti dan juga merupakan suatu rukun yang terpenting dalam aspek menyeru kepada keimanan dan menegakkan sendi-sendi Islam.

betul dan salah. Justeru, ilmu fiqh memainkan peranan utama untuk menjelaskan kesemua perkara tersebut.

Para ulama' kita yang terdahulu telah mengarang banyak kitab tentang ilmu fiqh. Tidak syak lagi bahawa setiap pengarang yang mulia tersebut, pasti telah melihat adanya ruang-ruang ilmu yang menuntut mereka membuat pengisian dan adanya keperluan yang menuntut mereka melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh. Ada di kalangan mereka mendapatinya perlu membuat huraian secara meluas, manakala yang lain pula mendapatinya sangat perlu kepada rumusan dan ringkasan sahaja.

Begitu juga ada di kalangan mereka yang mengarangnya dalam bentuk puisi atau prosa. Seterusnya, ada yang mengkaji masalah-masalah yang penting serta bahagian-bahagian yang berkaitan dengannya. Di samping itu, ada juga pengarang yang membataskan kajiannya kepada masalah-masalah yang penting sahaja tanpa mengemukakan bahagian-bahagian tersebut.

Mereka mengarang kitab masing-masing dengan tujuan mengisi kekosongan yang perlu dipenuhi, dan mengatasi kekurangan di dalam perpustakaan Islam. Semoga Allah SWT meredhai usaha yang mereka lakukan dan mencatatkannya sebagai sedekah jariah dan ilmu yang bermanfaat yang tidak habis-habis pahalanya sehingga hari Kiamat.

Oleh yang demikian, kami mendapati keperluan kepada sesuatu penulisan tentang fiqh yang membicarakan masalah-masalah yang penting beserta dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah, yang disertakan keterangan-keterangan tentang hikmah pensyariatannya, yang terjangkau oleh pemikiran kami dalam bahasa yang mudah, di samping memperbanyakkan tajuk yang menjelaskan beberapa permasalahan lagi. Walaupun menyedari bahawa kami belum lagi setaraf dengan tokoh-tokoh fuqaha' yang terdahulu, namun kami berasa amat berkewajipan melakukan tanggungjawab tersebut. Justeru, kami memohon pertolongan Allah SWT untuk menunaikan tanggungjawab ini sedaya upaya kami. Biarlah mereka yang berkelayakan melengkapkan yang kurang, memperbaiki yang tidak tepat dan membetulkan yang salah. Ini

kerana walaupun telah mencurahkan segala daya usaha, kami tidaklah mencapai matlamat.⁶

Di sini, kami mengemukakan hasil yang pertama daripada penulisan tersebut, yang mengandungi tajuk bersuci dan solat yang wajib diketahui oleh setiap Muslim.

Kami menamakan buku ini dengan *al-Fiqh al-Manhaji*⁷ ***Berdasarkan Kepada Mazhab Imam al-Syafie.***

Dalam bahasa Arab disebut (الفقه المنهجي على مذهب الإمام الشافعي).

Harapan kami kepada mereka yang inginkan yang terbaik agar menunjukkan kami perkara yang terlepas daripada matlamat yang kami tuju dan bukannya menjatuhkan kami serta mencari salah semata-mata.

Ya Allah! Tuluskanlah niat dan amalan kami, taufiqkanlah kami kepada sesuatu yang Engkau sukai dan redhai, manfaatilah umat Islam dengan amalan yang kami lakukan ini dan tunjukkanlah kami ke jalan yang lurus dan jalan yang Engkau redhai, Amin...

⁶ Inilah sifat yang sepatutnya wujud di kalangan penulis dan tokoh ulama' Islam kerana kesempurnaan hanya milik Allah. Justeru, benarlah kata-kata Imam al-Syafie yang berbunyi: *أبي الله إلا أن يتم كتابه*

⁷ Penterjemah tetap mengekalkan tajuk ini dengan nama yang diberikan oleh pengarang, iaitu *al-Fiqh al-Manhaji*. Ia membawa maksud fiqh yang mempunyai *manhaj* atau sistem berdasarkan Mazhab Imam al-Syafie.

MUQADDIMAH PENGARANG AL-FIQH AL-MANHAJI

PENGENALAN

Ilmu Fiqh, Sumber dan Istilahnya

Pengertian Fiqh

Fiqh mempunyai dua pengertian. Pertama, pada bahasa dan kedua, pada istilah.

Fiqh pada bahasa berarti faham. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَمَالِ هَتُّؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا

Maksudnya: *Maka, apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)?*

(Surah al-Nisa': 78)

Firman Allah SWT lagi:

وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

Maksudnya: *Akan tetapi, kamu tidak faham akan tasbih mereka.*

(Surah al-Isra': 44)

Begitu juga hadits sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقِصْرَ خُطْبَتِهِ مَنَّةٌ مِّنْ فَقْهِهِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya seseorang yang lama solatnya dan pendek khutbahnya adalah tanda kefahamannya.”*

Riwayat Muslim (869)

Pengertian fiqh pada istilah pula membawa kepada dua maksud:

Pertama: Mengetahui hukum-hukum syara' yang berkaitan dengan segala perbuatan dan perkataan *mukallaf* berdasarkan kepada dalil-dalil yang terperinci, iaitu nas al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan ijtihad, yang diambil daripada kedua-duanya. Sebagaimana diketahui bahawa niat ketika berwudhu' adalah wajib berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya setiap amalan adalah dengan niat.*”

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Berniat pada waktu malam adalah syarat sah puasa. Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصِّيَامَ قَبْلَ طُلُوعِ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ

Maksudnya: “*Sesiapa yang tidak berniat untuk berpuasa sebelum fajar terbit, puasanya tidak dikira.*”

Riwayat al-Baihaqi (4/202) dan al-Daruqutni (2/172) yang mengatakan semua periwayatnya *thiqah*.

Begitu juga solat witir adalah sunat berdasarkan hadith seorang Badwi yang bertanya Rasulullah SAW tentang solat fardhu, kemudian katanya: “*Adakah solat yang lain lagi diwajibkan ke atasku?*”

Baginda menjawab: “*Tidak, kecuali kamu melakukan solat sunat.*”

Seterusnya, solat sunat selepas solat Asar adalah makruh berdasarkan Rasulullah SAW telah menegah melakukannya selepas solat Asar hingga matahari terbenam. Contoh yang lain lagi ialah menyapu sebahagian kepala ketika berwudhu' adalah wajib. Firman Allah SWT:

وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ

Maksudnya: *Dan sapulah sebahagian dari kepala kamu.*

(Surah al-Maidah: 6)

Kedua: Hukum syara' itu sendiri. Justeru, apabila dikatakan: “*Kamu mempelajari fiqh.*” Ia bererti mempelajari hukum-hukum syara' yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh yang diambil daripada al-Quran, al-Sunnah, ijma' ulama' dan *ijtihad* mereka.

Contohnya, hukum-hukum wudhu', solat, jual beli, perkahwinan dan penyusunan, jihad dan lain-lain. Kesemua hukum syara' ini juga dinamakan fiqh dari segi istilah. Perbezaan antara dua istilah tersebut ialah:

1. Istilah pertama digunakan untuk mengetahui hukum-hukum.
2. Istilah kedua digunakan pada hukum syara' itu sendiri⁸.

Kaitan Antara Fiqh dan Aqidah Islamiyyah

Antara keistimewaan fiqh Islam, sebagaimana yang telah dijelaskan ialah hukum-hukum syara' yang mengatur segala perbuatan dan perkataan *mukallaf*. Ia mempunyai hubungan yang sangat kukuh dengan iman kepada Allah SWT dan mempunyai kaitan yang rapat dengan asas-asas aqidah Islamiyyah, terutamanya yang berkaitan dengan aqidah keimanan kepada hari Akhirat.

Hal demikian kerana aqidah keimanan kepada Allah SWT menjadikan seseorang Muslim itu berpegang teguh dengan segala hukum agama serta memandu mereka ke arah perlaksanaannya dengan penuh ketaatan dan kerelaan.

Begitu juga orang yang tidak beriman kepada Allah SWT tidak terikat dengan ibadat solat dan puasa. Mereka akan bertindak tanpa mengira halal dan haram. Justeru, beriltizam dengan segala hukum syara' merupakan satu cabang daripada beriman kepada Allah SWT yang telah menurunkan syariat kepada hamba-hamba-Nya.

⁸ Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* menyebut, istilah Imam Abu Hanifah berkenaan dengan fiqh, iaitu: Pengetahuan *makrifah* oleh seseorang tentang hak dan kewajipannya. Pengetahuan *makrifah* itu dimaksudkan dapat menangani persoalan cabang berdasarkan dalil. Maksudnya ialah sebab atau alasan-alasannya, iaitu bakat yang lahir kerana mengikut kaedah-kaedah yang sering dibuat dari semasa ke semasa.

Contoh-contoh dalam al-Quran yang menjelaskan hubungan antara fiqh dengan iman amat banyak. Memadailah disebutkan sebahagian daripadanya untuk mengetahui sejauh mana kaitan antara hukum dengan iman dan antara syariat dengan aqidah.

Allah SWT memerintahkan orang-orang yang beriman supaya bersuci dan menjadikannya sebahagian daripada tuntutan iman kepada-Nya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku.*

(Surah al-Maidah: 6)

Allah SWT menyebut tentang solat dan zakat, seiring beriman dengan hari Kiamat. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ

Maksudnya: *Iaitu mereka yang tetap mendirikan sembahyang dan memberi zakat, sedang mereka pula percaya dengan yakin akan hari akhirat.*

(Surah al-Naml: 3)

Allah SWT memfardhukan puasa yang membawa seseorang kepada bertaqwa dan menghubungkannya dengan iman. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah: 183)

Allah SWT menyebutkan sifat-sifat terpuji yang menghiasi pribadi seseorang Islam dan dikaitkan dengan keimanan kepada-Nya. Begitu juga dengan sifat-sifat yang melayakkan mereka memasuki syurga. Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ
 اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ
 حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ
 ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ
 وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ
 الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyu' dalam sembahyangnya, dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya.*

(Surah al-Mu'minun: 1-11)

Allah SWT memerintahkan kaum lelaki berinteraksi secara baik dengan kaum wanita.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا ۖ وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ
لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ ۚ وَعَاشِرُوهُنَّ
بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَجَعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا
كَثِيرًا .

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepada-Nya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian, jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).*

(Surah al-Nisa': 19)

Allah SWT memerintahkan para isteri yang diceraikan ber`iddah dengan tiga kali suci daripada haidh dan tidak menyembunyikan kandungan yang ada di dalam rahimnya sekiranya hamil. Perkara tersebut telah dikaitkan dengan beriman kepada Allah SWT serta hari Kiamat. Firman Allah SWT:

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ۚ وَلَا تَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا
خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنَنَّ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya: *Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haidh). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat.*

(Surah al-Baqarah: 228)

Allah SWT memerintahkan manusia supaya menjauhi arak, menyembelih untuk berhala dan bertenung nasib dengan batang-batang anak panah, setelah menyeru mereka dengan sifat iman, sebagaimana menandakan bahawa menjauhi perkara-perkara yang dilarang tersebut ada kaitannya dengan kesucian dan kemurniaan iman mereka. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

(Surah al-Maidah: 90)

Allah SWT mengharamkan riba dan mengaitkan perbuatan meninggalkannya dengan ketaqwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan kepada Allah.

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.*

(Surah ali-Imran: 130)

Firman Allah SWT lagi:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.*

(Surah al-Baqarah: 278)

Allah SWT menggesa orang yang beriman supaya beramal, merasa dirinya bertanggungjawab dan sentiasa dalam pemerhatian Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

(Surah al-Taubah: 105)

Demikianlah, jarang sekali didapati mana-mana hukum agama di dalam al-Quran itu melainkan disertakan dengan tuntutan beriman kepada Allah SWT dan mempunyai ikatan dengan asas-asas aqidah Islamiah.

Oleh itu, fiqh Islam membawa kesucian agama dan mempunyai kekuatan rohani kerana ia merupakan hukum-hukum *syara'* yang datang daripada Allah SWT dan mendapat kemurkaan-Nya jika diingkari. Ia bukanlah semata-mata undang-undang yang terpisah daripada perasaan hati kecil manusia terhadap ikatan dan hubungan dengan pencipta-Nya, iaitu Allah SWT. Firman Allah SWT:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي
أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah kamu hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

(Surah al-Nisa': 65)

Fiqh Islam Merangkumi Semua Keperluan Manusia

Tidak syak lagi bahawa kehidupan manusia merangkumi pelbagai aspek dan kebahagiaan mereka diperolehi dengan memelihara semua aspek tersebut melalui peraturan dan perundangan.

Oleh sebab fiqh Islam merupakan hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya bagi menjaga kemaslahatan dan menghindari kerosakan, justeru, fiqh Islam datang dalam keadaan merangkumi aspek tersebut dan menyusun semua keperluan manusia dengan hukum-hukumnya.

Jika diperhatikan kitab-kitab fiqh yang mengandungi hukum-hukum *syara'* yang bersandarkan kepada kitab Allah SWT, sunnah Rasulullah SAW, ijma' ulama' dan ijtihad mereka, kita akan dapati hukum-hukum tersebut terbahagi kepada tujuh bahagian dan daripadanya dibentuk peraturan umum bagi menjamin kehidupan manusia secara individu atau bermasyarakat.

Hukum Ibadat

Hukum ibadat ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan beribadat kepada Allah SWT, seperti berwudhu', solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain.

Hukum Kekeluargaan

Hukum kekeluargaan ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan kekeluargaan, seperti perkahwinan, perceraian, keturunan, penyusunan, nafkah, pembahagian harta dan lain-lain.

Hukum Muamalat

Hukum muamalat ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia dan hubungan sesama mereka, seperti jual beli, gadaian, sewaan, pendakwaan dan keterangan-keterangan, penghakiman dan lain-lain.

Hukum Pemerintahan atau *Siasah Syar'iyah*

Hukum pemerintahan ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan tanggungjawab pemerintah, seperti menegakkan keadilan, membasmi kezaliman dan melaksanakan undang-undang. Begitu juga hukum-hukum yang berkaitan dengan kewajipan rakyat supaya mentaati pemimpin dalam perkara yang bukan maksiat dan lain-lain lagi.

Kanun Keseksaan (قَانُونُ الْعُقُوبَاتِ)

Kanun keseksaan ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan hukum yang dikenakan terhadap penjenayah, memelihara keamanan dan peraturan, seperti hukuman kepada pembunuh, pencuri, peminum arak dan seumpamanya.

Hukum Hubungan Antarabangsa (سِيَر)

Hukum hubungan antarabangsa ialah hukum-hukum yang mengatur hubungan antara negara Islam dengan negara-negara lain dari segi peperangan, perdamaian dan lain-lain.

Adab dan Akhlak

Adab dan akhlak ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan akhlak, maruah, budi pekerti yang baik dan buruk serta lain-lain lagi.

Demikianlah fiqh Islam merangkumi segala hukum yang berkaitan dengan keperluan manusia dan semua kemudahan hidup individu dan masyarakat.

Pertimbangan Fiqh Islam Mengelak Kesulitan

Sesungguhnya Islam adalah agama yang menjaga keperluan dan menjamin kebahagiaan manusia melalui hukum-hakam yang disyariatkan. Justeru, hukum-hukum tersebut mampu dilaksanakan oleh manusia.

Apabila seseorang *mukallaf* menghadapi kesulitan di luar kemampuannya untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dan ia boleh membawa kepada bebanan yang lebih berat disebabkan keadaan-keadaan tertentu, maka agama membuka pintu kemudahan dan keringanan kepadanya.

Dalil Menunjukkan Islam Sebagai Agama yang Mudah

Tiada dalil yang lebih jelas menunjukkan Islam agama yang memberi kemudahan selain daripada firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: *Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*

(Surah al-Haj: 78)

Seterusnya, firman Allah SWT:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.*

(Surah al-Baqarah: 185)

Firman Allah SWT lagi:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

(Surah al-Baqarah: 286)

Begitu juga hadith Rasulullah SAW:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya agama Islam itu adalah mudah.*”

Riwayat al-Bukhari (39)

Contoh Kemudahan yang Diberikan oleh Islam

Bersolat di dalam keadaan duduk bagi mereka yang tidak mampu untuk berdiri. Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: “*Bersolatlah kamu secara berdiri. Jika tidak mampu, maka secara duduk, dan jika tidak mampu juga, bersolatlah secara mengiring.*”

Riwayat al-Bukhari (1066)

Memendekkan (*qasar*) solat empat rakaat menjadi dua rakaat dan menghimpunkan dua solat bagi orang yang musafir. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “*Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa ‘mengqasarkan’ (memendekkan) sembahyang.*”

(Surah al-Nisa’: 101)

Begitu juga hadits daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمَعُ بَيْنَ صَلَاةِ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَى ظَهْرِ سَيْرٍ، وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW menghimpunkan solat Zohor dan Asar ketika Baginda bermusafir, begitu juga Baginda menghimpunkan solat Maghrib dan Isya’.*”

Riwayat al-Bukhari (1056)

Sumber-sumber Fiqh

Sebagaimana dijelaskan bahawa fiqh Islam adalah himpunan hukum-hukum syara’ yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Semua hukum adalah berdasarkan kepada empat sumber berikut:

1. Al-Quran
2. Al-Sunnah
3. Al-Ijma’
4. Al-Qias

Al-Quran

Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kufur kepada cahaya keimanan. Ia tertulis di lembaran-lembaran kertas. Al-Quran juga merupakan sumber rujukan bagi menentukan hukum-hukum fiqh Islam.

Apabila menghadapi sesuatu masalah, maka hendaklah kembali kepada al-Quran terlebih dahulu untuk mencari hukum. Jika didapati hukum tersebut di dalamnya, maka hendaklah berhukum dengannya dan tidak boleh merujuk kepada yang lain daripada al-Quran.

Apabila ditanya berkenaan hukum arak, berjudi, pemujaan batu-batu berhala dan penentuan nasib melalui anak-anak panah, maka hendaklah

kembali kepada al-Quran, nescaya akan didapati di dalamnya seperti firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

(Surah al-Maidah: 90)

Seterusnya, jika ditanya berkenaan dengan jual beli dan riba', maka didapati hukumnya di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: *Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.*

(Surah al-Baqarah: 275)

Apabila ditanya lagi tentang hukum memakai hijab, maka didapati hukumnya berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

Maksudnya: *Janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.*

(Surah al-Nur: 31)

Maksud menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala ialah menutup bahagian atas tubuhnya (dada dan leher) berserta kepala. Hukum tersebut juga terdapat pada firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ قُلُوبًا لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيبِهِنَّ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya: *Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar), cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah al-Ahzab: 59)

Demikianlah al-Quran merupakan sumber pertama hukum-hukum fiqh Islam. Walau bagaimanapun, ayat-ayat al-Quran tidaklah menjelaskan semua jenis masalah yang kecil dan tidaklah menerangkan semua hukum serta menyatakan nas mengenainya. Sekiranya al-Quran berbuat demikian, tentulah lebih berganda banyaknya daripada keadaan yang ada sekarang.

Sesungguhnya al-Quran hanya menerangkan aqidah secara terperinci dan secara umum tentang ibadat dan muamalat. Ia juga menggariskan panduan umum bagi kehidupan umat Islam, manakala sunnah pula menghuraikannya secara lebih terperinci.

Contohnya, al-Quran menyuruh manusia mendirikan solat tanpa menjelaskan cara melakukannya dan bilangan rakaatnya. Begitu juga dalam masalah mengeluarkan zakat, ia tidak menerangkan kadar, nisab dan harta yang wajib dikeluarkan zakat.

Al-Quran seterusnya, memerintahkan manusia melaksanakan janji yang dibuat, tetapi tidak menjelaskan aqad-aqad janji yang sah, yang wajib ditunaikan dan disempurnakan. Demikianlah juga dalam banyak lagi masalah yang lain.

Sesungguhnya al-Quran mempunyai kaitan yang rapat dengan sunnah Nabi SAW, yang menjelaskan garis-garis panduan dan masalah yang umum tersebut secara jelas dan terperinci.

Al-Sunnah

Al-Sunnah ialah semua yang diambil daripada Nabi SAW, iaitu perkataan, perbuatan dan pengakuan (تَقْرِيرٌ). Contoh perkataan Nabi SAW ialah hadith. Nabi SAW bersabda:

سَبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ، وَقِتَالُهُ كُفْرٌ

Maksudnya: “Mencaci atau mencela orang Islam adalah fasiq atau memerangnya adalah kufur.”

Riwayat al-Bukhari (48) dan Muslim (64)

Contoh perbuatan pula ialah hadith:

Daripada Aisyah R.Anha, apabila ditanya tentang apakah yang dibuat oleh Rasulullah SAW di rumahnya, Aisyah menjawab:

مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْنَعُ فِي بَيْتِهِ؟ قَالَتْ: كَانَ يَكُونُ فِي مِهْنَةِ أَهْلِهِ فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ قَامَ إِلَيْهَا

Maksudnya: “Rasulullah SAW melakukan kerja keluarganya, iaitu membantu mereka, dan apabila tiba waktu solat, Rasulullah SAW pergi menunaikannya.”

Riwayat al-Bukhari (676)

Contoh pengakuan adalah sebagaimana hadith:

Nabi SAW melihat seorang lelaki bersolat dua rakaat setelah menunaikan solat Subuh, lalu Baginda bersabda:

صَلَاةُ الصُّبْحِ رَكَعَتَانِ. فَقَالَ: الرَّجُلُ إِنِّي لَمْ أَكُنْ صَلَّيْتُ الرَّكَعَتَيْنِ اللَّتَيْنِ قَبْلَهُمَا فَصَلَّيْتُهُمَا الْآنَ. فَسَكَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Solat Subuh dua rakaat sahaja. Lelaki berkata: Aku belum bersolat sunat dua rakaat sebelum solat Subuh, maka aku melakukannya sekarang. Lalu Rasulullah SAW pun diam.”

Riwayat Abu Daud (1267)

Diam Rasulullah SAW ini dianggap satu pengakuan daripada Baginda bahawa solat *qabliyah* selepas solat fardhu adalah disyariatkan bagi mereka yang belum melakukannya sebelum solat fardhu tersebut.

Martabat al-Sunnah

Al-Sunnah menduduki martabat kedua sebagai sumber rujukan selepas al-Quran. Dengan erti kata yang lain, hendaklah merujuk al-Quran dahulu, kemudian sekiranya tidak didapati hukum di dalamnya, barulah merujuk kepada al-Sunnah.

Apabila didapati hukum tersebut di dalam al-Sunnah, maka hendaklah mengamalkannya sebagaimana beramal dengan al-Quran, dengan syarat hukum tersebut mestilah *thabit* daripada Rasulullah SAW dengan sandaran (*سَنَدٌ*) yang sah.

Peranan al-Sunnah

Peranan al-Sunnah adalah menjelaskan dan menerangkan isi kandungan al-Quran. Sebagaimana yang dijelaskan bahawa al-Quran menyatakan dalil wajib solat dalam bentuk yang umum, manakala al-Sunnah pula menerangkannya dengan terperinci cara-cara melakukannya dari segi perkataan dan perbuatan. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang bersabda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Maksudnya: “Bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat.”

Riwayat al-Bukhari (605)

Al-Sunnah telah menerangkan cara-cara melakukan ibadat haji sebagaimana hadith bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ

Maksudnya: “Ambillah contoh daripadaku cara-cara melakukan ibadat haji kamu.”

Riwayat al-Bukhari (105)

Begitu juga al-Sunnah telah menerangkan perjanjian (عَقْد) yang harus dan yang haram dalam muamalat dan lain-lain lagi. Selain itu, al-Sunnah juga mensyariatkan beberapa hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran, seperti hukum haram memakai cincin emas dan memakai sutera bagi orang lelaki.

Kesimpulannya, al-Sunnah adalah sumber kedua selepas al-Quran dan wajib beramal dengan hukumnya. Ia amatlah perlu bagi memahami al-Quran dan beramal dengannya.

Al-Ijma'

Al-Ijma' bermaksud persetujuan semua ulama' mujtahid di kalangan umat Nabi Muhammad SAW pada satu-satu zaman terhadap sesuatu hukum syara'.

Justeru, apabila para ulama' sama ada pada zaman sahabat atau selepasnya bersepakat terhadap satu-satu hukum syara', maka persepakatan mereka dikenali sebagai ijma'. Hukum beramal dengannya adalah wajib.

Dalilnya ialah Nabi SAW pernah menyatakan bahawa ulama' Islam tidak akan bersepakat dalam perkara kesesatan. Oleh itu, apa-apa yang disepakati ulama' adalah benar.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Basrah al-Ghifari RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

سَأَلْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لَا يَجْمَعَ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ فَأَعْطَانِيهَا

Maksudnya: “Aku memohon kepada Allah SWT agar tidak menghimpunkan umatku di dalam perkara kesesatan, lalu Allah memperkenankannya.”

Riwayat Ahmad dalam *Musnadnya* (6/396)

Contohnya, para sahabat Nabi SAW bersepakat menetapkan bahawa datuk mendapat 1/6 bahagian daripada harta pusaka apabila si mati mempunyai anak lelaki dan tiada bapa.

Martabat al-Ijma'

Al-Ijma' merupakan sumber rujukan ketiga daripada sumber-sumber hukum. Apabila tidak terdapat sesuatu hukum di dalam al-Quran dan al-Sunnah, maka hendaklah diselidiki sama ada perkara tersebut telah disepakati oleh para ulama' ataupun tidak. Sekiranya telah disepakati, ia adalah merupakan ijma' ulama' yang mesti diterima dan diamalkan.

Al-Qias

Maksud *al-Qias* ialah mengaitkan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan hukumnya dengan perkara lain, yang dinaskan hukumnya kerana ada persamaan sebab (علة) sesuatu hukum pada kedua-duanya.

Oleh itu, hendaklah merujuk kepada *al-Qias* apabila tidak mendapati ayat-ayat al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' ulama' yang menjelaskan hukum sesuatu masalah.

Martabat al-Qias

Al-Qias merupakan sumber rujukan keempat daripada sumber-sumber hukum.

Rukun al-Qias

Al-Qias mempunyai 4 rukun, iaitu:

1. Perkara *asal* yang menjadi asas untuk diqiaskan.
2. *Furu'*, iaitu perkara baru yang diqiaskan.
3. Hukum *asal* yang dinaskan.
4. *'Illah*, iaitu sebab yang menyamakan hukum antara *asal* dan *furu'*.

Contoh al-Qias

Allah SWT mengharamkan arak sebagaimana yang telah dinaskan di dalam al-Quran. *`Illah* arak diharamkan adalah kerana ia memabukkan dan boleh menghilangkan akal.

Apabila didapati mana-mana minuman yang namanya bukannya arak, tetapi memabukkan, maka hendaklah dihukumkan haram. Ini kerana ia diqiaskan dengan arak. Sebab *`illah* pengharaman arak terdapat pada minuman tersebut. Oleh itu, ia dihukumkan haram sebagaimana hukum minuman arak.

Sesungguhnya inilah sumber-sumber hukum syara'. Penjelasan lanjut yang terperinci mengenainya bolehlah didapati daripada buku-buku usul fiqh.

Kepentingan Beriltizam dengan Fiqh Islam dan Berpegang dengan Hukumnya

Allah SWT telah mewajibkan orang Islam supaya berpegang teguh dengan hukum-hukum fiqh Islam dan beriltizam dengannya dalam semua aktiviti kehidupan dan hubungan sesama manusia. Hukum-hukum tersebut semuanya bersandarkan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

Sementara al-Ijma' dan al-Qias juga sebenarnya berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Apabila orang Islam mengharuskan hukum-hukum fiqh Islam ditinggalkan, bermakna mereka juga mengharuskan al-Quran dan al-Sunnah ditinggalkan dan perbuatan ini membatalkan keseluruhan agama Islam.

Ketika itu, mereka yang mengaku sebagai orang Islam dan mendakwa sebagai orang yang beriman, pengakuan tersebut tidak memberi apa-apa manfaat dan faedah lagi kepada mereka. Ini kerana iman pada hakikatnya adalah membenarkan di dalam hati apa-apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan yang terkandung di dalam kitab-Nya dan Sunnah Rasulullah SAW.

Islam yang hakiki pula ialah taat dan melakukan segala yang dibawa oleh Rasulullah SAW daripada Tuhannya dengan patuh dan redha. Hukum-hukum fiqh adalah tetap, tidak berubah, tidak bertukar dengan perubahan dan pertukaran masa dan tidak harus meninggalkannya dalam keadaan apa jua sekalipun.

Dalil al-Quran dan al-Sunnah

Terdapat banyak dalil di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang menunjukkan wajib beriltizam dengan hukum-hukum fiqh dan berpegang teguh dengannya.

Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ

Maksudnya: *(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad): Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah.*

(Surah al-A'raf: 3)

Firman Allah SWT lagi:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.*

(Surah al-Nisa': 65)

Seterusnya, firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: *Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya, maka patuhilah larangan-Nya.*

(Surah al-Hasyr: 7)

Begitu juga firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرْنَاكَ اللَّهُ وَلَا تَكُن لِلْخَائِبِينَ خَصِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya), dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.*

(Surah al-Nisa': 105)

Nas-nas tersebut menyuruh manusia supaya mengikut perintah Allah SWT dan menjadikan Rasulullah SAW serta sunnahnya sebagai hakim kepada semua yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia dan juga melarang mereka daripada melanggar perintah Allah SWT dan Rasul-Nya.

Justeru, sesiapa yang memilih hukum-hukum yang lain selain daripada yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya, bermakna mereka telah sesat.

Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْحَيْرَةُ
مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعَصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا

Maksudnya: Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

(Surah al-Ahzab: 36)

Dalil al-Sunnah

Terdapat banyak hadith, antaranya:

Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

Maksudnya: “Sesiapa yang mentaati aku, sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan sesiapa yang menderhakai aku, sesungguhnya dia telah menderhakai Allah.”

Riwayat al-Bukhari (2797) dan Muslim (1835)

Seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ

Maksudnya: “Demi Tuhan yang diriku berada di bawah kekuasaan-Nya, tidak beriman seseorang daripada kamu sehinggalah keinginannya mengikut apa yang aku bawa.”

Riwayat Imam Nawawi dalam hadith empat puluh satu (41) yang menyatakan bahawa hadith ini adalah hadith sahih.

Begitu juga hadith Rasulullah SAW:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي

Maksudnya: “Wajiblah kamu berpegang dengan sunnahku.”

Riwayat Abu Daud (4607) dan al-Tirmizi (2678)

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: “Aku tinggalkan kamu suatu perkara yang selagi kamu berpegang dengannya, kamu tidak akan sesat, iaitu Kitab Allah dan Sunnahku.”

Riwayat Muslim (1218,) Abu Daud (1905) dan *al-Muwatta'* (2/899)

Dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah tersebut jelas menunjukkan betapa wajibnya mengikut hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah di dalam kitab-Nya kepada hamba-hamba-Nya dan juga hukum-hukum yang disyariatkan melalui hadith Nabi SAW.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: Hendaklah mereka yang mengingkari perintah-Nya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Surah al-Nur: 63)

Pengertian Istilah Ilmu Fiqh

Sebelum memulakan bab-bab fiqh dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya, perlulah diketahui beberapa istilah yang berkisar kepada semua hukum fiqh dalam semua bab. Istilah-istilah tersebut ialah:

Pertama: Fardhu

Fardhu ialah sesuatu yang dituntut oleh Allah SWT dengan tuntutan secara muktamad dan pelakunya diberikan pahala, manakala yang meninggalkannya dikenakan azab. Contohnya, ibadat puasa. Syariat Islam menuntut supaya menunaikannya dengan tuntutan secara muktamad. Firman Allah SWT:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

Maksudnya: *Kamu diwajibkan berpuasa.*

(Surah al-Baqarah: 183)

Oleh itu, sesiapa yang berpuasa akan diberikan nikmat di dalam syurga dan sekiranya tidak berpuasa, akan dikenakan azab di dalam neraka.

Kedua: Wajib

Dalam Mazhab al-Syafie, *wajib* dan *fardhu* adalah sama kecuali pada bab haji. Wajib dalam bab tersebut ialah perkara yang tidak menjadi syarat sah ibadat haji. Dengan kata lain, meninggalkan perkara wajib haji tidak menyebabkan ibadat haji batal.

Contohnya, melontar anak-anak batu di ketiga-tiga *jamrah*, berihram di Miqat dan perkara wajib haji yang lain. Oleh itu, sesiapa yang meninggalkan perkara-perkara wajib dalam ibadat haji, hajinya tetap sah, tetapi dia dianggap telah melakukan kesalahan.

Justeru, dia wajib menggantikannya dengan *fidyah*, iaitu menyembelih binatang ternakan. Sementara *fardhu* dalam bab haji ialah perkara yang apabila ditinggalkan, akan menyebabkan ibadat haji luput dan tidak sah. Contohnya, wuquf di Arafah, tawaf *ifadhah* dan fardhu-fardhu yang lain. Sesiapa yang meninggalkannya ketika menunaikan haji, batallah ibadat hajinya.

Ketiga: Fardhu Ain

Fardhu Ain ialah tuntutan wajib atas setiap individu *mukallaf* dengan tuntutan secara muktamad, seperti solat, puasa dan haji bagi yang tidak berkemampuan. Ibadat-ibadat ini wajib ke atas setiap *mukallaf* dan tidak memadai didirikan oleh sebahagian *mukallaf* sahaja.

Keempat: Fardhu *Kifayah*

Fardhu kifayah adalah suatu tuntutan atas sekumpulan orang Islam, bukan atas setiap individu. Dengan kata lain, apabila sebahagian daripada mereka melakukan tuntutan tersebut, maka sudah memadai dan dosa orang lain yang tidak melakukannya gugur. Tetapi, semuanya berdosa dan dianggap derhaka sekiranya tidak ada seorang pun yang melakukannya.

Contohnya, menguruskan jenazah dan melakukan solat jenazah ke atasnya. Dalam hal ini, menjadi kewajipan ke atas orang Islam untuk menguruskan jenazah dengan memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikannya.

Kewajipan ini akan tertunai apabila seorang daripada mereka melakukannya. Sekiranya tidak ada seorang pun yang menguruskannya, maka semua orang Islam berdosa kerana meninggalkan *fardhu kifayah*.

Kelima: Rukun

Rukun ialah perkara yang wajib dilakukan dalam sesuatu amalan. Ini kerana ia adalah sebahagian daripada hakikat amalan tersebut, seperti membaca al-Fatihah, ruku' dan sujud ketika bersolat. Kesemuanya ini dinamakan rukun.

Keenam: Syarat

Syarat ialah perkara yang wajib dilakukan dalam sesuatu amalan, tetapi bukanlah sebahagian daripada hakikat amalan itu, bahkan perkara tersebut mendahuluinya, seperti berwudhu' masuk waktu solat dan menghadap kiblat. Semua perkara tersebut adalah di luar hakikat solat, tetapi perlu berlaku

sebelum menunaikannya untuk memastikan solat tersebut sah. Kesemuanya ini dinamakan syarat.

Ketujuh: Mandub (مَنْدُوب)

Mandub ialah perkara yang dituntut oleh syara' melakukannya, tetapi dengan tuntutan secara tidak muktamad dan diberikan pahala jika melakukannya serta tidak berdosa jika meninggalkannya. Contohnya, solat Dhuha, qiamullail, berpuasa enam hari pada bulan Syawal dan lain-lain.

Ibadat-ibadat ini akan diberikan pahala kepada sesiapa yang melakukannya, tetapi tidak berdosa meninggalkannya. *Mandub* juga disebut *sunat* (سُنَّة), *mustashab* (مُسْتَحَب), *tatauwu'* (تَطَوُّع) dan *nafal* (نَفْل), yang membawa maksud yang sama.

Kelapan: Harus (مُبَاح)

Harus ialah suatu perkara yang sama saja hukumnya sama ada melakukan atau meninggalkannya. Ini kerana syara' tidak memerintahkan kita meninggalkan atau melakukannya. Malah, kita diberikan kebebasan sama ada untuk melakukannya ataupun tidak. Justeru, perbuatan tersebut tidak diberikan pahala atau dosa.

Firman Allah SWT:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah.*

(Surah al-Jumu'ah: 10)

Ayat ini membawa maksud bahawa bekerja selepas solat Jumaat adalah harus. Sesiapa yang ingin melakukannya adalah dibolehkan dan begitu juga sebaliknya.

Kesembilan: Haram

Haram ialah perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya secara muktamad. Sesiapa yang meninggalkannya, diberikan pahala kerana menurut perintah Allah SWT, manakala sesiapa yang melakukannya, akan diazab dan diseksa. Contohnya seperti membunuh. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar.*

(Surah al-Isra': 33)

Contohnya yang lain lagi ialah makan harta orang lain secara salah. Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah.*

(Surah al-Baqarah: 188)

Oleh itu, sesiapa yang melakukan sesuatu yang diharamkan Allah SWT, dia akan berdosa dan dikenakan balasan azab. Sebaliknya, dia akan diberikan pahala oleh Allah SWT jika meninggalkannya semata-mata kerana mematuhi perintah-Nya. Haram juga disebut sebagai *larangan* (مَحْظُورٌ), *maksiat* (مَعْصِيَةٌ) dan *dosa* (ذَنْبٌ).

Kesepuluh: Makruh

Makruh terbahagi kepada dua jenis, iaitu *makruh tahrim* (تَحْرِيمٌ) dan *makruh tanzih* (تَنْزِيهِ).

1. *Makruh Tahrim*

Ialah perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya secara muktamad. Tetapi, tahap tuntutan tersebut kurang daripada tuntutan meninggalkan yang haram dan diberikan pahala jika ditinggalkan semata-mata kerana mematuhi perintah Allah SWT. Namun, dikenakan balasan seksa jika melakukannya, tetapi tidak sama dengan balasan seksa melakukan perkara yang haram.

Contohnya, melakukan solat sunat Mutlaq ketika matahari terbit atau ketika terbenam. Hukumnya adalah makruh *tahrim*.

2. *Makruh Tanzih*

Ialah perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya secara tidak muktamad dan diberi pahala apabila ditinggalkan kerana mematuhi perintah Allah SWT. Namun, tidak dikenakan balasan azab jika dilakukan.

Contohnya, berpuasa pada hari Arafah bagi jemaah haji. Mereka yang meninggalkannya, akan diberi pahala kerana mematuhi perintah Allah SWT dan tidak dikenakan balasan seksaan jika melakukannya.

Kesebelas: Tunai (أداء*)

Iaitu ibadat yang dilakukan dalam waktu yang telah ditentukan oleh syara'. Contohnya, berpuasa Ramadhan pada bulan Ramadhan dan bersolat Zuhur dalam waktu yang ditetapkan.

Kedua belas: Qadha' (قضاء*)

Iaitu melakukan ibadat yang telah diwajibkan ke atas seseorang di luar waktu yang ditetapkan oleh syara'. Contohnya, orang yang berpuasa Ramadhan di luar bulan Ramadhan atau menunaikan solat Zuhur di luar waktu yang ditentukan oleh syara'. Qadha' adalah wajib sama ada ibadat tersebut ditinggalkan dengan sebab uzur atau sebaliknya. Cuma, perbezaan kedua-

duanya ialah meninggalkan ibadat tanpa uzur adalah berdosa, manakala meninggalkannya dengan sebab uzur, tidak berdosa. Firman Allah SWT:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Maksudnya: Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.

(Surah al-Baqarah: 185)

Maksud ayat ini ialah sesiapa yang berbuka kerana sakit atau musafir, dia wajib qadha' puasa yang ditinggalkannya itu selepas bulan Ramadhan.

Ketiga belas: Mengulang (إِعَادَةٌ)

Iaitu melakukan ibadat dalam waktu yang ditetapkan buat kali yang kedua kerana ingin mendapat kelebihan yang banyak. Contohnya, seseorang yang telah menunaikan solat Zuhur bersendirian, kemudian datang sekumpulan orang ramai bersolat secara berjemaah. Dia sunat mengulang solat Zuhurnya itu untuk mendapat pahala solat berjemaah.

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri
Pengarah dan *Musyrif*
Lajnah Penyusunan dan *Tashih*

Berasal dari Terengganu dan mula mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin. Selepas tamat pengajian di peringkat Empat Thanawi, beliau menyambung pengajiannya di Universiti Islam Madinah dalam bidang Syariah. Selepas itu, beliau meneruskan pelajarannya ke peringkat Master di Universiti al-Ulum al-Islamiah Wa al-Arabiyah, Syria dan peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Syariah di Universiti Sains Malaysia (USM), pengkhususan fatwa.

Beliau sempat berguru dengan ramai tokoh ulama'. Antaranya ialah; Tuan Guru Haji Abdul Rahman Fatani, Syeikh Muhammad Ali al-Thani, Syeikh Muhammad Mukhtar al-Syanqiti, Syeikh Umar Fallatah, Syeikh Abdul Muhsin Abbad, Syeikh Rusydi Qalam, Syeikh Muhammad Abdul Latif Farfur, Syeikh Muhammad Said Ramadhan al-Buti, Syeikh Sadiq Habannakah dan lain-lain. Semoga Allah SWT merahmati mereka. Amin.

Antara jawatan yang di sandang ialah AJK Fatwa Negeri Sembilan, AJK Fatwa Negeri Terengganu, Panel Kajian Aqidah JAKIM, Panel Penasihat Ibadat Haji (TH-JAKIM), Karyawan Tamu INFAD (USIM) dan lain-lain. Banyak menghasilkan karya sama ada dengan penulisan dan penterjemahan antaranya Syarah Kitab Hikam, A-Z Tasawuf, Hadith Modal Insan, Irsyad al-Qari dan lain-lain. Sementara terjemahannya pula seperti al-Fiqh al-Manhaji, al-Halal wa al-Haram, al-Idhah dan lain-lain.

Sekarang sepenuh masa bergiat aktif dalam penulisan, kegiatan dakwah dan terlibat dalam pembentangan kertas kerja sama ada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

HUKUM BERSUCI

Pengertian Bersuci

Bersuci pada bahasa ialah bersih dan bebas daripada segala kekotoran sama ada di dalam bentuk nyata (حَسِّيٌّ), seperti najis atau bentuk ma'nawi (مَعْنَوِيٌّ) seperti perkara yang mengaibkan atau sifat-sifat keji.

Bersuci dengan air bermaksud bersih daripada kotor manakala bersuci daripada hadas bermaksud bebas daripadanya.

Bersuci pada syara' ialah perbuatan yang mengharuskan solat atau seumpamanya seperti berwudhu' kepada sesiapa yang belum berwudhu', mandi kepada sesiapa yang diwajibkan mandi dan menghilangkan najis daripada pakaian, badan dan juga tempat.

Keprihatinan Islam Terhadap Kebersihan dan Bersuci

Islam sangat prihatin tentang suci dan bersih sebagaimana keterangan berikut:

Pertama: Perintah berwudhu' untuk mendirikan solat setiap hari beberapa kali. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى
الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sepuluh sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*

(Surah al-Maidah: 6)

Kedua: Gesaan supaya mandi pada keadaan tertentu. Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

Maksudnya: *Dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib.*

(Surah al-Maidah: 6)

Ini dinyatakan lagi di dalam hadith, Rasulullah SAW bersabda:

لِلَّهِ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَغْتَسِلَ فِي كُلِّ سَبْعَةِ أَيَّامٍ يَغْتَسِلُ فِيهِ رَأْسَهُ وَجَسَدَهُ

Maksudnya: *“Tanggungjawab setiap muslim kepada Allah ialah mandi sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu dengan membasuh kepala dan badannya.”*

Riwayat al-Bukhari (856) dan Muslim (849)

Ketiga: Perintah supaya memotong kuku, membersihkan gigi dan pakaian. Rasulullah SAW bersabda:

خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرَةِ: الْخِتَانُ، وَالْإِسْتِحْدَادُ، وَنَتْفُ الْإِبْطِ، وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ، وَقَصُّ الشَّارِبِ
Maksudnya: *“Lima perkara daripada fitrah ialah berkhitan, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai.”*

Riwayat al-Bukhari (5550) dan Muslim (257)

Sabda Rasulullah SAW lagi:

لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرَتِهِمْ بِالسُّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Maksudnya: “*Sekiranya tidak membebankan umatku, aku akan memerintahkan mereka supaya bersuci setiap kali bersolat.*”

Riwayat al-Bukhari (847) dan Muslim (252)

Menurut riwayat lain daripada Imam Ahmad pada akhir hadith tersebut: “*Ketika setiap kali berwudhu’.*”

Riwayat Imam Ahmad (6/325)

Firman Allah SWT:

وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ

Maksudnya: *Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.*

(Surah al-Muddathir: 4)

Sabda Rasulullah SAW kepada para sahabatnya:

إِنَّكُمْ قَادِمُونَ عَلَىٰ إِخْوَانِكُمْ فَأَصْلِحُوا رِحَالَكُمْ وَأَصْلِحُوا لِبَاسِكُمْ حَتَّىٰ تَكُونُوا كَأَنَّكُمْ شَامَةٌ فِي النَّاسِ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْفَحْشَ وَلَا التَّفَحُّشَ

Maksudnya: “*Kamu akan berjumpa dengan sahabat-sahabat kamu, maka perkemaskanlah peralatan dan pakaianmu hingga kamu dikenali di kalangan orang ramai. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada perkataan dan perbuatan yang keji dan keterlaluan.*”

Riwayat Abu Daud (4089)

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: *Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*

(Surah al-Baqarah: 222)

Islam menganggap bersuci itu sebagai sebahagian daripada iman. Hal ini diterangkan dalam sebuah hadith: Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Bersuci itu adalah antara ciri-ciri keimanan.”

Riwayat Muslim (223)

Hikmah Pensyariatian Bersuci

Islam telah mensyariatkan bersuci kerana hikmah yang banyak. Sebahagian daripadanya ialah:

Pertama: Bersuci adalah tuntutan fitrah

Manusia cenderung kepada kebersihan dan secara *tabi'i* manusia tidak suka serta menjauhkan diri daripada kekotoran. Oleh sebab Islam adalah agama fitrah, maka secara *tabi'i* ia memerintahkan manusia supaya bersuci dan menjaga kebersihan.

Kedua: Memelihara kemuliaan dan kehebatan individu muslim

Manusia secara *tabi'i* cenderung kepada individu yang bersih. Manusia suka bersama-sama dan duduk dengannya. Manusia berasa benci, memandang rendah, menjauhkan diri serta tidak mahu duduk bersama-sama dengan individu yang pengotor.

Oleh sebab Islam adalah agama yang sangat mengambil berat dalam menjaga kemuliaan dan kehebatan individu yang beriman, maka Islam memerintahkan individu mukmin itu menjaga kebersihan agar menjadi orang yang mulia dan disegani di kalangan khalayak umum.

Ketiga: Memelihara kesihatan

Kebersihan adalah sebab yang amat penting untuk menjauhkan manusia daripada penyakit. Ini kerana kebanyakan penyakit yang menular di kalangan manusia adalah disebabkan kekotoran.

Dengan membersihkan badan, membasuh muka, dua belah tangan, hidung dan dua belah kaki beberapa kali sehari menjadikan badan sentiasa terpelihara daripada sebarang penyakit. Ini kerana anggota tersebut merupakan anggota yang sentiasa terdedah kepada kekotoran.

Keempat: Berdiri menghadap Allah SWT dalam keadaan suci dan bersih

Semasa bersolat, seseorang hamba bercakap dan bermunajat kepada Tuhannya. Maka selayaknya dia berada dalam keadaan suci zahir dan batin, bersih hati dan badannya, kerana Allah SWT kasih kepada orang yang suka membersihkan batinnya dengan bertaubat dan membersihkan zahirnya dengan bersuci.

Air yang Boleh Dibuak Bersuci

Air yang boleh dibuat bersuci ialah air hujan, laut, perigi, sungai, mata air dan salji.

Semua air tersebut tergolong dalam dua kategori iaitu yang turun daripada langit dan air yang keluar daripada bumi. Firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا

Maksudnya: *Dan Kami menurunkan dari langit: Air yang bersih suci.*

(Surah al-Furqan: 48)

Firman-Nya lagi:

وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِ

Maksudnya: *Dan (ingatlah ketika) ia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya.*

(Surah al-Anfal: 11)

Manakala hadith Rasulullah SAW pula ialah, daripada Abu Hurairah RA katanya, seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَرَكِبُ الْبَحْرَ وَنَحْمِلُ مَعَنَا الْقَلِيلَ مِنَ الْمَاءِ فَإِنْ تَوَضَّأْنَا بِهِ عَطِشْنَا أَفَتَتَوَضَّأُ بِمَاءِ الْبَحْرِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ الطَّهْرُ مَاؤُهُ الْحِلُّ مِيتَتُهُ

Maksudnya: “Wahai Rasulullah! Kami belayar di laut, dan membawa air yang sedikit bersama-sama kami. Sekiranya kami berwudhu’ dengannya kami akan dahaga. Adakah boleh kami berwudhu’ dengan air laut? Rasulullah SAW menjawab: Airnya suci dan bangkainya halal.”

Riwayat Abu Daud (83), al-Tirmizi (69), al-Nasaie (59), Ibn Majah (386), Ibn Abi Syaibah (1/130), Ibn Khuzaimah (1/59), Malik (22), al-Syafie (1) dan Ahmad (7192). Al-Tirmizi berkata hadith ini hasan sahih.

Maksud *bangkainya halal* ialah ikan atau seumpamanya yang mati di dalam laut. Ia boleh dimakan tanpa disembelih.

BAHAGIAN AIR

Air terbahagi kepada empat bahagian, iaitu suci dan menyucikan, suci dan menyucikan tetapi makruh menggunakannya, suci tetapi tidak menyucikan dan air yang bernajis.

Air yang Suci dan Menyucikan

Air yang suci lagi menyucikan ialah air mutlak yang kekal dengan sifat asal kejadiannya yang telah dijadikan Allah SWT. Air tersebut masih dikatakan air mutlak walaupun ia sudah berubah disebabkan lama terbiar, disebabkan tanah, lumut dan tempat bertakung atau tempat mengalirnya mengandungi belerang.

Semua air itu dikatakan air mutlak. Ini kerana air tersebut sukar untuk dielakkan daripada perkara-perkara tersebut.

Dalil yang menunjukkan kesucian air mutlak ialah hadith. Daripada Abu Hurairah RA katanya:

قَامَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَامَ إِلَيْهِ النَّاسُ لِيَقْعُوا بِهِ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: دَعُوهُ وَهَرِّبُوهُ عَلَى بَوْلِهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ، أَوْ ذَنْبًا مِنْ مَاءٍ، فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ، وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ

Maksudnya: “Seorang Badwi berdiri lalu kencing di dalam masjid, kemudian para sahabat pergi mencegahnya. Lantas Rasulullah SAW bersabda: Biarkan dia dan curahkanlah di atas air kencingnya setimba air. Sesungguhnya kamu dibangkitkan untuk memudahkan, bukan menyusahkan.”

Riwayat al-Bukhari (217) dan Muslim (280)

Perintah Rasulullah SAW supaya menjiruskan air ke tempat air kencing tersebut adalah dalil yang menunjukkan bahawa air tersebut mempunyai sifat menyucikan.⁹

Air yang Suci dan Menyucikan Tetapi Makruh Menggunakannya

Air yang suci dan menyucikan tetapi makruh menggunakannya ialah air yang panas disebabkan cahaya matahari (مُشَمَّسٌ). Ia makruh apabila memenuhi tiga syarat berikut:

- i. Ia berlaku di negeri yang bercuaca panas.
- ii. Air yang diletakkan di dalam bekas yang diperbuat selain daripada emas dan perak seperti besi, tembaga dan semua galian yang boleh ditempa.
- iii. Air tersebut digunakan pada badan manusia sekalipun mayat, atau pada haiwan yang boleh dihinggapi penyakit sopak seperti kuda.

Imam al-Syafie Rahimahullah meriwayatkan pandangan Sayyidina Umar RA yang tidak suka mandi dengan air tersebut, katanya: *“Aku tidak suka air musyammas kerana kesihatan.”* Kemudian Imam al-Syafie Rahimahullah meriwayatkan bahawa air tersebut boleh menyebabkan penyakit sopak. Hal yang demikian kerana ketajaman cahaya matahari akan meruapkan bau busuk ke atas permukaan air dan sekiranya terkena pada badan ketika masih panas ia boleh memudaratkan dan menyebabkan penyakit sopak.

Air yang Suci Tetapi Tidak Menyucikan

Air yang suci tetapi tidak menyucikan terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Air yang sedikit yang telah digunakan untuk basuhan yang wajib ketika bersuci, seperti mandi dan wudhu’.

⁹ Dalam *Taudhih al-Ahkam* (1/142) menyebut sifat toleransi akhlak Nabi dengan kelembutan. Begitu juga jauhnya pandangan Rasulullah SAW. Di samping itu, ia menjadi kaedah apabila terangkum banyak kerosakan dipilih yang paling ringan.

Dalil sucinya sebagaimana hadith Rasulullah SAW. Daripada Jabir bin Abdullah RA berkata:

جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي، وَأَنَا مَرِيضٌ لَا أَعْقِلُ، فَتَوَضَّأَ وَصَبَّ مِنْ
وَضُوءِهِ عَلَيَّ

Maksudnya: “Rasulullah SAW datang menziarahiku ketika aku sakit dan tidak sedar, lalu Baginda berwudhu’ dan mencurahkan air wudhu’nya ke atasku.”

Riwayat al-Bukhari (191) dan Muslim (1616)

Sekiranya air wudhu’ itu tidak suci, Baginda tidak akan mencurhkannya ke atas Jabir RA.

Dalil air ini tidak menyucikan pula ialah berdasarkan hadith Rasulullah SAW, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ أَي الرَّاكِدِ وَهُوَ جُنْبٌ فَقَالُوا: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كَيْفَ يَفْعَلُ
؟ قَالَ: يَتَنَاوَلُهُ تَنَاوُلًا

Maksudnya: “Janganlah seseorang daripada kamu mandi dalam air tenang dan tidak mengalir, sedangkan dia junub. Lalu para sahabat bertanya: Wahai Abu Hurairah! Bagaimanakah sepatutnya dia lakukan? Jawab Abu Hurairah: Cedok dan mandilah dengan air itu.”

Riwayat Muslim (283)

Hukum berwudhu’ dalam keadaan tersebut sama dengan hukum mandi kerana kedua-duanya mengandungi tujuan yang satu, iaitu mengangkat hadas. Hadith ini membawa maksud bahawa mandi di dalam air tersebut menyebabkannya terkeluar dari sifat yang menyucikan. Sekiranya ia tidak membawa maksud tersebut, Rasulullah SAW tidak akan melarangnya daripada berbuat demikian. Hadith ini difahami untuk air yang sedikit berdasarkan dalil-dalil yang lain.

Kedua: Air mutlak yang bercampur dengan sesuatu yang suci yang kebiasaannya boleh dielakkan tetapi tidak boleh dipisahkan setelah bercampur. Seterusnya air tersebut berubah hingga tidak lagi dikatakan air mutlak, seperti air teh dan seumpamanya.

Jika benda suci yang bercampur tersebut bersamaan dengan sifat air pada rasa, bau dan warna seperti air bunga mawar yang telah hilang sifatnya, ia hendaklah dibandingkan dengan kadar bahan lain yang mempunyai perbezaan sifat sederhana seperti jus delima untuk menentukan aspek perubahan rasa, jus anggur untuk menentukan aspek perubahan warna, dan rumpai *al-Ladzan*¹⁰ untuk menentukan aspek perubahan bau. Sekiranya diandaikan berlaku perubahan disebabkan percampuran tersebut, maka ia menjadi air yang suci tetapi tidak menyucikan lagi. Hal ini kerana ketika itu ia tidak lagi dinamakan sebagai air mutlak, sedangkan syara' mensyaratkan air yang dibuat bersuci adalah air mutlak.

Air Mutanajjis

Air *mutanajjis* ialah air yang jatuh najis ke dalamnya. Air ini terbahagi kepada dua bahagian.

Pertama: Air yang sedikit, iaitu kurang daripada dua *qullah*.

Air ini menjadi najis kerana terjatuh najis ke dalamnya walaupun sedikit dan tidak berubah sifat-sifatnya dari segi warna, bau dan rasa.

Dua *qullah* ialah 500 kati Baghdad, bersamaan 192.857 kg atau 1 ¼ hasta padu.¹¹

¹⁰ Jenis tumbuh-tumbuhan kecil yang tumbuh di kawasan lembah, sentiasa berdaun dan mempunyai bunga yang lebar, berwarna merah jambu atau putih.

¹¹ Sebenarnya sukatan atau kadar air yang dikemukakan oleh ulama berkenaan dengan dua *qullah* bersifat *taqribi* bukan *tahdidi* atau tepat. Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* menyebut nilainya seperti berikut:

- i. Dari segi timbangan iaitu 446 3/7 kati Mesir, 81 kati Syam (1 kati Syam bersamaan 2.5 kg. justeru, 2 *qullah* bersamaan 195.113 kg).
- ii. Dari segi sukatan 10 tin (ada pendapat mengatakan 15 tin atau 270 liter).

Daripada Abdullah bin Umar R.Anhuma berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW ketika ditanya tentang air di padang pasir yang sering didatangi oleh binatang buas dan binatang-binatang lain, sabda Baginda:

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبِيثَ

Maksudnya: “Apabila air itu cukup dua qullah, ia tidak kotor.”

Riwayat Abu Daud (63), al-Tirmizi (67), al-Nasaie (52), Ibn Majah (517), Ibn Hibban (4/57), al-Hakim (1/224) dan Ahmad

Dalam riwayat Abu Daud:

فَأِنَّهُ لَا يَنْجَسُ

Maksudnya: “Sesungguhnya air itu tidak menjadi najis.”

Riwayat Abu Daud (65)

Daripada hadith itu dapat difahami air yang kurang daripada dua *qullah* menjadi najis walaupun tidak berubah sifat-sifatnya. Kefahaman ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

إِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلَا يَغْمِسْ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ حَتَّى يَغْسِلَهَا ثَلَاثًا فَإِنَّهُ لَا يَدْرِي
أَيْنَ بَاتَتْ يَدُهُ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu bangun daripada tidur, janganlah dia mencelup tangannya di dalam bekas air, sehinggalah dia membasuh tangannya dahulu sebanyak tiga kali. Ini kerana dia tidak mengetahui tangannya di mana diletakkan.”

Riwayat Muslim (278)

Rasulullah SAW melarang orang yang bangun daripada tidur mencelup tangannya ke dalam bekas berisi air kerana dikhuatiri tangannya dicemari

-
- iii. Dari segi ukuran $1\frac{1}{4}$ hasta segi empat panjang, lebar dan dalam berdasarkan hasta sederhana. Bagi bekas bulat pula seperti telaga 2 hasta dalam dan 1 hasta lebar. Menurut pendapat ulama' Hanbali, ukurannya ialah $2\frac{1}{2}$ hasta dalam dan 1 hasta lebar.

najis yang tidak kelihatan. Sudah sedia maklum bahawa najis yang tidak kelihatan tidak akan mengubah keadaan air.

Oleh itu jika tindakan tersebut tidak menajiskan air disebabkan menyentuhnya, Rasulullah SAW tidak akan melarang daripada berbuat demikian.

Kedua: Air yang banyak, iaitu yang cukup dua *qullah* atau lebih.

Air ini tidak menjadi najis dengan semata-mata terjatuh atau tersentuh najis, tetapi ia menjadi najis apabila berubah satu daripada sifatnya, iaitu warna, rasa atau bau. Dalilnya ialah ijma' para ulama. Imam al-Nawawi menyebut dalam kitabnya *al-Majmu'*, Ibn Munzir berkata: "*Ulama telah bersepakat bahawa air yang sedikit atau banyak, apabila najis jatuh ke dalamnya dan berubah sama ada rasa, warna atau bau, air itu menjadi najis.*"

Air yang Boleh Digunakan Untuk Bersuci

Keempat-empat jenis air tersebut tidak semuanya boleh dibuat bersuci, iaitu mengangkat hadas dan menghilangkan najis. Tetapi air yang boleh dibuat bersuci hanyalah jenis yang pertama (air mutlak) dan yang kedua air *musyammas*. Namun air kedua itu makruh digunakan pada badan.

Sementara air jenis yang ketiga pula walaupun suci tidak boleh digunakan untuk bersuci. Ia hanyalah boleh digunakan untuk tujuan selain bersuci seperti minum, memasak dan sebagainya.

Air jenis yang keempat ialah air *mutanajjis*. Ia tidak sesuai untuk sebarang kegunaan.

BEJANA

Bejana ialah bekas yang diletakkan di dalamnya cecair atau seumpamanya. Terdapat beberapa perkara tentangnya.

Pertama: Hukum Menggunakan Bejana yang Diperbuat daripada Emas dan Perak

Haram menggunakan bejana emas atau perak dalam apa juga keadaan seperti untuk berwudhu' dan minum kecuali dalam keadaan darurat yang tidak ada pilihan.

Hal ini berdasarkan hadith Nabi SAW, daripada Huzaiifah bin al-Yaman RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَلْبَسُوا الْحَرِيرَ وَلَا الدِّيَّاجَ وَلَا تَشْرَبُوا فِي آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَلَا تَأْكُلُوا فِي صِحَافِهَا، فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَنَا فِي الْآخِرَةِ

Maksudnya: “*Janganlah kamu memakai sutera (حَرِيرٌ) dan (دِيَّاجٌ), minum dalam bejana emas atau perak, dan janganlah kamu makan dengan pinggan yang diperbuat daripada kedua-duanya. Ini kerana kedua-duanya adalah untuk kegunaan orang kafir di dunia dan untuk kita di akhirat.*”

Riwayat al-Bukhari (5110) dan Muslim (2067)

Diqiaskan pengharaman menggunakan bejana emas dan perak untuk makan dan minum kepada sebarang penggunaan yang lain, seperti pemilikan untuk tujuan perhiasan dan seumpamanya. Pengharaman ini meliputi lelaki dan perempuan.

Kedua: Hukum Menggunakan Bejana yang Ditampal dengan Emas atau Perak

Haram menggunakan bejana yang ditampal dengan emas sama ada kecil atau besar. Adapun bejana yang ditampal dengan perak, jika tampalan itu kecil

dan bukan tujuan hiasan adalah harus. Tetapi jika tampalan itu besar serta tujuan hiasan, hukumnya adalah haram. Namun sekiranya tampalan itu besar kerana perlu ataupun kecil untuk tujuan hiasan, hukumnya makruh.

Dalil yang menunjukkan harus menggunakan bejana yang ditampal dengan perak yang banyak kerana perlu adalah berdasarkan hadith Rasulullah SAW, daripada `Asim al-Ahwal, katanya:

رَأَيْتُ قَدَحَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، وَكَانَ قَدِحًا انْصَدَعَ فَسَلَّسَلَهُ
بِفِضَّةٍ وَقَالَ أَنَسٌ لَقَدْ سَقَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي هَذَا الْقَدَحِ أَكْثَرَ مِنْ
كَذَا وَكَذَا

Maksudnya: “Aku melihat mangkuk Nabi SAW pada Anas bin Malik RA. Mangkuk tersebut telah pun pecah dan ditampal dengan perak. Anas berkata: “Aku telah memberi minum kepada Rasulullah SAW dengan menggunakan mangkuk ini beberapa kali.”

Riwayat al-Bukhari (5315)

Ketiga: Hukum Menggunakan Bejana yang Diperbuat daripada Bahan Galian yang Mahal

Harus menggunakan bejana yang diperbuat daripada bahan galian yang mahal seperti berlian, permata, coral (مَرْجَانٌ) dan lain-lain. Hal ini kerana tiada nas melarangnya, dan asal sesuatu adalah harus selagi tidak ada dalil yang mengharamkannya.

Keempat: Hukum Menggunakan Bejana Orang Kafir

Harus menggunakan bejana orang kafir berdasarkan hadith. Daripada Abu Tha’labah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَاغْسِلُوهَا وَكُلُّوا فِيهَا

Maksudnya: “Basuhlah bejana tersebut dan makanlah dengannya.”

Riwayat al-Bukhari (5161)

Perintah membasuh bejana adalah sunat kerana ia mungkin telah tercemar disebabkan orang kafir menggunakannya untuk minum arak, makan babi dan sebagainya. Demikian juga hukum menggunakan pakaian mereka dan seumpamanya sama dengan hukum menggunakan bejana mereka.

JENIS BERSUCI

Bersuci terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- i. Bersuci daripada najis.
- ii. Bersuci daripada hadas.

Bersuci daripada Najis

Erti najis dari segi bahasa adalah semua benda yang kotor. Pada segi syara' pula adalah benda kotor yang menghalang sah solat, seperti darah dan kencing.

Benda-benda Najis

Benda-benda yang najis adalah terlalu banyak. Dan yang paling utama mempunyai tujuh perkara:

Pertama: Arak dan semua cecair yang memabukkan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ

Maksudnya: Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji).¹²

(Surah al-Maidah: 90)

Maksud *kotor* dalam ayat di atas ialah najis. Daripada Ibn Umar R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

¹² Al-Qurtubi berkata: Jumhur ulama' faham daripada pengharaman arak, keji pada syara' dan diitla' dengan kotor di samping di suruh untuk menjauhinya sebagai dalil menunjukkan hukum dengan najisnya.

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَأَنَّ كُلَّ خَمْرٍ حَرَامٌ

Maksudnya: “Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak adalah haram.”

Riwayat Muslim (2003)

Kedua: Anjing dan babi.

Hal ini adalah berdasarkan hadits, Rasulullah SAW bersabda:

طَهُورُ إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهُنَّ بِالثَّرَابِ

Maksudnya: “Untuk membersihkan bejana kamu apabila dijilat anjing hendaklah kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali. Basuhan pertama hendaklah dengan air bercampur tanah.”

Riwayat Muslim (279)

Dalam riwayat yang lain:

إِحْدَاهُنَّ بِالْبَطْحَاءِ

Maksudnya: “Satu daripada basuhan tersebut adalah air yang bercampur dengan tanah.”

Riwayat al-Daraqutni (1/65)

Ketiga: Bangkai

Bangkai adalah semua binatang tidak halal yang mati dan binatang halal yang mati tanpa disembelih dengan cara yang ditetapkan oleh syara'. Firman Allah SWT:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih).

(Surah al-Maidah: 3)

Pengharamannya adalah disebabkan ia najis. Termasuk juga dalam hukum bangkai adalah semua yang disembelih untuk berhala, dan yang disebut nama selain daripada nama Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا أَهْلٌ لِّغَيْرِ اللَّهِ بِهِ

Maksudnya: Dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah.

(Surah al-Maidah: 3)

Jenis-jenis Bangkai yang Dikecualikan

Terdapat tiga jenis bangkai yang dikecualikan sebagai najis:

i. Mayat manusia

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam.

(Surah al-Isra': 70)

Maksud *kemuliaan manusia* ialah mereka suci sama ada hidup atau mati berdasarkan hadith. Rasulullah SAW bersabda:

سُبْحَانَ اللَّهِ إِنَّ الْمُسْلِمَ لَا يَنْجَسُ

Maksudnya: “Maha Suci Allah, sesungguhnya orang Islam tidak najis.”

Riwayat al-Bukhari (279)

Dan hadith seterusnya, Ibn Abbas R.Anhuma berkata:

الْمُسْلِمُ لَا يَنْجَسُ حَيًّا وَلَا مَيِّتًا

Maksudnya: “Orang Islam tidak najis sama ada hidup atau mati.”

Riwayat al-Bukhari (8)

ii. Ikan

iii. Belalang

Kedua-dua ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

أُحِلَّتْ لَكُمْ مَيِّتَانِ وَدَمَانِ فَأَمَّا الْمَيِّتَانِ فَالْحُوتُ وَالْجَرَادُ وَأَمَّا الدَّمَانِ فَالْكَبِدُ وَالطَّحَالُ

Maksudnya: “Dihalalkan kepada kamu dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Dua jenis bangkai tersebut ialah ikan dan belalang manakala dua jenis darah pula ialah hati dan limpa.”

Riwayat Ibn Majah (3439)

Keempat: Darah yang cair termasuk nanah.

Firman Allah SWT:

أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ

Maksudnya: Atau darah yang mengalir, atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor.

(Surah al-An’am: 145)

Kelima: Kencing dan najis manusia dan binatang.

Hal ini berdasarkan hadith, seorang Badwi terkencing di dalam masjid, lalu Rasulullah SAW bersabda:

صُبُّوا عَلَيْهِ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ

Maksudnya: “Jiruskan ke atas kencing itu setimba air.”

Riwayat al-Bukhari (217) dan Muslim (284)

Dalam hadith ini memerintahkan supaya menjirus air ke atas kencing menunjukkan bahawa kencing adalah najis.

Keenam: Setiap bahagian yang terpisah daripada binatang semasa hidup adalah najis.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَا قَطَعَ مِنْ بَهِيمَةٍ فَهُوَ مَيْتَةٌ

Maksudnya: “*Apa-apa yang dipotong daripada binatang adalah bangkai.*”

Riwayat al-Hakim dan beliau mensahihkannya

Rambut dan bulu bintang yang dagingnya halal dimakan dikecualikan daripada hukum tersebut. Ia adalah suci. Firman Allah SWT:

وَمِنْ أَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْنَا وَمَتَعًا إِلَىٰ حِينٍ

Maksudnya: *Dan (ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa.*

(Surah al-Nahl: 80)

Ketujuh: Susu binatang yang dagingnya tidak halal dimakan.

Susu binatang yang dagingnya tidak halal dimakan seperti keldai dan seumpamanya adalah najis. Ini kerana hukum susu adalah sama dengan dagingnya dan dagingnya adalah najis.

Najis ‘Aini dan Najis Hukmi

Najis Aini ialah semua najis yang berjirim yang dapat dilihat atau mempunyai sifat zahir iaitu warna atau bau seperti tahi, kencing dan darah.

Najis Hukmi ialah semua najis yang telah kering dan kesannya telah hilang. Dengan kata lain, kesan warna atau bau najis tersebut tidak ada lagi.

Contohnya baju yang terkena kencing kemudian ia kering dan kesannya tidak zahir lagi.

Najis Mughallazah, Najis Mukhaffafah dan Najis Mutawasitah

Najis Mughallazah (مُعَظَّةٌ) ialah najis jenis yang berat, iaitu anjing dan babi. Dalil menunjukkan najis ini jenis yang berat ialah ia tidak memadai membasuhnya dengan air sekali sahaja seperti najis-najis yang lain. Dalam hal ini, ia mestilah dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali. Satu daripadanya dengan air tanah, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith yang lalu, iaitu hadith tentang anjing menjilat *bejana*.

Diqiaskan hukum babi kepada hukum anjing sebagai najis *mughallazah* kerana babi lebih buruk keadaannya daripada anjing.

Najis Mukhaffafah (مُخَفَّفَةٌ) ialah najis yang ringan, iaitu kencing kanak-kanak lelaki yang belum berumur dua tahun dan hanya minum susu ibu.

Dalil yang menunjukkan bahawa kencing tersebut najis ringan ialah memadai membersihkannya dengan hanya merenjiskan air dan meratakannya ke semua tempat najis tersebut walaupun tanpa mengalirkannya.

Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW, daripada Ummu Qais binti Mihsan R.Anha:

أَنَّهَا أَتَتْ بِابْنٍ لَهَا صَغِيرٍ، لَمْ يَأْكُلِ الطَّعَامَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَالَ عَلَى ثَوْبِهِ، فَدَعَا بِمَاءٍ فَنَضَحَهُ وَكَمْ يَغْسَلُهُ

Maksudnya: “Dia menemui Rasulullah SAW dengan membawa anak lelakinya yang masih kecil dan tidak makan apa-apa makanan. Anak tersebut kencing di atas baju Baginda dan meminta air lalu merenjiskannya tanpa membasuhnya.”

Riwayat al-Bukhari (2021) dan Muslim (287)

Najis *Mutawassitah* (مُتَوَسِّطَةٌ) ialah najis pertengahan, iaitu najis selain anjing dan babi dan kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan dan minum kecuali susu ibu.

Contoh najis pertengahan ialah kencing manusia, najis haiwan, darah dan lain-lain. Dinamakan najis pertengahan kerana ia tidak suci dengan hanya merenjisikan air ke atasnya dan tidak pula wajib dibasuh berulang-ulang kali sekiranya najis tersebut boleh dihilangkan dengan sekali basuhan. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, daripada Anas RA berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَبَرَّزَ لِحَاجَتِهِ أَتَيْتُهُ بِمَاءٍ فَيَغْسِلُ بِهِ

Maksudnya: “Apabila Nabi SAW keluar ke kawasan lapang untuk buang air, aku membawa air kepadanya, lalu Baginda bersuci dengan air tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (214)

Hadith lain pula, daripada Ali RA katanya:

كُنْتُ رَجُلًا مَذَاءً فَاسْتَحْيَيْتُ أَنْ أَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَرْتُ الْمِقْدَادَ بْنَ الْأَسْوَدِ فَسَأَلَهُ فَقَالَ: فِيهِ الْوُضُوءُ، وَلِمُسْلِمٍ: يَغْسِلُ ذَكَرَهُ وَيَتَوَضَّأُ

Maksudnya: “Aku seorang yang selalu keluar mazi¹³ dan aku berasa malu untuk bertanya kepada Rasulullah SAW. Aku menyuruh Miqdad bin al-Aswad menyanyakannya. Baginda menjawab: Dia hendaklah berwudhu’. Dalam riwayat Muslim: Dia hendaklah membasuh zakarnya dan berwudhu’.”

Riwayat al-Bukhari (176) dan Muslim (303)

Hadith seterusnya, daripada Abdullah bin Mas’ud R.Anhuma, katanya:

¹³ Mazi ialah cecair yang tidak pekat, berwarna kekuningan, biasanya ia keluar ketika dalam keadaan yang memberahikan.

أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ، فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ، فَوَجَدْتُ حَجْرَيْنِ،
وَالْتَمَسْتُ الثَّلَاثَ فَلَمْ أَجِدْهُ، فَأَخَذْتُ رَوْثَةً، فَأَتَيْتُهُ بِهَا، فَأَخَذَ الْحَجْرَيْنِ وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ
وَقَالَ: هَذَا رَكْسٌ

Maksudnya: “Nabi SAW pergi ke kawasan lurah untuk buang air. Kemudian Baginda menyuruh aku membawa tiga biji anak batu. Aku memperolehi dua biji anak batu dan aku mencari yang ketiga tetapi tidak memperolehinya. Lalu aku mengambil tahi binatang yang keras dan membawanya kepada Baginda. Baginda telah mengambil dua anak batu tersebut tetapi membuang tahi binatang itu seraya berkata: Ini adalah najis.”

Riwayat al-Bukhari (155)

Hadith tersebut menunjukkan bahawa semua benda yang dinyatakan adalah najis dan begitulah juga diqiaskan kepada benda-benda yang lain.

Cara Bersuci daripada Najis

Cara bersuci daripada *najis mughallazah* iaitu anjing dan babi dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali, dan satu daripadanya adalah dengan air tanah sama ada najis tersebut najis *aini* atau *hukmi*, dan sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat. Dalilnya adalah sebagaimana hadith yang lalu berkenaan dengan jilatan anjing.

Cara bersuci daripada najis *mukhaffafah* iaitu najis kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan sebarang makanan yang lain selain daripada susu ibu adalah dengan merenjiskan air sehingga rata ke tempat najis tersebut, sama ada najis tersebut najis *aini* atau *hukmi*, dan sama ada terkena pada badan, pakaian atau tempat.

Cara bersuci daripada najis *mutawassitah* iaitu najis selain daripada anjing, babi dan kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan sebarang makanan yang lain selain daripada susu ibu adalah dengan mengalirkan air ke atasnya dan menghilangkan kesan-kesannya hingga *ain* najis tersebut dan juga sifat-sifatnya, sama ada warna, rasa atau bau, sama ada najis *aini* atau *hukmi*, dan sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat. Namun

demikian tidak mengapa jika warnanya masih kekal disebabkan susah untuk menghilangkannya seperti warna darah.

Cara Menyucikan Kulit Bangkai Selain Anjing dan Babi

Kulit bangkai tersebut disucikan dengan cara disamak, iaitu membuang segala lendir pada kulit yang boleh merosakkannya jika dibiarkan dengan menggunakan bahan panas dan tajam hingga tidak lagi berbau busuk dan rosak sekiranya direndam di dalam air. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا دُبِغَ الْإِهَابُ فَقَدْ طَهَّرَ

Maksudnya: “Apabila kulit disamak, maka ia menjadi suci.”

Riwayat Muslim (366)

Selepas disamak, kulit tersebut wajib dibasuh semula dengan air disebabkan bahan-bahan yang najis yang digunakan untuk menyamaknya atau bahan-bahan yang menjadi najis disebabkan terkena kulit yang belum suci ketika disamak.

Sebahagian Najis yang Dimaafkan

Islam ialah agama yang mementingkan kebersihan. Justeru, Islam mewajibkan kita menghilangkan najis di mana-mana sahaja dan memelihara diri daripadanya. Islam juga telah menetapkan bahawa bersuci daripada najis sama ada pada pakaian, tubuh badan atau tempat sebagai satu daripada syarat sah solat.

Namun Islam adalah agama yang mudah dan tidak menyusahkan. Oleh itu, Islam memaafkan sesetengah najis yang susah untuk dihilangkan dan sukar memelihara diri daripadanya bagi memudahkan dan mengelak daripada sebarang kesulitan. Antara najis yang dimaafkan ialah:

Pertama: Percikan kencing yang sedikit yang tidak dapat dilihat sama ada pada pakaian atau badan, sama ada najis tersebut *mughallazah*, *mukhaffafah* atau *mutawassitah*.

Kedua: Sedikit darah, nanah, darah kutu anjing dan najis lalat. Sekiranya ia bukan perbuatan manusia dan tidak disengajakannya.

Ketiga: Darah luka atau nanah walaupun banyak dengan syarat ia terjadi pada dirinya sendiri, bukan daripada perbuatannya dan tidak disengajakannya, serta tidak terkena ke tempat lain.

Keempat: Najis binatang yang mengenai biji-bijian. Begitu juga najis binatang ternakan yang mengenai susu ketika memerahnya, dengan syarat najis itu tidak banyak sehingga mengubah sifat susu tersebut.

Kelima: Najis ikan di dalam air selagi air tersebut tidak berubah. Begitu juga najis burung di tempat-tempat yang ia selalu berulang-alik seperti kawasan tanah suci Makkah, Madinah dan Jami' Umawi di Syria. Ini disebabkan kesulitan umum (عُمُومٌ بِلَوَى) dan sukar untuk mengelakkannya.

Keenam: Darah yang mengenai baju penyembelih sekiranya tidak banyak.

Ketujuh: Darah yang ada pada daging.

Kelapan: Mulut kanak-kanak yang terdapat najis muntah apabila dia menghisap susu ibunya.

Kesembilan: Debu jalan yang mengenai seseorang.

Kesepuluh: Bangkai binatang yang tidak berdarah seperti lebah, lalat dan semut, apabila terjatuh ke dalam sesuatu cecair, dengan syarat ia terjatuh dengan sendirinya dan tidak mengubah sifat-sifat cecair tersebut.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا وَقَعَ الذُّبَابُ فِي إِيَاءِ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْمِسْهُ كُلَّهُ، ثُمَّ يَطْرَحْهُ، فَإِنَّ فِي أَحَدِ جَنَاحَيْهِ شِفَاءً
وَفِي الْآخَرِ دَاءٌ

Maksudnya: *“Apabila lalat terjatuh ke dalam bekas seseorang daripada kamu, maka hendaklah dibenamkan kesemuanya, kemudian dibuangkan lalat tersebut. Ini kerana satu daripada sayapnya itu ada penawar dan satu lagi mempunyai kuman penyakit.”*

Riwayat al-Bukhari (5445) dan yang lainnya.

Berdasarkan hadith di atas sekiranya lalat itu menajiskan air, Baginda tidak memerintahkan lalat tersebut dibenamkan ke dalamnya. Diqiaskan dengan lalat semua bangkai binatang lain yang darahnya tidak mengalir.

ISTINJA'

Istinja' dan Adab-adabnya

Erti *istinja'* ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya daripada tempat keluar air kecil atau air besar.

Perkataan *istinja'* diambil daripada (نَجَاءٌ), (نَجْوَةٌ) atau (نَجْوٌ). *Naja'* (نَجَاءٌ) bermaksud selamat dan terlepas daripada sebarang penyakit. *Najwah* (نَجْوَةٌ) bermakna tempat tinggi. Manakala perkataan *Najwu* (نَجْوٌ) adalah sesuatu yang keluar daripada dubur. Dinamakan perbuatan tersebut dengan *istinja'* di sisi syara' kerana orang beristinja' berusaha untuk melepaskan dirinya daripada sesuatu yang menyakitkan. Pada kebiasaannya *istinja'* dilakukan di tempat yang tertutup seperti di belakang tanah tinggi dan seumpamanya.

Hukum *istinja'* adalah wajib, ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang akan dibahaskan nanti.

Benda-benda yang Boleh Digunakan untuk Beristinja'

Harus beristinja' dengan air mutlak. Ia merupakan cara asal bersuci daripada najis. Begitu juga harus *istinja'* dengan menggunakan semua pepejal yang kesat dan boleh menghilangkan najis seperti batu, daun dan seumpamanya.

Cara *istinja'* yang *afdhal* ialah beristinja' dengan batu dan seumpamanya terlebih dahulu, kemudian menggunakan air. Ini adalah kerana batu terlebih dahulu menghilangkan *ain* najis dan air yang digunakan selepasnya pula akan menghilangkan kesan-kesannya tanpa bercampur dengan *ain* najis tersebut.

Sekiranya ingin menggunakan satu daripada kedua-duanya maka air adalah *afdhal* kerana ia sahaja yang boleh menghilangkan *ain* najis dan kesan-kesannya, berbanding dengan menggunakan benda-benda yang lain.

Sekiranya menggunakan batu sahaja dan seumpamanya maka disyaratkan benda yang digunakan itu kering. Batu itu hendaklah digunakan sebelum najis yang keluar daripada *qubul* dan *dubur* itu menjadi kering atau tidak mengalir keluar daripada kawasan punggung atau kepala zakar dan tempat keluar kencing orang perempuan. Begitu juga ia tidak terkena tempat lain selain tempat yang terkena najis ketika ia keluar.

Sehubungan itu, disyaratkan sekurang-kurangnya sapuan adalah dengan tiga biji batu atau benda-benda lain yang boleh digunakan untuk beristinja'. Sekiranya masih belum bersih, tambahlah bilangannya, dan sunat dengan bilangan yang ganjil seperti lima, tujuh dan seterusnya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas bin Malik RA katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُ الْخَلَاءَ، فَأَحْمِلُ أَنَا وَغُلَامٌ نَحْوِي إِدَاوَةً مِنْ مَاءٍ، وَعَنْزَةً، فَيَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW masuk ke tandas, dan aku bersama-sama seorang budak sebayaku membawa sebekas air dan sebatang besi pendek. Lalu Baginda SAW beristinja' dengan air itu.”

Riwayat al-Bukhari (149) dan Muslim (271)

Hadith seterusnya, daripada Ibn Mas'ud RA berkata:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ، فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ

Maksudnya: “Nabi SAW pergi ke lurah untuk buang air, kemudian Baginda menyuruh aku membawa tiga biji batu kepadanya.”

Riwayat al-Bukhari (155) dan yang lainnya

Hadith berikutnya, daripada Aisyah R.Anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا ذَهَبَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْغَائِطِ فَلْيَذْهَبْ مَعَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ يَسْتَطِيبُ بِهِنَّ فَإِنَّهَا تُجْرِي عَنْهُ

Maksudnya: “Apabila seorang daripada kamu pergi ke lurah untuk buang air, bawalah tiga biji batu bersama-sama untuk beristinja’, dan itu adalah memadai.”

Riwayat Abu Daud (40) dan yang lainnya

Hadith yang lain pula ialah, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ فِي أَهْلِ قُبَاءَ (فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ) قَالَ
كَأَنَّا يَسْتَنْجُونَ بِالْمَاءِ فَنَزَلَتْ فِيهِمْ هَذِهِ الْآيَةُ.

Maksudnya: “Ayat ini diturunkan tentang peristiwa penduduk Quba’, iaitu perintah Allah SWT yang bermaksud: Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya. Dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin). Baginda SAW bersabda: Mereka itu beristinja’ dengan air lalu diturunkan ayat tersebut.”

Riwayat Abu Daud (44), al-Tirmizi (3099) dan Ibn Majah (357)

Hadith yang lain pula, daripada Salman RA, daripada Rasulullah SAW sabdanya:

لَا يَسْتَنْجِي أَحَدُكُمْ بِدُونِ ثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ

Maksudnya: “Janganlah seseorang daripada kamu beristinja’ dengan batu kurang daripada tiga biji.”

Riwayat Muslim (2622)

Dan hadith, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ اسْتَجَمَرَ فَلْيُوتِرْ

Maksudnya: “Sesiapa yang beristinja’ dengan menggunakan batu-batu kecil, dia hendaklah mengganjilkan bilangannya.”

Riwayat al-Bukhari (160) dan Muslim (237)

Benda-benda yang Tidak Boleh Digunakan untuk Beristinja'

Tidak sah istinja' dengan benda-benda najis atau yang terkena najis kerana kemungkinan boleh menambahkan kesan najisnya lagi yang sepatutnya dikurangkan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Mas'ud R.Anhuma katanya:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ، فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ، فَوَجَدْتُ حَجْرَيْنِ، وَالتَّمَسْتُ الثَّلَاثَ فَلَمْ أَجِدْهُ، فَأَخَذْتُ رَوْثَةً، فَأَتَيْتُهُ بِهَا، فَأَخَذَ الْحَجْرَيْنِ وَأَلْقَى الرِّوْثَةَ وَقَالَ: هَذَا رَكْسٌ

Maksudnya: “Nabi SAW pergi ke lurah untuk buang air. Baginda menyuruh aku membawa tiga biji batu kepadanya. Aku hanya memperolehi dua biji batu dan mencari yang ketiga tetapi tidak memperolehinya. Kemudian aku mengambil tahi binatang yang keras dan membawanya kepada Baginda. Lalu Baginda mengambil dua biji batu tersebut tetapi membuang tahi binatang itu seraya bersabda: Ini adalah najis.”

Riwayat al-Bukhari (155)

Haram beristinja' dengan makanan manusia seperti roti dan lain-lain atau dengan makanan jin seperti tulang. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَتَانِي دَاعِي الْجِنِّ فَذَهَبْتُ مَعَهُ فَقَرَأْتُ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنَ. قَالَ: فَاَنْطَلِقْ بِنَا فَأَرَانَا آثَارَهُمْ وَأَثَارَ نِيرَانِهِمْ وَسَأَلُوهُ الزَّادَ، فَقَالَ: لَكُمْ كُلُّ عَظْمٍ ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ يَقَعُ فِي أَيْدِيكُمْ أَوْ فَرَ مَا يَكُونُ لَحْمًا وَكُلُّ بَعْرَةٍ عَلَفَ لِذَوَابِكُمْ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَلَا تَسْتَنْجُوا بِهِمَا فَإِنَّهُمَا طَعَامُ إِخْوَانِكُمْ

Maksudnya: “Wakil jin datang kepadaku, lalu aku pergi bersama-samanya dan aku membacakan al-Quran kepada mereka. Rasulullah SAW bercerita lagi: Dia berjalan bersama kami lantas menunjukkan bekas dan kesan api mereka. Dan mereka itu pun meminta bekalan. Lalu Baginda menjawab: Bagi kamu semua tulang binatang yang disembelih dengan nama Allah SWT, yang ada di hadapan kamu dan dagingnya lebih banyak. Demikian juga tahi binatang sebagai makanan binatang-binatang kamu. Rasulullah SAW bersabda kepada kami: Janganlah kamu beristinja’ dengan kedua-duanya kerana ia adalah makanan saudara-saudara kamu.”

Riwayat Muslim (450)

Seterusnya dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَسْتَنْجُوا بِالرَّوْثِ وَلَا بِالْعِظَامِ فَإِنَّهُ زَادَ إِخْوَانَكُمْ مِنَ الْجِنَّ

Maksudnya: “Janganlah beristinja’ dengan tahi dan tulang binatang. Sesungguhnya tulang adalah bekalan saudara-saudara kamu daripada golongan jin.”

Riwayat al-Tirmizi (18)

Diqiaskan makanan jin kepada makanan manusia adalah lebih utama diharamkan beristinja’ dengannya. Haram beristinja’ dengan sesuatu yang dihormati, contohnya anggota binatang seperti tangan dan kaki yang belum terpisah daripada badannya. Begitu juga anggota manusia lebih utama diharamkan kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan kemuliaannya.

Harus digunakan untuk beristinja’ bahagian anggota binatang yang terpisah daripada badannya seperti bulu binatang yang dagingnya halal dimakan dan kulit bangkai yang telah disamak.

Adab Buang Air dan Beristinja’

Adab-adab yang dituntut atas orang Islam melakukannya ketika buang air dan beristinja’ ialah:

Pertama: Adab yang berkaitan dengan tempat buang air, iaitu hendaklah menjauhi tempat yang berikot ketika buang air kecil atau besar.

- **Laluan orang ramai atau tempat duduk yang menyebabkan mereka terganggu.**

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

اتَّقُوا اللَّعَانَيْنِ قَالُوا: وَمَا اللَّعَانَانِ؟ قَالَ: الَّذِي يَتَخَلَّى فِي طَرِيقِ النَّاسِ أَوْ فِي ظِلِّهِمْ

Maksudnya: “Takutlah kamu kepada dua perkara yang membawa kepada laknat. Para sahabat bertanya: Apakah dua perkara tersebut? Rasulullah SAW menjawab: Orang yang buang air di tempat laluan orang ramai atau tempat mereka berteduh.”

Riwayat Muslim (269) dan yang lainnya

- **Di lubang tanah, tembok atau seumpamanya.**

Ini kerana ianya akan menyebabkan gangguan yang dikhuatiri terdapat binatang berbisa seperti kala jengking atau ular di dalam lubang tersebut yang akan keluar dan mencederakannya. Begitu juga binatang yang lemah yang boleh terganggu dengan perbuatan mereka.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Sarjis berkata:

نَهَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُبَالَ فِي الْجُحْرِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang manusia buang air kecil ke dalam lubang tanah.”

Riwayat Abu Daud (29)

- **Di bawah pokok yang sedang berbuah.**

Untuk mengelakkan buah yang gugur daripada tercemar dan menjijikkan, sama ada buah tersebut di makan atau diambil manfaatnya.

- **Di dalam air yang tenang dan tidak mengalir.**

Ini adalah kerana manusia akan berasa jijik dengan air tersebut sekalipun air itu banyak dan tidak berubah sifatnya. Sekiranya air itu berubah ia akan terbangun begitu saja, apatah lagi air itu kurang daripada dua *qullah*.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُبَالَ فِي الْمَاءِ الرَّائِدِ

Maksudnya: “Baginda melarang manusia buang air kecil dalam air yang tenang.”

Riwayat Muslim (281) dan yang lainnya

Sehubungan itu buang air besar adalah lebih berat keadaannya dan lebih utama dilarang. Larangan di sini adalah dengan makna makruh tetapi Imam al-Nawawi menyatakan bahawa ia memberi makna haram.

Kedua: Adab yang Berkaitan dengan Cara Masuk dan Keluar dari Tempat Buang Air

Sunat melangkah dengan kaki kiri ketika masuk dan dengan kaki kanan ketika keluar kerana ini lebih sesuai untuk tempat-tempat kotor dan najis.

Jangan membawa tulisan yang tertera nama Allah dan nama-nama-Nya yang lain. Begitu juga sunat membaca zikir-zikir dan doa-doa yang telah *thabit* daripada Rasulullah SAW sebelum masuk dan selepas keluar dari tandas. Doa sebelum masuk tandas:

بِسْمِ اللَّهِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

Maksudnya: “Dengan nama Allah, Ya Allah! Aku berlindung dengan-Mu daripada gangguan syaitan jantan-jantan dan betina.”

Riwayat al-Bukhari (142) dan Muslim (375)

Doa selepas keluar daripada tandas:

غُفْرَانَكَ رَبَّنَا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذَقَنِي لَذَّتَهُ
وَأَبْقَى فِيَّ قُوَّتَهُ وَدَفَعَ عَنِّي أَذَاهُ

Maksudnya: “Kami mengharap keampunan-Mu. Segala puji bagi Allah SWT yang menghilangkan perkara yang menyakitkan daripadaku dan menyihatkan diriku. Segala puji bagi Allah SWT yang telah merasakan kelazatan-Nya dan mengekalkan kekuatan-Nya kepadaku serta menolak gangguannya daripada aku.”

Riwayat Abu Daud (30), al-Tirmizi (7), Ibn Majah (301) dan al-Tabarani

Ketiga: Adab yang Berkaitan dengan Arah

Haram menghadap kiblat atau membelakanginya ketika buang air sekiranya berada di tempat lapang dan tidak ada perlindungan yang melindungi auratnya. Begitu juga haram berbuat demikian di dalam binaan yang bukan disediakan untuk tempat buang air dan tidak memenuhi syarat-syarat pelindung seperti di atas. Disyaratkan jarak antara pelindung tersebut dengannya tidak melebihi tiga hasta, iaitu bersamaan kira-kira 150 cm. Jika binaan tersebut memang disediakan untuk tempat buang air maka harus menghadap kiblat atau membelakanginya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Ayyub al-Ansari RA, daripada Nabi SAW bersabda:

إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا بَبُولٍ أَوْ غَائِطٍ، وَلَكِنْ شَرُّوْا أَوْ
غَرِّبُوا

Maksudnya: “Apabila kamu di tempat buang air janganlah kamu menghadap kiblat atau membelakanginya sama ada ketika buang air kecil atau air besar tetapi menghadaplah ke timur atau barat.”

Riwayat al-Bukhari (381) dan Muslim (264)

Tegahan ini khusus ketika berada di padang pasir yang luas atau tempat-tempat seumpamanya yang tidak ada sebarang perlindungan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma berkata:

ارْتَقَيْتُ فَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ حَفْصَةَ لِبَعْضِ حَاجَتِي، فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
مُسْتَدْبِرَ الْقِبْلَةَ مُسْتَقْبِلَ الشَّامِ

Maksudnya: “Aku naik di atas bumbung rumah Hafsa untuk sesuatu tujuanku, lalu aku melihat Rasulullah SAW membelakangi kiblat dan menghadap ke Syam.”

Riwayat al-Bukhari (148), Muslim (266)
dan yang lainnya

Tegahan dalam hadith yang pertama membawa maksud tempat yang bukan disediakan untuk buang air dan tempat-tempat seumpamanya yang tiada perlindungan manakala peristiwa dalam hadith yang kedua pula membawa maksud tempat yang memang disediakan untuk membuang air dan tempat-tempat yang lain seumpamanya.

Dengan cara ini maksud kedua-dua hadith tersebut tidak bercanggah. Namun demikian makruh membuang air di tempat yang bukan disediakan khas untuknya sekalipun ada pelindung.

Keempat: Adab Membuang Air

Kedudukan orang yang buang air hendaklah memberatkan duduk di atas kaki kiri sambil menegakkan lutut kaki kanan. Jangan melihat ke langit, melihat kemaluannya atau najis yang keluar. Hal demikian kerana perbuatan tersebut tidak sesuai dalam keadaan begitu.

Begitu juga makruh bercakap-cakap dan seumpamanya ketika buang air. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar RA:

أَنَّ رَجُلًا مَرَّ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبُولُ فَسَلَّمَ فَلَمْ يَرُدَّ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Seorang lelaki lalu ketika Rasulullah SAW buang air kecil. Dia memberi salam tetapi Baginda tidak menjawabnya.”

Riwayat Muslim (370) dan yang lainnya

Hadith seterusnya, daripada Abu Sa'id RA katanya, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

لَا يَخْرُجُ الرَّجُلَانِ يَضْرِبَانِ الْعَائِطَ كَاشِفَيْنِ عَنْ عَوْرَتِهِمَا يَتَحَدَّثَانِ فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ
يَمَقُتُ عَلَى ذَلِكَ

Maksudnya: “Janganlah keluar dua orang menuju ke tempat buang air dalam keadaan aurat terbuka sambil bercakap-cakap ketika buang air, kerana Allah SWT murka terhadap perbuatan tersebut.”

Riwayat Abu Daud (15) dan yang lainnya

Diqiaskan perbuatan makan, minum, perlakuan yang sia-sia dan seumpamanya ketika membuang air sama seperti tegahan tersebut.

Kelima: Beristinja' dengan Tangan Kiri

Hendaklah beristinja' dengan tangan kiri untuk membersihkan tempat keluar najis sama ada dengan air, batu atau seumpamanya, kerana cara ini lebih baik. Makruh beristinja' dengan tangan kanan sebagaimana makruh menyentuh zakar dengannya. Sekiranya perlu memegang zakar untuk membersihkannya dengan batu atau pepejal yang lain, maka hendaklah memegang batu tersebut dengan tangan kanan tanpa menggerakkannya, sementara tangan kiri memegang zakar dan menggerak-gerakkannya untuk membersihkan tempat keluar najis.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Qatadah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَأْخُذَنَّ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ، وَلَا يَسْتَنْجِ بِيَمِينِهِ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu buang air kecil, janganlah memegang zakar dan beristinja' dengan tangan kanannya.”

Riwayat Bukhari (153) dan Muslim (267)

Bersuci daripada Hadas

Erti hadas dari segi bahasa adalah sesuatu kejadian manakala pada syara' pula ialah kejadian yang dianggap wujud (إِعْتِبَارِيٌّ) pada anggota manusia yang menghalang sah solat dan ibadat yang lain yang bersamaan hukumnya selagi tidak diberikan keringanan (رُخْصَةٌ).

Hadas juga dimaksudkan kepada perkara yang membatalkan wudhu' dan yang mewajibkan mandi.

Pembahagian Hadas

Hadas terbahagi kepada dua, iaitu hadas kecil dan hadas besar.

Hadas kecil adalah kejadian yang dianggap wujud pada empat anggota manusia, iaitu muka, dua tangan, kepala dan dua kaki yang menghalang daripada sah solat dan seumpamanya. Hadas ini akan terluput dengan berwudhu' dan membolehkan seseorang melakukan solat dan seumpamanya.

Hadas besar ialah kejadian yang dianggap wujud pada seluruh badan yang menghalang sah solat dan ibadat-ibadat seumpamanya. Hadas ini akan terluput dengan mandi dan menjadikan seseorang layak untuk melakukan ibadat yang telah dilarang sebelumnya.

WUDHU'

Pengertian Wudhu'

Wudhu' berasal daripada perkataan *wadha'ah* (وَضَاءَةٌ). Dari segi bahasa, ia bererti elok dan berseri. Sementara dari segi syara' pula ialah perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu beserta dengan niat.

Ia dinamakan demikian kerana perbuatan tersebut mengelokkan dan menyerikan anggota yang dibasuh dan dibersihkan. Perkataan *wadhu'* (وَضُوءٌ) ialah nama air yang digunakan untuk berwudhu'.

Rukun Wudhu'

Rukun wudhu' mempunyai enam perkara iaitu niat, membasuh muka, membasuh dua belah tangan hingga siku, menyapu sebahagian daripada kepala, membasuh dua belah kaki hingga buku lali dan tertib. Dalil disyariatkan wudhu' dan rukunnya berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*¹⁴

(Surah al-Maidah: 6)

¹⁴ Syeikh Muhammad Ali al-Sais dalam *Tafsir Ayat al-Ahkam* berkata: *Zahir ayat menunjukkan, wajib wudhu' bagi siapa yang ingin melakukan solat sekalipun tidak berhadas, sedangkan ijma' adalah sebaliknya. Justeru, mereka berkata: Ayat ini kepada yang berhadas berdasarkan ijma'.*

Pertama: Niat.

Niat menjadi rukun kerana wudhu' adalah ibadat dan ia membezakan ibadat dan adat. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ

Maksudnya: “*Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat, dan setiap orang hanya mendapat apa yang diniatkan.*”

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Ini bermakna tidak sah ibadat dan tidak diambil kira oleh syara' melainkan apabila diniatkan. Seseorang *mukallaf* tidak akan mendapat pahala ibadatnya kecuali niatnya betul.

Pengertian Niat

Niat pada bahasa bererti tujuan, manakala pada syara' pula ialah menyatakan tujuan sesuatu perbuatan ketika melakukannya. Tempat niat adalah di dalam hati dan ia sunat dilafazkan. Cara berniat adalah berkata di dalam hati: *Sahaja aku berwudhu'* (نَوَيْتُ فَرَضَ الْوُضُوءِ), atau *sahaja aku mengangkat hadas* (نَوَيْتُ رَفَعَ الْحَدَثِ), atau *sahaja aku mengharuskan solat* (نَوَيْتُ إِسْتِبَاحَةَ الصَّلَاةِ). Waktu berniat ialah ketika mula membasuh bahagian muka kerana ia adalah permulaan berwudhu'.

Kedua: Membasuh muka kesemuanya.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ

Maksudnya: *Maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu.*

(Surah al-Maidah: 6)

Bahagian muka secara menegak adalah daripada tempat tumbuh rambut hingga bahagian bawah dagu, manakala secara melintang pula adalah daripada bahagian telinga ke telinga. Justeru, wajib membasuh kesemua yang ada di atas bahagian muka termasuk luar dan dalam bulu kening, misai dan janggut kecuali janggut yang tebal yang tidak nampak bahagian dalamnya, memadai membasuh yang luarnya sahaja.

Ketiga: Membasuh dua belah tangan sehingga siku.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ

Maksudnya: Dan kedua belah tangan kamu meliputi siku.

(Surah al-Maidah: 6)

Siku ialah sendi di antara bahagian lengan dan pangkal lengan, dan termasuk antara anggota yang mesti dibasuh ketika berwudhu'. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّهُ تَوَضَّأَ فَعَسَلَ وَجْهَهُ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي الْعَضُدِ ثُمَّ يَدَهُ الْيُسْرَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي الْعَضُدِ ثُمَّ مَسَحَ رَأْسَهُ ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي السَّاقِ ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي السَّاقِ ثُمَّ قَالَ هَكَذَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ

Maksudnya: “Dia berwudhu’ dengan membasuh mukanya dengan sempurna. Kemudian membasuh tangan kanan, kemudian tangan kiri hingga bahagian lengan, menyapu kepala dan membasuh kaki kanan kemudian kaki kiri sehingga bahagian betis. Kemudian dia berkata: Demikianlah aku melihat Rasulullah SAW berwudhu’.”

Riwayat Muslim (246)

Wajib meratakan basuhan kesemua bulu dan kulit. Sekiranya terdapat kotoran di bawah kuku atau memakai cincin yang menghalang air sampai ke kulit maka wudhu' tidak sah.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin `Amr R.Anhuma berkata:

رَجَعْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ مَكَّةَ إِلَى الْمَدِينَةِ حَتَّى إِذَا كُنَّا بِمَاءٍ
بِالطَّرِيقِ تَعَجَّلَ قَوْمٌ عِنْدَ الْعَصْرِ فَتَوَضَّؤُوا وَهُمْ عِجَالٌ فَانْتَهَيْنَا إِلَيْهِمْ وَأَعْقَابُهُمْ تَلُوحٌ لَمْ
يَمَسَّهَا الْمَاءُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ أَسْبَغُوا
الْوُضُوءَ

Maksudnya: “Kami pulang bersama-sama Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah. Apabila kami sampai ke kawasan air di pertengahan jalan, sekumpulan orang bergegas untuk bersolat Asar. Lalu mereka berwudhu' secara tergesa-gesa. Kami pun menghampiri mereka dan dapati buku lali mereka tidak dibasahi air. Lantas Rasulullah SAW bersabda: Celakalah buku lali mereka disebabkan oleh neraka! Oleh itu, berwudhu'lah kamu dengan sempurna.”

Riwayat al-Bukhari (161) dan Muslim (241)

Hadith seterusnya:

أَنَّ رَجُلًا تَوَضَّأَ فَتَرَكَ مَوْضِعَ ظُفْرِ عَلَى قَدَمِهِ فَأَبْصَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:
ارْجِعْ فَأَحْسِنْ وَضُوءَكَ فَارْجِعْ ثُمَّ صَلَّى

Maksudnya: “Seorang lelaki berwudhu' dan telah tertinggal basuhan pada kuku kakinya yang dilihat oleh Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda: Ulanglah semula dan berwudhu'lah dengan sempurna. Lalu dia terus mengulangnya dengan sempurna dan mendirikan solat.”

Riwayat Muslim (243)

Kedua-dua hadith di atas menunjukkan bahawa wudhu' tidak sah sekiranya terdapat anggota yang wajib dibasuh tetapi tidak berbasuh walaupun sedikit.

Keempat: Menyapu sebahagian daripada kepala walaupun sehelai rambut selama ia berada di dalam kawasan kepala. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ

Maksudnya: *Dan sapulah sebahagian dari kepala kamu.*

(Surah al-Maidah: 6)

Dan juga berdasarkan hadith, al-Mughirah bin Syu'bah RA meriwayatkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ بِنَاصِيَتِهِ وَعَلَى عِمَامَتِهِ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW berwdudhu’ lalu Baginda menyapu ubun-ubunnya dan di atas serbannya.*”

Riwayat Muslim (274)

Membasuh kepala atau sebahagiannya sebagai ganti kepada menyapunya adalah harus. Ubun-ubun ialah bahagian atas kepala dan ia adalah sebahagian daripadanya. Perbuatan menyapu ubun-ubun sahaja menunjukkan bahawa menyapu mana-mana bahagian kepala adalah memadai.

Kelima: Membasuh dua belah kaki hingga buku lali. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: *Dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*

(Surah al-Maidah: 6)

Buku lali ialah tulang yang timbul di bahagian sendi di antara betis dan tapak kaki. Ia wajib dibasuh bersama-sama kedua-dua belah kaki sebagaimana dinyatakan dalam hadith riwayat Abu Hurairah RA yang terdahulu.

Oleh itu, wajib meratakan basuhan di kedua-dua belah kaki hingga tidak tertinggal sedikit pun sama ada di kuku atau di bawah bulu roma sebagaimana keterangan cara-cara membasuh tangan yang lalu.

Keenam: Tertib Mengikut Urutan Rukun yang Telah Dinyatakan

Hal ini berdasarkan ayat-ayat yang menyebut fardhu-fardhu wudhu' secara berurutan dan juga berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW. Baginda tidak berwudhu' melainkan dilakukannya secara tertib sebagaimana susunan yang dinyatakan di dalam al-Quran. Perbuatan Baginda adalah *thabit* dalam beberapa hadith yang sahih. Antaranya ialah hadith Abu Hurairah RA yang lalu terdapat di dalamnya perkataan *kemudian* (ثمَّ) yang memberi makna tertib sebagaimana yang disepakati oleh ulama'.

Dalam kitab *al-Majmu'* (1/484) Imam al-Nawawi menyatakan: “*Para ulama' al-Syafie berhujah tentang wudhu' Nabi SAW dengan hadith sahih yang diambil daripada para sahabat. Mereka semuanya menceritakan bahawa Nabi SAW melakukannya secara tertib. Ramai sahabat yang menyaksikannya dan di beberapa tempat yang lain pula terdapat banyak perbezaan dalam menceritakan sifat-sifat wudhu' Baginda dari segi bilangan membasuh atau menyapu sama ada sekali, dua kali atau tiga kali dan lain-lain lagi. Namun demikian tidak ada yang menthabitkan sifat wudhu' Nabi SAW yang dilakukannya secara tertib.*”

Perbuatan Rasulullah SAW adalah penjelasan kepada cara berwudhu' yang diperintahkan. Sekiranya hukum meninggalkan tertib adalah harus, sudah tentu Baginda meninggalkannya pada sesetengah keadaan bagi menjelaskan bahawa ia adalah harus, sebagaimana Baginda pernah berwudhu' tanpa mengulanginya pada waktu-waktu tertentu bagi menjelaskan bahawa berulang-ulang itu tidak wajib.

Sunat Wudhu'

Antara sunat wudhu' yang penting ialah:

i. Menyebut nama Allah (بِسْمِ اللَّهِ)

Sunat menyebut nama Allah SWT pada permulaan wudhu'. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA, katanya:

طَلَبَ بَعْضُ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَضُوءًا فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً، فَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: هَلْ مَعَ أَحَدٍ مِنْكُمْ مَاءٌ. فَأْتَيْتَ بِمَاءٍ فَوَضَعَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ الَّذِي فِيهِ الْمَاءُ ثُمَّ قَالَ: تَوَضَّأُوا بِسْمِ اللَّهِ لَرَأَيْتُ الْمَاءَ يَفُورُ مِنْ بَيْنِ أَصَابِعِهِ حَتَّى تَوَضَّئُوا مِنْ عِنْدِ آخِرِهِمْ. وَكَانُوا نَحْوًا مِنْ سَبْعِينَ

Maksudnya: “Sebahagian sahabat Nabi SAW mencari air untuk berwudhu' tetapi tidak memperolehinya. Rasulullah SAW bersabda: Adakah sesiapa di kalangan kamu mempunyai air? Lalu dibawakan air kepadanya dan Baginda meletakkan tangannya ke dalam bekas yang berisi air tersebut seraya bersabda: Berwudhu'lah kamu dengan nama Allah SWT iaitu menyebut bismillah ketika memulakannya. Lalu aku melihat air terpancar keluar daripada celah-celah jari Baginda hingga kesemua mereka, iaitu kira-kira tujuh puluh orang dapat berwudhu' dengan air tersebut.”

Riwayat al-Nasaie (1/61) dengan *sanad* yang baik

ii. Membasuh dua belah tapak tangan sebanyak tiga kali sebelum memasukkannya ke dalam bekas air

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Zaid R.Anhuma:

سُئِلَ عَنْ وَضُوءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَعَا بِتَوْرٍ مِنْ مَاءٍ، فَتَوَضَّأَ لَهُمْ وَضُوءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَكْفَأَ عَلَى يَدِهِ مِنَ التَّوْرِ، فَغَسَلَ يَدَيْهِ ثَلَاثًا، ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ

Maksudnya: “Ketika ditanya tentang wudhu’ Nabi SAW, lalu dia meminta air dalam bekas tembaga. Kemudian dia berwudhu’ untuk menunjukkan cara Nabi SAW berwudhu’. Dia menuangkan air daripada bekas tersebut dan membasuh tangannya sebanyak tiga kali. Seterusnya barulah dia memasukkan tangannya ke dalam bekas tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (2183) dan Muslim (235)

iii. Bersugi

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

لَوْلَا أَنِ اسْتَقَّ عَلَيَّ أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ وُضُوءٍ

Maksudnya: “Kalaulah tidak kerana membebankan umatku, aku akan perintahkan mereka bersugi pada setiap kali berwudhu’.”

Riwayat al-Bukhari (847) dan Muslim (252) dan yang lainnya

Maksud *perintah* dalam hadith tersebut ialah perintah wajib, namun hadith ini menunjukkan bahawa bersugi adalah sunat *muakkad* sahaja.

iv. Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung dengan tangan kanan dan mengeluarkannya dengan tangan kiri

Hal ini berdasarkan sambungan hadith Abdullah bin Zaid RA yang lalu:

فَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ وَاسْتَنْشَرَ بِثَلَاثِ غَرَافَاتٍ

Maksudnya: “Dia berkumur-kumur serta memasukkan air ke dalam hidung sebanyak tiga kali cedok dan melecihkannya.”

Hadith ini bermaksud dia berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung serentak dengan sekali cedok dan mengulangnya sebanyak tiga kali.

vi. Menyelati janggut yang tebal

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا تَوَضَّأَ أَخَذَ كَفًّا مِنْ مَاءٍ فَأَدْخَلَهُ تَحْتَ حَنَكِهِ فَخَلَّلَ بِهِ لِحْيَتَهُ وَقَالَ: هَكَذَا أَمَرَنِي رَبِّي عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengambil secedok air dengan tapak tangan lalu memasukkannya ke bawah tulang rahangnya dan menyelati janggutnya dengan air tersebut seraya bersabda: Demikianlah Tuhanku memerintahkan aku melakukannya.”

Riwayat Abu Daud (145)

vii. Menyapu seluruh kepala

Hal ini berdasarkan sambungan hadith Abdullah bin Zaid RA yang lalu:

فَمَسَحَ رَأْسَهُ بِيَدَيْهِ، فَأَقْبَلَ بِهِمَا وَأَدْبَرَ، بَدَأَ بِمُقَدِّمِ رَأْسِهِ، ثُمَّ ذَهَبَ بِهِمَا إِلَى قَفَاهُ، ثُمَّ رَدَّهُمَا إِلَى الْمَكَانِ الَّذِي بَدَأَ مِنْهُ

Maksudnya: “Dia menyapu kepalanya dengan dua tangannya, ke hadapan dan ke belakang, iaitu memulakan sapuan dengan kedua-dua belah tapak tangan pada bahagian hadapan kepala membawanya ke bahagian tengkuk dan seterusnya berbalik semula ke bahagian hadapan.”

Riwayat al-Bukhari (2183) dan Muslim (235)

viii. Menyelati celah-celah jari kedua-dua belah tangan dan kaki

Cara menyelati jari-jari tangan adalah dengan memasukkan jari-jari kedua-dua belah tangan antara satu sama lain. Sementara cara menyelati jari-jari kaki pula adalah dengan menggunakan jari kelingking tangan kiri, bermula dari jari kelingking kaki kanan dan berakhir pada jari kelingking kaki kiri.

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Laqit bin Sabirah RA, aku bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي عَنِ الْوُضُوءِ. قَالَ: أَسْبِغِ الْوُضُوءَ وَخَلَّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ وَبَالَغْ فِي الْإِسْتِنْسَاقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا

Maksudnya: “Wahai Rasulullah! Beritahulah aku tentang wudhu’. Sabda Rasulullah SAW: Berwudhu’lah dengan sempurna, selatilah antara jari dan lebihkanlah perbuatan memasukkan air ke dalam hidung kecuali kamu berpuasa.”

Riwayat Abu Daud (142), disahihkan oleh al-Tirmizi (788) dan yang lainnya

Hadith seterusnya, daripada al-Mustaurid, katanya:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ فَخَلَّلَ أَصَابِعَ رِجْلَيْهِ بِخَنْصِرِهِ

Maksudnya: “Aku melihat Rasulullah SAW berwudhu’, Baginda menyelati celah-celah jari kedua-dua belah kakinya dengan jari kelingking.”

Riwayat Ibn Majah (446)

viii. Menyapu dua telinga luar dan dalam dengan air yang lain selain daripada air buat menyapu kepala

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَسَحَ بِرَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ ظَاهِرِهِمَا وَبَاطِنِهِمَا

Maksudnya: “Nabi menyapu kepala dan kedua-dua belah telinganya, luar dan dalam.”

Riwayat al-Tirmizi (36) dan disahihkannya

Hadith seterusnya:

مَسَحَ بِرَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ بَاطِنِهِمَا بِالسَّبَّاحَتَيْنِ وَظَاهِرِهِمَا بِإِبْهَامَيْهِ

Maksudnya: “Baginda menyapu kepala dan menyapu bagian dalam kedua-dua belah telinganya dengan kedua-dua jari telunjuk dan bagian luarnya dengan kedua-dua ibu jari.”

Riwayat al-Nasaie (1/74)

Hadith berikutnya, Abdullah bin Zaid RA berkata:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَتَوَضَّأُ فَأَخَذَ مَاءً لِأُذُنَيْهِ خِلَافَ الْمَاءِ الَّذِي أَخَذَهُ لِرَأْسِهِ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW berwudhu’. Baginda mengambil air yang lain untuk menyapu dua telinganya selain daripada air menyapu kepala.”

Riwayat al-Hakim (1/151) dan al-Hafiz al-Zahabi berkata: Sahih

ix. Melakukan semua perbuatan fardhu wudhu’ dan sunatnya sebanyak tiga kali

Hal ini berdasarkan hadith, Sayyidina Uthman RA berkata:

أَلَا أُرِيكُمْ وَضُوءَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ تَوَضَّأَ ثَلَاثًا ثَلَاثًا

Maksudnya: “Mahukah kamu aku tunjukkan cara Rasulullah SAW berwudhu’? Kemudian dia pun berwudhu’ tiga kali, tiga kali.”

Riwayat Muslim (230)

x. Mendahulukan yang kanan daripada yang kiri ketika membasuh tangan dan kaki

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا تَوَضَّأْتُمْ فَأَبْدُوا بِمِيَامِنِكُمْ

Maksudnya: “Apabila kamu berwudhu’ mulakanlah dengan anggota yang kanan.”

Riwayat Ibn Majah (402)

Hadith berkenaan fardhu wudhu' yang juga menjadi dalil kepada perkara tersebut.

xi. Menggosok-gosok tangan atas anggota ketika membasuhnya

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Zaid RA, Nabi SAW telah berwudhu', Baginda bersabda:

هَكَذَا يَدُّكَ

Maksudnya: “*Beginilah caranya, sambil menggosok-gosoknya.*”

Riwayat Imam Ahmad dalam *Musnadnya* (4/39)

xii. Berturut-turut

Membasuh semua anggota wudhu' secara berturutan tanpa berhenti, iaitu membasuh anggota yang kedua sebelum anggota yang pertama kering kerana mengikut perbuatan Nabi SAW sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith-hadith yang lepas.

xiii. Melembihkan basuhan muka ke bahagian kepala dan membasuh bahagian atas dua siku dan buku lali

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أُمَّتِي يُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ مُسْلِمٍ: فَلْيُطِلْ غُرَّتَهُ وَتَحَجِّيلَهُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya umatku pada hari Kiamat akan diseru dalam keadaan kepala, dua tangan dan kaki mereka bercahaya kerana kesan daripada wudhu'. Oleh itu, sesiapa di kalangan kamu yang boleh membasuh bahagian kepalanya yang lebih maka lakukanlah. Dalam riwayat yang lain daripada Imam Muslim: Maka hendaklah dia melembihkan basuhan bahagian muka, dua siku dan buku lali.*”

Riwayat al-Bukhari (136) dan Muslim (246)

- xiv. **Bersederhana menggunakan air tanpa berlebih-lebihan dan tidak membazir**

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ بِالْمُدِّ

Maksudnya: “Nabi SAW berwudhu’ dengan secupak air.”

Riwayat al-Bukhari (198)

- xv. **Menghadap kiblat ketika berwudhu’.** Ini kerana kiblat merupakan arah yang paling mulia
- xvi. **Tidak bercakap-cakap ketika berwudhu’.** Ini kerana mengikut perbuatan Rasulullah SAW
- xvii. **Tasyahhud dan berdoa setelah selesai berwudhu’**

Tasyahhud ialah membaca:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah sahaja dan tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya.”

Riwayat Muslim (234)

Dan doanya pula:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: “Ya Allah! Jadikanlah aku di kalangan orang yang bertaubat dan bersuci.”

Riwayat al-Tirmizi (55)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Maksudnya: *Maha Suci Engkau ya Allah dan segala kepujian bagi-Mu, aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah yang sebenarnya kecuali-Mu aku beristighfar dan bertaubat kepada-Mu.*

Riwayat al-Nasa'i dalam Amalan Harian seperti kata Imam al-Nawawi dalam *al-Azkar*.

Perkara Makruh Ketika Berwudhu'

Perkara-perkara yang makruh ketika berwudhu' ialah:

i. Menggunakan air secara berlebihan atau membazirkan air.

Ini kerana ia bertentangan dengan sunnah dan maksud umum firman Allah SWT:

وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: *Dan jangan pula kamu melampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampau batas.*

(Surah al-A'raf: 31)

Berlebihan-lebihan bermaksud melampau had kesederhanaan yang biasa. Dan hadith yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّهُ سَيَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الطَّهْرِ وَالِدُعَاءِ

Maksudnya: *“Akan ada di kalangan umatku golongan yang melampau ketika bersuci dan berdoa.”*

Riwayat Abu Daud (96)

Melampau ketika berdoa bermaksud meminta sesuatu yang khusus dan dengan cara menyifatkan yang tertentu.

- ii. **Mendahulukan basuhan tangan dan kaki kiri daripada yang kanan.**

Ini kerana ia berlawanan dengan perbuatan Rasulullah SAW.

- iii. **Mengelap anggota wudhu' dengan tuala kecuali keuzuran kerana sangat sejuk atau panas yang menyakitkan sekiranya air masih ada pada anggota, atau dikhuatiri anggota tersebut terkena najis atau debunya.**

Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ بِمِنْدِيلٍ فَلَمْ يَمْسَهُ

Maksudnya: “Nabi SAW dibawakan tuala kepadanya tetapi Baginda tidak mengelapnya.”

Riwayat al-Bukhari (256) dan Muslim (317)

- iv. **Menyimbah air ke muka kerana perbuatan itu bertentangan dengan kemuliaan muka tersebut.**
- v. **Membasuh atau menyapu anggota wudhu' lebih atau kurang daripada 3 kali dengan yakin.**

Hal ini berdasarkan hadith, selepas selesai berwudhu' dengan membasuh atau menyapu anggotanya sebanyak tiga kali, Baginda bersabda:

هَكَذَا الْوُضُوءُ فَمَنْ زَادَ عَلَى هَذَا أَوْ نَقَصَ فَقَدْ أَسَاءَ وَظَلَمَ

Maksudnya: “Demikian cara berwudhu', sesiapa melebihi atau mengurangi bilangan ini, dia telah melakukan sesuatu yang tidak baik dan tidak betul.”

Riwayat Abu Daud (135)

Imam al-Nawawi dalam kitab *al-Majmu'* menyatakan bahawa martabat hadith ini adalah sahih. Hadith ini memberi pengertian sesiapa yang *beri'tiqad* bahawa yang sunat itu ialah membasuh atau menyapu lebih atau kurang daripada 3 kali, dia telah melakukan perkara yang tidak baik dan melampau kerana *i'tiqadnya* menyalahi sunnah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

- vi. **Meminta bantuan orang lain membasuh anggota wudhu'nya tanpa uzur kerana ia melambangkan sifat *takabbur* yang berlawanan dengan sifat kehambaan.**
- vii. **Melampau berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung bagi orang yang berpuasa, kerana dikhuatiri air tersebut akan sampai ke halkum menyebabkan puasanya terbatal.**

Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah:

وَبَالِغٌ فِي الْإِسْتِثْقَاءِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا

Maksudnya: “Lebihkanlah perbuatan memasukkan air ke dalam hidung kecuali ketika kamu berpuasa.”

Riwayat Abu Daud (142)

Diqiaskan juga berkumur dengan memasukkan air ke dalam hidung, kerana ia lebih utama.

Perkara yang Membatalkan Wudhu'

Wudhu' terbatal dengan lima perkara:

- i. **Semua yang keluar daripada *qubul* dan *dubur* seperti kencing, tahi, darah, kentut dan lain-lain.**

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ

Maksudnya: *Atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air.*

(Surah al-Nisa': 43)

Sementara hadith pula, daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ. قَفَالَ رَجُلٌ مِّنْ حَضْرَمَوْتٍ: مَا
الْحَدَثُ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ؟ قَالَ: فُسَاءٌ أَوْ ضُرَاطٌ

Maksudnya: “Allah SWT tidak menerima solat seseorang daripada kamu apabila berhadad, sehinggalah dia berwudhu’. Lalu seorang lelaki penduduk Hadhra Maut (حَضْرَمَوْتٍ) bertanya: Apakah hadad tersebut wahai Abu Hurairah? Abu Hurairah menjawab: Ia adalah kentut yang senyap atau kentut yang berbunyi.”

Riwayat al-Bukhari (135) dan Muslim (225)

Diqiaskan perkara yang tersebut dengan semua benda yang keluar daripada *qubul* dan *dubur* sekalipun suci.

ii. Tidur yang tidak tetap.

Maksud tetap di sini ialah duduk dalam keadaan punggung bertaup rapat dengan lantai manakala maksud tidak tetap pula ialah terdapat rongga di antara punggung dan lantai. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

مَنْ نَامَ فَلْيَتَوَضَّأْ

Maksudnya: “Sesiapa yang tidur dia hendaklah berwudhu’.”

Riwayat Abu Daud (203) dan yang lainnya

Adapun orang yang tidur dalam keadaan duduk yang tetap, wudhu'nya tidak batal kerana dia akan terasa sesuatu yang keluar daripada *duburnya*. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA berkata:

أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنَاجِي رَجُلًا فَلَمْ يَزَلْ يُنَاجِيهِ حَتَّى نَامَ أَصْحَابُهُ ثُمَّ جَاءَ فَصَلَّى بِهِمْ

Maksudnya: “Iqamat telah selesai dan Nabi SAW sedang bercakap-cakap dengan seorang lelaki tanpa didengari oleh orang lain. Baginda terus bercakap sehingga para sahabat tertidur. Kemudian Baginda datang dan terus bersolat bersama-sama mereka.”

Riwayat Muslim (376)

Hadith yang lain pula, daripada Anas RA berkata:

كَانَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنَامُونَ ثُمَّ يُصَلُّونَ وَلَا يَتَوَضَّأُونَ

Maksudnya: “Para sahabat Rasulullah SAW tidur kemudian mereka terus bersolat sedangkan mereka tidak mengambil wudhu’ semula.”

Riwayat al-Bukhari (541, 544 dan 545)

Hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa para sahabat tidur dalam keadaan duduk yang tetap kerana mereka berada di dalam masjid sedang menunggu untuk bersolat dan berharap-harap supaya Rasulullah SAW segera menghentikan perbualannya dan bersolat bersama-sama mereka.

iii. Hilang akal disebabkan sama ada mabuk, pitam, sakit atau gila.

Apabila satu daripada perkara tersebut berlaku kepada seseorang, maka dikhuatiri sesuatu keluar daripada *qubul* atau *duburnya* tanpa disedari. Hal ini diqiaskan dengan tidur kerana hilang akal itu lebih berat daripadanya.

iv. Seseorang lelaki menyentuh isterinya atau perempuan lain tanpa berlapik.

Perbuatan tersebut membatalkan wudhu’ kedua-duanya. Maksud perempuan lain ialah perempuan yang halal berkahwin.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam menerangkan perkara-perkara yang mewajibkan berwudhu':

أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ

Maksudnya: *Atau kamu bersentuh dengan perempuan.*

(Surah al-Nisa': 43)

Berdasarkan bacaan *mutawattir* perkataan *لَمْ تَمَسُّمُ* bermakna *لَمْ تَمَسُّمُ* iaitu kamu menyentuhnya.

- v. **Menyentuh kemaluan manusia.** Sama ada diri sendiri atau orang lain, sama ada *qubul* atau *dubur* dengan tapak tangan dan perut-perut jari tanpa berlapis

Perkara yang Disyaratkan Wudhu'

Iaitu:

Pertama: Solat

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*

(Surah al-Maidah: 6)

Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ

Maksudnya: “Allah SWT tidak menerima solat seseorang daripada kamu yang berhadass sehinggalah dia berwudhu’.”

Riwayat al-Bukhari (135) dan Muslim (225)

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهُورٍ

Maksudnya: “Solat tidak diterima tanpa bersuci.”

Riwayat Muslim (224)

Kedua: Tawaf keliling Kaabah.

Ini kerana tawaf sama seperti solat yang diwajibkan bersuci sebelum melakukannya.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

الطَّوَّافُ حَوْلَ الْبَيْتِ مِثْلُ الصَّلَاةِ إِلَّا أَنَّكُمْ تَتَكَلَّمُونَ فِيهِ فَمَنْ تَكَلَّمَ فِيهِ فَلَا يَتَكَلَّمَنَّ إِلَّا بِخَيْرٍ

Maksudnya: “Tawaf keliling Kaabah sama seperti bersolat kecuali kamu boleh bercakap ketika melakukannya. Sesiapa yang bercakap-cakap ketika itu, janganlah bercakap kecuali yang baik-baik.”

Riwayat al-Tirmizi (960), al-Hakim (1/459) dan beliau mensahihkannya

Ketiga: Menyentuh al-Quran dan membawanya

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

Maksudnya: Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.

(Surah al-Waqi'ah: 79)

Manakala hadits pula, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَمَسُّ الْقُرْآنَ إِلَّا طَاهِرٌ

Maksudnya: “Tidak boleh menyentuh al-Quran kecuali orang yang bersuci.”

Riwayat al-Daraqutni (1/459)

Cara Wudhu' Rasulullah SAW yang Sempurna

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Uthman bin Affan RA:

أَنَّهُ دَعَا بِوَضُوءٍ، فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَيْهِ مِنْ إِنَائِهِ، فَعَسَلَهُمَا ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ تَمَضَّمَ مَضًّا، وَاسْتَنْشَقَ، وَاسْتَشْرَبَ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا وَيَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ ثَلَاثًا، (وَفِي رِوَايَةٍ: ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى ثَلَاثًا ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُسْرَى ثَلَاثًا) ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ، ثُمَّ غَسَلَ كُلَّ رِجْلٍ ثَلَاثًا، (وَفِي رِوَايَةٍ: غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى ثَلَاثًا، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى ثَلَاثًا) ثُمَّ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ نَحْوَ وَضُوءِي هَذَا وَقَالَ: مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وَضُوءِي هَذَا ثُمَّ صَلَّى رَكَعَتَيْنِ، لَا يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ، غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Dia meminta air untuk berwudhu' lalu menuangkannya dari bekasnya, dan membasuh kedua-dua belah tangannya sebanyak tiga kali, berkumur, memasukkan air ke dalam hidung dan melecitkannya, membasuh muka dan kedua-dua belah tangannya sehingga siku sebanyak tiga kali.

(Menurut satu riwayat yang lain, kemudian dia membasuh tangan kanannya kemudian tangan kiri sebanyak tiga kali). Seterusnya dia menyapu kepala dan membasuh setiap kakinya sebanyak tiga kali. (Menurut satu riwayat yang lain: Dia membasuh kaki kanan kemudian kaki kirinya sebanyak tiga kali). Maka dia pun berkata: Aku melihat Rasulullah SAW berwudhu' seperti wudhu'ku ini dan Baginda SAW bersabda: Sesiapa yang berwudhu' seperti wudhu'ku, kemudian dia bersolat dua rakaat dengan khusyu', Allah SWT akan mengampuni dosanya yang lalu."

Riwayat al-Bukhari (162)

MENYAPU *KHUF*

Pengertian *Khuf*

Khuf ialah kasut kulit yang menutupi kaki hingga buku lali. Buku lali ialah tulang sendi yang timbul di antara kaki dengan betis.

Hukum Menyapu *Khuf*

Menyapu *khuf* dengan air adalah satu keringanan (رُخْصَةٌ) yang harus bagi lelaki dan perempuan dalam semua keadaan, sama ada ketika musim panas atau sejuk, musafir atau mukim, dan ketika sihat atau sakit. Perbuatan ini adalah ganti membasuh kaki ketika berwudhu’.

Dalil Harus Menyapu *Khuf*

Dalil harus menyapu *khuf* dengan air berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW sebagaimana dalil hadith, Jarir bin Abdullah al-Bujali RA berkata:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَالَ ثُمَّ تَوَضَّأَ، وَمَسَحَ عَلَى خُفَيْهِ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW pergi buang air kecil, kemudian Baginda berwudhu’ dan menyapu bahagian atas kedua-dua khufnya.”

Riwayat al-Bukhari (1478) dan Muslim (272)

Syarat Menyapu Dua *Khuf*

Harus menyapu kedua-dua *khuf* dengan lima syarat:

Pertama: Kedua-duanya dipakai setelah sempurna wudhu’. Hal ini berdasarkan hadith, daripada al-Mughirah bin Syu’bah RA katanya:

كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ، فَأَهْوَيْتُ لِأَنْزِعَ خُفِّيهِ فَقَالَ: دَعَهُمَا، فَإِنِّي
أَدْخَلْتُهُمَا طَاهِرَتَيْنِ. فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا

Maksudnya: “*Aku musafir bersama-sama Nabi SAW. Ketika itu aku tunduk untuk menanggalkan kedua-dua khufnya, Baginda bersabda: Biarkan, aku memakainya ketika suci. Lalu Baginda menyapu bahagian atas kedua-duanya.*”

Riwayat al-Bukhari (203) dan Muslim (274)

Kedua: Kedua-dua mestilah menutupi kesemua bahagian kaki yang wajib dibasuh. Ini kerana kedua-duanya tidak dinamakan *khuf* kecuali dalam keadaan demikian.

Ketiga: Kedua-duanya hendaklah kalis air kecuali pada jahitannya.

Keempat: Kedua-duanya mestilah kukuh dan tahan lasak hingga boleh dipakai berjalan selama sehari semalam bagi orang yang bermukim dan tiga hari tiga malam bagi yang bermusafir.

Kelima: Kedua-duanya mestilah suci sekalipun diperbuat daripada kulit bangkai yang disamak sebagaimana dalam perbincangan yang lalu, kulit bangkai yang disamak adalah suci.

Tempoh Menyapu *Khuf*

Tempoh menyapu *khuf* bagi orang yang bermukim ialah sehari semalam manakala bagi yang musafir selama tiga hari tiga malam.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Syuraih bin Hani’ RA katanya:

أَتَيْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَسْأَلَهَا عَنِ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ فَقَالَتْ: إِنَّتِ عَلِيًّا فَإِنَّهُ أَعْلَمُ
بِهَذَا مِنِّي، كَانَ يُسَافِرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَسَأَلْتُهُ، فَقَالَ: جَعَلَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ

Maksudnya: “*Aku telah menemui Aisyah R.Anha dan bertanyakan tentang cara menyapu khuf. Aisyah menjawab: Pergilah berjumpa Sayyidina Ali kerana dia lebih mengetahuinya daripadaku sebab dia telah bermusafir bersama-sama Rasulullah SAW. Lalu aku bertanya kepadanya, dan dia menjawab: Rasulullah SAW telah menetapkan tempohnya selama tiga hari tiga malam bagi orang yang bermusafir dan sehari semalam bagi yang bermukim.*”

Riwayat Muslim (276) dan yang lainnya

Sesiapa yang menyapu *khuf* ketika bermukim kemudian dia bermusafir, maka dia boleh menyapunya selama sehari semalam sahaja. Begitu juga sesiapa yang menyapu *khuf* ketika bermusafir kemudian bermukim maka dia hendaklah menamatkan tempoh sapuannya sebagaimana orang yang bermukim.

Ini kerana keadaan asal seseorang itu adalah bermukim dan menyapu *khuf* adalah satu keringanan baginya. Oleh itu, ambillah cara (*ihtiyat*) yang lebih selamat, iaitu hukum asal.

Bila Tempoh Bermula

Tempoh menyapu *khuf* setelah memakai kedua-duanya bermula apabila berhadass. Justeru, seseorang yang berwudhu’ dan memakai *khuf* untuk solat Subuh, kemudian dia berhadass ketika matahari terbit, maka tempohnya bermula daripada terbit matahari.

Cara Menyapu *Khuf*

Wajib menyapu bahagian atas *khuf* walaupun sedikit dan tidak memadai menyapu di bahagian bawahnya sahaja.

Sunat menyapu bahagian atas dan bawah *khuf* dengan sekali lalu, iaitu dengan cara meletakkan jari-jari tangan kanannya dalam keadaan terbuka di bahagian atas hujung kaki, dan jari-jari tangan kirinya pula dibahagian bawah tumit. Kemudian lalukan tangan kanan ke belakang sambil tangan kirinya ke hadapan.

Perkara-perkara yang Membatalkan Sapuan

Tiga perkara yang membatalkan sapuan ialah:

- i. Kedua-dua *khuf* atau satu daripadanya ditanggalkan atau tercabut.
- ii. Tamat tempoh sapuan. Apabila tempohnya tamat ketika masih berwudhu' dia hendaklah menanggalkan kedua-dua *khuf* dan membasuh kedua-dua kakinya, kemudian memakainya semula. Sekiranya dia tidak berwudhu', maka hendaklah dia berwudhu' kemudian memakainya semula jika ingin berbuat demikian.
- iii. Berlaku perkara yang mewajibkan mandi. Apabila wajib mandi, dia hendaklah menanggalkan kedua-dua *khuf* dan membasuh kedua-dua kakinya. Ini kerana menyapu *khuf* adalah ganti membasuh kaki ketika berwudhu' sahaja, dan bukan pada mandi wajib.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Safwan bin `Asal RA, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا مُسَافِرِينَ أَنْ نَمْسَحَ عَلَى خِفَافِنَا وَلَا نَنْزِعَهَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ

Maksudnya: “Semasa bermusafir bersama Rasulullah SAW, Baginda menyuruh kami menyapu *khuf* dan tidak menanggalkannya selama tiga hari sama ada selepas buang air besar, air kecil atau tidur kecuali apabila janabah.”

Riwayat al-Tirmizi (96) dan al-Nasaie (1/83)

Janabah ialah perkara yang menyebabkan wajib mandi.

BELAT DAN BARUT

Pengertiannya

Belat (جَبْرَةٌ) ialah pembalut tulang yang retak atau patah supaya tulang tersebut bertaut semula. Barut (عَصَابَةٌ) ialah pembalut luka untuk mengelakkan kekotoran sehingga ia sembuh.

Islam ialah agama yang memudahkan penganutnya dan mengambil berat dalam perkara ini. Oleh sebab itu, Islam mensyariatkan hukum-hukum yang menjamin kesepaduan melakukan ibadat dan memelihara keselamatan manusia.

Hukum Berkaitan Belat dan Barut

Pesakit yang luka atau patah ada kalanya memerlukan pembalut dan ubat di tempat yang patah dan luka atau sebaliknya. Jika memerlukan balutan, maka hendaklah mematuhi tiga perkara yang berikut apabila mengangkat hadas:

- Basuh sekitar bahagian anggota yang cedera.
- Sapu semua bahagian belat dan barut dengan air.
- Apabila sampai kepada anggota yang cedera ketika berwudhu', hendaklah bertayammum sebagai ganti membasuh anggota yang cedera itu.

Jika anggota yang patah atau luka itu tidak memerlukan balutan, wajiblah dibasuh anggota yang tidak cedera dan bertayammum ketika sampai dibahagian yang cedera yang tidak boleh dibasuh.

Walau bagaimanapun, tayammum wajib diulang bagi setiap solat fardhu, sekalipun dia tidak berhadas. Sementara anggota-anggota yang lain tidak wajib dibasuh kecuali apabila berhadas.

Dalil Pensyariatan Menyapu Belat

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, katanya:

خَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلًا مِنَّا حَجْرٌ فَشَجَّهَ فِي رَأْسِهِ ثُمَّ احْتَلَمَ فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ فَقَالَ: هَلْ تَجِدُونَ لِي رُحْصَةً فِي التَّيْمَمِ فَقَالُوا مَا نَجِدُ لَكَ رُحْصَةً وَأَنْتَ تَقْدِرُ عَلَى الْمَاءِ فَاغْتَسَلَ فَمَاتَ فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرَ بِذَلِكَ فَقَالَ: قَتَلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ إِلَّا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شَفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَّمَّمَ وَيَعَصِرَ أَوْ يَعْصِبَ. عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحُ عَلَيْهَا وَيَغْسِلُ سَائِرَ جَسَدِهِ

Maksudnya: “Kami keluar bermusafir, seorang daripada kami tiba-tiba luka terkena batu di kepala. Kemudian dia bermimpi (hingga keluar mani). Selepas terjaga dia bertanya kepada sahabat-sahabatnya, adakah kamu fikir ada keringanan bagiku untuk bertayammum? Mereka menjawab: Kami tidak mendapati keringanan bagi kamu kerana kamu mampu mendapatkan air. Lalu dia pun mandi dan terus meninggal dunia. Apabila kami menemui Rasulullah SAW dan memberitahu Baginda, Baginda pun bersabda: Mereka telah membunuhnya dan Allah akan membunuh mereka. Kenapakah mereka tidak bertanya sekiranya tidak tahu? Hanya dengan bertanya boleh menghilangkan keraguan. Sebenarnya memadai dia bertayammum dan membalut lukanya dengan kain perca, seterusnya menyapu air di atas balutan dan mandi ke seluruh badannya.”

Riwayat Abu Daud (336)

Tempoh Menyapu Belat dan Barut

Menyapu belat dan barut tidak ada tempoh tertentu, malah dibolehkan selagi masih uzur. Apabila luka telah sembuh dan anggota yang patah telah baik, maka batallah sapuan dan wajiblah mandi. Sekiranya dia masih berwudhu' sedangkan sapuannya telah batal, dia wajib menyapu anggota wudhu' yang wajib disapu dan membasuh anggota wudhu' yang wajib dibasuh.

Hukum belat adalah sama, sama ada bersuci daripada hadas kecil atau hadas besar. Bezanya adalah bagi hadas besar apabila sapuannya batal, maka

wajib membasuh bekas belatan atau barutan sahaja dan tidak wajib membasuh anggota badan yang lain.

Wajib mengqadha' solat bagi pesakit yang memakai belat dalam keadaan berikut:

- Memakai belat ketika berhadas dan tidak boleh menanggalkannya.
- Memakai belat pada anggota *tayammum* (muka dan kedua tangan).
- Memakai belat melebihi kadar balutan anggota yang sepatutnya.

Mandi, Hukum dan Bahagiannya

Pengertian Mandi

Mandi menurut bahasa ialah mengalirkan air ke atas apa-apa sahaja. Manakala pada syara' pula adalah mengalirkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu.

Pensyariatan Mandi

Mandi telah disyariatkan oleh Allah SWT sama ada untuk kebersihan ataupun mengangkat hadas dan sama ada ia menjadi syarat sah ibadat ataupun tidak.

Dalil Pensyariatan Mandi

Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*¹⁵

(Surah al-Baqarah: 222)

Ertinya, Allah suka kepada orang yang bersih daripada hadas dan kekotoran, sama ada kekotoran zahir atau batin.

¹⁵ Al-Qurtubi berkata: Orang yang bersuci ialah dengan menggunakan air daripada janabah atau hadas seperti kata 'Ata' dan lainnya.

Dalil al-Sunnah

Terdapat banyak hadits tentang mandi. Antaranya ialah, daripada Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَغْتَسِلَ فِي كُلِّ سَبْعَةِ أَيَّامٍ يَوْمًا يَغْسِلُ فِيهِ رَأْسَهُ وَجَسَدَهُ، وَعِنْدَ مُسْلِمٍ: حَقٌّ لِلَّهِ

Maksudnya: “Setiap muslim mesti mandi sekali dalam tujuh hari dengan membasuh kepala dan tubuh badannya.” Menurut riwayat Muslim: “Sebagai kewajipan terhadap Allah.”

Riwayat al-Bukhari (85) dan Muslim (849)

Ulama’ menyatakan bahawa mandi sekali dalam seminggu itu adalah pada hari Jumaat. Dalil yang lebih lanjut akan dijelaskan kemudian.

Dalil Ijma’

Ulama’ *mujtahid* sepakat menghukumkan mandi kerana kebersihan adalah sunat, manakala mandi yang menjadi syarat sah ibadat adalah wajib. Tiada perbezaan pendapat ulama’ dalam hal ini.

Hikmah Pensyariatian Mandi

Mandi mempunyai hikmah dan faedah yang banyak, antaranya ialah:

i. Mendapat pahala.

Mandi mengikut pengertian syara’ adalah ibadat. Hal ini kerana melaksanakan perintah syara’, dan beramal dengan hukumnya. Ia diberikan pahala yang besar. Sebab itulah Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Bersuci adalah sebahagian daripada iman.”

Riwayat Muslim (222)

Bersuci ini pula termasuk wudhu’ dan mandi.

ii. Menghasilkan kebersihan.

Apabila seseorang muslim itu mandi, dia dapat membersihkan kekotoran yang melekat pada badan atau peluh yang keluar daripada tubuh. Tubuh badan yang bersih ini boleh menghindarinya daripada kuman-kuman yang menyebabkan penyakit. Bau tubuh badannya pula menimbulkan kemesraan dan kasih sayang sesama manusia.

Ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

كَانَ النَّاسُ أَهْلَ عَمَلٍ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ كُفَاءٌ فَكَانُوا يَكُونُ لَهُمْ تَفَلٌّ فَقِيلَ لَهُمْ لَوْ اغْتَسَأْتُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ أَنَّكُمْ تَطَهَّرْتُمْ لِيَوْمِكُمْ هَذَا

Maksudnya: “Orang ramai yang sibuk bekerja dan tidak mempunyai pembantu, badan mereka berbau busuk, lalu dikatakan kepada mereka, elok kamu mandi pada hari Jumaat.” Dalam riwayat yang lain bagi al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda: “Eloklah kamu bersuci pada hari ini (Jumaat).”

Riwayat al-Bukhari (861) dan Muslim (847)

iii. Menghasilkan Kecergasan

Mandi boleh menjadikan tubuh badan cergas dan aktif, hilang rasa lesu dan malas terutamanya selepas berlaku sebab-sebab yang mewajibkannya seperti jima’ yang akan dijelaskan nanti.

Bahagian Mandi

Mandi terbahagi kepada dua, iaitu mandi wajib dan mandi sunat.

i. Mandi Wajib

Mandi wajib adalah mandi yang tidak sah ibadat tanpanya apabila terdapat sebab-sebab yang mewajibkan mandi. Sebab-sebabnya ialah *janabah*, *haidh*, bersalin dan mati.

- **Janabah**

Makna asal *janabah* ialah jauh, sebagaimana firman Allah SWT:

فَبَصَّرْتَهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ عَنِ جُنُبٍ

Maksudnya: (Maka pergilah ia) lalu dilihatnya dari jauh.

(Surah al-Qasas: 11)

Janabah bermaksud air mani yang terpancut atau persetubuhan. Oleh itu orang yang *junub* ialah orang yang tidak suci disebabkan keluar mani atau persetubuhan. Ia dinamakan *junub* kerana orang yang *berjanabah* menjauhkan diri daripada mendirikan solat selama dia berkeadaan demikian. Perkataan *junub* digunakan untuk umum, sama ada untuk lelaki atau perempuan, dan sama ada seorang atau ramai.¹⁶

Sebab *Janabah*

Janabah disebabkan oleh dua perkara:

¹⁶ Pengertian orang yang berjunub yang paling hampir dengan istilah fiqh ialah orang yang jauh dari ibadah. Para malaikat menjauhi orang yang berjunub dan tidak menghampirinya sebagaimana sabit di dalam hadith riwayat Abu Daud. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tiga golongan manusia yang tidak dihampiri oleh malaikat iaitu mayat orang kafir, orang yang memakai bau-bauan dan orang yang berjunub kecuali jika dia berwudhu’.”

Dari segi syara’, *junub* digunakan untuk keluar mani, pertemuan antara dua khitan dan lain-lain. Juga digunakan untuk situasi orang yang melakukan persetubuhan, tanpa mengira sama ada keluar mani atau tidak. *Junub* juga berlaku tanpa melalui persetubuhan seperti mimpi dan melakukan onani.

Pertama: Keluar mani,¹⁷ sama ada di kalangan lelaki atau perempuan dengan apa-apa sebab sekalipun sama ada dengan bermimpi, bercumbuan, melihat seseorang dengan berahi atau berkhayal.¹⁸

Ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Salamah R.Anha, katanya:

جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحِبُّ مِنِّي الْحَقَّ فَهَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلِ إِذَا احْتَلَمَتْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَعَمْ إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ

¹⁷ Dinyatakan di sini, dua jenis air yang keluar selain daripada mani.

i. Mazi

Air mazi adalah cecair berwarna putih jernih melekit dan keluar di saat timbul syahwat dan juga tanpa syahwat. Keluarnya tidak dengan cara memancut dan tidak diikuti dengan rasa letih. Kadang-kadang seseorang tidak merasai mazinya keluar sebagaimana dia merasai maninya keluar. Mazi lelaki dan wanita sama sahaja dan tidak ada beza. Malah, mazi akan keluar daripada alat kelamin seseorang wanita apabila timbul syahwat pada dirinya.

ii. Wadi

Air wadi pula ialah cecair berwarna putih telur tebal dan tidak ubah seperti mani, tetapi tidak ada bau. Biasanya keluar selepas membuang air kecil atau ketika memikul beban yang berat. Biasanya juga keluar dalam bentuk satu atau dua titis sahaja. Para ulama' ijma' tidak wajib mandi junub kerana keluar mazi dan juga wadi.

¹⁸ Imam al-Nawawi pula menjelaskan, jika seorang lelaki melihat mani di atas tilamnya yang mana bukan sahaja dia tidur di situ, bahkan ada seorang lagi yang sudahpun mencapai umur keluar mani, juga turut tidur di situ, tidak wajib mandi ke atasnya kerana kemungkinan mani yang keluar itu adalah mani seorang lagi. Seorang lagi itupun tidak wajib mandi kerana kemungkinan mani tersebut datang dari yang pertama. Selain daripada itu, setiap orang darinya tidak boleh menunaikan solat di belakang yang satu lagi. Begitulah sebaliknya sebelum mandi. Walau bagaimanapun, disunatkan kedua-duanya mandi.

Keluar Cairan yang Tidak Jelas Sama Ada Mani atau Mazi

Menurut al-Syeikh Taqiyudin al-Husaini dari kalangan ulama' mazhab al-Syafie, kalau seseorang ragu-ragu tentang kesan lembapan yang terdapat pada pakaiannya, adakah air mani atau mazi, boleh memilih mana yang dia lebih yakin dan membina hukum berasaskan kepada apa yang lebih diyakini itu. Jika dia yakin lembapan itu adalah air mani kerana mempunyai ciri-ciri mani, wajib ke atasnya mandi, kerana dia dikira berada dalam keadaan berjunub dan jika dia yakin lembapan tersebut hanyalah air mazi, tidak perlu kepadanya mandi kerana dia tidak berada di dalam keadaan berjunub, sebaliknya cukuplah dicuci pakaian tersebut.

Maksudnya: “Ummu Sulaim datang menemui Rasulullah SAW, lalu bertanya: Wahai Rasulullah! Allah tidak malu kepada perkara yang benar, adakah perempuan wajib mandi apabila dia bermimpi bersetubuh? Rasulullah SAW menjawab: Ya, sekiranya dia bermimpi hingga keluar mani.”

Riwayat al-Bukhari (278) dan Muslim (313)

Hadith seterusnya, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرَّجُلِ يَجِدُ الْبَلَلَ وَلَا يَذْكُرُ احْتِلَامًا قَالَ :
يَغْتَسِلُ. وَعَنِ الرَّجُلِ يَرَى أَنَّهُ قَدْ احْتَلَمَ وَلَا يَجِدُ الْبَلَلَ قَالَ: لَا غُسْلَ عَلَيْهِ. فَقَالَتْ أُمُّ
سَلِيمٍ: الْمَرْأَةُ تَرَى ذَلِكَ أَعْلَيْهَا غُسْلٌ قَالَ: نَعَمْ، النَّسَاءُ شَقَائِقُ الرَّجَالِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah ditanya tentang seorang lelaki yang mendapati dirinya basah tetapi dia tidak ingat mimpinya. Rasulullah SAW menjawab: Dia hendaklah mandi. Baginda juga ditanya tentang seorang lelaki yang bermimpi tetapi mendapati dirinya tidak basah. Baginda menjawab: Dia tidak wajib mandi. Kemudian Ummu Sulaim pula bertanya: Jika perempuan bermimpi demikian, adakah dia wajib mandi? Rasulullah SAW menjawab: Ya, kerana perempuan adalah pasangan kepada lelaki.”

Riwayat Abu Daud (236)

Maksud pasangan kepada lelaki ialah kejadian dan tabiat perempuan adalah setara dengan lelaki. Ini seolah-olah mereka sebahagian daripada lelaki.

Kedua: Jima' walaupun tidak keluar mani.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعْبَيْهِ الْأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا، فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْغُسْلُ، وَفِي رِوَايَةٍ مُسْلِمٍ: وَإِنْ
لَمْ يُنْزَلْ

Maksudnya: “Apabila dia berada di antara kedua-dua peha dan betis (perempuan) kemudian menyeturubuhnya maka dia wajib mandi”. Dalam riwayat Muslim menyatakan: “Walaupun tidak keluar mani.”

Riwayat al-Bukhari (287) dan Muslim (348)

Hadith seterusnya ialah, daripada Aisyah R.Anha:

وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدَّ وَجَبَ الْغُسْلُ

Maksudnya: “Dan apabila bertemu alat kelamin lelaki dan alat kelamin perempuan (bersetubuh), mereka berdua wajib mandi.”

Riwayat Muslim (349)

Dalam hadith ini pasangan lelaki dan perempuan wajib mandi kerana keduanya berkongsi sebab yang mewajibkan mandi.¹⁹

Perkara yang diharamkan ketika *Janabah*

Perkara-perkara berikut diharamkan kepada orang yang berjunub:

Pertama: Solat fardhu atau sunat

Ini berdasarkan firman Allah SWT:

لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا

Maksudnya: *Janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang*

¹⁹ Imam al-Nawawi menjelaskan perkara ini secara lebih terperinci. Menurut beliau, apabila seseorang wanita disetubuhi kemudian mandi. Setelah mandi, mani lelaki yang menyetubuhi wanita itu keluar semula, murid-murid al-Syafie menghukumkan tidak wajib mandi. Cuma wajib ke atasnya wudhu' sahaja. Al-Mutawalli menyatakan, menurut Qadi Husain maksud wajib mandi menurut murid-murid al-Syafie itu ialah apabila wanita yang disetubuhi itu masih kecil yang biasanya tidak keluar mani atau wanita dewasa di mana suaminya memancarkan mani ke dalam alat kelaminnya di dalam keadaan dia sendiri masih belum keluar maninya. Walau bagaimanapun, jika sekiranya masa persetubuhan tersebut panjang, kebiasaannya wanita tersebut akan keluar mani dan mani keduanya akan bercampur. Di kala itu, wajib ke atasnya mandi.

kamu dalam keadaan junub (berhadas besar) kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu mandi bersuci.

(Surah al-Nisa': 43)

Ayat ini menerangkan bahawa orang yang *junub* dilarang berada di tempat solat (masjid). Justeru, larangan mengerjakan solat adalah lebih utama.

Ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ

Maksudnya: "Tidak diterima solat tanpa bersuci."

Riwayat Muslim (224) dan yang lainnya

Maksud *suci* ialah suci daripada hadas dan *janabah*. Hadith ini juga menunjukkan haram mengerjakan solat sekiranya berhadas dan *junub*.

Kedua: Berhenti atau duduk di dalam masjid

Melintasi di dalam masjid tanpa berhenti atau berulang-alik hukumnya harus. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ

Maksudnya: Dan janganlah pula (*hampiri masjid*) sedang kamu dalam keadaan *junub* (berhadas besar), kecuali kamu hendak melintas sahaja.²⁰

²⁰ Surah al-Nisa', ayat 43. Di dalam ayat ini, Ibn Rusyd menjelaskan: Yang menjadikan sebab Imam al-Syafie dan ahli Zahir berselisih dalam masalah ini, kerana perbezaan pendapat dalam memahami makna ayat 43 dari surah al-Nisa'. Adakah makna yang terkandung dalam ayat itu termasuk *majaz* (kiasan) iaitu ada kalimah yang tersembunyi, iaitu tempat solat.

Dengan itu, maknanya: *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendekati tempat solat (masjid dan عابري سبيلٍ sekadar berlalu sahaja), merupakan pengecualian dari larangan tersebut. Atau makna yang terkandung di dalamnya bukan membawa makna majaz sebaliknya berdasarkan kepada makna yang hakiki (tekstual) dan bermakna musafir yang tidak mendapatkan air sedangkan dia berada di dalam keadaan junub.*

Ertinya, jangan mengerjakan solat dan jangan berada di tempatnya (di dalam masjid) sekiranya *berjunub* kecuali lalu dan melintasnya sahaja.

(Surah al-Nisa': 43)

Hadithnya pula ialah, Rasulullah SAW bersabda:

لَا أُحِلُّ الْمَسْجِدَ لِحَائِضٍ وَلَا لِحَيْضٍ

Maksudnya: “*Aku tidak menghalalkan masjid bagi orang yang haidh dan junub.*”

Riwayat Abu Daud (232)

Maksud *tidak menghalalkan* dalam hadith ini ialah tidak boleh berhenti di dalam masjid sebagaimana yang difahami daripada ayat al-Quran tersebut.

Ketiga: Tawaf mengelilingi Kaabah, sama ada tawaf fardhu atau sunat.

Ini kerana tawaf sama hukumnya dengan solat, sebab itu disyaratkan bersuci dahulu sebagaimana ibadat solat. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

الطَّوَّافُ بِالْبَيْتِ صَلَاةٌ إِلَّا أَنَّ اللَّهَ أَحَلَّ لَكُمْ فِيهِ الْكَلَامَ، فَمَنْ تَكَلَّمَ فَلَا يَتَكَلَّمُ إِلَّا بِخَيْرٍ

Maksudnya: “*Tawaf di Baitullah merupakan solat, tetapi Allah menghalalkan kamu bercakap-cakap dalam tawaf. Sesiapa yang bercakap hendaklah bercakap yang baik-baik.*”

Riwayat al-Hakim (1/459), beliau menyatakan *sanad* hadith ini sahih

Bagi golongan ulama' yang mengatakan ayat tersebut mengandungi makna *majaz* (kiasan) ada yang tersembunyi membolehkan seorang yang *berjunub* berjalan di dalam masjid. Bagi golongan yang mengatakan tidak boleh, saya tidak menemui dalil yang menyokong pendapatnya dalam masalah ini melainkan yang diriwayatkan dari Nabi SAW (sebab yang kedua).

Al-Imam Ibn al-Jarir membuat komentar perbezaan dua pendapat ini dengan mengatakan: “*Ahli takwil berbeza pendapat dalam menakwilkan ayat ini. Sebahagian mereka mengatakan makna ayat: Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu solat, sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan dan sedang kamu dalam keadaan junub, terkecuali سبيل عابري iaitu musafir (orang berpergian) sehingga orang yang sedang berjunub tersebut mandi.*”

Keempat: Membaca al-Quran

Tegahan ini berdasarkan hadits, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقْرَأُ الْحَائِضُ وَلَا الْجُنُبُ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ

Maksudnya: “Orang yang haidh dan junub jangan membaca sesuatu daripada al-Quran.”

Riwayat al-Tirmizi (131) dan yang lainnya

Perhatian:

Orang yang *junub* harus membaca al-Quran dalam hati tanpa melafazkannya sebagaimana harus baginya melihat al-Quran.²¹ Harus membaca ayat al-Quran dengan niat berzikir dan bukan dengan niat membaca al-Quran, seperti dia berkata:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

(Surah al-Baqarah: 201)

Begitu juga kalau dia berkata ketika menaiki kenderaan:

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ

Maksudnya: *Maha suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya.*

(Surah al-Zukhruf: 13)

²¹ Sesetengah ulama' seperti Sa'id bin Musayyab, mengharuskan kepada orang yang berjunub, membaca al-Quran, jika al-Quran berada dalam hafalannya dan tidak menyentuhnya.

Kelima: Menyentuh al-Quran

Termasuk juga dalam pengertian ini ialah larangan menanggungnya, menyentuh kertas atau kulitnya atau membawanya sama ada di dalam beg atau peti.²²

Firman Allah SWT:

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

Maksudnya: *Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.*

(Surah al-Waqiah: 79)

Dan hadith pula, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَمَسُّ الْقُرْآنَ إِلَّا طَاهِرٌ

Maksudnya: *“Tidak boleh menyentuh al-Quran melainkan orang yang suci.”*

Riwayat al-Daraqutni (1/121) dan riwayat Malik dalam *al-Muwatta'* secara *mursal* (1/199)

Perhatian:

Orang ber*junub* yang membawa al-Quran bersamanya harus membawa barang-barang lain atau pakaian dan tidak bertujuan membawa al-Quran semata-mata. Begitu juga harus membawa kitab tafsir al-Quran sekiranya kandungan tafsir lebih banyak daripadanya kerana perbuatan ini tidak dikatakan membawa al-Quran pada urufnya.

²² Menurut mazhab Hanafi atau sebahagian pendapat di dalam mazhab al-Syafie diharamkan kepada orang yang ber*junub* menyentuh wang dirham yang tertulis di atasnya ayat al-Quran, tetapi ulama' mazhab Maliki berdasarkan pendapat yang sah, dua pandangan yang masyhur di dalam mazhab al-Syafie dan satu pendapat di dalam mazhab Hanbali, mengharuskan kepada orang yang ber*junub* menyentuh wang dirham yang tertulis di atasnya ayat al-Quran.

Haidh

Pengertian Haidh

Erti haidh pada bahasa ialah mengalir. Manakala erti haidh pada syara' ialah darah semulajadi yang normal, keluar dari pangkal rahim perempuan yang telah baligh dalam keadaan sihat pada waktu tertentu.

Dalil Wajib Mandi Kerana Haidh

Dalil yang menunjukkan wajib mandi bagi perempuan yang haidh ialah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haidh. Katakanlah: “Darah haidh itu satu benda yang (menjijikkan) dan mendatangkan mudarat.” Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haidh itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci, maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.²³

(Surah al-Baqarah: 222)

²³ Ada tiga pendapat tentang maksud ayat ini:

- i. Firman Allah SWT حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ (sehingga mereka bersuci) bermaksud sehingga putus (berhenti) darahnya. Pendapat ini dikatakan oleh Abu Hanifah tetapi pendapatnya bercanggah pada dua tempat apabila beliau berkata: *Apabila darahnya berhenti pada tempoh maksimum haidh, maka dia tidak halal kecuali dengan berlalu satu waktu solat yang sempurna.*
- ii. Ia bermaksud, janganlah menyetubuhi wanita haidh sehinggalah dia mandi junub. Pendapat ini dikatakan oleh al-Zuhri, Rabi'ah, al-Laith, Malik, Ishaq, Ahmad dan Abu Thur.
- iii. Sehingga dia berwudhu' untuk solat. Pendapat ini dikatakan oleh Taus dan Mujahid.

Dalil al-Sunnah

Hadith pula ialah, Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah binti Abi Hubaish R.Anha:

فَإِذَا أَقْبَلَتْ الْحَيْضَةَ فَدَعِيَ الصَّلَاةَ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ وَصَلِّي

Maksudnya: “Apabila datang haidh, maka tinggalkanlah solat, dan apabila ia berhenti maka mandilah untuk membersihkan dirimu daripada darah dan dirikanlah solat.”

Riwayat Bukhari (226) dan Muslim (333)

Umur Baligh

Maksud baligh apabila seseorang lelaki atau perempuan yang sampai had umur layak ditujukan kepadanya perintah melaksanakan syariat seperti solat, puasa, haji dan lain-lain.

Tanda Baligh

Pertama: Bermimpi hingga keluar mani sama ada bagi lelaki atau perempuan.

Kedua: Kedatangan darah haidh bagi perempuan. Waktu yang memungkinkan seseorang itu baligh dengan sebab mimpi atau kedatangan haidh ialah genap umur 9 tahun *Qamariyah* (hijriyah). Lewat atau tidak kedatangan haidh pada had umur tersebut bergantung kepada keadaan sesebuah negeri dan keadaan hidup seseorang.

Ketiga: Genap umur 15 tahun *Qamariyah* sekiranya tiada berlaku mimpi atau datang haidh.

Tempoh Haidh

Ada tiga tempoh haidh, iaitu paling singkat, paling lama dan kebiasaan.

- i. Tempoh yang paling singkat, sehari semalam.
- ii. Tempoh yang paling lama, 15 hari.
- iii. Tempoh kebiasaan, enam atau tujuh hari.

Sekurang-kurangnya tempoh suci antara dua haidh ialah 15 hari, manakala tempoh suci yang paling lama tiada hadnya.

Terdapat juga perempuan tidak di datangi haidh selama setahun, dua atau lebih. Penentuan tempoh tersebut berdasarkan kepada penelitian (استقراء), iaitu membuat penelitian terhadap peristiwa-peristiwa berlaku dan beberapa kejadian yang *menthabitkannya*.

Apabila seseorang perempuan mengalami keluar darah kurang daripada tempoh haidh yang paling pendek, iaitu kurang daripada sehari semalam atau lebih daripada tempoh haidh yang paling lama, iaitu melebihi 15 hari, maka darah tersebut dianggap darah penyakit (استحاضة) dan bukan darah haidh. Darah haidh dan darah *istihadhah* dapat dibezakan berdasarkan warna dan kepekatannya.

- **Darah *Istihadhah***

Darah *Istihadhah* ialah darah penyakit yang keluar melalui urat di hujung rahim yang dikenali sebagai *al-'Azil* (العاذل).

Darah ini membatalkan wudhu' tetapi tidak mewajibkan mandi, bahkan wajib bersolat dan berpuasa. Perempuan yang *istihadhah* hendaklah membasuh darah *istihadhahnya* dan memakai kain lampin, berwudhu' setiap kali solat fardhu, dan bersolat.

Ini berdasarkan hadith, daripada Fatimah binti Abu Hubaish R.Anha, dia kedatangan darah *istihadhah*, lantas Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا كَانَ دَمُ الْحَيْضَةِ فَإِنَّهُ دَمٌ أَسْوَدٌ يُعْرَفُ فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي عَنِ الصَّلَاةِ فَإِذَا كَانَ
الْآخِرُ فَتَوَضَّئِي وَصَلِّي فَإِنَّمَا هُوَ عِرْقٌ

Maksudnya: “Jika darah haidh, ia biasanya hitam. Jika ia bersifat demikian janganlah bersolat dan jika sebaliknya berwudhu’lah dan dirikan solat, kerana darah itu ialah darah penyakit.”

Riwayat Abu Daud (286) dan yang lainnya

Hadith seterusnya daripada Aisyah R.Anha katanya, Fatimah binti Abu Hubaish menemui Rasulullah SAW dan bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْتَحَاضُ فَلَا أَطْهَرُ، أَفَادَعُ الصَّلَاةَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا، إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ، وَلَيْسَ بِحَيْضَةٍ، فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَةً فَاتْرُكِي الصَّلَاةَ،
فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاغْسِلِي عَنكَ الدَّمَ وَصَلِّي

Maksudnya: *Wahai Rasulullah! Aku perempuan yang di datangi darah istihadhah dan masih belum bersuci, adakah aku perlu meninggalkan solat? Jawab Baginda SAW: Tidak perlu, kerana darah itu ialah darah penyakit, bukannya darah haidh. Ketika kedatangan haidh tinggalkanlah solat dan apabila tempohnya habis hendaklah kamu mandi membersihkan diri daripada darah, dan dirikanlah solat.”*

Riwayat al-Bukhari (236) dan Muslim (333)

Perkara yang Diharamkan Kerana Haidh

- i. **Solat.** Hal ini berdasarkan beberapa hadith Fatimah binti Abu Hubaish R.Anha tentang *istihadhah* yang lalu.
- ii. **Membaca al-Quran,** menyentuh dan menanggungnya sebagaimana yang telah dijelaskan dalam perkara yang diharamkan kerana *janabah*.

- iii. **Berhenti di dalam masjid.**²⁴ Tidak haram melintasinya sebagaimana yang dijelaskan dalam perkara yang diharamkan sebab *janabah*. Antara dalil yang menunjukkan bahawa tidak haram melintas di dalam masjid selain daripada dalil yang lalu ialah hadith, daripada Aisyah R.Anha katanya, Rasulullah SAW bersabda:

ناوليني الحُمْرَةَ مِنَ الْمَسْجِدِ، فَقُلْتُ: إِنِّي حَائِضٌ، فَقَالَ: إِنَّ حَيْضَتَكَ لَيْسَتْ فِي يَدِكَ.

Maksudnya: “Ambilkanku sejadah dari masjid. Lalu aku berkata: Aku dalam keadaan haidh. Sabda Rasulullah SAW, haidh bukan pada tangan kamu.”

Riwayat Muslim (298)

Dalil seterusnya, daripada Maimunah R.Anha, katanya:

تَقُومُ إِحْدَانَا بِالْحُمْرَةِ إِلَى الْمَسْجِدِ فَتَبْسُطُهَا وَهِيَ حَائِضٌ

Maksudnya: “Seorang daripada kami membawa sejadah ke dalam masjid lalu dia menghamparkannya, sedangkan dia dalam keadaan haidh.”

Riwayat al-Nasaie (1/147)

- iv. **Tawaf.** Dalil diharamkan tawaf telah dijelaskan dalam bab *janabah*.

Dalil seterusnya ialah, daripada Aisyah R.Anha katanya:

خَرَجْنَا لَا نُرَى إِلَّا الْحَجَّ، فَلَمَّا كُنَّا بِسَرَفٍ حِضَّتْ، فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي قَالَ: مَا لَكَ أَنْفِيسَتْ؟ قُلْتُ: نَعَمْ. قَالَ: إِنَّ هَذَا

²⁴ Menurut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang 2005-2006:

- Wanita berada dalam keadaan haidh di dalam masjid untuk mendengar ceramah adalah haram.
- Wanita yang berada dalam keadaan haidh di Balai Lintang dan sekiranya Balai Lintang tersebut tidak disifatkan sebagai masjid maka tidak haram.
- Balai Lintang tersebut hendaklah ditentukan statusnya dengan merujuk kepada pelan pembangunannya.

أَمَرَ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ، فَأَقْضَى مَا يَقْضِي الْحَاجُّ، غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي
بِالْبَيْتِ. وَفِي رِوَايَةٍ: حَتَّى تَطْهُرِي

Maksudnya: “Kami berihram kerana menunaikan haji. Apabila kami sampai di Saraf (سَرْف) aku kedatangan haidh. Rasulullah SAW masuk menemuiku yang sedang menangis lalu bertanya: Apakah masalah kamu? Adakah kamu di datangi haidh? Aku menjawab: Ya. Baginda bersabda: “Ini adalah perkara yang telah ditetapkan oleh Allah atas perempuan keturunan Nabi Adam AS. Buatlah sebagaimana yang dibuat oleh orang yang menunaikan haji kecuali tawaf di Kaabah.” Dalam riwayat lain, “sehingga aku suci.”

Riwayat al-Bukhari (290) dan Muslim (1211)

Perkara Lain yang Diharamkan Kerana Haidh

- i. **Melintas atau lalu di dalam masjid.** Dikhawatiri mencemarkannya kerana darah haidh adalah najis. Oleh itu haram mencemarkan masjid dengan najis atau benda-benda lain yang kotor. Sebaliknya jika selamat, maka halal baginya melintasinya.
- ii. **Puasa.** Perempuan yang didatangi haidh tidak harus berpuasa sama ada puasa wajib atau sunat.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Sa'id RA, Rasulullah SAW ditanya tentang maksud orang perempuan yang kurang agamanya. Baginda menjawab:

أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ؟

Maksudnya: “Bukankah perempuan yang haidh tidak boleh bersolat dan berpuasa?”

Riwayat al-Bukhari (298) dan Muslim (80)

Sebagaimana maksud hadith di atas, begitulah juga apa yang disepakati oleh para ulama'. Walau bagaimanapun mereka wajib mengqadha' puasa fardhu yang ditinggalkan setelah suci daripada

haidh tetapi tidak wajib mengqadha' solat. Justeru, apabila haidhnya berhenti dia wajib berpuasa walaupun belum mandi.

Hukum ini berdasarkan hadith daripada Mu'azah katanya: Aku bertanya kepada Aisyah R.Anha:

قُلْتُ: مَا بَالُ الْحَائِضِ تَقْضِي الصَّوْمَ وَلَا تَقْضِي الصَّلَاةَ؟ قَالَتْ: كَانَ يُصِيبُنَا ذَلِكَ فَنُؤْمَرُ بِقِضَاءِ الصَّوْمِ وَلَا نُؤْمَرُ بِقِضَاءِ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Mengapa perempuan yang haidh wajib mengqadha' puasa dan tidak wajib mengqadha' solat? Aisyah R.Anha menjawab: Kami telah di datangi haidh ketika Rasulullah SAW bersama-sama kami, lalu Baginda menyuruh kami mengqadha' puasa dan tidak menyuruh mengqadha' solat.”

Riwayat al-Bukhari (315) dan Muslim (335)

Hikmahnya di sini, solat itu banyak dan akan membebankan orang yang mengqadha'nya. Hal ini berlainan dengan puasa.

- iii. **Persetubuhan, bercumbu-cumbuan** dan menggauli isteri di antara pusat dengan lututnya.

Firman Allah SWT:

فَاعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haidh itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang

yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

(Surah al-Baqarah: 222)

Hadith yang lain pula ialah, daripada Abdullah bin Sa'ad RA, dia bertanya kepada Nabi SAW:

مَا يَحِلُّ لِي مِنْ أَمْرَاتِي وَهِيَ حَائِضٌ، قَالَ: لَكَ مَا فَوْقَ الْإِزَارِ

Maksudnya: “Apakah yang boleh aku lakukan terhadap isteriku dalam keadaan haidh? Baginda menjawab: Yang boleh bagi kamu ialah menggaulinya di atas kain.”

Riwayat Abu Daud (212)

Bersalin (ولادة)

Bersalin bermaksud melahirkan anak. Perempuan yang bersalin adakalanya tidak keluar darah. Oleh yang demikian, hukumnya sama dengan *janabah*. Ini kerana anak tersebut terjadi daripada air mani lelaki dan perempuan. Hukumnya tetap sama walaupun berbeza anak yang dilahirkan atau cara melahirkannya. Apabila kelahiran anak diikuti dengan keluarnya darah seperti kebiasaan perempuan yang melahirkan anak, darah tersebut dinamakan *nifas* yang mempunyai beberapa hukum tertentu.

Nifas (نفس).

Pengertian *Nifas*

Nifas dari segi bahasa bererti melahirkan anak, manakala menurut syara' darah *nifas* ialah yang keluar selepas kelahiran anak. Ia dinamakan *nifas* kerana keluar selepas kelahiran satu jiwa (نفس). Sebab itulah perempuan disebut juga orang yang melahirkan anak dengan *nufasa'* (نفساء).

Darah yang keluar semasa kelahiran anak tidak dianggap *nifas* tetapi darah kotor (فساد) kerana ia mendahului kelahiran. Justeru, solat adalah wajib

atasnya sekalipun dirinya berdarah dan wajib mengqadha' sekiranya tidak dapat mengerjakannya ketika itu.

Tempoh *Nifas*

Tempoh minimum *nifas* ialah sekelip mata (حظة). Kadang-kadang ia berterusan hingga beberapa hari dan biasanya hingga 40 hari. Manakala tempoh maksimumnya pula ialah 60 hari. Berdasarkan kajian, darah yang keluar melebihi tempoh tersebut adalah darah penyakit.

Perkara Haram Disebabkan *Nifas*

Para ulama' telah sepakat tentang hukum *nifas* adalah sama dengan semua yang hukum yang berkaitan haidh.

Keluar Darah Ketika Mengandung

Perempuan mengandung yang keluar darah sehingga sehari semalam, iaitu tempoh minimum haidh, dan tidak melebihi tempoh maksimumnya iaitu 15 hari, darah tersebut ialah darah haidh berdasarkan pendapat yang lebih jelas (أظهر). Justeru, mereka hendaklah meninggalkan solat, puasa dan semua yang haram atas perempuan haidh.

Sekiranya darah yang keluar kurang daripada tempoh minimum haidh, atau melebihi tempoh maksimumnya, maka darah yang terkurang dan terlebih tempoh itu dianggap darah penyakit. Manakala hukum solat dan ibadat yang lain baginya adalah berdasarkan keadaan itu.

Pendapat lain pula mengatakan bahawa darah yang keluar semasa mengandung walau apapun keadaannya bukan darah haidh tetapi hanyalah darah penyakit. Ini kerana kandungan tersebut akan menutup laluan keluar haidh, sebagaimana kebiasaan yang berlaku di kalangan perempuan mengandung namun kedatangan haidh ketika itu tidak mustahil tetapi jarang berlaku.

Tempoh Mengandung

Tempoh minimum: Enam bulan. Ia berdasarkan kepada dua ayat al-Quran berikut:

Firman Allah SWT:

وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya: *Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.*

(Surah al-Ahqaf: 15)

Seterusnya, firman Allah SWT:

وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ

Maksudnya: *Dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun.*

(Surah Luqman: 14)

Apabila tempoh mengandung dan menyusu tiga puluh bulan, dan tempoh menyusu sahaja ialah dua tahun, maka tempoh mengandung adalah enam bulan dan itulah tempoh minimumnya. Ini bermakna, perempuan yang melahirkan anak dalam tempoh kurang daripada enam bulan selepas berkahwin dan anak itu hidup, nasab anak tersebut kepada bapanya tidak *thabit*.

- **Tempoh biasa:** Tempoh mengandung yang biasa ialah sembilan bulan berdasarkan kepada keadaan sebenar yang berlaku pada keseluruhan kaum wanita. Mereka biasanya melahirkan anak selepas sembilan bulan atau kurang beberapa hari dari masa mula mengandung.
- **Tempoh maksimum:** Menurut pendapat Imam al-Syafie Rahimahullah, tempoh paling lama mengandung ialah empat tahun. Tempoh ini walaupun tidak mustahil tetapi amat jarang berlaku dan berdasarkan itulah Imam al-Syafie memberikan pendapatnya.

Meninggal Dunia

Apabila seseorang muslim meninggal dunia, mayatnya menjadi fardhu *kifayah* dimandikan oleh orang Islam. Ini bererti jika ada sesiapa dari kerabatnya atau orang lain memandikannya, gugurlah tuntutan fardhu tersebut daripada yang lain. Sebaliknya pula, semua orang Islam akan berdosa jika tiada seorang pun di kalangan mereka yang memandikannya.

Orang yang memandikan mayat wajib berniat memandikannya. Walau bagaimanapun, hal demikian adalah selain mati syahid. Orang yang mati syahid tidak dimandikan. Dalil wajib memandikan mayat ialah hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي الْمَحْرَمِ الَّذِي وَقَصَّتْهُ نَاقَتُهُ: اغْسِلُوهُ بِمَاءٍ
وَسِدْرٍ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersabda tentang seseorang yang sedang berihram mati terjatuh daripada untanya lalu terpijak tengkuknya, hendaklah kamu mandikannya dengan air yang dicampur dengan daun bidara.”

Riwayat al-Bukhari (1208) dan Muslim (1206)

MANDI SUNAT

Mandi sunat ialah mandi yang sah solat tanpanya. Syara' menghukumkannya sunat dan digalakkan untuk tujuan-tujuan tertentu.

1. Mandi Sunat Jumaat

Pensyariatannya

Sunat mandi pada hari Jumaat bagi mereka yang mendirikan solat Jumaat sekalipun solat tersebut tidak wajib atas mereka, seperti orang musafir, perempuan dan kanak-kanak. Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa mandi pada hari Jumaat, sunat bagi sesiapa sahaja sama ada yang mendirikan solat Jumaat ataupun tidak. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْتِيَ الْجُمُعَةَ فَلْيَغْتَسِلْ

Maksudnya: “Sesiapa yang hendak mendirikan solat Jumaat dia hendaklah mandi.”

Riwayat al-Bukhari (837) dan Muslim (844)

Suruhan mandi dalam hadith ini sebagai sunat berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهَا وَنَعِمَتْ وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغَسْلُ أَفْضَلُ

Maksudnya: “Sesiapa yang berwudhu’ pada hari Jumaat perbuatannya adalah baik. Dan sesiapa yang mandi adalah lebih baik.”

Riwayat al-Tirmizi (497)

Waktu Mandi Sunat Jumaat

Waktu mandi sunat Jumaat adalah masuk waktu azan solat Subuh. Walau bagaimanapun, mandi ketika hampir waktu pergi mendirikan solat Jumaat adalah lebih baik. Ini kerana lebih dekat kepada tujuan mandi tersebut, iaitu

mengharumkan bau badan, menghilangkan peluh dan bau busuk. Islam menggalakkan manusia mandi sunat Jumaat disebabkan mereka pada hari tersebut dan tiada sesiapa terganggu oleh bau yang tidak menyenangkan. Disebabkan itu jugalah Rasulullah SAW melarang makan bawang putih dan bawang merah bagi sesiapa yang ingin bersolat di mana-mana masjid.

2. Mandi Sunat Dua Hari Raya

Pensyariatannya

Sunat mandi pada hari raya 'Idil Fitri dan 'Idil Adha bagi sesiapa sahaja yang hendak bersolat hari raya ataupun tidak, kerana hari raya ialah hari untuk berhias, maka sunatlah mandi pada hari raya tersebut. Ini berdasarkan riwayat:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا كَانَ يَغْتَسِلُ يَوْمَ الْفِطْرِ قَبْلَ أَنْ يَغْدُوَ إِلَى الْمُصَلَّى

Maksudnya: “Bahawa Abdullah bin ‘Umar R.Anhuma mandi pada hari raya ‘Idil Fitri sebelum pergi ke tempat solat.”

Riwayat Malik dalam *al-Muwatta'* (1/177)

Diqiaskan hari raya fitri dengan Idil Adha.

Hal ini berdasarkan hadith *dhaif*, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْتَسِلُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَيَوْمَ الْأَضْحَى

Maksudnya: “Rasulullah SAW mandi pada hari raya ‘Idil Fitri dan hari raya ‘Idil Adha.”

Riwayat Ibn Majah (1315)

Walau bagaimanapun, hadith ini diperkukuhkan lagi dengan perbuatan para sahabat dan dengan qias di atas.

Waktu Mandi Sunat Hari Raya

Waktu mandi sunat dua hari raya bermula pada separuh malam hari raya tersebut.

3. Mandi Sunat Gerhana Matahari (كسوف) dan Bulan (خسوف)

Pensyariatannya

Sunat mandi bagi mendirikan solat gerhana matahari dan bulan. Dalilnya ialah qias kepada solat Jumaat. Ini kerana kedua-duanya disyariatkan solat berjemaah yang membawa kepada perhimpunan orang ramai.

Waktu Mandi Sunat Gerhana

Waktu bagi mandi sunat gerhana matahari dan bulan tersebut adalah ketika mula-mula berlakunya dan berakhir apabila cahaya kedua-duanya cerah semula.

4. Mandi Sunat Minta Hujan (استسقاء)

Sunat mandi sebelum pergi mendirikan solat minta hujan. Hal ini berdasarkan qias kepada mandi sunat gerhana.

5. Mandi Kerana Memandikan Mayat

Sunat mandi bagi sesiapa yang telah selesai memandikan mayat. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ

Maksudnya: “Sesiapa yang telah memandikan mayat, hendaklah mandi.”

Riwayat Ahmad, Ashab al-Sunan dan al-Tirmizi (993). Beliau menghasankannya

Hukum mandi ini tidak wajib berdasarkan hadits yang lain, iaitu sabda Rasulullah SAW:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ فِي غَسْلِ مَيِّتِكُمْ غُسْلٌ إِذَا غَسَلْتُمُوهُ

Maksudnya: “Tidak wajib mandi kerana memandikan mayat di kalangan kamu selepas selesai melakukannya.”

Riwayat al-Hakim (1/386)

6. Mandi Sunat yang Berkaitan dengan Ibadat Haji

i. Mandi Kerana Berihram Haji atau Umrah

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Zaid bin Thabit al-Ansari RA:

أَنَّه رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَجَرَّدَ لِإِهْلَالِهِ وَاعْتَسَلَ

Maksudnya: “Bahawa dia melihat Nabi SAW menanggalkan pakaiannya lalu Baginda mandi untuk berihram.”

Riwayat al-Tirmizi (830)

ii. Mandi Kerana Masuk ke Makkah

Hal ini berdasarkan hadits:

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ لَا يَقْدُمُ مَكَّةَ إِلَّا بَاتَ بِذِي طُوًى حَتَّى يُصْبِحَ وَيَغْتَسِلَ ثُمَّ يَدْخُلُ مَكَّةَ نَهَارًا وَكَانَ يَذْكُرُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ فَعَلَهُ

Maksudnya: “Bahawa Ibn Umar RA tidak pergi ke Makkah melainkan dia akan bermalam di Dzu Tuwa (ذِي طُوًى) hingga pagi. Kemudian dia mandi dan masuk ke Makkah pada waktu siang. Dia juga menyebut hadits daripada Nabi SAW bahawa Baginda pernah berbuat demikian.”

Riwayat al-Bukhari (1478) dan Muslim (1259)
dan lafaz ini daripadanya

iii. Mandi kerana Wuquf di Arafah Selepas Gelincir Matahari

Afdhal mandi di Namirah (نَمِيرَة), iaitu tempat yang berhampiran dengan Arafah. Hal ini berdasarkan:

أَنَّ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ يَغْتَسِلُ يَوْمَ الْعِيدَيْنِ وَيَوْمَ الْجُمُعَةِ وَيَوْمَ عَرَفَةَ وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يُحْرِمَ

Maksudnya: “Bahawa Ali RA mandi pada kedua-dua hari raya, hari Jumaat, hari Arafah dan apabila hendak berihram.”

Riwayat al-Syafie dalam *musnadnya al-Umm* (6/107)

Dalil seterusnya daripada Nafi’ RA, katanya:

كَانَ يَغْتَسِلُ لِإِحْرَامِهِ قَبْلَ أَنْ يُحْرِمَ وَلِدُخُولِهِ مَكَّةَ وَلَوْ قُوفِهِ عَشِيَّةَ عَرَفَةَ

Maksudnya: “Bahawa Abdullah bin Umar R.Anhuma mandi sebelum berihram, untuk masuk Makkah, dan untuk wuquf di Arafah selepas tengah hari.”

Riwayat Malik dalam kitabnya *al-Muwatta’* (1/322)

iv. Mandi kerana Melontar Jamrah pada Setiap Hari Tasyriq Selepas Gelincir Matahari

Hal ini berdasarkan hadith-hadith yang menyebut perkara berkenaan. Begitu juga tempat-tempat tersebut adalah tempat perhimpunan orang ramai, dan hukum mandi kerananya adalah sama dengan mandi sunat hari Jumaat. Jamrah adalah tempat-tempat melontarkan batu-batu kecil di Mina. Ia juga membawa maksud batu-batu yang dilontarkan ke tempat-tempat tersebut.

v. Mandi untuk Masuk ke Madinah al-Munawwarah

Sunat mandi untuk masuk ke Madinah sekiranya ada kemudahan melakukannya. Ia diqiaskan kepada sunat mandi masuk ke Makkah. Ini kerana kedua-duanya adalah Tanah Haram. Jika tidak dapat melakukannya sebelum masuk Madinah, mandilah sebelum masuk ke Masjid Nabi SAW.

Cara Mandi

Mandi ada dua cara, yaitu cara mandi yang wajib dan cara mandi yang sunat.

Cara Mandi yang Wajib

Ada dua perkara yang berkaitan dengannya yang disebut dalam ilmu fiqh sebagai fardhu-fardhu mandi.

Pertama: Berniat ketika mula mandi, yaitu ketika air mengenai badan. Hal ini berdasarkan hadith:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat.*”

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Cara berniat adalah ingat di dalam hati, *sahaja aku mandi wajib*, atau *sahaja aku mengangkat hadas*, atau *sahaja aku mandi untuk membolehkan solat*, atau *sahaja aku mandi untuk membolehkan sebarang badat yang perlu mandi*. Melafazkan niat adalah afdhal.

Kedua: Membasahkan semua anggota badan yang zahir, kulit dan rambut serta meratakan air pada rambut hingga ke pangkalnya.

Hal ini berdasarkan hadith daripada Jabir RA, katanya: Apabila ditanya tentang cara-cara mandi, dia menjawab,

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْخُذُ ثَلَاثَةَ أَكْفٍ وَيُفِيضُهَا عَلَى رَأْسِهِ، ثُمَّ يُفِيضُ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ

Maksudnya: “*Nabi mengambil tiga raup air dan menjirus kepalanya. Kemudian Baginda menjirus pula ke seluruh badan.*”

Riwayat al-Bukhari (253)

Hadith seterusnya, daripada Ummu Salamah R.Anha, aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang cara-cara mandi. Baginda bersabda:

إِنَّمَا يَكْفِيكَ أَنْ تَحْتَنِي عَلَى رَأْسِكَ ثَلَاثَ حَثِيَّاتٍ ثُمَّ تُفِيضِينَ عَلَيْكَ الْمَاءَ فَتَطْهَرِينَ

Maksudnya: "Memadailah engkau jiraskan tiga raup air ke kepala, kemudian ratakannya ke seluruh badan. Dengan cara itu sucilah engkau."

Riwayat Muslim (330)

Hadith yang lain pula daripada Ali RA, katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ مَوْضِعَ شَعْرَةٍ مِنْ جَنَابَةٍ لَمْ يَغْسِلْهَا فَعِلَ بِهِ كَذَا وَكَذَا مِنَ النَّارِ. قَالَ عَلِيٌّ فَمِنْ
ثُمَّ عَادَيْتُ شَعْرِي

Maksudnya: "Sesiapa yang meninggalkan pangkal rambut daripada terkena air ketika mandi janabah walaupun sehelai, Allah akan melakukan begini-begini dengan api neraka. Ali berkata: Sejak itu aku tidak menyukai rambutku."

Riwayat Abu Daud (249) dan lain-lain

Sejak itu juga, Sayyidina Ali telah mencukur rambutnya.

Cara Mandi yang Sunat

Cara ini disebut dalam ilmu fiqh sebagai sunat-sunat mandi.

Pertama: Membasuh kedua-dua belah tangan di luar bekas air, kemudian membasuh kemaluan dan kotoran-kotoran di badan dengan tangan kiri, seterusnya mengesat tangan tersebut dengan sesuatu yang bersih.

Cara-cara tersebut berdasarkan hadith daripada Ibn Abbas R.Anhuma katanya:

قَالَتْ مَيْمُونَةُ وَضَعْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاءً لِلْغُسْلِ، فَغَسَلَ يَدَيْهِ مَرَّتَيْنِ أَوْ
ثَلَاثًا، ثُمَّ أَفْرَغَ عَلَيَّ شِمَالِهِ فَغَسَلَ مَذَاكِرَهُ، ثُمَّ مَسَحَ يَدَهُ بِالْأَرْضِ

Maksudnya: “Maimunah berkata, aku meletakkan air untuk Nabi SAW mandi. Baginda membasuh kedua-dua belah tangannya dua tiga kali. Kemudian membasuh kemaluan dan sekitarnya dengan tangan kiri, dan selepas itu Baginda mengesat kedua-dua belah tangannya ke tanah.”

Riwayat al-Bukhari (254) dan Muslim (317)

Kedua: Berwudhu’ dengan sempurna namun membasuh kaki tidak mengapa dikemudiankan selepas selesai mandi.

Ketiga: Menyelati rambut dengan air kemudian membasuh kepala sebanyak tiga kali.

Keempat: Menjirus bahagian badan sebelah kanan diikuti sebelah kiri.

Semua sunat mandi tersebut berdasarkan hadith daripada Aisyah R.Anha:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ بَدَأَ فَعَسَلَ يَدَيْهِ، وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ مُسْلِمٍ: ثُمَّ يُفْرِغُ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَيَغْسِلُ فَرْجَهُ

Maksudnya: “Bahawa Nabi SAW apabila mandi janabah, Baginda memulakannya dengan membasuh kedua-dua belah tangannya. Dalam riwayat Muslim yang lain, ada menyatakan, kemudian dengan tangan kanan Baginda menjiruskan tangan kirinya lalu Baginda membasuh kemaluannya.”

Riwayat al-Bukhari (245) dan Muslim (316)

Hadith seterusnya daripada Maimunah R.Anha:

وَعَسَلَ فَرْجَهُ وَمَا أَصَابَهُ مِنَ الْأَذَى، ثُمَّ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتَوَضَّأُ لِلصَّلَاةِ، ثُمَّ يَدْخُلُ أَصَابِعَهُ فِي الْمَاءِ، فَيُخَلِّلُ بِهَا أُصُولَ شَعْرِهِ ثُمَّ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ غُرَفٍ بِيَدَيْهِ، ثُمَّ يُفِيضُ الْمَاءَ عَلَى جِلْدِهِ كُلِّهِ

Maksudnya: “Baginda membasuh kemaluan dan kotoran-kotoran yang mengenainya, kemudian Baginda berwudhu' seperti wudhu' untuk bersolat. Seterusnya Baginda memasukkan jari-jarinya ke dalam air lalu menyelati pangkal rambutnya. Kemudian Baginda menjirus kepalanya dengan tiga raup air dan meratakannya ke seluruh badannya.”

Riwayat al-Bukhari (246)

Dalil yang menunjukkan sunat memulakan mandi dengan menjirus air di sebelah kanan badan pula ialah hadith daripada Aisyah R.Anha katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَجِبُهُ التَّيْمُنُ فِي تَنْعُلِهِ وَتَرْجُلِهِ وَطُهُورِهِ وَفِي شَأْنِهِ كُلِّهِ

Maksudnya: “Nabi SAW suka memulakan perbuatannya dengan yang kanan ketika memakai kasut, menyisir rambut, berwudhu', mandi dan apa-apa sahaja yang dilakukannya.”

Riwayat al-Bukhari (166) dan Muslim (268)

Kelima: Menggosok badan dan berturut-turut antara basuhan anggotanya sebagai jalan keluar daripada pegangan mazhab Maliki yang mewajibkan basuhan anggota secara demikian.

Keenam: Menyempurnakan basuhan pada lipatan anggota badan, seperti dua telinga, lipatan kulit perut, ketiak dan di dalam lubang pusat. Perbuatan ini menjadi wajib sekiranya kuat sangkaan bahawa air tidak akan sampai ke tempat-tempat tersebut melainkan dengan cara demikian.

Ketujuh: Mengulangi basuhan sebanyak tiga kali, berdasarkan qias kepada basuhan ketika berwudhu'.

Perkara Makruh Ketika Mandi

Pertama: Menggunakan air secara berlebih-lebihan sebagaimana yang diterangkan dalam perkara-perkara makruh ketika berwudhu'. Ini kerana perbuatan tersebut tidak mengikut perbuatan Nabi SAW sebagaimana hadith daripada Anas RA katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْتَسِلُ أَوْ كَانَ يَغْتَسِلُ بِالصَّاعِ إِلَى خَمْسَةِ أَمْدَادٍ،
وَيَتَوَضَّأُ بِالْمُدِّ

Maksudnya: “Nabi SAW mandi dengan segantang hingga lima cupak air dan berwudhu' dengan secupak air.”

Riwayat al-Bukhari (198) dan Muslim (325)

Hadith seterusnya daripada Jabir RA yang ditanya tentang mandi, katanya:

يَكْفِيكَ صَاعٌ. فَقَالَ رَجُلٌ مَا يَكْفِينِي. فَقَالَ جَابِرٌ كَانَ يَكْفِي مَنْ هُوَ أَوْفَى مِنْكَ شَعْرًا،
وَخَيْرٌ مِنْكَ

Maksudnya: “Cukuplah engkau mandi dengan segantang air. Lalu seorang lelaki berkata, ini tidak mencukupi bagiku. Jabir menjawab: Ia telah pun mencukupi bagi orang yang lebih baik dan rambutnya lebih lebat daripada engkau (yakni Rasulullah SAW).”

Riwayat al-Bukhari (249) dan Muslim (327)

Kedua: Mandi di air yang tenang

Hal ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ وَهُوَ جُنُبٌ. فَقَالَ: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كَيْفَ يَفْعَلُ؟ قَالَ:
يَتَنَاوَلُهُ تَنَاوُلًا

Maksudnya: “Janganlah seseorang daripada kamu yang junub mandi di dalam air yang tenang. Orang ramai bertanya, wahai Abu Hurairah, bagaimanakah sepatutnya dia lakukan? Abu Hurairah menjawab: Ambil air. (Dengan tangan atau bekas kecil beserta niat mencedok sekiranya air itu sedikit, supaya tidak menjadi musta'mal disebabkan bersentuh dengan tangan, atau ambil sedikit air daripada bekas sebelum berniat mengangkat janabah. Kemudian berniat, membasuh tangan dan ambillah air seterusnya dengan tangannya itu).”

Riwayat Muslim (283) dan yang lainnya

Hikmah tegahan tersebut adalah kerana perasaan seseorang berasa jijik menggunakan air yang telah dibuat mandi dengan apa cara sekalipun. Perbuatan itu juga membazirkan air disebabkan ia tidak sesuai lagi dibuat bersuci sekiranya kurang daripada dua *qullah*, kerana telah jadi air *musta'mal* dengan perbuatan mandi tersebut. Orang ramai pada kebiasaannya memang sentiasa perlu menggunakan air tersebut. Disebabkan itulah dilarang mandi di dalamnya.

TAYAMMUM

Sebagaimana diketahui wudhu' merupakan syarat sah solat, tawaf dan syarat harus menanggung al-Quran. Begitu juga berwudhu' hanyalah dengan air, tetapi manusia kadang-kadang terhalang daripada menggunakannya sama ada sebab ketiadaannya, kedudukannya yang jauh atau disebabkan penyakit.

Oleh itu, antara kemudahan dan toleransi Islam, ia mensyariatkan tayammum dengan debu tanah yang suci sebagai ganti kepada wudhu' dan mandi supaya orang Islam tidak terhalang daripada mendapat keberkatan beribadat.

Pengertian Tayammum

Tayammum dari segi bahasa bererti tujuan. Sementara pada syara' pula adalah menyapukan debu tanah yang suci ke muka dan dua tangan dengan niat dan cara yang tertentu.

Dalil Pensyariatannya

Pensyariatannya tayammum adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Adapun dalil al-Quran ialah firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ
النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ
وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

Maksudnya: *Dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib, dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), dalam pelayaran, salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudhu' dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah, debu yang*

*bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu.*²⁵

(Surah al-Maidah: 6)

Dalil hadith pula ialah, Rasulullah SAW bersabda:

وَجَعَلَتْ لَنَا الْأَرْضَ كُلَّهَا مَسْجِدًا وَجَعَلَتْ تُرْبَتَهَا لَنَا طَهُورًا إِذَا لَمْ نَجِدِ الْمَاءَ

Maksudnya: “Dijadikan bagi kita seluruh bumi tempat sujud, dan tanahnya pula bahan bersuci ketika ketiadaan air.”

Riwayat Muslim (522)

Sebab Tayammum

Terdapat beberapa sebab yang mengharuskan tayammum:

- i. **Air benar-benar tidak ada.** Contohnya seseorang pengembara yang tidak mendapati air ketika dalam perjalanannya. Begitu juga air tidak ada secara syara’.

Contohnya seseorang yang mempunyai air tetapi dia memerlukannya untuk minum. Firman Allah SWT:

فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا

Maksudnya: *Sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudhu’ dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum.*

(Surah al-Maidah: 6)

Ini bermakna orang yang memerlukan air untuk diminum dan sebagainya sama keadaannya seperti tidak mempunyai air untuk bersuci.

²⁵Al-Maraghi berkata: *Apabila kamu mengalami salah satu dari tiga keadaan ini seperti sakit dalam perjalanan, atau tidak menemui air sewaktu hendak menyucikan kedua-dua jenis hadas di atas, maka hendaklah kamu mencari debu atau dataran bumi yang suci daripada najis, lalu tepuklah kedua-dua tangan sampai ke pergelangan tangan, dengan adanya kesan debu tersebut. (Tafsir al-Maraghi 3/1500)*

- ii. **Jarak tempat yang ada air jauh daripadanya.** Apabila seseorang berada dari tempat yang berair melebihi dua kilometer setengah (2.5 km), dia bolehlah bertayammum dan tidak wajib pergi ke tempat tersebut kerana menyusahkannya.
- iii. **Terhalang daripada menggunakan air sama ada halangan yang nyata,** seperti ada air di tempat yang berhampiran tetapi tidak jauh dari situ pula ada musuh yang ditakuti, ataupun ada halangan syara', iaitu seperti takut menggunakan air kerana bimbang terkena penyakit, dan melambatkan proses penyembuhan. Dalam keadaan yang demikian, dia bolehlah bertayammum dan tidak wajib menggunakan air. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW tentang seorang yang mendapat luka di kepala dan meninggal dunia selepas dia mandi.

إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَّمَّمَ أَوْ يَعْصِبَ عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحَ عَلَيْهَا وَيَغْسِلَ
سَائِرَ جَسَدِهِ

Maksudnya: “Dia sepatutnya bertayammum sahaja dan membalut lukanya dengan kain, kemudian menyapunya dan mandi seluruh badannya.”

Riwayat Abu Daud (336)

- iv. **Cuaca yang sangat sejuk** hingga tidak sanggup menggunakan air dan tidak pula mampu memanaskannya. Hal ini berdasarkan perbuatan ‘Amr bin al-‘As RA yang bertayammum disebabkan janabah. Dia berbuat demikian kerana bimbang akan memudharatkan dirinya disebabkan cuaca sejuk. Perbuatan ini telah diperakui oleh Rasulullah SAW. Akan tetapi orang yang bersolat dalam keadaan demikian hendaklah mengqadha'nya apabila ada air yang boleh digunakannya.

Syarat-syarat Tayammum

- i. Mengetahui masuk waktu solat.
- ii. Mencari air selepas masuk waktu solat.
- iii. Menggunakan debu tanah yang suci yang tidak mengandungi tepung dan kapur.

- iv. Menghilangkan najis terlebih dahulu.
- v. Menentukan kiblat sebelum bertayammum.

Rukun Tayammum

Rukun tayammum ada tiga:

- i. **Berniat.** Tempat niat di dalam hati. Oleh itu seseorang hendaklah berniat dalam hatinya perbuatan tayammum tersebut, malah sunat melafazkannya dengan kata, *sahaja aku mengharuskan solat, solat fardhu, solat sunat* dan seumpamanya yang hendak dilakukannya. Apabila seseorang bertayammum dengan niat mengharuskan yang fardhu, dia boleh melakukan beberapa amalan sunat yang lain bersamanya.
- ii. **Menyapukan debu tanah ke muka dan kedua-dua belah tangan hingga siku dengan dua kali tepukan**, yakni menepukkan dua tangan ke atas debu tanah yang suci dan menyapukannya ke seluruh muka. Kemudian menepukkannya lagi ke atas debu tanah tersebut dan menyapukannya pula pada kedua-dua belah tangannya hingga siku dengan cara tapak tangan kiri menyapu tangan kanan dan tapak tangan kanan menyapu tangan kiri.

Ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma sabda Rasulullah SAW:

التَّيْمُّمُ ضَرْبَتَانِ ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ

Maksudnya: “Cara bertayammum adalah dengan dua kali tepukan, sekali untuk muka dan sekali lagi untuk kedua-dua belah tangan hingga siku.”

Riwayat al-Daraqutni (1/256)

Sapuan tersebut hendaklah meliputi seluruh anggota tayammum. Ini bererti sekiranya ada cincin di jari ia mestilah ditanggalkan ketika melakukan tepukan yang kedua supaya debu tanah boleh sampai ke bahagian jari tempat cincin tersebut.

- iii. **Tertib menurut cara yang telah disebutkan.** Ini kerana tayammum menggantikan wudhu' yang tertib adalah antara rukunnya. Oleh itu lebih utama ia menjadi rukun kepada pengantinya.

Sunat Tayammum

Pertama: Sunat dilakukan pada tayammum perkara-perkara yang sunat ketika berwudhu' iaitu membaca *bismillah* pada permulaannya. Mulakan sapuan pada bahagian atas muka. Mendahulukan sapuan tangan kanan daripada tangan kiri. Menyapu sedikit bahagian kepala dan lengan. Berturut-turut antara sapuan muka dan dua tangan, kemudian mengucap syahadah dan berdoa dengan doa yang *ma'thur* (المأثور) selepas berwudhu'.

Ini berdasarkan hadith, daripada Ammar bin Yasir R.Anhuma:

أَنَّهُمْ تَمَسَّحُوا وَهُمْ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالصَّعِيدِ لِصَلَاةِ الْفَجْرِ فَضَرَبُوا بِأَكْفِهِمُ الصَّعِيدَ ثُمَّ مَسَّحُوا وَجُوهَهُمْ مَسْحَةً وَاحِدَةً ثُمَّ عَادُوا فَضَرَبُوا بِأَكْفِهِمُ الصَّعِيدَ مَرَّةً أُخْرَى فَمَسَّحُوا بِأَيْدِيهِمْ كُلَّهَا إِلَى الْمَنَاكِبِ وَالْأَبَاطِ مِنْ بَطُونِ أَكْفِهِمْ

Maksudnya: “Para sahabat bertayammum dengan tanah ketika mereka bersama-sama Rasulullah SAW untuk mengerjakan solat Subuh. Mereka menepukkan tangan ke atas tanah dan menyapukan ke muka sekali sapuan. Kemudian mereka menepuk tanah sekali lagi dan menyapukan pula ke seluruh tangan hingga pangkal lengan.”

Riwayat Abu Daud (318)

Kedua: Merenggangkan jari-jari tangan ketika menepuk tanah sekali tepukan untuk menaikkan debunya dan menyapu seluruh muka. Cara yang demikian juga dilakukan pada kedua-dua belah tangan.

Ketiga: Menipiskan debu dengan mengirai kedua-dua belah tapak tangan sedikit atau meniupnya.

Ini berdasarkan hadith ‘Ammar bin Yasir R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda kepada ‘Ammar bin Yasir R.Anhuma:

إِنَّمَا يَكْفِيكَ أَنْ تَصْنَعَ هَكَذَا فَضْرَبَ بِكَفِّهِ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ ثُمَّ نَفَضَهُمَا

Maksudnya: “Cukuplah engkau berbuat begini sahaja,” sambil Baginda menepukkan kedua-dua tangannya ke atas tanah sekali, kemudian mengirainya sedikit.”

Riwayat al-Bukhari

Bertayammum Setelah Masuk Waktu Solat

Untuk bertayammum bagi mendirikan solat fardhu mestilah setelah masuk waktu solat tersebut. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيَصِلْ

Maksudnya: “Sesiapa daripada umatku mendapati waktu solat telah masuk hendaklah dia mengerjakannya.”

Riwayat al-Bukhari (328)

Hadith seterusnya:

أَيُّمَا أَدْرَكَتْنِي الصَّلَاةُ تَمَسَّحْتُ وَصَلَّيْتُ

Maksudnya: “Di mana-mana aku mendapati waktu solat telah tiba, aku bertayammum dan menunaikan solat.”

Riwayat Imam Ahmad (2/222)

Kedua-dua riwayat tersebut jelas menunjukkan tayammum itu dilakukan ketika hendak bersolat. Sementara solat pula tidak boleh dilakukan kecuali setelah tiba waktunya.

Bertayammum untuk Setiap Solat Fardhu

Orang yang bertayammum boleh melakukan satu solat fardhu sahaja, di samping beberapa solat sunat yang dikehendaki termasuk solat jenazah. Untuk mengerjakan solat fardhu yang lain sama ada solat Qadha' atau wajib, dia hendaklah bertayammum semula sekalipun dia tidak berhadap selepas tayammum yang pertama.

Ini berdasarkan hadits, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

يَتَيَّمُ لِكُلِّ صَلَاةٍ وَإِنْ لَمْ يُحَدِّثْ

Maksudnya: “Dia hendaklah bertayammum bagi setiap solat sekalipun dia tidak berhadass.”

Riwayat al-Baihaqi (1/221) dengan Sanad yang sahih

Tayammum Sebagai Ganti Mandi Wajib

Tayammum bagi orang yang mempunyai sebab-sebabnya menjadi pengganti kepada mandi yang wajib ke atas dirinya sebagaimana ia menjadi pengganti kepada wudhu’. Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَأَطَهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَايِبِ أَوْ لَمْ تُنَبِّئُوا الْمَسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا

Maksudnya: Dan jika kamu junub (berhadass besar) maka bersucilah dengan mandi wajib, dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), dalam pelayaran, salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwudhu’ dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum

(Surah al-Maidah: 6)

Sementara hadits pula, daripada Imran bin Husain R.Anhuma, katanya:

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَصَلَّىٰ بِالنَّاسِ فَإِذَا هُوَ بِرَجُلٍ مُّعْتَزِلٍ، فَقَالَ: مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ مَعَ الْقَوْمِ . قَالَ: أَصَابَتْنِي جَنَابَةٌ وَلَا مَاءَ . قَالَ: عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ، فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ

Maksudnya: “Kami bermusafir bersama-sama Rasulullah SAW dan Baginda mengerjakan solat bersama orang ramai. Tiba-tiba Baginda bertemu dengan seorang lelaki yang menyendiri, lantas Baginda bertanya: Apakah yang menghalang engkau mengerjakan solat? Jawabnya: Aku junub dan air pula tidak ada. Lalu Baginda pun bersabda: Engkau hendaklah bertayammum dengan debu tanah kerana yang demikian sudah memadai.”

Riwayat al-Bukhari (341) dan Muslim (682)

Perkara yang Membatalkan Tayammum

Ada beberapa perkara, iaitu:

Pertama: Semua perkara yang membatalkan wudhu’

Kedua: Terdapat air yang sebelumnya tidak ada. Ini kerana tayammum menggantikan bersuci dengan air. Apabila ada yang asal batallah penggantinya.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Dzar RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الصَّعِيدَ الطَّيِّبَ طَهُورُ الْمُسْلِمِ وَإِنْ لَمْ يَجِدِ الْمَاءَ عَشْرَ سِنِينَ فَإِذَا وَجَدَ الْمَاءَ فَلْيَمْسَهُ
بَشْرَتَهُ فَإِنَّ ذَلِكَ خَيْرٌ

Maksudnya: “Debu tanah yang baik menjadi bahan bersuci bagi orang Islam sekalipun sepuluh tahun lamanya dia tidak mendapat air. Apabila terdapat air, dia hendaklah bersuci dengannya. Oleh yang demikian adalah lebih baik.”

Riwayat Abu Daud (332) dan yang lainnya

Hadith ini menunjukkan tayammum terbatal apabila ada air namun solat dengan tayammum tetap sah dan tidak perlu diqadha’ sekiranya air didapati selepas solat tersebut selesai. Begitu juga sekiranya air didapati setelah solat dimulai, solat tersebut boleh diteruskan dan hukumnya sah. Tetapi menghentikan solat itu untuk berwudhu’ dan bersolat semula dengan wudhu’ adalah lebih baik.

Ketiga: Berkemampuan menggunakan air. Contohnya orang yang telah sembuh daripada penyakit yang menghalangnya daripada menggunakan air.

Keempat: Murtad daripada Islam. Ini kerana tayammum hanya untuk mengharuskan ibadat dan ia terhapus dengan sebab murtad. Ini berlainan dengan wudhu' dan mandi kerana kedua-duanya untuk mengangkat hadas.

SOLAT

Pengertian Solat

Perkataan solat dalam bahasa Arab bererti doa, iaitu memohon kebaikan. Firman Allah SWT:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ

Maksudnya: *Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka.*

(Surah al-Taubah: 103)

Dalam istilah fuqaha' pula, perkataan solat bermaksud beberapa perkataan dan perbuatan yang tertentu, dan ia bermula dengan takbir dan disudahi dengan salam.

Ia dinamakan solat kerana ia mengandungi doa yang merupakan unsur yang banyak di dalamnya. Hal ini kerana menggunakan nama jujuk untuk maksud keseluruhannya (إطلاق الاسم الجزء على الكل).

Hikmah Solat

Solat mempunyai beberapa hikmah dan rahsia yang dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Solat menyedarkan manusia akan hakikat dirinya yang sebenar sebagai hamba kepunyaan Allah SWT. Dia sentiasa menyedarinya setiap kali berhadapan dengan masalah hidup dan perhubungan dengan orang lain. Solat yang dilakukan akan mengingatkannya semula bahawa dia adalah hamba kepunyaan Allah SWT.
- ii. Solat memantapkan keyakinan manusia bahawa tidak ada pembantu dan pengurnia nikmat sebenar-benarnya selain Allah SWT meskipun

kelihatan di dunia banyak pihak dan sebab yang pada zahirnya membantu dan memberi nikmat. Tetapi pada hakikatnya hanya Allah yang memastikan semua itu untuk kemudahan manusia. Setiap kali manusia lupa dan hanyut kerana terpesona dengan keduniaan yang zahir, solat akan mengingatkannya bahawa penyebab yang sebenar hanyalah Allah. Dialah pembantu, pengurnia nikmat, yang menjadikan kesusahan, pemberi manfaat, yang menghidupkan dan mematikan.

- iii. Dengan bersolat manusia dapat mengambil kesempatan menjadikannya sebagai waktu untuk bertaubat daripada dosa-dosa yang dilakukannya. Ini kerana manusia memang sentiasa terdedah kepada banyak maksiat pada setiap waktu sama ada disedarinya atau pun tidak.

Maka solat yang dilakukan berulang-ulang dari masa ke semasa akan membersihkannya daripada maksiat dan kesalahan-kesalahan tersebut.

Rasulullah SAW telah menjelaskan perkara tersebut di dalam hadith, daripada Jabir bin Abdullah RA katanya, Nabi SAW bersabda:

مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ كَمَثَلِ نَهْرٍ جَارٍ غَمْرٍ عَلَى بَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ. قَالَ: قَالَ الْحَسَنُ: وَمَا يُبْقِي ذَلِكَ مِنَ الدَّرَنِ؟

Maksudnya: “Solat lima waktu umpama sungai yang airnya banyak mengalir di hadapan pintu rumah seseorang di kalangan kamu yang akan mandi di dalamnya lima kali setiap hari”. Kata al-Hasan: “Dan apakah lagi kekotorannya yang tinggal?”

Riwayat Muslim (668)

Maksud kekotoran di sini ialah kekotoran *ma'nawi*, iaitu dosa-dosa. Maksud ini dijelaskan oleh riwayat Abu Hurairah RA:

فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ يَمْحُو اللَّهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا

Maksudnya: “Demikianlah umpamanya solat lima waktu yang dengannya Allah menghapuskan dosa-dosa.”

Riwayat Muslim (667)

- iv. Solat merupakan santapan bagi aqidah keimanan kepada Allah yang berterusan dalam hati manusia. Segala pesona dunia dan bisikan syaitan sememangnya menjadikan manusia lupa kepada aqidah walaupun telah lama terterap dalam hatinya. Kealpaan yang berterusan kerana menurutkan gelora nafsu dan rakan-rakan, akhirnya akan berubah menjadi ingkar. Ia umpama pokok yang kehabisan air, lambat laun akan layu dan mati kering dan menjadi kayu api.

Tetapi, solat yang dilakukan dengan tekun oleh seseorang muslim akan menjadi santapan iman dan tidak mampu dilemahkan atau dimusnahkan oleh segala pancaroba dunia.

Sejarah Pensyariatian Solat

Solat merupakan antara ibadat yang telah lama disyariatkan. Allah SWT berfirman tentang Nabi Ismail AS:

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا

Maksudnya: Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat, dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya.

(Surah Maryam: 55)

Solat telah diketahui oleh penganut agama suci yang dibawa oleh Nabi Ibrahim AS dan pengikut-pengikut Nabi Musa AS. Allah SWT telah berfirman sebagaimana yang diucapkan oleh Nabi Isa AS:

وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا

Maksudnya: Dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.

(Surah Maryam: 31)

Ketika diutus menjadi Rasul, Nabi SAW telah melakukan solat dua rakaat pada setiap pagi dan petang. Ada pendapat yang mengatakan bahawa

solat inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT yang ditujukan kepada Nabi Muhammad SAW:

وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعِشِيِّ وَالْإِبْكَرِ

Maksudnya: Serta bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu pagi dan petang.

(Surah al-Mu'min: 55)

Solat Fardhu

Allah SWT telah memfardhukan beberapa solat atas setiap orang Islam yang *mukallaf*, iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isya'.

Semua solat ini telah disyariatkan pada malam Rasulullah SAW Isra' ke Baitu al-Maqdis dan Mikraj ke langit. Allah SWT telah memfardhukan 50 solat sehari semalam ke atas Nabi Muhammad SAW dan seluruh umat Islam. Kemudian Allah SWT mengurangkannya kepada lima waktu dan mendapat pahala 50 solat.

Dalam sebuah hadith berkenaan Isra' dan Mikraj, Rasulullah SAW bersabda:

فُرِجَ عَن سَقْفِ بَيْتِي وَأَنَا بِمَكَّةَ، فَنَزَلَ جِبْرِيلُ ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي فَعَرَجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا
فَفَرَضَ اللَّهُ عَلَيَّ خَمْسِينَ صَلَاةً فَرَأَجَعْتُهُ فَقَالَ: هِيَ خَمْسٌ وَهِيَ خَمْسُونَ، لَا
يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ.

Maksudnya: “Bumbung rumahku terbuka ketika aku berada di Makkah, lalu turun malaikat Jibril. Kemudian dia memegang tanganku lalu membawaku naik ke langit. Maka Allah telah memfardhukan 50 solat ke atas umatku. Lalu aku berulang-alik menemui-Nya, maka Allah menyatakan bahawa lima solat menyamai 50 solat, tidak diubah lagi pernyataan itu untukku.”

Riwayat al-Bukhari (342) dan Muslim (163)

Sebenarnya peristiwa Isra' telah berlaku 18 bulan sebelum Nabi SAW berhijrah ke Madinah. Oleh itu solat lima waktu yang difardhukan telah memansuhkan solat dua rakaat terdahulu yang telah dilakukan pada setiap pagi dan petang.

Dalil Pensyariatkan Solat

Beberapa dalil al-Quran dan hadith Rasulullah SAW menunjukkan solat telah disyariatkan.

Dalil al-Quran

Firman Allah SWT:

فَسَبِّحْنَا اللَّهَ حِينَ تَمْسُونَ وَحِينَ تَصْبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَ لَهُ الْحَمْدُ فِي
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

Maksudnya: (Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu Subuh. Serta pujilah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhluk-Nya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepada-Nya serta pujilah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu Zuhur.²⁶

(Surah al-Rum: 17-18)

Ibn Abbas R.Anhuma berkata, maksud (حين تَمْسُونَ) ialah solat Maghrib dan Isya' (وحين تصبحون) solat Subuh, (وعشيًا) solat Asar dan tafsiran (وحين تظهِرون) solat Zuhur.

²⁶ Ibn Kathir berkata: Ini merupakan tasbih (penyucian) dari Allah SWT terhadap diri-Nya yang suci serta menjadi petunjuk bagi hamba-hamba-Nya untuk menyucikan dan memuji-Nya pada waktu silih berganti yang menunjukkan kesempurnaan kekuasaan-Nya dan keagungan kerajaan-Nya. Iaitu di waktu petang saat datangnya malam dengan kegelapan serta ketika pagi saat cerahnya siang dengan cahayanya.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*

(Surah al-Nisa': 103)

Dalil al-Sunnah

Hadith peristiwa Isra' yang terdahulu dan hadith Rasulullah SAW. Daripada Ibn Abbas R.Anhuma, Nabi mengutuskan Mu'az RA ke Yaman lalu Baginda bersabda:

ادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنِّي مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ

Maksudnya: *“Serulah mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya selain Allah, dan aku Muhammad ialah utusan Allah. Jika mereka patuh beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan mereka lima kali solat sehari semalam.”*

Riwayat al-Bukhari (1331) dan Muslim (19)

Hadith berikutnya, ketika menjawab pertanyaan seorang Arab Badwi tentang solat yang wajib atasnya, Rasulullah SAW bersabda:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ. فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ

Maksudnya: *“Lima kali solat sehari semalam.” Arab Badwi bertanya lagi: Adakah selain daripada itu? Rasulullah SAW menjawab: “Tidak ada, kecuali engkau melakukan solat sunat.”*

Riwayat al-Bukhari (46) dan Muslim (11)

Kedudukan Solat dalam Islam

Secara *mutlaq* (على الإطلاق), solat merupakan ibadah *badaniyah* yang paling utama.

Ini berdasarkan peristiwa seorang lelaki telah bertanya Nabi SAW tentang amalan yang *afdhal*. Nabi SAW bersabda:

الصَّلَاةُ، قَالَ: ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: ثُمَّ الصَّلَاةُ، قَالَ: ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ

Maksudnya: “Solat. Dia terus bertanya: Kemudian apa pula? Nabi bersabda: “Kemudian solat. Dia bertanya lagi: Kemudian apa? Baginda bersabda: Solat. Baginda telah mengulangi jawapan ‘solat’ sebanyak tiga kali.”

Riwayat Ibn Hibban (258)

Di dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* ada menyatakan dua solat yang dilakukan seseorang Islam dengan betul akan menebus dosa-dosa yang berlaku di antara kedua-dua solat tersebut.

Ini berdasarkan hadith, Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ، يَمْحُو اللَّهُ بِهَا الْخَطِيَا

Maksudnya: “Dengan melakukan solat lima waktu Allah akan menghapuskan dosa-dosa.”

Riwayat al-Bukhari (505)

Hadith seterusnya, Uthman RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَمَّ الْوُضُوءَ كَمَا أَمَرَهُ اللَّهُ تَعَالَى فَالصَّلَوَاتُ الْمَكْتُوبَاتُ كَفَّارَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ

Maksudnya: “Sesiapa yang berwudhu’ dengan sempurna sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah, maka semua solat fardhu yang dilakukannya akan menebus dosa yang ada di antara solat tersebut.”

Riwayat Muslim (231)

Begitu juga orang yang cuai mengerjakan solat sama ada sengaja melengah-lengahkan atau meninggalkannya akan membawa kepada kekufuran sekiranya dia berterusan begitu. Oleh itu, solat merupakan santapan utama bagi iman sebagaimana yang telah disebutkan.

Seterusnya hadith, daripada Ummu Aiman R.Anha, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَتْرُكِي الصَّلَاةَ مُتَعَمِّدًا فَإِنَّهُ مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ مُتَعَمِّدًا فَقَدْ بَرَّتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya: “Jangan engkau sengaja meninggalkan solat, sesungguhnya sesiapa yang sengaja meninggalkan solat dia akan terlepas daripada mendapat perlindungan Allah dan Rasul-Nya.”

Riwayat Imam Ahmad (6/421). Riwayat seumpamanya daripada Muaz 5/238

Hukum Meninggalkan Solat

Orang yang meninggalkan solat sama ada kerana malas, cuai, ingkar dan sengaja meringan-ringankannya. Sesiapa yang meninggalkan solat kerana mengingkari hukum wajibnya atau sengaja mempersenda-sendakannya akan menjadi kafir dan terkeluar daripada agama Islam. Pihak pemerintah wajib menyuruhnya bertaubat dan tidak membiarkannya demikian sehingga dia bertaubat dan kembali mendirikan solat. Jika terus mengingkarinya dia akan dihukum bunuh sebagai seorang murtad dan mayatnya tidak harus dimandikan, dikapankan dan disembahyangkan. Malah tidak harus dikebumikan di tanah perkuburan orang Islam kerana dia bukan lagi di kalangan mereka.

Sementara orang yang meninggalkan solat kerana malas tetapi masih meyakini hukum wajibnya, pihak pemerintah hendaklah memaksanya mengqadha'kan solat, dan bertaubat daripada kesalahan meninggalkannya. Jika masih ingkar mengqadha'nya dia wajib dihukum bunuh mengikut hukuman yang disyariatkan atas orang Islam yang melakukan maksiat.

Ini kerana hukuman atas orang yang meninggalkan fardhu adalah wajib diperangi tetapi selepas dibunuh, dia masih dianggap seorang Islam. Justeru, jenazahnya, pengkebumiannya, dan pembahagian hartanya hendaklah diuruskan menurut tatacara Islam.

Ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya: “Aku diperintahkan memerangi manusia hingga mereka mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan mengaku bahawa Nabi Muhammad SAW ialah pesuruh Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Apabila mereka telah melakukannya terpeliharalah darah dan harta benda mereka daripada tindakan aku, kecuali dengan kebenaran Islam dan terserahlah perhitungannya kepada Allah.”

Riwayat al-Bukhari (25) dan Muslim (22)

Hadith tersebut menunjukkan sesiapa yang telah berikrar dengan dua kalimah syahadah, tetap diperangi jika dia tidak mendirikan solat tetapi tidak dihukum sebagai kafir berdalilkan hadith yang berikut:

Daripada Ubadah bin al-Somit RA katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُصَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Allah telah mewajibkan solat lima waktu atas hamba-hambanya. Sesiapa yang tetap melakukannya tanpa meninggalkan satu pun daripadanya lantaran meringan-ringankan hukum wajibnya, Allah berjanji

akan memasukkannya ke dalam syurga. Sebaliknya sesiapa yang tidak melakukannya, Allah tidak menjanjikan apa-apa pun kepada-Nya sama ada mengazabkannya atau memasukkannya ke dalam syurga mengikut kehendak-Nya.”

Riwayat Abu Daud (1420)

Hadith ini menunjukkan orang yang meninggalkan solat tidak dihukumkan kafir kerana jika dihukumkan demikian tentulah tidak termasuk dalam maksud sabda Nabi SAW, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga mengikut kehendak-Nya.

Ini kerana hanya orang kafir yang tidak akan masuk ke dalam syurga sama sekali. Justeru, maksud tidak kafir adalah ditujukan kepada mereka yang meninggalkan solat disebabkan malas bagi menerima pakai semua dalil tersebut.

Ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA katanya, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشُّرْكِ وَالْكَفْرِ تَرَكُ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya yang membezakan seseorang Islam dengan syirik dan kafir itu ialah meninggalkan solat.*”

Riwayat Muslim (82) dan yang lainnya

Maksud hadith ini ditujukan kepada orang yang meninggalkan solat kerana mengingkari hukum wajibnya atau mempersenda-sendakan dan meremehkannya.

Waktu Solat Fardhu

Lima solat fardhu mempunyai waktunya yang tertentu. Ia tidak sah dilakukan sebelum atau selepas tempoh waktu tersebut. Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*

(Surah al-Nisa’: 103)

Telah *thabit* kenyataan dalam beberapa hadith yang sahih bahawa Jibril AS telah menemui Nabi SAW selepas lima solat fardhu diwajibkan untuk memberitahu Baginda tentang waktu-waktunya serta menetapkan waktu bermula dan berakhirnya setiap solat.

Rasulullah SAW juga telah menerangkan perkara tersebut kepada orang Islam melalui perkataan dan perbuatan. Hadith yang menyatakan waktu solat lima waktu ialah:

Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA, Nabi SAW telah ditemui oleh seorang yang bertanya tentang waktu solat tetapi Baginda tidak menjawabnya. Manakala dalam riwayat yang lain pula Baginda bersabda:

اشْهَدَ مَعَنَا الصَّلَاةَ، قَالَ: فَأَقَامَ الْفَجْرَ حِينَ انْشَقَّ الْفَجْرُ وَالنَّاسُ لَا يَكَادُ يَعْرِفُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا ثُمَّ أَمَرَهُ فَأَقَامَ بِالظُّهْرِ حِينَ زَالَتِ الشَّمْسُ وَالْقَائِلُ يَقُولُ قَدْ انْتَصَفَ النَّهَارُ وَهُوَ كَانَ أَعْلَمَ مِنْهُمْ ثُمَّ أَمَرَهُ فَأَقَامَ بِالْعَصْرِ وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ ثُمَّ أَمَرَهُ فَأَقَامَ بِالْمَغْرِبِ حِينَ وَقَعَتِ الشَّمْسُ ثُمَّ أَمَرَهُ فَأَقَامَ الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ

Maksudnya: “Bersolatlah bersama-sama kami. Lalu Baginda menunaikan solat Subuh ketika terbit fajar sedangkan penglihatan orang ramai masih belum dapat mengenali antara satu sama lain. Kemudian Baginda menyuruhnya bersolat Zuhur ketika matahari gelincir. Ada yang berkata, ketika itu waktu tengahari sedangkan Baginda lebih mengetahuinya daripada mereka. Seterusnya Baginda menyuruh mereka bersama-samanya menunaikan solat Asar ketika matahari masih tinggi. Kemudian disuruhnya lagi, lalu Baginda menunaikan solat Maghrib yang pada ketika itu matahari telah terbenam. Kemudian Baginda menyuruhnya lagi, maka ditunaikan pula solat Isya’ ketika syafaq hilang daripada penglihatan.”

Riwayat Muslim (614)

Pada keesokan harinya, Baginda telah melewati solat Subuh hingga ada yang mengatakan selepas solat tersebut, matahari telah terbit atau hampir terbit. Kemudian Baginda melewati solat Zuhur hingga hampir waktu Asar sebagaimana semalam. Kemudian Baginda melewati solat Asar sehingga ada yang mengatakan selepas solat tersebut, warna matahari kemerah-

merahan. Seterusnya Baginda melewati pula solat Maghrib, hingga *syafaq* tidak kelihatan lagi. Kemudian Baginda melewati solat Isya' sehingga lewat tengah malam. Apabila menjelang pagi, Baginda memanggil orang yang tersebut lalu bersabda: “*Waktu solat ialah di antara dua masa ini.*”

Terdapat juga beberapa hadith yang menerangkan sebahagian perkara yang umum atau menambah penerangannya sebagaimana dapat dilihat dalam perincian waktu-waktu setiap solat seperti yang berikut:

Subuh

Permulaan waktu Subuh ialah ketika terbit fajar *sodiq* dan berterusan hingga matahari terbit. Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

وَقْتُ صَلَاةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسُ

Maksudnya: “*Waktu solat Subuh adalah dari terbit fajar selama matahari belum terbit.*”

Riwayat Muslim (612)

Zuhur

Waktu Zuhur bermula apabila matahari condong dari tengah-tengah langit ke arah matahari terbenam. Ia juga dinamakan gelincir matahari (الزوال). Ketika itu pemerhati akan ternampak sedikit bayang-bayang mulai memanjang ke arah timur yang disebut sebagai bayang-bayang gelincir. Waktu tersebut berterusan sehingga panjang bayang-bayang menyamai panjang objeknya selain daripada bayang-bayang gelincir yang menjadi tanda permulaan waktu Zuhur. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

وَقْتُ صَلَاةِ الظُّهْرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُولِهِ مَا لَمْ يَحْضُرِ الْعَصْرُ

Maksudnya: “*Waktu Zuhur apabila matahari gelincir sehingga bayang-bayang seseorang menyamai ketinggianya selama belum menjelang waktu Asar.*”

Riwayat Muslim (612)

Asar

Waktu Asar bermula dengan berakhirnya waktu Zuhur dan berterusan sehingga matahari terbenam. Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang sempat melakukan satu rakaat solat Asar sebelum matahari terbenam, maka dia telah dapat menunaikan solat Asar keseluruhannya.”

Riwayat al-Bukhari (554) dan Muslim (608)

Walau bagaimanapun, yang seelok-eloknya seseorang tidak melengah-lengahkan solat Asar sehingga panjang bayang-bayang menjadi dua kali ganda panjang objeknya selain daripada bayang-bayang gelincirannya sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadith yang lalu tentang waktu solat.

Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

وَقْتُ الْعَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرَ الشَّمْسُ

Maksudnya: “Dan waktu Asar ialah selama warna matahari belum kekuning-kuningan.”

Riwayat Muslim (612)

Hadith tersebut menunjukkan waktu pilihan (المختار) yang boleh ditunaikan solat Asar.

Maghrib

Waktu Maghrib bermula apabila matahari terbenam dan berterusan hingga *syafaq* merah (الشفق الأحمر) hilang serta kesannya tidak kelihatan lagi di sebelah barat.

Apabila keadaan kelim sepenuhnya hingga meliputi ufuk barat, dan kesan *syafaq* juga telah hilang bererti berakhirnya waktu Maghrib dan masuklah waktu Isya'. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

وَقْتُ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ مَا لَمْ يَغِبِ الشَّفَقُ

Maksudnya: “Waktu Maghrib ialah selama *syafaq* belum hilang.”

Riwayat Muslim (612)

Isya'

Waktu Isya' bermula dengan berakhirnya waktu Maghrib dan berterusan hingga terbit fajar *sodiq*. Sebaik-baiknya solat Isya' tidaklah dilewatkan daripada 1/3 malam.

Maksud fajar *sodiq* ialah cahaya yang menyerlah di sepanjang ufuk timur. Ia merupakan pantulan cahaya matahari dari jarak jauh. Cahaya ini akan naik sedikit demi sedikit hinggalah matahari terbit keseluruhannya.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Qatadah RA, Nabi SAW bersabda:

أَمَّا إِنَّهُ لَيْسَ فِي النَّوْمِ تَفْرِيطٌ إِذَا تَفَرَّطَ عَلَى مَنْ لَمْ يُصَلِّ الصَّلَاةَ حَتَّى يَجِيءَ وَقْتُ الصَّلَاةِ الْآخَرَى

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa tidur tidaklah dinamakan cuai, yang dikatakan cuai itu ialah orang yang tidak bersolat sehinggalah masuk waktu solat yang lain.”

Riwayat Muslim (681)

Secara umumnya, hadith di atas menunjukkan bahawa waktu setiap solat akan berterusan hingga masuk waktu solat yang berikutnya melainkan waktu Subuh yang terkecuali daripada maksud umum tersebut.

Walaupun solat lima waktu ada tempoh bermula dan berakhirnya, namun tidak sepatutnya seseorang muslim sengaja melengah-lenghkannya hingga ke akhir waktu dengan alasan tempohnya panjang. Ini kerana perbuatan tersebut mungkin menyebabkan waktunya terluput malah sikap cuai ini mungkin menyebabkan solatnya terus tertinggal. Sebenarnya semua solat sunat disegerakan pada awal waktunya. Ketika ditanya tentang amalan yang afdhal Nabi SAW bersabda:

الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا

Maksudnya: “Menunaikan solat pada awal waktunya.”

Riwayat al-Bukhari (504) dan Muslim (85)

Seseorang yang melakukan sebahagian solatnya dalam waktu dan sebahagian yang lainnya luar waktu jika dapat menyempurnakan satu rakaat dalam waktunya maka keseluruhan solat itu dikira tunai. Jika tidak, keseluruhan solat tersebut dikira qadha’.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ. وَقَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ

Maksudnya: “Sesiapa yang dapat melakukan satu rakaat solat Subuh sebelum matahari terbit maka dia telah dapat menunaikan solat Subuh itu dan sesiapa yang dapat melakukan satu rakaat solat Asar sebelum matahari terbenam maka dia telah dapat menunaikan solat Asar itu.

Dan sabda Baginda lagi, sesiapa yang dapat melakukan satu rakaat solat dalam waktunya maka dia telah dapat menunaikan solat itu.”

Riwayat al-Bukhari (554/555) dan Muslim (607/608)

Waktu Makruh Bersolat

Antara waktunya ialah:

- i. Ketika matahari rembang (الاستواء) kecuali pada hari Jumaat, dan selepas Subuh hingga matahari kelihatan setinggi sebatang tombak atau lembing.
- ii. Selepas solat Asar sehingga matahari terbenam.

Ini berdasarkan hadith, daripada Uqbah bin Amir RA, katanya:

ثَلَاثُ سَاعَاتٍ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَانَا أَنْ نُصَلِّيَ فِيهِنَّ أَوْ أَنْ نَقْبِرَ فِيهِنَّ مَوْتَانَا: حِينَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ بَارِغَةً حَتَّى تَرْتَفِعَ وَحِينَ يَقُومُ قَائِمُ الظَّهِيرَةِ حَتَّى تَمِيلَ الشَّمْسُ وَحِينَ تَضَيِّفُ الشَّمْسُ لِلْغُرُوبِ حَتَّى تَغْرُبَ

Maksudnya: “Terdapat tiga masa yang ditegah oleh Rasulullah SAW untuk melakukan solat dan menguburkan jenazah. Ketika matahari mulai menyinsing hingga terbit sepenuhnya, ketika matahari rembang hingga gelincir dan ketika matahari menguning hinggalah terbenam sepenuhnya.”

Riwayat Muslim (831)

Tegahan ini bagi solat yang tiada sebab mendahuluinya atau pengebumian jenazah yang sengaja dilakukan pada ketika itu. Ada pun pengebumian yang berlaku secara kebetulan dan bukan disengajakan pada waktu itu atau solat yang ada sebab mendahuluinya seperti solat sunat wudhu’, solat menghormati (تحيّة) masjid dan solat qadha’ tidaklah makruh melakukannya pada masa-masa tersebut.

Ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA daripada Nabi SAW bersabda:

مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ

Maksudnya: “Sesiapa yang terlupa bersolat hendaklah melakukannya apabila teringat, tiada kafarah untuknya melainkan demikian.”

Riwayat al-Bukhari (572) dan Muslim (684)

Firman Allah SWT:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Maksudnya: Dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati daku.

(Surah Taha: 14)

Perkataan apabila teringat di dalam hadith menunjukkan bahawa waktu yang disyariatkan bersolat dan masa yang dituntut melakukannya adalah ketika teringat sedangkan seseorang mungkin teringatkannya dalam waktu-waktu yang ditegah bersolat. Ini bererti solat tersebut dikecualikan daripada tegahan.

Ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Salamah R.Anha,

Nabi SAW mengerjakan solat dua rakaat selepas Asar, lalu dia bertanya kepada Baginda. Baginda bersabda:

يَا بِنْتَ أَبِي أُمَيَّةَ سَأَلْتِ عَنِ الرَّكَعَتَيْنِ بَعْدَ الْعَصْرِ، وَإِنَّهُ أَتَانِي نَاسٌ مِنْ عَبْدِ الْقَيْسِ فَشَغَلُونِي عَنِ الرَّكَعَتَيْنِ اللَّتَيْنِ بَعْدَ الظُّهْرِ فَهُمَا هَاتَانِ

Maksudnya: “Wahai anak perempuan Abu Umaiyah! Engkau bertanya tentang solat dua rakaat selepas solat Asar, sebenarnya beberapa orang daripada puak Abdul Qais datang menemuiku dan menyebabkan aku tertinggal solat dua rakaat selepas Zuhur. Justeru, inilah solat dua rakaat itu.”

Riwayat al-Bukhari (1176) dan Muslim (834)

Berasaskan solat qadha’ ini diqiaskan solat-solat lain yang ada sebab-sebab mendahaluinya. Begitu juga Tanah Haram Makkah dikecualikan secara mutlak daripada semua tegahan tersebut.

Ini berdasarkan hadits, Rasulullah SAW bersabda:

يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ وَصَلَّى آيَةَ سَاعَةٍ شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ

Maksudnya: “Wahai keturunan Abdul Manaf! Jangan kamu larang sesiapa pun melakukan tawaf dan solat di Kaabah ini pada bila-bila masa yang dikehendakinya sama ada malam atau pun siang.”

Riwayat al-Tirmizi (868) dan Abu Daud (1894)

Mengulangi (الاعادة) Solat Fardhu dan Mengqadha'nya

Mengulangi Solat

Iaitu mendirikan solat fardhu semula yang telah pun ditunaikan apabila mendapati ada kekurangan atau kecacatan dari segi adab atau kesempurnaannya.

Hukum mengulangi solat adalah sunat. Contohnya seorang yang telah menunaikan solat Zuhur berseorangan, kemudian dia mendapati ada yang menunaikannya secara berjemaah maka sunat dia mengulangi solat tersebut berjemaah dengan mereka. Ini bererti dia telah menunaikan fardhu pada solat yang pertama dan sunat pada solat yang kedua.

Ini berdasarkan hadits, setelah Nabi SAW menunaikan solat Subuh, Baginda mengetahui ada dua orang lelaki tidak bersolat bersama-sama Baginda, lalu sabdanya:

مَا مَنَعَكُمْ أَنْ تُصَلِّيَا مَعَنَا؟ فَقَالَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا قَدْ صَلَّيْنَا فِي رِحَالِنَا. قَالَ: فَلَا تَفْعَلَا إِذَا صَلَّيْتُمَا فِي رِحَالِكُمَا ثُمَّ أَتَيْتُمَا مَسْجِدَ جَمَاعَةٍ فَصَلِّيَا مَعَهُمْ فَإِنَّهَا لَكُمْ نَافِلَةٌ

Maksudnya: “Apakah yang menghalang kamu daripada bersolat bersama kami? Mereka menjawab: Wahai Rasulullah! Kami telah bersolat di rumah kami. Baginda bersabda: Janganlah begitu, walaupun kamu bersolat di rumah, kemudian kamu datang ke masjid dan solat berjemaah sedang

didirikan, hendaklah kamu bersolat bersama-sama mereka, sesungguhnya ia adalah sunat bagi kamu.”

Riwayat al-Tirmizi (219)

Sebaliknya jika tidak ada sebarang kecacatan atau kekurangan pada solat yang pertama malah solat yang kedua tidak akan lebih sempurna daripada solat yang pertama maka tidaklah sunat mengulanginya.

Qadha'

Qadha' ialah melakukan solat selepas waktunya berakhir atau dalam waktu yang tidak memadai untuk menyempurnakan satu rakaat daripadanya, namun jika memadai maka solatnya dianggap tunai sebagaimana yang dinyatakan dahulu.

Kebanyakan ulama' daripada pelbagai mazhab berpakat mengatakan bahawa orang yang meninggalkan solat sama ada terlupa atau disengajakan, dituntut mengqadha'nya, namun ada perbezaan antara kedua-duanya sebagaimana yang berikut:

Orang yang meninggalkan solat dengan sebab yang dimaafkan seperti terlupa atau tertidur tidak berdosa dan tidak wajib segera mengqadha'kannya manakala orang yang sengaja meninggalkan solat pula berdosa dan wajib mengqadha'nya di kesempatan yang ada. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَامَ عَنِ صَلَاةٍ أَوْ نَسِيَهَا فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ

Maksudnya: “Sesiapa yang tertidur hingga tertinggal solat atau terlupa bersolat hendaklah melakukannya apabila telah teringat. Tiada kafarah untuknya selain demikian.”

Riwayat al-Bukhari (572) dan Muslim (684)

Kenyataan Baginda tiada kafarah untuknya selain demikian menunjukkan solat fardhu yang tertinggal wajib diqadha' walau seberapa banyak ia ditinggalkan.

Orang yang Wajib Bersolat

Solat diwajibkan atas setiap muslim lelaki dan perempuan yang waras, cukup umur dan suci. Solat tidak wajib kepada orang kafir tetapi mereka wajib menerima seksaan di akhirat kerana mereka boleh melakukannya dengan memeluk Islam. Firman Allah SWT:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنْ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ نُطْعِمِ
 الْمَسْكِينِ ﴿٤٤﴾ وَكُنَّا خُوضُ مَعَ الْحَائِضِينَ ﴿٤٥﴾ وَكُنَّا نَكْذِبُ بِيَوْمِ الدِّينِ
 ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰ أَتَدْنَا الْيَقِينِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: (Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin. Dan kami dahulu selalu mengambil bahagian memperkatakan perkara yang salah, bersama-sama orang-orang yang memperkatakannya: Dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan, sehinggalah kami di datangi oleh perkara yang tetap diyakini.

(Surah al-Muddathir: 42-47)

Solat tidak wajib atas kanak-kanak kerana tidak *mukallaf*, orang gila kerana dia tidak siuman, dan perempuan yang kedatangan haidh atau *nifas* kerana solat mereka tidak sah disebabkan ada halangan hadas pada keduanya.

Orang kafir yang masuk Islam tidak dituntut mengqadha' apa-apa kewajipan yang lepas sebagai tarikan kepada agama Islam. Firman Allah SWT:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِن يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufurannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu.

(Surah al-Anfal: 38)

Walau bagaimanapun orang yang murtad selepas kembali kepada Islam wajib mengqadha' semua kewajipan yang luput pada sepanjang masa murtadnya sebagai amaran keras kepadanya.

Sehubungan itu, perempuan yang kedatangan haidh atau *nifas* tidak wajib mengqadha' solat-solat yang tertinggal semasa haidh dan *nifas* supaya tidak menyusahkannya.

Begitu juga tidak diwajibkan qadha' atas orang gila atau pitam selepas mereka pulih daripada penyakit tersebut.

Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ الصَّغِيرِ حَتَّى يَكْبُرَ وَالنَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ

Maksudnya: “Tidak dicatatkan dosa daripada tiga golongan: Kanak-kanak hingga dia baligh, orang yang tidur hingga dia jaga dan orang yang gila hingga dia siuman.”

Riwayat Abu Daud (4403)

Hadith ini menyatakan tentang orang gila sebagai golongan yang terlepas daripada tuntutan syara'. Oleh itu bolehlah diqiaskan pula kepada sesiapa yang hilang ingatan akibat daripada keuzurannya.

Walaupun orang yang tidur juga termasuk dalam kenyataan hadith di atas tetapi dia wajib qadha' berdasarkan hadith iaitu:

مَنْ نَامَ عَنِ صَلَاةٍ أَوْ نَسِيَهَا فَلْيَصَلِّهَا

Maksudnya: “Sesiapa yang tertidur hingga tertinggal solat atau terlupa bersolat hendaklah melakukannya apabila telah teringat.”

Riwayat Abu Daud (4403)

Walau bagaimanapun kanak-kanak yang berumur tujuh tahun wajib disuruh bersolat, dan dirotan jika meninggalkannya setelah berumur sepuluh tahun untuk membiasakannya melakukan solat.

Ini berdasarkan hadits:

مُرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ وَإِذَا بَلَغَ عَشَرَ سِنِينَ فَاحْضِرْهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: “*Suruhlah kanak-kanak melakukan solat apabila berumur tujuh tahun dan apabila berumur sepuluh tahun hendaklah kamu rotan jika dia meninggalkannya.*”

Riwayat Abu Daud (494) dan al-Tirmizi (407) dan lafaznya bermaksud: Hendaklah kamu ajar kanak-kanak. Dan dia mengatakan hadits ini bertaraf hasan sahih

AZAN DAN IQAMAH

Azan

Azan merupakan zikir yang khusus. Islam mensyariatkannya sebagai pemberitahuan masuknya waktu solat fardhu serta menyeru orang Islam bersama menunaikan solat.

Hukum Azan

Hukum azan bagi solat fardhu dan solat qadha' adalah sunat *muakkad*, iaitu sunat kifayah bagi solat berjemaah dan sunat *ainiah* bagi solat bersendirian. Azan mempunyai peranan yang amat penting bagi menzahirkan syiar Islam.

Dalil Pensyariatan Azan

Pensyariatan azan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT:

إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu).*²⁷

(Surah al-Jumuaah: 9)

²⁷Umar bin al-Khattab RA dan juga Ibn Mas'ud RA pernah membaca ayat tersebut dengan (فَامْضُوا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ). Sedangkan berjalan dengan cepat menuju solat telah dilarang, sebagaimana disebutkan dalam kitab *al-Sahihain* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW, beliau bersabda yang bermaksud: “Jika kalian telah mendengar iqamah, berjalanlah untuk mengerjakan solat dengan tenang, dan janganlah kalian cepat-cepat. Solat yang kalian dapati, kerjakanlah dan sebahagian rakaat solat yang tertinggal, maka sempurnakanlah.”

Riwayat al-Bukhari, Muslim dengan lafaz al-Bukhari

Hadith pula ialah, sabda Rasulullah SAW:

إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤْذَن لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤْمَمَكُمْ أَكْبَرُكُمْ

Maksudnya: “Apabila tiba waktu solat hendaklah seorang di kalangan kamu azan dan yang lebih dewasa menjadi imam.”

Riwayat al-Bukhari (602) dan Muslim (674)

Permulaan Syariat Azan

Azan disyariatkan pada tahun pertama hijrah. Ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma katanya: “Ketika orang Islam sampai di Madinah mereka berkumpul dan menantikan waktu bersolat. Tidak ada cara yang diserukan bagi solat tersebut. Suatu hari mereka berbincang tentang perkara itu. Sebahagian daripada mereka mencadangkan loceng digunakan sebagai loceng orang Nasrani, dan sebahagian yang lain pula mengatakan serunai digunakan seperti trompet tanduk yang digunakan oleh orang Yahudi. Umar RA pula berkata: Kenapakah kamu tidak menyuruh seseorang menyerukan solat? Lalu Rasulullah SAW bersabda: Wahai Bilal, berdirilah dan serukan solat.”

Riwayat al-Bukhari (579) dan Muslim (377)

Lafaz Azan

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
 أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
 حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ
 حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ
 اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

- *Allah Maha Besar, (4 kali)*
- *Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah, (2 kali)*
- *Aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah, (2 kali)*
- *Marilah mengerjakan solat, (2 kali)*
- *Marilah mencapai kemenangan, (2 kali)*
- *Allah Maha Besar, (2 kali)*
- *Tiada Tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah.*

Sementara pada azan Subuh pula selepas lafaz (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) yang kedua ditambah (الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ) yang bermaksud: “*Bersolat adalah lebih baik daripada tidur.*” Lafaz azan di atas telah *thabit* dalam beberapa hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan yang lainnya.

Syarat Sah Azan

- i. **Beragama Islam.** Tidak sah azan orang kafir kerana dia tiada kelayakan untuk melakukan ibadat.
- ii. **Mumayyiz,** tahu membezakan antara baik dan buruk. Justeru, tidak sah azan kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* kerana dia juga tiada kelayakan untuk melakukan ibadat dan tidak tahu memastikan waktu.
- iii. **Lelaki.** Tidak sah azan perempuan untuk lelaki sebagaimana tidak sah orang perempuan menjadi imam kepada orang lelaki.
- iv. **Tertib,** iaitu seruan lafaz menurut sunnah sebagaimana urutan yang telah ditetapkan. Ini kerana azan tanpa tertib akan disangkakan bermain-main dan merosakkan tujuannya sebagai pemberitahuan masuk waktu solat.

- v. **Berturutan antara semua lafaznya** tanpa terpisah dengan tempoh masa yang lama antara satu lafaz dengan satu lafaz yang lainnya.
- vi. **Menyaringkan suara** apabila azan untuk solat berjemaah. Azan untuk solat sendirian, sunat menyaringkan suara sekiranya bukan di masjid dan tempat yang ada solat berjemaah. Sementara di masjid dan tempat yang ada solat berjemaah, sunat memperlahankan suara supaya tidak disangkakan masuk waktu solat yang lain pula.

Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW kepada Abu Sa'id al-Khudri RA:

إِنِّي أَرَاكَ تُحِبُّ الْغَنَمَ وَالْبَادِيَةَ، فَإِذَا كُنْتَ فِي غَنَمِكَ أَوْ بَادِيَتِكَ فَأَذَّنْتَ بِالصَّلَاةِ فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ، فَإِنَّهُ لَا يَسْمَعُ مَدَى صَوْتِ الْمُؤَذِّنِ جِنَّ وَلَا إِنْسٍ وَلَا شَيْءٍ إِلَّا شَهِدَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “*Aku lihat engkau sayangkan kambing dan kampung. Apabila engkau mengembala kambing atau berada di kampung, lalu engkau azan untuk bersolat, maka nyaringkanlah suaramu kerana sesungguhnya jin, manusia dan apa sahaja yang mendengar gema suara muazzin akan menjadi saksi pada hari Kiamat nanti.*”

Riwayat al-Bukhari (584)

Azan di Kalangan Kaum Wanita

Azan tidak sunat bagi kaum wanita. Ini kerana menyaringkan suara mereka dikhuatiri akan menimbulkan fitnah. Mereka sunat melakukan iqamah sahaja untuk mengingatkan para jemaah tanpa menyaringkan suara seperti azan. Masuk waktu sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ

Maksudnya: “*Apabila tiba masa bersolat hendaklah seorang di kalangan kamu azan.*”

Riwayat al-Bukhari (602) dan Muslim (674)

Masa bersolat tidak akan tiba kecuali apabila masuk waktunya manakala tujuan azan pula ialah pemberitahuan tentang masuk waktu solat. Oleh itu, ulama' telah sepakat secara ijma' yang menyatakan bahawa tidak sah azan sebelum waktunya kecuali solat Subuh yang diharuskan azan selepas waktu tengah malam.

Sunat Azan

Perkara-perkara sunat ketika azan ialah:

- i. **Menghadap kiblat.** Ini kerana kiblat merupakan arah yang termulia dan itulah cara yang telah diterima daripada ulama' salaf dan khalaf.
- ii. **Suci daripada hadas kecil dan besar.** Oleh itu makruh azan ketika berhadas lebih-lebih lagi orang yang junub.
Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

كَرِهْتُ أَنْ أَدْكُرَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا عَلَى طَهْرٍ أَوْ قَالَ: عَلَى طَهَارَةٍ

Maksudnya: “*Aku tidak suka menyebut nama Allah SWT kecuali ketika suci.*”

Riwayat Abu Daud (17) dan yang lainnya

- iii. **Berdiri ketika azan.** Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

يَا بِلَالُ قُمْ فَنَادِ لِلصَّلَاةِ

Maksudnya: “*Wahai Bilal berdirilah dan serukan solat.*”

Riwayat Abu Daud (876)

- iv. **Memalingkan muka ke kanan** ketika mengucapkan (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) dan ke kiri ketika mengucapkan (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) manakala dada tetap menghadap ke kiblat.

Ini berdasarkan hadith, Abu Juhaifah RA berkata:

رَأَيْتُ بِلَالَ يُؤَدِّنُ فَجَعَلْتُ أَتَّبِعُ فَاهُ وَهَنَا بِالْأَذَانِ يَمِينًا وَشِمَالًا: حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ
حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ

Maksudnya: “Aku melihat Bilal azan lalu aku memerhatikan mulutnya ke sana-sini ketika azan menoleh ke kanan dan ke kiri ketika mengucapkan (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ).”

Riwayat al-Bukhari (608)

- v. **Melafazkan kalimah azan dengan tartil** iaitu dengan berhati-hati kerana tujuan azan ialah pengumuman kepada mereka yang tiada di situ. Oleh itu sebutan secara *tartil* lebih berkesan bagi tujuan tersebut.
- vi. **Mengulang (الترجيع) lafaz azan**, iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah secara perlahan sebelum menyerukannya dengan nyaring.

Ini berdasarkan hadith, daripada Abu Mahzurah RA berkata:

ثُمَّ يَعُودُ فَيَقُولُ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: “Kemudian dia mengulanginya dengan berkata (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).”

Riwayat Muslim (379)

Tathwib (التثويب) ketika azan Subuh dengan mengucapkan (الصَّلَاةُ) (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) sebanyak dua kali selepas lafaz (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ). Hal ini berdasarkan hadith riwayat Abu Daud RA terdahulu.

- vii. *Muazzin* yang bersuara nyaring dan baik supaya dapat melunakkan hati pendengar dan tertarik menyambut seruannya.

Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW kepada Abdullah bin Zaid RA yang bermimpi tentang azan:

فَقَمَّ مَعَ بِلَالٍ فَأَلْقَى عَلَيْهِ مَا رَأَيْتَ فَلْيُؤَذِّنْ بِهِ فَإِنَّهُ أُنْدَى صَوْتًا مِنْكَ

Maksudnya: “Pergilah bertemu Bilal dan ceritakanlah kepadanya mimpi yang kamu alami supaya dia menyerukannya. Sesungguhnya suaranya lebih nyaring dan elok daripada suara kamu.”

Riwayat Abu Daud (499) dan yang lainnya

- viii. *Muazzin* yang terkenal berakhlak mulia dan adil di kalangan orang ramai. Justeru, seruannya tentang waktu solat itu lebih senang diterima. Ini kerana berita daripada orang yang *fasiq* tidak boleh diterima.
- ix. Tidak melanjutkan suara dan tidak melagukannya ketika azan, malah makruh berbuat demikian.
- x. Sunat ada dua orang *muazzin* di masjid untuk azan Subuh. Seorang azan sebelum terbit fajar *sadiq*, manakala seorang lagi azan selepas terbit fajar *sadiq*.

Ini berdasarkan hadith:

إِنَّ بِلَالَاً يُؤَذِّنُ بَلِيلٍ، فَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يُنَادِيَ ابْنَ أُمَّ مَكْتُومٍ

Maksudnya: “Bilal azan pada waktu malam. Makan dan minumlah hingga kamu mendengar azan Ibn Ummu Maktum.”

Riwayat al-Bukhari (592) dan Muslim (1092)

- xi. Sunat diam bagi orang yang mendengar azan dan menjawabnya sebagaimana yang diucapkan oleh *muazzin*. Ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

إِذَا سَمِعْتُمُ النَّدَاءَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ

Maksudnya: “Apabila kamu mendengar azan ucaplah sebagaimana yang diucapkan oleh muazzin.”

Riwayat al-Bukhari (586) dan Muslim (383)

Sementara jawapan selepas (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) dan حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ pula ialah:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: “Tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan izin Allah.”

Ini berdasarkan hadith:

وَإِذَا قَالَ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ. قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. ثُمَّ قَالَ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ. قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. وَجَاءَ فِي آخِرِ الْحَدِيثِ أَنَّ: مَنْ قَالَ ذَلِكَ مِنْ قَلْبِهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Apabila muazzin berkata (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ) jawablah dengan berkata (حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ), dan apabila dia berkata (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ), jawablah dengan berkata (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ). Pada akhir hadith dinyatakan bahawa sesiapa yang menjawab begitu dengan ikhlas hatinya dia akan masuk syurga.”

Begitu juga sunat menjawab *tathwib* (التَّوْبِيبُ) dengan berkata:

صَدَقْتَ وَبَرَرْتَ

Maksudnya: “Benarlah seruan engkau dan engkau menjadi orang yang baik.”

- xii. Berdoa dan berselawat ke atas Nabi SAW selepas azan. Apabila azan selesai, sunat bagi *muazzin* dan orang yang mendengarnya berselawat ke atas Nabi SAW serta berdoa dengan doa yang dianjurkan kepada kita oleh Nabi SAW.

Ini berdasarkan hadits, daripada Abdullah bin Amru R.Anhuma, dia mendengar Nabi SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ الْمُؤَذِّنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ ثُمَّ صَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا ثُمَّ سَأَلُوا اللَّهَ لِيَ الْوَسِيلَةَ فَإِنَّهَا مَنزَلَةٌ فِي الْجَنَّةِ لَا تَنْبَغِي إِلَّا لِعَبْدٍ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ وَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ هُوَ فَمَنْ سَأَلَ لِيَ الْوَسِيلَةَ حَلَّتْ لَهُ الشَّفَاعَةُ

Maksudnya: “Apabila kamu mendengar seruan muazzin, jawablah sepertimana yang diucapkannya. Kemudian berselawatlah ke atasku, sesiapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali. Kemudian mohonlah kepada Allah wasilah untukku iaitu satu kedudukan di dalam syurga yang tidak dikurniakan kecuali kepada seorang di kalangan hamba Allah, dan aku berharap akulah orangnya. Sesiapa yang memohon kepada Allah wasilah untukku pastilah dia mendapat syafaat.”

Riwayat Muslim (384) dan yang lainnya

Hadith seterusnya, daripada Jabir RA, Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang berdoa ketika mendengar seruan azan dan berdoa:

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتُهُ، حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Ya Allah! Tuhan yang memiliki seruan azan yang sempurna dan solat yang akan didirikan, kurniakanlah kepada penghulu kami Nabi Muhammad SAW kedudukan yang tertinggi lagi mulia dan tempatkanlah Baginda pada kedudukan terpuji yang telah engkau janjikan, dia pasti mendapat syafaatku pada hari Kiamat.”

Riwayat al-Bukhari (579)

Muazzin yang berselawat ke atas Nabi SAW dan berdoa hendaklah dengan suara yang lebih perlahan dan terpisah daripada azannya supaya perbuatan itu tidak disangkakan sebagai sebahagian daripada lafaz azan tersebut.

Iqamah

Iqamah sama seperti azan dengan beberapa perbezaan berikut:

- i. Lafaz azan dua kali berturut-turut, manakala lafaz iqamah sekali sahaja. Ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA:

أَمْرَ بِلَالٍ أَنْ يَشْفَعَ الْأَذَانَ وَأَنْ يُوتَرَ الْإِقَامَةَ إِلَّا الْإِقَامَةَ أَي لَفْظَ قَد قَامَتِ الصَّلَاةُ،
فِيهَا تَكَرَّرَ مَرَّتَيْنِ

Maksudnya: “Bilal telah disuruh menggenapkan bilangan lafaz azan dan mengganjilkan bilangan lafaz iqamah kecuali lafaz (قد قامت الصلاة) yang diulangi sebanyak dua kali.”

Riwayat al-Bukhari (580) dan Muslim (378)

Lafaz iqamah sepenuhnya:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ ، قَدَ قَامَتِ الصَّلَاةُ ، قَدَ قَامَتِ الصَّلَاةُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

*Allah Maha Besar (2 kali), Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah,
Aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah,
Marilah mengerjakan solat,
Marilah mencapai kemenangan,
Allah Maha Besar (2 kali)
Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.*

Lafaz iqamah telah *thabit* dalam beberapa hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan yang lainnya.

- ii. Menyeru azan dengan tenang dan tidak tergesa-gesa, manakala iqamah pula diucapkan dengan cepat. Ini kerana seruan azan bagi mereka yang tiada di situ, dan seruan secara *tartil* lebih menepati sasarannya, sedangkan iqamah pula bagi mereka yang ada bersama-sama di situ. Justeru, lebih sesuai seruannya secara tepat.
- iii. Azan untuk mengqadha' beberapa solat yang tertinggal hanya pada solat yang pertama, manakala iqamah pula dilakukan pada setiap solat tersebut. Ini berdasarkan hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِمُزْدَلِفَةَ بِأَذَانٍ وَاحِدٍ
وَإِقَامَتَيْنِ

Maksudnya: “Nabi SAW telah menjama’kan solat Maghrib dan solat Isya’ semasa berada di Muzdalifah dengan sekali azan sahaja dan dua kali iqamah.”

Riwayat Muslim (1218)

Syarat Iqamah

Syarat iqamah sama seperti syarat-syarat azan.

Sunat Iqamah

Sunat-sunat iqamah juga sama seperti azan dengan tambahan sunat orang yang azan itu sendiri yang melakukan iqamah. Dan sunat bagi orang yang mendengar seruan iqamah (قد قامت الصلاة) menjawabnya dengan berkata:

أَقَامَهَا اللَّهُ وَأَدَامَهَا

Maksudnya: “Allah mensyariatkan solat dan mengekalkannya.”

Riwayat Abu Daud (528)

Seruan Bagi Solat Bukan Fardhu

Azan dan iqamah adalah sunat *muakkad* bagi semua solat fardhu. Manakala solat yang selainnya sunat dilakukan berjemaah seperti solat dua hari raya,

solat gerhana dan solat jenazah, tidak sunat azan dan iqamah padanya kecuali berkata (الصلاة جامعة) yang bermaksud: *Marilah bersolat secara berjemaah.*

Ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Amru bin al-‘As R.Anhuma katanya:

لَمَّا انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نُودِيَ: الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ

Maksudnya: “Tatkala berlaku gerhana matahari pada zaman Rasulullah SAW telah diserukan (الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ).”

Riwayat al-Bukhari (1003) dan Muslim (910)

Hadith di atas menunjukkan cara seruan bagi solat gerhana dan diqiaskan kepada semua solat sunat yang disyariatkan berjemaah.

SYARAT SAH SOLAT

Pengertian Syarat

Syarat bererti perkara yang wujud sesuatu itu bergantung kepadanya sedangkan perkara itu bukanlah sebahagian daripadanya.

Contohnya tumbuh-tumbuhan. Wujudnya di muka bumi ini bergantung kepada hujan sedangkan hujan bukanlah sebahagian daripada tumbuh-tumbuhan itu. Justeru itu, hujan merupakan syarat bagi wujud tumbuh-tumbuhan tersebut. Imam al-Syafie Rahimahullah merumuskan syarat-syarat sah solat kepada empat perkara berikut:

Pertama: Bersuci.

Ia terbahagi kepada beberapa bahagian dan semua bahagiannya mestilah suci supaya solat menjadi sah.

- i. **Suci anggota badan daripada hadas.** Solat orang yang berhadas tidak sah sama ada berhadas kecil seperti tiada wudhu' atau berhadas besar seperti janabah. Hal ini berdasarkan kepada hadith sahih, sabda Rasulullah SAW:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ

Maksudnya: “Solat tidak diterima tanpa bersuci.”

Riwayat Muslim (224)

- ii. **Suci anggota badan daripada najis.**

Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW tentang dua mayat yang disiksa di dalam kubur mereka:

أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَبْرِئُ مِنَ الْبَوْلِ

Maksudnya: “Seorang daripada mereka tidak bersuci daripada kencing.”

Riwayat al-Bukhari (215) dan Muslim (292)

Dalam satu riwayat mengatakan bahawa *tidak bertutup*. Sementara riwayat yang lain pula menyebutnya *tidak bersih*. Kedua-dua riwayat itu adalah sahih yang membawa maksud tidak menjauhinya dan tidak mengelakkannya.

Begitu juga pelbagai najis lain yang sama hukumnya dengan najis kencing.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah binti Abu Hubaisy R.Anha:

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةَ فَاتْرُكِي الصَّلَاةَ، فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاغْسِلِي عَنكَ الدَّمَ وَصَلِّي

Maksudnya: “Apabila kedatangan haidh, maka tinggalkanlah solat, dan apabila selesai tempohnya, bersihkanlah dirimu dan bersolatlah.”

Riwayat al-Bukhari (266) dan Muslim (333)

- iii. **Suci pakaian daripada najis.** Tidak memadai badan sahaja yang suci daripada najis malah pakaian orang yang bersolat juga hendaklah suci daripadanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ

Maksudnya: Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.

(Surah al-Muddathir: 4)

Sementara hadith pula, daripada Abu Hurairah RA, Khaulah binti Yasar menemui Nabi SAW, lalu berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي إِلَّا ثَوْبٌ وَاحِدٌ وَأَنَا أَحِيضُ فِيهِ فَكَيْفَ أَصْنَعُ؟ قَالَ: إِذَا طَهَّرْتَ فَاغْسِلِيهِ ثُمَّ صَلِّي عَلَيْهِ. فَقَالَتْ فَإِنْ لَمْ يَخْرُجِ الدَّمُ؟ قَالَ: يَكْفِيكَ غَسْلُ الدَّمِ وَلَا يَضُرُّكَ أَثَرُهُ

Maksudnya: *“Wahai Rasulullah! Aku mempunyai sehelai pakaian sahaja, dan aku kedatangan haidh yang kena pada pakaianku. Bagaimanakah yang sepatutnya aku lakukan? Sabda Baginda: Apabila engkau telah suci basuhlah pakaian itu dan bersolatlah dengan pakaian tersebut. Dia bertanya lagi: Bagaimanakah sekiranya darah itu tidak hilang? Sabda Baginda: Memadailah dengan membasuh darah tersebut dan tidak mengapa kesannya yang masih ada itu.”*

Riwayat Abu Daud (365)

- iv. **Suci tempat bersolat daripada najis.** Tempat bersolat bermaksud ruang yang digunakan oleh orang yang bersolat termasuk tempat berpijak hingga ke tempat sujud yang bersentuhan dengan badannya ketika bersolat. Sehubungan itu, tidak mengapa tempat yang bernajis sekiranya tidak bersentuhan dengan badan. Contohnya ruang yang bertentangan dengan dada ketika ruku' dan sujud. Hal ini berdasarkan suruhan Rasulullah SAW supaya menjiruskan air di tempat yang dikencing oleh seorang badwi di dalam masjid, dan berdasarkan qias hukum pakaian kepada tempat bersolat kerana kedua-duanya adalah sama-sama bersentuhan badan.

Kedua: Mengetahui Masuk Waktu.

Setiap solat fardhu mempunyai waktu-waktunya yang ditetapkan, dan solat mesti dilakukan dalam waktu-waktu itu. Walau bagaimanapun, bersolat dalam waktunya sahaja belum memadai malah orang yang bersolat mesti mengetahui waktunya sebelum melakukan solat tersebut. Oleh itu, tidak sah solat seseorang yang tidak mengetahui masuk waktunya walaupun ternyata kemudiannya solat yang dilakukannya itu berbetulan pada waktu yang disyariatkan.

Cara Mengetahui Masuk Waktu

Masuk waktu solat boleh diketahui melalui tiga cara berikut:

- i. Mengetahuinya dengan yakin, iaitu berpegang kepada dalil yang nyata seperti melihat matahari yang sedang *ghurub*.

- ii. *Ijtihad*, iaitu berpegang kepada dalil yang kukuh yang mempunyai petunjuk tidak langsung seperti bayang-bayang atau dengan mengukur lama masa bekerja.
- iii. *Taqlid*. Sekiranya tidak mungkin mengetahui masuk waktu dengan yakin atau *ijtihad* seperti tidak tahu tentang waktu-waktu solat dan dalil-dalilnya, dia hendaklah *bertaqlid* sama ada kepada orang yang mengetahuinya melalui dalil-dalil yang nyata atau kepada seseorang mujtahid yang berpegang kepada dalil-dalil yang kukuh.

Hukum Bersolat di Luar Waktu

Apabila ternyata solat seseorang berlaku sebelum masuk waktu, solatnya dianggap batal dan wajib mengulanginya sama ada dia berpegang kepada keyakinannya, *ijtihadnya* atau *taqlid*.

Ketiga: Menutup Aurat.

Untuk mengetahui syarat ini, perlu diterangkan beberapa perkara yang berikut:

Pengertian Aurat

Aurat dari segi syara' bermaksud semua anggota yang wajib ditutup atau yang haram dilihat.

Batasan Aurat Ketika Bersolat

Aurat lelaki ialah bahagian badan antara pusat hingga lutut. Oleh itu wajib menutupnya dan tidak boleh kelihatan sedikitpun anggota tersebut ketika bersolat.

Sementara aurat perempuan pula ialah seluruh badan selain muka dan dua tapak tangan. Oleh itu wajib menutupnya dan tidak boleh kelihatan sedikitpun ketika bersolat selain anggota yang dikecualikan tersebut. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

Maksudnya: Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang).

(Surah al-A'raf: 31)

Ibn Abbas R.Anhuma²⁸ menyatakan bahawa maksud ayat tersebut adalah untuk menerangkan perihal pakaian ketika bersolat. Begitu juga hadith, daripada Aisyah R.Anha berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةُ الْحَائِضِ إِلَّا بِخِمَارٍ

Maksudnya: “Tidak sah solat perempuan yang baligh kecuali menutup kepalanya.”

Riwayat al-Tirmizi (277) dan beliau mengatakannya sebagai hadith hasan

Hadith ini menunjukkan bahawa orang perempuan wajib menutup kepala ketika bersolat. Justeru, wajib menutup seluruh badannya adalah lebih utama.

Batasan Aurat Ketika di Luar Solat

- Aurat lelaki sesama lelaki walau apapun keadaannya dan aurat lelaki terhadap perempuan mahramnya ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut.

Sementara aurat lelaki terhadap perempuan lain pula mengikut pendapat yang muktamad adalah seluruh anggota badan selain muka dan dua tapak tangan. Oleh itu tidak harus bagi perempuan melihat anggota lelaki bukan mahramnya selain muka dan dua tapak tangan. Walau bagaimanapun, hukum melihat mukanya dengan berahi (*syahwat*) tetap haram.

²⁸ *Mughni al-Muhtaj* (1/184)

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَحَفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka.”

(Surah al-Nur: 31)

- Batasan aurat perempuan Islam sesama mereka ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut, manakala aurat perempuan Islam terhadap perempuan kafir ialah seluruh badan selain anggota yang biasa kelihatan kerana keperluan tugas seperti melakukan kerja-kerja di rumah dan sebagainya.

Sementara itu aurat perempuan terhadap lelaki mahramnya ialah bahagian badan di antara pusat dan lutut. Ini bererti mereka harus mendedahkan seluruh anggota badannya yang lain di hadapan mahramnya dengan syarat terhindar daripada berlaku fitnah. Jika ada kemungkinan berlaku fitnah hukumnya tetap haram. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ
أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي
أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ

Maksudnya: Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, bapa mereka, bapa mertua mereka, anak-anak mereka, anak-anak tiri mereka, saudara-saudara mereka, anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam.

(Surah al-Nur: 31)

Perkataan *perhiasan* di dalam ayat itu bermaksud *tempat perhiasan* tersebut, iaitu bahagian anggota atas pusat dan bawah lutut.

Aurat perempuan terhadap lelaki yang bukan mahram ialah seluruh tubuhnya. Oleh itu tidak harus dia mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya di hadapan mereka kecuali dengan sebab-sebab yang dimaafkan (عُذْر). Begitu juga sebaliknya, mereka tidak harus melihat mana-mana bahagian tubuh badan perempuan bukan mahramnya yang terdedah. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۗ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka yang demikian itu lebih suci bagi mereka.

(Surah al-Nur: 30)

Sementara hadith pula, daripada Aisyah R.Anha berkata:

لَقَدْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الْفَجْرَ، فَيَشْهَدُ مَعَهُ نِسَاءٌ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ مُلْتَفِعَاتٍ فِي مِرْوَاهِنَهُنَّ ثُمَّ يَرْجِعْنَ إِلَى بَيْتِهِنَّ مَا يَعْرِفُهُنَّ أَحَدٌ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersolat Subuh, beberapa orang wanita yang berpakaian menutup seluruh tubuh juga bersolat bersama-sama Baginda. Selepas itu, mereka balik ke rumah masing-masing tanpa dikenali oleh sesiapa pun.”

Riwayat al-Bukhari (365)

Beberapa Keadaan yang Harus Mendedahkan Aurat dan Melihatnya dengan Sebab-sebab yang Dimaafkan (عُذْر)

- **Ketika meminang perempuan untuk tujuan bernikah**, harus melihat muka dan dua tapak tangan sebagaimana yang akan dijelaskan di dalam bab nikah.

- **Untuk menjadi saksi atau untuk berurusan**, harus melihat bahagian muka sahaja sekiranya perlu untuk mengenali perempuan tersebut yang tidak mungkin dikenali tanpa melihatnya.
- **Untuk tujuan merawat dan berubat**, harus mendahkan aurat dan melihatnya setakat yang diperlukan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir bin Abdullah RA:

أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ اسْتَأْذَنَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحِجَامَةِ فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا طَيْبَةَ أَنْ يَحْجُمَهَا

Maksudnya: “Ummu Salamah R.Anha meminta izin Rasulullah SAW untuk berbekam lalu Nabi SAW pun menyuruh Abu Taibah membekamnya.”

Riwayat Muslim (2206)

Harus melihat aurat perempuan untuk tujuan merawat dan berubat dengan syarat dihadiri mahram atau suaminya bersama-sama, dan tiada orang perempuan yang mampu mengubatinya. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat lelaki atau wanita Islam yang mampu melakukan rawatan tersebut, janganlah menyerahkannya kepada orang yang bukan Islam.

Keempat: Menghadap Kiblat

Apa yang dimaksudkan dengan *kiblat* ialah Kaabah, manakala menghadap kiblat bermaksud Kaabah berhadapan dengannya.

Dalil Wajib Menghadap Kiblat

Dalil bagi syarat ini ialah firman Allah SWT:

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۚ

Maksudnya: Maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (Kaabah), dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.

(Surah al-Baqarah: 150)

Begitu juga hadith, Rasulullah SAW bersabda kepada orang yang diajarnya cara-cara bersolat:

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغِ الوُضُوءَ، ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ

Maksudnya: “Apabila engkau hendak bersolat berwudhu’lah dengan sempurna, kemudian menghadaplah ke kiblat dan bertakbir.”

Riwayat al-Bukhari (5897) dan Muslim (397)

Maksud *Masjid al-Haram* di dalam ayat dan maksud *kiblat* di dalam hadith tersebut ialah Kaabah.

Sejarah Pensyariatan Menghadap Kiblat

Sejarah pensyariatan menghadap kiblat bermula pada awal hijrah Nabi SAW ke Madinah. Hal ini berdasarkan hadith, daripada al-Bara’ bin ‘Azib RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ، أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ أَنْ يُوجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى (فَدَنْ نَرَى تَقْلِبَ وَجْهَكَ فِي السَّمَاءِ) فَوُجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ

Maksudnya: Rasulullah SAW bersolat menghadap Baitul Maqdis selama 16 atau 17 bulan, dan Rasulullah SAW ingin dihadapkan ke Kaabah. Lalu Allah menurunkan ayat yang maksudnya: (Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menadah ke langit). Lalu Baginda pun menghadap Kaabah.

Riwayat al-Bukhari (390) dan Muslim (525)

Cara Penentuan Arah Kiblat

Orang yang bersolat sama ada berhampiran Kaabah yang dapat dilihatnya apabila dikehendaki atau jauh daripadanya yang tidak mungkin dilihat. Orang yang berhampiran dengan Kaabah wajib menghadap Kaabah tersebut dengan yakin manakala yang jauh dari Kaabah wajib menghadapnya dengan berpandukan petunjuk-petunjuk yang kukuh sekiranya tidak terdapat petunjuk yang pasti dan tepat.

Cara Bersolat dan Bilangan Rakaatnya

Ketika Allah mewajibkan solat fardhu atas orang Islam, Jibril menemui Nabi SAW sebagaimana yang diterangkan dahulu untuk menjelaskan waktu permulaan setiap solat, waktu berakhirnya dan bilangan rakaatnya kepada Baginda seperti berikut:

Solat Fajar

Solat *Fajar*, iaitu solat Subuh sebanyak dua rakaat dengan dua kali berdiri dan sekali *tasyahhud* akhir.

Solat Zuhur

Bersolat sebanyak empat rakaat dengan dua *tasyahhud*. *Tasyahhud* yang pertama dalam dua rakaat yang pertama dan *tasyahhud* yang kedua pada akhir solat.

Solat Asar

Solat Asar ialah empat rakaat dan pelaksanaannya sama dengan solat Zuhur.

Solat Maghrib

Solat Maghrib ialah tiga rakaat dengan dua *tasyahhud*. *Tasyahhud* yang pertama dalam dua rakaat yang pertama dan *tasyahhud* yang kedua pada akhir solat.

Solat Isya'

Bilangan rakaat dan pelaksanaan solat Isya' juga sama dengan solat Zuhur dan solat Asar.

RUKUN SOLAT

Pengertian Rukun

Rukun adalah bahagian yang asas bagi sesuatu perkara. Contohnya dinding bagi sesebuah bilik. Oleh itu bahagian-bahagian solat adalah rukun-rukunnya seperti ruku', sujud dan seumpamanya. Solat tidak akan sempurna dan tidak sah kecuali dengan menyempurnakan kesemua bahagiannya mengikut cara dan susun atur yang datang daripada Rasulullah SAW sebagaimana yang diterimanya daripada Jibril AS. Semua rukun solat dirumuskan kepada 13 perkara dan akan dihuraikan satu persatu-satu sebagaimana berikut:

Pertama: Niat

Niat ialah mengingati tujuan sesuatu perbuatan ketika mula melakukannya. Tempat niat ialah di dalam hati. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat.*”

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Untuk menjadikan solat sah, seseorang hendaklah menyertakan niat di dalam hati ketika bertakbiratul *Ihram* dan sedar akan tujuannya untuk bersolat semasa melafazkan takbir tersebut serta mengingati jenis solat dan fardhunya. Sementara niat untuk bersolat pula tidak disyaratkan melafazkannya.

Kedua: Berdiri Sekiranya Mampu Ketika Solat Fardhu

Wajib berdiri bagi mereka yang mampu melakukannya. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Imran bin Husain RA katanya, aku menghidap penyakit buasir lalu aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang solat. Baginda bersabda:

صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: “Bersolatlah secara berdiri, jika tidak mampu lakukanlah secara duduk dan jika tidak mampu juga lakukanlah secara mengiring.”

Riwayat al-Bukhari (1066)

Seseorang itu dianggap berdiri apabila dia berdiri tegak. Sekiranya dia membongkok tanpa sebab yang dimaafkan (عُذْرٌ) hingga tapak tangannya menyentuh lutut, solatnya batal disebabkan tiada rukun berdiri pada satu bahagian solat tersebut.

Orang yang mampu berdiri pada sebahagian solatnya dan tidak berdaya pada sebahagian yang lain, hendaklah berdiri setakat yang termampu dan bolehlah duduk pada semua bahagian yang lainnya.

Berdiri bagi yang mampu hanya wajib pada solat fardhu, manakala solat sunat boleh dilakukan secara duduk sama ada seseorang itu mampu berdiri atau pun tidak kerana hukum berdiri pada semua solat tersebut hanya sunat. Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ أَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ، وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَاعِدِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bersolat secara berdiri itulah yang afdhal, dan sesiapa yang bersolat secara duduk dia mendapat separuh pahala solat berdiri dan sesiapa yang bersolat secara mengiring dia mendapat separuh pahala solat duduk.”

Riwayat al-Bukhari (1065)

Ketiga: *Takbiratul Ihram*

Dalil bagi rukun yang ketiga ini ialah berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda:

مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya: “Kunci solat ialah suci, ihramnya ialah takbir dan tahallulnya ialah salam.”

Riwayat al-Tirmizi (3), Abu Daud (61) dan yang lainnya

Cara Takbiratul Ihram

Takbir mestilah dengan lafaz (اللهُ أَكْبَرُ) dan tidak mengapa ditambah dengan sifat-sifat Allah yang lain seperti (اللهُ الْأَكْبَرُ) atau (اللهُ الْجَلِيلُ الْأَكْبَرُ) tetapi takbir tidak sah sekiranya ditambah perkataan yang lain selain daripada sifat-sifat Allah SWT seperti (اللهُ هُوَ الْأَكْبَرُ) atau mengubah sebutan seperti (أَكْبَرُ اللهُ).

Hal ini berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang perlu diikuti. Baginda sentiasa melakukan *takbiratul ihram* dengan lafaz tersebut.

Syarat Takbiratul Ihram

Syarat-syarat sah *takbiratul ihram* adalah dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berikut:

- Melafazkan *takbiratul ihram* setelah berdiri. Oleh itu takbir tidak sah semasa bangun untuk bersolat.
- Hendaklah bertakbir dalam keadaan menghadap kiblat.
- Bertakbir dalam bahasa Arab. Orang yang tidak mampu bertakbir dalam bahasa Arab dan tidak mungkin mempelajarinya pada waktu itu bolehlah menterjemahkan maksudnya dalam apa-apa bahasa yang dikehendaknya. Tetapi dia wajib mempelajarinya jika berkemampuan.
- Mendengar semua huruf *takbiratul ihram* yang diucapkannya sendiri jika pendengarannya baik.
- Bertakbir beserta dengan niat sebagaimana yang dijelaskan dahulu.

Keempat: Membaca *Fatihah*

Membaca *fatihah* merupakan rukun pada setiap rakaat solat walau apa pun jenis solat tersebut. Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Maksudnya: “Tidak sah solat orang yang tidak membaca *fatihah*.”

Riwayat al-Bukhari (723) dan Muslim (394)

Basmalah ialah satu ayat daripada ayat *Fatihah*. Oleh itu tidak sah *fatihah* yang tidak dimulai dengannya. Hal ini berdasarkan riwayat Ibn Khuzaimah dengan *isnad* yang sahih. Daripada Ummu Salamah R.Anha:

أَنَّ نَبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَدَّ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ آيَةً

Maksudnya: “Nabi SAW mengira *basmalah* sebagai satu ayat.”

Syarat Sah *Fatihah*

Semasa membaca *fatihah* hendaklah memberi perhatian kepada syarat-syarat yang berikut:

- i. Mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya baik.
- ii. Membaca urutan ayatnya yang sebenar dan memberi perhatian kepada makhraj huruf serta kejelasan *syaddahnya*.
- iii. Tidak melakukan kesalahan bacaan yang membawa perubahan makna. Namun *fatihah* tidak batal jika membacanya dengan kesalahan sebutan yang tidak memberi kesan kepada ketepatan maknanya.
- iv. Membaca *fatihah* dalam bahasa Arab. Tidak sah membaca terjemahannya kerana ia bukan al-Quran.
- v. Membaca *fatihah* ketika berdiri. Jika ruku' sambil menghabiskan bacaan *fatihahnya*, bacaan tersebut batal dan wajib mengulangnya.

Walau bagaimanapun sekiranya tidak mampu menguasai *fatimah* disebabkan dia bukan bangsa Arab dan sebagainya, dia hendaklah menggantikannya dengan membaca tujuh ayat al-Quran yang dihafaznya, dan jika tidak mampu juga dia hendaklah berzikir kepada Allah SWT sekadar masa bacaan *fatimah* sebelum dia ruku'.

Kelima: Ruku'

Sekurang-kurangnya ruku' pada syara' ialah membongkok sekadar yang boleh dua tapak tangannya sampai kepada dua lututnya, manakala ruku' yang lebih sempurna ialah membongkok sehingga belakangnya sama rata secara mendatar.

Dalil Ruku'

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang).*

(Surah al-Haj: 77)

Dan hadith, sabda Rasulullah SAW kepada orang yang diajarnya bersolat:

ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا

Maksudnya: “Kemudian ruku'lah hingga engkau tetap dalam keadaan itu.”

Riwayat al-Bukhari (724) dan Muslim (397)

Begitu juga daripada dalil perbuatan Rasulullah SAW yang *thabit* dalam beberapa hadith sahih yang lain.

Syarat Ruku'

Supaya ruku' itu sah, orang yang bersolat hendaklah memastikan perkara-perkara yang berikut:

- i. Membongkokkan badan sekira-kira tapak tangan sampai pada lutut sebagaimana yang telah dinyatakan dahulu.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Humaid al-Sa'idiy RA menceritakan cara Rasulullah SAW:

وَإِذَا رَكَعَ أَمَكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ

Maksudnya: “Apabila ruku’ kedua-dua belah tangan Baginda mencapai kedua-dua belah lututnya.”

Riwayat al-Bukhari (794)

- ii. Tidak membongkokkan badan dengan tujuan yang lain selain daripada ruku’. Justeru, ruku’ tidak sah sekiranya membongkok kerana takut daripada sesuatu kemudian membongkok dengan tujuan menjadikannya ruku’. Oleh itu wajib berdiri kembali dan membongkok semula untuk tujuan ruku’.
- iii. Tetap seketika (الطَّمَّائِنَةُ) sekurang-kurangnya membongkok dengan tetap sekadar masa sekali tasbih.

Hal ini berdasarkan hadith yang lalu, sabda Rasulullah SAW:

حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا

Maksudnya: “Hingga engkau tetap dalam keadaan ruku’.”

Riwayat al-Bukhari (724) dan Muslim (397)

Begitu juga hadith, Nabi SAW bersabda:

أَسْوَأُ النَّاسِ سَرِقَةً الَّذِي يَسْرِقُ صَلَاتَهُ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ يَسْرِقُهَا قَالَ: لَا يُتِمُّ
رُكُوعَهَا وَلَا سُجُودَهَا

Maksudnya: “Pencuri yang paling jahat ialah orang yang mencuri sesuatu daripada solatnya, lalu mereka bertanya: Wahai Rasulullah! Bagaimanakah dia mencuri sesuatu daripada solatnya? Baginda bersabda: Dia tidak ruku’ dan sujud dengan sempurna.”

Riwayat Ahmad, al-Tabarani dan selainnya dengan sanad yang sahih

Hadith seterusnya ialah, daripada Huzaifah RA, dia melihat seorang lelaki yang ruku’ dan sujudnya tidak sempurna. Lalu dia berkata:

مَا صَلَّيْتُ، وَلَوْ مُتَّ مُتَّ عَلَى غَيْرِ الْفِطْرَةِ الَّتِي فَطَرَ اللَّهُ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهَا

Maksudnya: “Engkau tidak bersolat. Sekiranya engkau mati, pastilah engkau tidak mengikut fitrah Muhammad SAW yang Allah telah tetapkan ke atasnya.”

Riwayat al-Bukhari (758)

Hadith ini tidak bermaksud menganggap orang tersebut tidak Islam tetapi menunjukkan bahawa orang yang tidak melakukan solat yang betul sebagaimana yang dituntut.

Sekiranya dia mati dalam keadaan tersebut, pastilah dia tidak mengikut cara yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Cara ruku’ yang lebih sempurna ialah menyamakan belakang dengan tengkuk dalam keadaan rata, lurus dan tidak melengkung. Sementara dua betis ditegakkan dan kedua-dua belah tangan dengan jari terbuka memegang dua lutut sambil membaca tasbih sebanyak tiga kali.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Huzaifah RA berkata:

صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ ثُمَّ رَكَعَ فَجَعَلَ يَقُولُ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ ثُمَّ سَجَدَ فَقَالَ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى

Maksudnya: “Pada suatu malam aku bersolat bersama-sama Nabi SAW, kemudian Baginda ruku’ lalu membaca tasbih yang maksudnya: Maha Suci Tuhanku yang Maha Agung. Kemudian Baginda sujud lagi dan membaca tasbih yang maksudnya: Maha Suci Tuhanku yang Maha Tinggi.”

Riwayat Muslim (772)

Hadith yang lain lagi, daripada Abdullah bin Mas’ud R.Anhuma katanya, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَكَعَ أَحَدُكُمْ فَقَالَ فِي رُكُوعِهِ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ تَمَّ رُكُوعُهُ وَذَلِكَ أَدْنَاهُ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu ruku’ dan membaca tasbih sebanyak tiga kali sempurna ruku’nya. Demikianlah sekurang-kurangnya ruku’.”

Riwayat al-Tirmizi (261), Abu Daud (886) dan yang lainnya

Sementara hadith Abi Humaid yang menyatakan:

ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهُ

Maksudnya: “Kemudian Baginda membongkokkan belakangnya.”

Keenam: *I’tidal* Selepas Ruku’

I’tidal ialah berdiri di antara ruku’ dan sujud. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha ketika menceritakan cara bersolat Rasulullah SAW, katanya:

كَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا

Maksudnya: “Apabila mengangkat kepalanya daripada ruku’, Baginda tidak sujud sehingga telah berdiri tegak.”

Riwayat Muslim (498)

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda ketika mengajarkan cara-cara bersolat kepada seorang lelaki yang tidak melakukannya:

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا

Maksudnya: “Kemudian bangunlah hingga engkau berdiri tegak.”

Riwayat al-Bukhari (724) dan Muslim (397)

Syarat *I'tidal*

Syarat-syarat sah *i'tidal* adalah seperti berikut:

- Tidak bertujuan lain selain daripada ibadat.
- Tetap seketika sekadar masa sekali tasbih.
- Tidak berdiri terlalu lama hingga melebihi kadar bacaan *fatihah*. Ini kerana *i'tidal* merupakan rukun yang pendek dan tidak harus dipanjangkan.

Ketujuh: Sujud Sebanyak Dua Kali pada Setiap Rakaat

Pengertian sujud pada syara' ialah dahi orang yang bersolat bersentuhan secara langsung dengan dengan tempat sujudnya.

Dalil sujud berdasarkan firman Allah SWT (Surah al-Hajj: 77) sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini dalam rukun ruku'.

Begitu juga hadith, Rasulullah SAW ketika mengajarkan cara-cara bersolat kepada orang yang tidak betul melakukannya:

ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ
سَاجِدًا

Maksudnya: “Kemudian sujudlah sehingga tetap dalam keadaan itu, kemudian bangunlah sehingga tetap keadaan dudukmu, kemudian sujudlah lagi sehingga keadaannya tetap.”

Syarat Sujud

Untuk menjadikan sujud itu sah, ia perlu diberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Menyentuh tempat sujud dengan dahi yang terdedah.

Kedua: Melakukan sujud dengan tujuh anggota badan. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Nabi SAW:

أَمَرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ، وَالرُّكْبَتَيْنِ
وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ

Maksudnya: “*Aku diperintahkan sujud dengan tujuh tulang anggota, dengan dahi (sambil Baginda menunjukkan tangannya ke bahagian atas hidung), dengan dua tangan, dua lutut dan hujung kedua-dua belah kaki.*”

Riwayat al-Bukhari (779) dan Muslim (490)

Bagaimanapun tidak wajib mendedahkan semua anggota tersebut kecuali dahi.

Ketiga: Bahagian anggota punggung hendaklah terangkat lebih tinggi seberapa yang boleh daripada kepala. Hal ini sebagai mengikut perbuatan Rasulullah SAW.

Keempat: Tidak sujud di atas pakaian yang dipakai yang bergerak mengikut pergerakannya.

Kelima: Tidak bertujuan yang lain selain daripada sujud. Contohnya kerana takut dan sebagainya.

Keenam: Menekankan dahi di tempat sujud sehingga sekiranya kapas atau seumpamanya yang diletakkan di bawah dahi tertindih dan meninggalkan kesan sujud yang jelas di atasnya.

Ketujuh: Tetap seketika semasa sujud sekurang-kurangnya sekadar sekali tasbih.

Cara sujud yang lebih sempurna ialah dengan bertakbir ketika turun sujud, meletakkan dua lutut diikuti dua tangan kemudian dahi dan hidung. Dua tangan terletak bertentangan dua bahu dengan jari-jari dilepaskan rapat ke arah kiblat. Jarakkan perut daripada dua peha, dan dua siku daripada lantai dan dua rusuk sambil bertasbih sebanyak tiga kali. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA menceritakan sifat solat Rasulullah SAW:

اللَّهُ أَكْبَرُ، حِينَ يَهْوِي سَاجِدًا

Maksudnya: “Kemudian Baginda bertakbir ketika turun untuk sujud.”

Riwayat al-Bukhari (770) dan Muslim (292)

Begitu juga hadith, daripada al-Bara’ RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَجَدْتَ فَضَعْ كَفَّيْكَ وَارْفَعْ مِرْفَقَيْكَ

Maksudnya: “Apabila sujud letakkanlah dua tapak tangan dan angkatlah kedua-dua belah sikumu.”

Riwayat Muslim (494)

Hadith seterusnya, daripada Abdullah bin Malik bin Buhainah RA:

كَانَ إِذَا صَلَّى إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَجَ بَيْنَ يَدَيْهِ حَتَّى يَبْدُوَ بَيَاضُ إِبْطَيْهِ

Maksudnya: “Nabi SAW apabila bersolat Baginda merenggangkan kedua-dua belah tangannya hingga kelihatan putih dua ketiakannya.”

Riwayat al-Bukhari (383) dan Muslim (495)

Sementara hadith yang lain pula, daripada Abi Hamid RA:

وَنَحَى يَدَيْهِ عَن جَنْبَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ حَدَّوْ مَنْكَبَيْهِ

Maksudnya: “Dan Baginda menjauhkan kedua-dua belah tangan daripada dua rusuknya dan meletakkan kedua-dua belah tapak tangan selari dengan dua bahunya.”

Riwayat Abu Daud (734) dan al-Tirmizi (270)

Hadith yang lain lagi, daripada Abi Hamid RA berkata tentang sifat Rasulullah SAW:

إِذَا سَجَدَ فَرَجَّ بَيْنَ فَخِذَيْهِ غَيْرَ حَامِلٍ بَطْنُهُ عَلَى شَيْءٍ مِنْ فَخِذَيْهِ

Maksudnya: “Apabila sujud, Baginda merenggangkan dua peha tanpa mengampu perut di atas kedua-duanya.”

Riwayat Abu Daud (735)

Begitu juga hadith:

وَإِذَا سَجَدَ فَقَالَ فِي سُجُودِهِ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَقَدْ تَمَّ سُجُودُهُ وَذَلِكَ أَدْنَاهُ

Maksudnya: “Dan apabila seseorang sujud lalu membaca tasbih sebanyak tiga kali sempurnalah sujudnya. Demikianlah sekurang-kurangnya sujud.”

Riwayat Abu Daud (886), al-Tirmizi (261) dan yang lainnya

Walau bagaimanapun cara sujud perempuan berbeza daripada cara sujud lelaki. Ketika perempuan sujud hendaklah merapatkan anggota-anggotanya antara satu sama lain.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW berjalan berhampiran dua orang perempuan yang bersolat lalu Baginda bersabda:

إِذَا سَجَدْتُمَا فَضُمَّمَا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الْأَرْضِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيْسَتْ فِي ذَلِكَ كَالرَّجُلِ

Maksudnya: “Apabila kamu sujud, rapatkanlah sebahagian badan ke lantai kerana orang perempuan tidak sama cara sujudnya sebagaimana orang lelaki.”

Riwayat al-Baihaqi (2/223)

Kelapan: Duduk di antara Dua Sujud

Perkara ini diwajibkan pada setiap rakaat berdasarkan hadith yang lalu, sabda Rasulullah SAW:

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا

Maksudnya: “Kemudian bangunlah hingga tetap keadaan dudukmu.”

Syarat Duduk di Antara Dua Sujud

- i. Tujuan duduk semata-mata kerana ibadat tanpa sebab-sebab sampingan yang lain seperti takut dan sebagainya.
- ii. Tidak terlalu lama hingga melebihi kadar masa sekurang-kurangnya bacaan tasyahhud.
- iii. Duduk tetap seketika sekurang-kurangnya sekali tasbih.

Kesembilan: Duduk yang Akhir

Duduk pada rakaat penghabisan yang diikuti dengan salam.

Kesepuluh: Membaca *Tasyahhud* Ketika Duduk yang Penghabisan

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Mas’ud RA, katanya:

كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْنَا كُنَّا نَقُولُ قَبْلَ أَنْ يَفْرُضَ عَلَيْنَا التَّشَهُدَ السَّلَامُ عَلَى اللَّهِ قَبْلَ عِبَادِهِ، السَّلَامُ عَلَى جِبْرِيلَ، السَّلَامُ عَلَى مِيكَائِيلَ، السَّلَامُ عَلَى فُلَانٍ. فَلَمَّا انْصَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوَجْهِهِ فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّلَامُ، فَإِذَا جَلَسَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ فَلْيَقُلْ: التَّحِيَّاتُ.

Maksudnya: “Ketika kami bersolat bersama-sama Nabi SAW membaca dalam riwayat yang lain pula menyebut: Sebelum difardhukan tasyahhud kami membaca tasyahhud yang maksudnya: Sejahtera ke atas Allah SWT mendahului hamba-hamba-Nya, sejahtera ke atas Jibril, sejahtera ke atas

Mikail, sejahtera ke atas si fulan. Setelah selesai Nabi SAW pun menghadap kami lalu bersabda: Sesungguhnya Allah SWT bersifat “salam”. Apabila seseorang daripada kamu duduk ketika bersolat bacalah (...التَّحِيَّاتُ).”

Riwayat al-Bukhari (5806), Muslim (402), al-Baihaqi (2/138) dan al-Daraqutni (1/350)

Al-Salam ialah satu daripada nama Allah SWT. Begitu juga maksud *salam* ialah sejahtera daripada segala keaiban dan kebinasaan yang mengenai makhluk (التَّهْيَاتُ). Sekurang-kurang bacaan *tasyahhud*:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، سَلَامٌ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: “Segala penghormatan hanya bagi Allah. Selamat sejahtera ke atasmu wahai Nabi, begitu juga rahmat Allah dan segala keberkatan-Nya. Selamat sejahtera ke atas kami dan semua hamba Allah SWT yang soleh. Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan yang sebenar-benarnya selain Allah SWT dan aku menjadi saksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah.”

Terdapat beberapa riwayat yang sahih tentang lafaz *tasyahhud* sepenuhnya yang *afdhal* pada Imam al-Syafie Rahimahullah adalah berdasarkan hadith, Ibn Abbas R.Anhuma berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ فَكَانَ يَقُولُ: التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengajar kami lafaz *tasyahhud* sebagaimana Baginda mengajar kami surah daripada al-Quran. Baginda bersabda yang bermaksud: Segala penghormatan yang suci, segala pujian yang baik hanya bagi Allah SWT, selamat sejahtera ke atasmu wahai Nabi, begitu juga rahmat Allah SWT dan keberkatan-Nya. Selamat sejahtera ke atas kamu kami dan semua hamba Allah yang soleh. Aku menjadi saksi bahawa tiada

Tuhan yang sebenar-benarnya selain Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah.”

Riwayat Muslim (403)

Perkara yang Perlu Diberi Perhatian Ketika Membaca *Tasyahhud*

- i. Mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya baik.
- ii. Membaca semua lafaz *tasyahhud* secara berturutan. Jika lafaznya terpisah dengan diam yang lama atau zikir yang lain, maka *tasyahhudnya* batal, dan wajib mengulangnya.
- iii. Membaca *tasyahhud* ketika duduk kecuali apabila keuzuran, maka bolehlah membacanya dengan apa-apa cara yang termampu.
- iv. Membaca *tasyahhud* dalam bahasa Arab. Jika tidak mampu bolehlah membaca terjemahannya dalam bahasa apa-apa pun yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, dia tetap wajib mempelajarinya.
- v. Memberi perhatian kepada *makhraj* huruf dan *syaddah*. Jika mengubah *makhraj* satu huruf atau mencuaikan satu *syaddah* atau sikap menyebut satu perkataan yang menyebabkan maknanya berubah maka *tasyahhudnya* batal dan wajib mengulangnya.
- vi. Mengikut urutan ayatnya sebagaimana teks yang telah dinyatakan.

Kesebelas: Berselawat ke atas Nabi SAW Selepas *Tasyahhud* Akhir

Hendaklah berselawat ke atas Nabi SAW sebelum memberi salam apabila selesai membaca *tasyahhud* akhir.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

(Surah al-Ahzab: 56)

Para ulama' telah sepakat menyatakan bahawa berselawat tidak wajib di luar solat. Oleh itu, ternyata perintah berselawat di dalam ayat di atas wajib dilakukan ketika bersolat.

Begitu juga hadith, daripada Ibn Mas'ud RA yang bertanya tentang cara berselawat ke atas Nabi SAW:

كَيْفَ نَصَلِّي عَلَيْكَ إِذَا نَحْنُ صَلَّيْنَا عَلَيْكَ فِي صَلَاتِنَا؟ فَقَالَ: قُولُوا...

Maksudnya: *“Bagaimanakah cara kami berselawat ke atasmu dalam solat kami? Baginda bersabda: Ucapkanlah...”*

Ibn Hibban (515) dan al-Hakim (1/268) yang mengatakannya sebagai hadith sahih

Hadith ini menentukan bahawa tempat berselawat ke atas Nabi SAW ialah dalam solat dan masanya yang sesuai ialah pada penghujungnya. Oleh itu wajib berselawat ketika duduk yang akhir selepas membaca *tasyahhud*.

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ رَبِّهِ وَالشَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يَدْعُو بَعْدَ بَمَا شَاءَ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu berselawat mulakanlah dengan memuji Tuhannya. Kemudian berselawatlah ke atas Nabi SAW dan berdoalah selepas itu dengan doa yang dikehendakinya.”

Riwayat al-Tirmizi (3475), Abu Daud (1481) dan yang lainnya dengan *sanad* yang sahih

Sekurangnya-kurangnya lafaz selawat ke atas Nabi SAW ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Maksudnya: “Ya Allah, berselawatlah ke atas Nabi Muhammad SAW.”

Manakala lafaz selawat yang sepenuhnya pula ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Maksudnya: “Ya Allah, berselawatlah ke atas Nabi Muhammad SAW serta keluarganya sebagaimana Engkau berselawat ke atas Nabi Ibrahim serta keluarganya. Dan berkatilah Nabi Muhammad SAW serta keluarganya sebagaimana Engkau memberkati Nabi Ibrahim serta keluarganya. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia di seluruh alam ini.”

Lafaz selawat ini telah *thabit* dalam beberapa hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan yang lainnya. Sementara itu antara riwayat tersebut ada pula yang ditambah dan ada pula yang dikurangi.

Rujuk al-Bukhari (1390) dan Muslim (406)

Syarat Berselawat ke Atas Nabi

Antara syarat yang perlu seperti berikut:

- i. Mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya baik. Berselawat sama ada dengan lafaz *Muhammad*, *Rasul* atau *Nabi* tetapi tidak memadai jika disebut dengan lafaz *Ahmad*.
- ii. Berselawat dalam bahasa Arab. Jika tidak menguasainya bolehlah diterjemahkan maksudnya ke dalam bahasa yang dikehendaknya. Walau bagaimanapun dia wajib segera mempelajarinya jika ada kemungkinan berbuat demikian.
- iii. Berselawat mengikut urutan lafaznya. Begitu juga urutan antara selawat dengan *tasyahhud*. Justeru, tidak sah mendahulukan selawat daripada *tasyahhud*.

Kedua Belas: Salam yang Pertama

Orang yang bersolat hendaklah mengucapkan (السلام عليكم ورحمة الله) sambil berpaling ke kanannya. Hal ini berdasarkan hadith yang lalu tentang *takbiratul Ihram*. Sabda Rasulullah SAW:

تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya: “*Ihramnya takbir dan yang menghalalkannya salam.*”

Sekurang-kurangnya lafaz salam (السلام عليكم) sekali, dan yang sebaik-baiknya ialah (السلام عليكم ورحمة الله) sebanyak dua kali, iaitu pada kali pertama sambil berpaling ke kanan dan pada kali kedua pula berpaling ke kiri. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sa'd RA:

كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرَى بِيَاضَ خَدِّهِ

Maksudnya: “*Aku melihat Rasulullah SAW mengucapkan salam ke kanan dan ke kirinya hingga kelihatan putih pipinya.*”

Riwayat Muslim (582)

Begitu juga hadith, daripada Ibn Mas’ud RA:

كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Maksudnya: “*Nabi SAW mengucapkan (السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ) ke kanan, dan (السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ) ke kirinya hingga kelihatan putih pipinya.*”

Riwayat Abu Daud (996) dan al-Tarmizi (290)
katanya: Hadis Hasan Sahih

Ketiga Belas: Melakukan Semua Rukun Mengikut Urutan (ترتيب) Rukun Sebagaimana Asalnya

Tertib solat bermula dengan niat dan *takbiratul Ihram* kemudian membaca *fatihah* kemudian ruku’, *i’tidal*, sujud dan seterusnya. Oleh itu solat seseorang akan batal jika sengaja mendahulukan sesetengah rukun tersebut daripada tempatnya sebagaimana yang disyariatkan. Sebaliknya jika berlaku tanpa disengajakan solatnya terbatal bermula daripada awal rukun yang tersilap tersebut, dan wajib mengulanginya.

Sehubungan ini, jika seseorang masih meneruskan solatnya dengan betul selepas tidak sengaja mengubah urutan yang ditetapkan, hingga sampai ke tempat yang sama seperti dalam rakaat yang sebelumnya, maka rakaat yang betul itu mengambil tempat kedudukan rakaat yang rosak sebelumnya. Justeru, dia wajib menambah satu rakaat lagi pada solatnya itu sebagai ganti kepada rakaat yang rosak disebabkan kerosakan tertib antara rukunnya.

SUNAT-SUNAT DALAM SOLAT

Pengertian Sunat

Sunat ialah perbuatan yang dituntut melakukannya tanpa kemestian. Walau bagaimanapun yang melakukannya diberi pahala dan yang meninggalkannya pula tidak berdosa.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu, solat mempunyai beberapa rukun dan syarat sah yang wajib dilakukan. Begitu juga ia mempunyai beberapa sunat yang dituntut melakukannya secara tidak mesti namun perbuatan itu akan menambah pahala solat seseorang dan tidak berdosa jika ditinggalkannya.

Terdapat banyak perkara sunat dan ia dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu sunat-sunat yang dilakukan sebelum bersolat, semasa bersolat dan selepas bersolat.

Sunat Sebelum Bersolat

Sunat-sunat sebelum bersolat tidak melebihi tiga perkara berikut:

Pertama: Azan

Pengertian, dalil, syarat-syarat dan segala perkara yang berkaitan dengannya telah pun dijelaskan dahulu.

Kedua: Iqamah

Sebagaimana azan begitu juga iqamah telah diterangkan pengertiannya, syarat-syarat dan perbezaan antara kedua-duanya.

Ketiga: Menjadikan Sesuatu Sebagai Sekatan (سُتْرَةٌ) di hadapannya

Sekatan adalah sebagai tanda pemisah di antara orang yang bersolat dengan orang yang lalu-lalang di hadapannya, seperti dinding, tiang, tongkat atau menghamparkan sejadah dan sebagainya. Jika tidak didapati apa-apa pun buatlah tanda garisan sahaja.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ يَوْمَ الْعِيدِ أَمَرَ بِالْحَرْبَةِ فَتَوَضَّعَ بَيْنَ يَدَيْهِ، فَيُصَلِّي إِلَيْهَا وَالنَّاسُ وَرَاءَهُ، وَكَانَ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي السَّفَرِ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW apabila pergi menunaikan solat hari raya, Baginda meminta sebatang tombak pendek (حَرْبَةٌ) diletakkan di hadapannya, lalu Baginda menghadapnya manakala orang ramai pula di belakang Baginda ketika bermusafir.*”

Riwayat al-Bukhari (472) dan Muslim (501)

Sementara cara yang *afdhal* pula ialah meletakkan sekatan berhampiran dengan tempat sujud.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sahal bin Sa’ad RA, katanya:

كَانَ بَيْنَ مُصَلِّي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ الْجِدَارِ مَمْرُ الشَّاةِ

Maksudnya: “*Jarak di antara tempat sujud Rasulullah SAW dan dinding ialah seluas laluan kambing.*”

Riwayat al-Bukhari (474) dan Muslim (508)

Sunat Semasa Bersolat

Sunat-sunat semasa menunaikan solat terbahagi kepada dua bahagian iaitu sunat *Ab’adh* (أَبْعَاضٌ) dan sunat *Hai’ah* (هَيْئَاتٌ).

Sunat *Ab'adh* jika tertinggal perlu diganti dengan *sujud sahwi* pada akhir solat.

Sementara sunat *Hai'ah* pula jika ditinggalkan tidak perlu diganti dengan *sujud sahwi*. Hal ini akan dihuraikan kemudian dalam perbincangan tentang amalan-amalan solat.

Sunat *Ab'adh*

i. *Tasyahhud* Awal

Tasyahhud awal bermaksud *tasyahhud* ketika duduk yang tidak diikuti dengan salam. Oleh itu sunat membaca *tasyahhud* ketika duduk dalam rakaat yang kedua bagi solat-solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isya'.

Hal ini berdasarkan tentang orang yang tidak betul solatnya:

فَإِذَا جَلَسْتَ فِي وَسْطِ الصَّلَاةِ فَاطْمِئِنَّ وَأَفْتَرِشْ فَخِذَكَ الْيَسْرَى ثُمَّ تَشَهَّدْ

Maksudnya: “Apabila engkau duduk pada pertengahan solat rakaat kedua tetapkanlah kedudukan di atas simpukan kaki kirimu, kemudian bacalah *tasyahhud*.”

Riwayat Abu Daud (860)

Tasyahhud awal ini sunat sahaja dan bukan fardhu ialah hadith:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ فِي صَلَاةِ الظُّهْرِ وَعَلَيْهِ جُلُوسٌ فَلَمَّا أَتَمَّ صَلَاتَهُ سَجَدَ سَجْدَتَيْنِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW terus berdiri ketika solat Zohor yang sepatutnya Baginda duduk. Tatkala menyempurnakan solatnya Baginda sujud sebanyak dua kali.”

Riwayat al-Bukhari (1173) dan Muslim (570)

Hadith tersebut menyatakan Baginda sujud *sahwi* sebagai ganti kepada *tasyahhud* yang ditinggalkan oleh Baginda disebabkan duduk yang tertinggal itu. Sekiranya *tasyahhud* awal itu rukun, tentulah terpaksa diulangi dan tidak terganti dengan sujud sahwi sahaja.

ii. Berselawat ke atas Nabi Selepas *Tasyahhud Awal*

Selawat ini juga jika tertinggal sunat digantikan dengan sujud sahwi.

iii. Duduk bagi *Tasyahhud Awal*

Terdapat tiga sunat yang berasingan, iaitu sunat duduk, sunat membaca *tasyahhud* padanya dan sunat berselawat ke atas Nabi SAW.

iv. Berselawat ke atas Keluarga Nabi SAW Selepas *Tasyahhud Akhir*

Sunat berselawat ke atas keluarga Nabi SAW ketika menunaikan rukun *tasyahhud* semasa duduk yang terakhir.

v. Membaca Qunut

Membaca qunut adalah semasa *i'tidal* dalam rakaat yang kedua ketika solat Subuh dan dalam rakaat yang kedua dalam solat Witir pada separuh yang kedua di dalam bulan Ramadhan. Begitu juga dalam rakaat yang akhir pada mana-mana solat bagi qunut *Nazilah*. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA dia telah ditanya:

أَقْنَتَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصُّبْحَ قَالَ: نَعَمْ. فَقِيلَ لَهُ: أَوْقَتْتَ قَبْلَ الرُّكُوعِ
قَالَ بَعْدَ الرُّكُوعِ يَسِيرًا

Maksudnya: “Adakah Nabi SAW membaca qunut ketika solat Subuh? Dia menjawab: Ya. Lalu ditanya lagi: Adakah Baginda membacanya sebelum ruku’? Dia menjawab: Tidak berapa lama selepas ruku’.”

Riwayat al-Bukhari (956) dan Muslim (677)

Sunat qunut memadai dengan memuji Allah SWT dan berdoa kepadanya dengan sebarang lafaz yang dikehendaki seperti (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي) (يا غفورُ) yang membawa maksud: *Ya Allah, ampunilah daku wahai Tuhan yang Maha Pengampun.* Tetapi yang lebih baik ialah beriltizam dengan doa yang datang daripada Rasulullah SAW.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada al-Hasan bin Ali R.Anhuma, katanya Rasulullah SAW mengajarku beberapa doa yang aku membacanya semasa solat Witir sebagaimana berikut:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لِي
فِيمَا أُعْطِيتَ وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ
وَالَيْتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ

Maksudnya: “*Ya Allah! Kurniakanlah diriku petunjuk di kalangan mereka yang mendapat petunjuk-Mu, sihatkan dan selamatkan diriku di kalangan mereka yang Engkau berikan kesihatan dan keselamatan. Tolonglah daku di kalangan mereka yang mendapat pertolongan-Mu. Berkatilah nikmat yang engkau kurniakan kepadaku. Peliharalah diriku daripada segala keburukan yang Engkau tentukan. Sesungguhnya Engkaulah penentu dan tiada sesiapa penentu yang berkuasa ke atas-Mu. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau muliakan dan tidak akan mulia orang yang Engkau musuhi. Wahai Tuhan kami, Engkaulah yang Maha Suci dan yang Maha Tinggi.*”

Riwayat Abu Daud (1425) dan al-Tirmizi (464)

Sunat bagi imam membaca doa qunut tersebut dengan lafaz *jama'* (ramai).

Imam al-Tirmizi menyatakan bahawa hadith ini bertaraf *hadith hasan*. Beliau juga berkata: *Kami tidak mengetahui daripada Nabi SAW tentang bacaan qunut ketika solat Witir sesuatu doa yang lebih baik daripadanya.*

Hadith Abu Daud pula menyatakan: *Bahawa Ubay bin Ka'ab RA menjadi imam mereka dalam bulan Ramadhan dan dia membaca qunut sepanjang separuh yang akhir pada bulan Ramadhan.*

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ النَّبِيَّ كَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ رَفَعَ يَدَيْهِ
يَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ

Maksudnya: “Nabi SAW apabila bangun daripada rukuk pada rakaat yang kedua solat Subuh, Baginda mengangkat kedua-dua belah tangannya lalu membaca doa ini (اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ).”

Riwayat al-Hakim

Berdasarkan beberapa hadith sahih tentang berselawat ke atas Nabi SAW selepas doa dan zikir, para ulama’ mengatakan sunat ditambah dalam doa qunut:

فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ نَسْتَعْفِرُكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَنَتُوبُ إِلَيْكَ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Bagi-Mu segala pujian atas apa-apa yang Engkau tentukan. Kami memohon keampunan-Mu ya Allah ya Tuhan kami dan kepada-Mu kami bertaubat. Allah mengurniakan rahmat dan kesejahteraan kepada penghulu kami Nabi Muhammad yang ummi (buta huruf) dan kepada seluruh keluarga dan para sahabat.”

Mughni al-Muhtaj (1/166-167)

Sunat mengangkat kedua-dua belah tangan ketika membaca qunut dengan menadah kedua-dua tapak tangan.

Sunat Hai'ah

Sebagaimana yang telah disebutkan, sunat *hai'ah* ialah sunat-sunat solat yang sekiranya ditinggalkan tidak sunat digantikan dengan sujud *sahwi*.

Pertama: Mengangkat kedua-dua belah tangan ketika *takbiratu al-ihram*, ketika ruku', dan ketika bangun dari ruku'.

Cara melakukannya adalah dengan mengangkat kedua-dua belah tangan sementara jari-jari dan tapak tangan terbuka dan kedua-dua ibu jari bertepatan dengan kedua-dua cuping telinga.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَتَحَ التَّكْبِيرَ فِي الصَّلَاةِ، فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ حَتَّى يَجْعَلَهُمَا حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ، وَإِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوعِ فَعَلَ مِثْلَهُ، وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. فَعَلَ مِثْلَهُ وَقَالَ: رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. وَلَا يَفْعَلُ ذَلِكَ حِينَ يَسْجُدُ وَلَا حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُودِ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW mengangkat kedua-dua belah tangannya hingga menyamai kedua-dua belah bahunya. Baginda juga melakukan demikian apabila ruku' dan selepas menyebut: Allah mendengar sesiapa yang memujinya. Lalu berkata: Wahai Tuhan kami, hanya untuk-Mu segala pujian. Baginda tidak berbuat begitu apabila sujud dan ketika mengangkat kepalanya bangun daripada sujud.”

Riwayat al-Bukhari (705) dan Muslim (390)

Kedua: Meletakkan telapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri ketika berdiri.

Caranya adalah dengan meletakkan jari tangan kanan sambil jari-jari menggenggam belakang pergelangan tangan kiri yang diletakkan di antara bawah dada dan atas daripada pusat.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Wa'il bin Hujr RA:

أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ دَخَلَ فِي الصَّلَاةِ ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيَمْنَى عَلَى الْيُسْرَى

Maksudnya: “Dia melihat Nabi SAW mengangkat kedua-dua belah tangannya ketika memulakan solat, kemudian Baginda meletakkan tangan kanannya di atas tangan kiri.”

Riwayat Muslim (401)

Hadith seterusnya:

ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى كَفِّهِ الْيُسْرَى وَالرُّسْغَ وَالسَّاعِدِ

Maksudnya: “Kemudian Baginda meletakkan tangan kanannya di atas belakang tapak tangan dan pergelangan tangan kirinya.”

Riwayat al-Nasaie (2/126)

Ketiga: Memandang ke tempat sujud

Makruh mengalih-alihkan pandangan ke persekitarannya atau memandang ke atas atau memandang sesuatu yang berada di hadapannya walaupun Kaabah. Malah sunat terus menumpukan pandangannya kepada tempat sujud kecuali ketika *tasyahhud*. Ketika ini hendaklah memandang jari telunjuk yang menjadi isyarat ketika *tasyahhud*. Semua perbuatan ini adalah berdasarkan perbuatan Nabi SAW.

Keempat: Memulakan solat selepas takbir dengan bacaan doa *iftitah*.

Lafaz doa *iftitah* berdasarkan hadith, daripada Ali bin Abi Talib RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ قَالَ: وَجَّهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: “Apabila mendirikan solat, Baginda membaca doa yang maksudnya, aku hadapkan mukaku kepada yang mencipta langit dan bumi dengan tulus ikhlas dan tidaklah aku daripada golongan yang menyekutui-Mu. Sesungguhnya solatku, dan ibadahku, hidupku dan matiku hanya untuk

Allah Tuhan seluruh alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan begitulah aku telah diperintahkan dan aku adalah daripada golongan Islam.”

Riwayat Muslim (771)

Tempat Sunat Doa Iftitah

Sunat membaca doa *iftitah* ketika bersolat fardhu dan sunat sama ada solat bersendirian, menjadi imam atau makmum dengan syarat sebelum memulai bacaan *fatihah*. Jika memulai *fatihah* dengan membaca *basmalah* kerana ia adalah satu daripada ayat-ayatnya atau membaca *أعوذ بالله من الشيطان الرجيم* maka luputlah sunatnya dan tidak perlu mengulanginya lagi sekalipun kerana terlupa.

Tidak sunat membaca doa *iftitah* ketika bersolat jenazah dan ketika bersolat fardhu yang kesuntukan masa sekiranya dibimbangi dengan membaca doa tersebut waktu solat akan berakhir.

Kelima: Membaca *Isti'azah* selepas doa *iftitah*

Sunat membacanya sebelum memulai bacaan *fatihah*. Jika telah memulai luputlah sunatnya dan makruh mengulanginya. Allah SWT berfirman:

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya: Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang kena rejam.

(Surah al-Nahl: 98)

Keenam: Menyaringkan bacaan dan memperlahankannya pada tempat-tempatnya

Sunat bagi imam dan orang yang bersolat sendirian menyaringkan bacaan ketika solat Subuh, dua rakaat yang pertama solat Maghrib, Isya', solat Jumaat, solat dua Hari Raya, solat Gerhana Bulan, solat Tarawih dan solat

Witir pada bulan Ramadhan, sementara solat yang lainnya sunat memperlahankan bacaan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jubair bin Mut'im RA:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ الْمَغْرِبَ بِالطَّوْرِ

Maksudnya: “*Aku mendengar Rasulullah SAW membaca surah al-Thur ketika bersolat Maghrib.*”

Riwayat al-Bukhari (735) dan Muslim (463)

Hadith seterusnya, daripada al-Bara' RA:

سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ (وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ) فِي الْعِشَاءِ، وَمَا سَمِعْتُ أَحَدًا أَحْسَنَ صَوْتًا مِنْهُ أَوْ قِرَاءَةً

Maksudnya: “*Aku mendengar Rasulullah SAW membaca (وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ) ketika bersolat Isya' dan aku tidak pernah mendengar seseorang yang lebih baik suara atau bacaannya daripada Baginda.*”

Riwayat al-Bukhari (733) dan Muslim (464)

Hadith Ibn Abbas R.Anhuma tentang kehadiran jin yang mendengar al-Quran daripada Nabi SAW ada menyatakan:

وَهُوَ يُصَلِّي بِأَصْحَابِهِ صَلَاةَ الْفَجْرِ، فَلَمَّا سَمِعُوا الْقُرْآنَ اسْتَمَعُوا لَهُ

Maksudnya: “*Dan Baginda bersolat Subuh bersama-sama para sahabatnya. Tatkala para sahabat mendengar al-Quran, jin-jin turut mendengarnya.*”

Riwayat al-Bukhari (739) dan Muslim (449)

Hadith yang lain pula, daripada Abi Qatadah RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ بِأَمِّ الْكِتَابِ وَسُورَةَ مَعَهَا فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ مِنْ صَلَاةِ الظُّهْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ، وَفِي رِوَايَةٍ: وَهَكَذَا يَفْعَلُ فِي الصُّبْحِ

Maksudnya: “Nabi SAW telah membaca Ummul Kitab dan satu surah pada dua rakaat yang pertama solat Zuhur dan solat Asar.” Dalam riwayat yang lain pula menyatakan: “Begitulah juga Baginda lakukan ketika bersolat Subuh.”

Riwayat al-Bukhari (745) dan Muslim (451)

Seterusnya hadith, daripada Ubadah bin al-Somit RA, katanya:

كُنَّا خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ فَقَرَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَثَقُلْتُ عَلَيْهِ الْقِرَاءَةَ فَلَمَّا فَرَغَ قَالَ: لَعَلَّكُمْ تَقْرَءُونَ خَلْفَ إِمَامِكُمْ. قَالَ: قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِي وَاللَّهِ، قَالَ: لَا تَفْعَلُوا إِلَّا بِأَمِّ الْقُرْآنِ، فَإِنَّهُ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا وَفِي رَوَايَةٍ: فَلَا تَقْرَءُوا بِشَيْءٍ مِنَ الْقُرْآنِ إِذَا جَهَرْتُمْ بِهِ إِلَّا بِأَمِّ الْقُرْآنِ

Maksudnya: “Semasa berada di belakang Rasulullah SAW ketika bersolat Subuh, bacaan Baginda terganggu. Apabila selesai menunaikan solat, Baginda bersabda: Mungkin kamu membaca sesuatu di belakang imam. Kami menjawab: Ya! Demi Allah wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Jangan kamu lakukan kecuali membaca Ummul Quran. Sesungguhnya tidak sah solat orang yang tidak membacanya.” Riwayat lain menyatakan: “Apabila aku menyaringkan bacaan al-Quran, janganlah kamu membaca kecuali Ummul Kitab.”

Riwayat Abu Daud (823 & 824), al-Nasaie (2/141)

Semua hadith tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah menyaringkan bacaannya sehingga terdengar oleh mereka yang ada bersamanya. Akan tetapi bagi makmum yang tidak terdengar bacaan imamnya ketika bersolat, maka solat tersebut dianggap solat yang tidak dinyaringkan bacaan dan dia bolehlah membaca ayat-ayat al-Quran di belakang imam tersebut.

Dalil memperlahankan bacaan pada tempat-tempat yang lain adalah berdasarkan hadith, daripada Khabbab RA, seseorang bertanya kepadanya:

أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ؟ قَالَ: نَعَمْ. قُلْنَا بِمَ كُنْتُمْ تَعْرِفُونَ ذَلِكَ قَالَ: بِاضْطِرَابِ لِحْيَتِهِ

Maksudnya: “Adakah Rasulullah SAW membaca sesuatu ketika bersolat Zuhur dan Asar? Dia menjawab: Ya. Kami bertanya lagi: Bagaimanakah kamu tahu dia membacanya? Jawab Khabbab: Dengan gerak janggutnya.”

Riwayat al-Bukhari (713)

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

فِي كُلِّ صَلَاةٍ يُقْرَأُ، فَمَا أَسْمَعْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَا أَخْفَى عَنَّا أَخْفَيْنَا عَنْكُمْ

Maksudnya: “Setiap kali bersolat, Baginda membaca sesuatu. Apa-apa yang Baginda perdengarkan kepada kami, kami perdengarkannya kepada kamu dan apa-apa yang Baginda tidak perdengarkan kepada kami, kami tidak perdengarkan kepada kamu.”

Riwayat al-Bukhari (738) dan Muslim (396)

Para sahabat R.Anhum tidak ada yang meriwayatkan tentang menyaringkan bacaan selain daripada tempat-tempat tersebut. Sementara dalil-dalil bagi solat-solat yang tertentu akan dikemukakan kemudian. Orang-orang yang bersolat sunat Mutlaq pada waktu malam hendaklah menyederhanakan bacaannya di antara perlahan dan nyaring. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَأَبْتَعِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

Maksudnya: Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.

(Surah al-Isra’: 110)

Maksud solat dalam ayat di atas ialah solat sunat pada waktu malam.

Ketujuh: Mengucapkan Amin ketika selesai bacaan *fatihah*.

Selepas firman Allah SWT (وَلَا الضَّالِّينَ), diikuti dengan perkataan *Amin* yang bermaksud: *Wahai Tuhan, perkenankanlah*.

Setiap orang yang bersolat sunat mengucapkan *Amin* dengan nyaring pada semua solat yang dinyaringkan bacaan dan dengan perlahan pada solat yang diperlahankan bacaan, manakala makmum pula menyaringkannya mengikut imam. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَالَ أَحَدُكُمْ آمِينَ. وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ مُسْلِمٍ: فِي الصَّلَاةِ آمِينَ، وَقَالَتِ الْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ: آمِينَ، فَوَافَقَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Maksudnya: Apabila seseorang di kalangan kamu mengucapkan *Amin*. Riwayat Muslim menyebut ketika bersolat, para malaikat di langit juga mengucapkan *Amin*. Jika bertepatan kedua-duanya, maka diampuni dosa-dosanya yang terdahulu.

Riwayat al-Bukhari (748) dan Muslim (410)

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA berkata:

إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمَّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينَهُ تَأْمِينِ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Apabila imam mengucapkan *Amin* kamu ucapkanlah *Amin*. Sesiapa yang *Aminnya* bertepatan dengan *Amin* para malaikat, akan diampuni dosa-dosanya yang terdahulu.”

Begitu juga hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَلَا (غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ) قَالَ: آمِينَ. حَتَّى يَسْمَعَ مَنْ يَلِيهِ مِنَ الصَّفِّ الْأَوَّلِ

Maksudnya: “Apabila Rasulullah SAW membaca (غَيْرِ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا (الصَّالِينَ), Baginda berkata Amin sehingga terdengar oleh orang yang berada dalam saf yang pertama di belakang Baginda.”

Riwayat Abu Daud (934)

Hadith riwayat Ibn Majah pula menambah:

فَيَرْتَجُّ بِهَا الْمَسْجِدُ

Maksudnya: “Sehingga masjid bergema dengan laungannya.”

Riwayat Ibn Majah (853)

Kelapan: Membaca al-Quran setelah bacaan *fatihah*

Sunat membaca satu surah daripada al-Quran sekalipun ayat yang pendek atau membaca tiga ayat al-Quran yang berurutan. Bacaan ini sunat bagi imam dan orang yang bersolat sendirian pada dua rakaat yang pertama sahaja bagi setiap solat. Sementara makmum juga sunat membacanya pada solat yang diperlahankan bacaan atau sekiranya dia berada jauh daripada imam dan tidak kedengaran bacaannya.

Sunat membaca ayat-ayat yang panjang pada solat Subuh dan Zuhur seperti surah *al-Hujurat* dan surah *al-Rahman*, membaca ayat-ayat surah yang sederhana panjang ketika menunaikan solat Asar dan Isya' seperti surah *al-Syams* dan surah *al-Lail* dan membaca ayat-ayat surah yang pendek ketika solat Maghrib seperti surah *al-Ikhlash*.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sulaiman bin Yasar, bahawa Abu Hurairah RA berkata:

مَا صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَحَدٍ أَشْبَهَ صَلَاةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فُلَانٍ فَصَلَّيْنَا وَرَاءَ ذَلِكَ الْإِنْسَانِ. كَانَ يُطِيلُ الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَيُخَفِّفُ الْأُخْرَيَيْنِ وَيُخَفِّفُ الْعَصْرَ

وَيَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِقِصَارِ الْمَفْصَلِ وَيَقْرَأُ فِي الْعِشَاءِ بِالشَّمْسِ وَضُحَاهَا وَأَشْبَاهَهَا، وَيَقْرَأُ فِي الصُّبْحِ بِسُورَتَيْنِ طَوِيلَتَيْنِ

Maksudnya: “*Aku tidak pernah mengikuti solat yang lebih menyerupai solat Rasulullah SAW selain daripada solat orang ini. Ketika kami bersolat di belakangnya dia memanjangkan dua rakaat yang pertama solat Zuhur dan menyederhanakan dua rakaat yang akhirnya. Dia juga menyederhanakan solat Asar manakala Maghrib pula dia membaca ayat yang pendek. Ketika solat Isya’ dia membaca surah al-Syams dan yang seumpamanya manakala pada solat Subuh pula dia membaca dua surah yang panjang.*”

Riwayat al-Nasaie (2/167)

Ketika solat Subuh pada hari Jumaat sunat membaca (أَلَمْ تَنْزِيلُ), iaitu surah *al-Sajdah* pada rakaat yang pertama, dan (هَلْ أَتَى), iaitu surah *al-Insan* pada rakaat yang kedua.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْجُمُعَةِ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ (الم * تَنْزِيلُ) السَّجْدَةَ وَ (هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ)

Maksudnya: “*Nabi SAW ketika bersolat Subuh pada hari Jumaat membaca surah al-Sajdah dan surah al-Insan.*”

Riwayat al-Bukhari (851) dan Muslim (880)

Sunat memanjangkan rakaat yang pertama lebih daripada rakaat yang kedua pada semua solat. Hal ini berdasarkan hadith:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُطَوِّلُ فِي الْأُولَى وَيُقْصِرُ فِي الثَّانِيَةِ

Maksudnya: “*Nabi SAW memanjangkan rakaat yang pertama dan memendekkan rakaat yang kedua.*”

Riwayat al-Bukhari (725) dan Muslim (451)

Kesembilan: Bertakbir ketika perpindahan (الانتقالات) rukun.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa *takbiratul ihram* ialah rukun, dan solat tidak sah tanpanya. Apabila mengerjakan solat dan mengucapkan takbiratul ihram sunat pula mengucapkan takbir yang sama ketika perpindahan antara rukun melainkan apabila bangkit daripada ruku' tidak sunat bertakbir kecuali mengucapkan (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ) sebagai gantinya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ يُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرُكِعُ، ثُمَّ يَقُولُ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. حِينَ يَرْفَعُ صُلْبَهُ مِنَ الرَّكْعَةِ، ثُمَّ يَقُولُ وَهُوَ قَائِمٌ: رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَهْوِي، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَسْجُدُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، ثُمَّ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي الصَّلَاةِ كُلِّهَا حَتَّى يَقْضِيَهَا، وَيُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ مِنَ الشَّتَيْنِ بَعْدَ الْجُلُوسِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW apabila bersolat Baginda bertakbir ketika berdiri, dan ketika ruku'. Kemudian Baginda berkata (سمع الله لمن حمده) ketika bangun daripada ruku' dan berkata pula: (ربنا ولك الحمد) ketika telah berdiri tegak. Kemudian Baginda bertakbir ketika turun sujud, ketika mengangkat kepala bangun daripada sujud, ketika sujud kali yang kedua dan ketika bangun semula daripada sujud. Seterusnya Baginda melakukan demikian pada keseluruhan solat itu sehingga selesai dan Baginda bertakbir pula ketika bangun daripada tasyahhud awal.”

Riwayat al-Bukhari (756) dan Muslim (392)

Kesepuluh: Bertasbih ketika ruku' dan sujud.

Caranya adalah dengan berkata (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ) sebanyak tiga kali setelah ruku' dengan sempurna dan berkata (سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ) sebanyak tiga kali setelah sujud dengan sempurna. Demikianlah sekurang-kurangnya bilangan tasbih yang sempurna namun jika bilangannya ditambah lebih daripada tiga kali adalah lebih baik.

Kesebelas: Meletakkan kedua-dua belah tangan di atas dua peha pada kedua-dua duduk *tasyahhud*.

Caranya ialah dengan meletakkan tangan kiri yang terbuka serta merapatkan jari-jari menyamai pangkal lutut manakala tangan kanan pula digenggam kecuali jari telunjuk dilepaskan tunduk pada permulaan *tasyahhud*. Angkat jari telunjuk ketika mengucapkan (إِلَّا اللَّهُ) sebagai isyarat tauhid dan sunat diteruskan begitu tanpa digerak-gerakkan hingga akhir solat.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma menceritakan cara duduk Rasulullah SAW berkata:

كَانَ إِذَا جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ وَضَعَ كَفَّهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ الَّتِي تَلِي الْإِبْهَامَ وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى

Maksudnya: “Apabila duduk ketika bersolat Baginda meletakkan tapak tangan kanannya di atas peha kanan, dan menggenggam semua jarinya serta menunjuk dengan jari telunjuk dan meletakkan tapak tangan kirinya di atas peha kiri.”

Riwayat Muslim (580)

Kedua belas: Duduk *tawarruk* ketika duduk yang akhir dan duduk *iftirasy* pada duduk yang lainnya.

Cara duduk *tawarruk* adalah dengan duduk di atas pinggul kiri sambil menegakkan tapak kaki kanan serta menghulurkan tapak kaki kiri melalui

bawahnya. Sementara duduk *iftirasy* pula ialah duduk di atas buku lali kaki kiri sambil menegakkan tapak kaki kanan di atas hujung jari-jarinya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Humaid al-Sa'idiy, katanya:

أَنَا كُنْتُ أَحْفَظُكُمْ لِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفِيهِ: فَإِذَا جَلَسَ فِي الرُّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى، وَإِذَا جَلَسَ فِي الرُّكْعَةِ الْآخِرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْآخَرَى وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ

Maksudnya: “*Aku lebih teliti daripada kamu tentang solat Rasulullah SAW dalam hadithnya ada menyatakan bahawa apabila duduk dalam dua rakaat Baginda duduk di atas kaki kirinya dan kaki kanan ditegakkan, dan apabila duduk di rakaat yang akhir Baginda menyorongkan kaki kirinya sambil menegakkan tapak kaki kanan dan duduk di atas pinggulnya.*”

Riwayat al-Bukhari (794)

Hadith seterusnya, daripada Abdullah bin al-Zubair R.Anhuma:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَعَدَ فِي الصَّلَاةِ جَعَلَ قَدَمَهُ الْيُسْرَى بَيْنَ فَخْذِهِ وَسَاقِهِ وَفَرَشَ قَدَمَهُ الْيُمْنَى

Maksudnya: “*Apabila duduk ketika bersolat, Rasulullah SAW meletakkan tapak kaki kirinya di antara peha dan betis dan menghamparkan tapak kaki kanannya.*”

Riwayat Muslim (579)

Ketiga belas: Membaca selawat *Ibrahimiyyah* dan berdoa selepas *tasyahhud* akhir.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa berselawat ke atas Nabi SAW merupakan rukun ketika duduk *tasyahhud* akhir yang boleh dilakukan dengan sebarang lafaz selawat ke atas Nabi. Sementara pilihan selawat *Ibrahimiyyah* sebagaimana yang telah disebutkan dahulu adalah sunat.

Apabila selesai membaca selawat tersebut sunat memohon perlindungan daripada azab kubur dan azab neraka atau berdoa apa-apa sahaja yang dikehendaki untuk dirinya sendiri dengan syarat tidak melebihi kadar masa membaca *tasyahhud* dan berselawat ke atas Nabi SAW.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ التَّشَهُّدِ الْآخِرِ فَلْيَتَعَوّذْ بِاللّهِ مِنْ أَرْبَعٍ: مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu selesai *tasyahhud* akhir, dia hendaklah memohon perlindungan dengan Allah daripada 4 perkara: Daripada azab neraka Jahannam, azab kubur, pancaroba hidup dan mati, dan bencana Dajjal.”

Riwayat Muslim (558)

Keempat belas: Mengucap salam yang kedua.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa mengucap salam yang pertama adalah rukun yang dilakukan sambil berpaling ke kanan, dan apabila melakukannya maka selesailah semua rukun dan wajib bagi solat tersebut. Namun begitu sunat ditambah dengan salam yang lain sambil berpaling ke kiri. Hal ini berdasarkan, daripada Sa’ad RA, katanya:

كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ

Maksudnya: “Aku melihat Rasulullah SAW mengucapkan salam ke kanan dan ke kiri sehingga kelihatan putih pipinya.”

Riwayat Muslim (582)

Hadith seterusnya, daripada Ibn Mas'ud RA, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengucapkan (السلام عليكم ورحمة الله) ke kanan dan (السلام عليكم ورحمة الله) ke kiri sehingga kelihatan putih pipinya.”

Riwayat Abu Daud (996) dan yang lainnya

Imam al-Tirmizi mengatakan bahawa hadith Ibn Mas'ud RA adalah hadith bertaraf *hasan sahih*.

Kelima belas: Sentiasa khusyu' pada sepanjang solat.

Pengertian khusyu' ialah kesedaran hati terhadap semua bacaan, zikir dan doa yang dituturkan oleh lidah sambil memerhati serta memikirkannya, menghayati maknanya dan berasa sedang bermunajat kepada Allah SWT.

Sebenarnya khusyu' dengan pengertian ini merupakan perkara yang mesti pada sepanjang masa bersolat dan solat akan terbatal sekiranya kelalaian menyelubungi keseluruhan solat tersebut dari awal hingga ke akhirnya.

Oleh itu mengekalkan khusyu' di semua bahagian solat adalah sunat yang akan menjadikannya lebih sempurna. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Uthman RA, katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ أَمْرٍ مُسْلِمٍ تَحْضُرُهُ صَلَاةٌ مَكْتُوبَةٌ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهَا وَخُشُوعَهَا وَرُكُوعَهَا إِلَّا
كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا قَبْلَهَا مِنَ الذُّنُوبِ مَا لَمْ يُؤْتِ كَبِيرَةً وَذَلِكَ الدَّهْرَ كُلَّهُ

Maksudnya: “Seseorang Islam ketika tiba waktu solat fardhu, lalu dia berwudhu' dengan sempurna khusyu' dan bersolat dengan sempurna, solat tersebut akan menutup dosa-dosa yang terdahulu selagi dia tidak melakukan

dosa besar. Demikianlah seterusnya sepanjang zaman kerana mengulangi solat pada setiap hari.”

Riwayat Muslim (228)

Semua sunat yang telah dinyatakan ini dinamakan sunat *hai'ah*. Jika orang yang bersolat bersolat meninggalkannya tidaklah sunat menggantikannya dengan sujud *sahwi*. Hal ini berlainan dengan sujud *ab'adh* yang tertinggal, sunat menggantikannya dengan sujud *sahwi*.

Sunat Selepas Solat

Selepas bersolat sunat melakukan perkara-perkara yang berikut:

Pertama: Memohon keampunan (إستغفار) berzikir dan berdoa. Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَنْصَرَفَ مِنْ صَلَاتِهِ اسْتَعْفَرَ ثَلَاثًا وَقَالَ: اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: “Apabila Nabi SAW selesai menunaikan solat, Baginda beristighfar kepada Allah SWT sebanyak tiga kali, dan membaca ayat yang maksudnya: Ya Allah! Engkaulah yang bersifat sejahtera dan daripada Engkaulah kesejahteraan. Maha Suci Engkau wahai Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.”

Riwayat Muslim (591)

Tiada halangan bagi imam beristighfar dan berzikir dengan nyaring untuk tujuan mengajar makmum dan perlahankanlah suara apabila mereka telah mengetahuinya. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّ رَفَعَ الصَّوْتِ بِالذِّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Dia memberitahu bahawa berzikir dengan nyaring ketika orang ramai selesai bersolat fardhu adalah amalan sejak zaman Rasulullah SAW.”

Riwayat al-Bukhari (805) dan Muslim (583)

Hadith seterusnya, daripada Ka'ab bin 'Ujrah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مُعَقَّبَاتٌ لَا يَخِيبُ قَاتِلُهُنَّ دُبْرَ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ ثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ تَسْبِيحَةً وَثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ تَحْمِيدَةً وَثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ تَكْبِيرَةً

Maksudnya: “Zikir-zikir sampingan yang tidak akan mengecewakan pengamalinya selepas setiap solat fardhu ialah tiga puluh tiga kali tasbih, tiga puluh tiga kali tahmid dan tiga puluh tiga kali takbir.”

Riwayat Muslim (596)

Begitu juga hadith Abu Hurairah RA:

وَكَبَّرَ اللَّهُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ فَتِلْكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ

Maksudnya: “Dan dia bertakbir sebanyak tiga puluh tiga kali. Semuanya berjumlah sembilan puluh sembilan kali dan dia mencukupkannya seratus dengan zikir yang bermaksud tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya selain Allah yang Maha Esa, yang tiada sekutunya, yang mempunyai segala kuasa dan pujian dan maha berkuasa ke atas sesuatu akan diampunkan dosa-dosanya yang kecil walaupun sebanyak buih di laut.”

Riwayat Muslim (597)

Hadith yang lain pula, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِي دُبْرِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَهُوَ ثَانِي رَجَلَيْهِ قَبْلَ أَنْ يَتَكَلَّمَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحِبِّي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ عَشْرَ مَرَّاتٍ كُتِبَ لَهُ عَشْرُ حَسَنَاتٍ وَمُحِيَ عَنْهُ عَشْرُ سَيِّئَاتٍ وَرُفِعَ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ وَكَانَ فِي يَوْمِهِ ذَلِكَ كُلُّهُ فِي حِرْزٍ مِنْ كُلِّ مَكْرُوهٍ وَحَرَسٍ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca zikir yang maksudnya Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya selain Allah yang Maha Esa yang tiada sekutunya yang mempunyai segala kuasa dan pujian yang menghidup dan mematikan dan yang Maha Berkuasa atas sesuatu sebanyak sepuluh kali selepas solat Subuh dalam keadaan masih duduk dan sebelum berkata-kata akan ditulis baginya sepuluh kebaikan, dihapuskan daripadanya sepuluh keburukan, diangkatkan kedudukannya sepuluh darjat dan terpelihara sepanjang hari itu daripada segala yang tidak disukainya dan daripada gangguan syaitan.”

Riwayat al-Tirmizi (3470)

Hadith yang lain lagi, daripada Mu’az bin Jabal RA, Rasulullah SAW memegang tangannya dan bersabda:

يَا مُعَاذُ، وَاللَّهِ إِنِّي لِأُحِبُّكَ. فَقَالَ: أَوْصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدْعَنَّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ:
اللَّهُمَّ أَعْنِي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksudnya: “Wahai Muaz! Demi Allah, aku menyayangimu. Baginda seterusnya bersabda aku amanatkan kepadamu wahai Muaz supaya jangan meninggalkan bacaan doa selepas setiap solat fardhu yang maksudnya: Ya Allah! Berilah daku pertolongan untuk mengingati-Mu, bersyukur dan melakukan ibadat kepada-Mu dengan sempurna.”

Riwayat Abu Daud (1522)

Terdapat banyak doa dan zikir selepas solat sama ada untuk semua solat atau solat-solat tertentu yang boleh didapati daripada buku-buku hadith dan buku-buku tentang zikir.

Kedua: Beralih tempat bersolat fardhu untuk melakukan solat sunat supaya banyak tempat sujud yang akan menjadi saksi.

Orang yang telah selesai bersolat fardhu di masjid, *afdhal* beralih tempat melakukan solat sunat di rumahnya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Nabi SAW bersabda:

فَصَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ، فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا الْمَكْتُوبَةَ

Maksudnya: “Bersolatlah kamu semua di rumah kamu. Sesungguhnya solat yang afdhal ialah solat seseorang di rumahnya kecuali solat fardhu.”

Riwayat al-Bukhari (698) dan Muslim (781)

Hadith seterusnya, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَضَى أَحَدُكُمْ صَلَاتَهُ فِي مَسْجِدِهِ فَلْيَجْعَلْ لِبَيْتِهِ نَصِيبًا مِنْ صَلَاتِهِ فَإِنَّ اللَّهَ جَاعِلٌ مِنْ صَلَاتِهِ خَيْرًا

Maksudnya: “Apabila seseorang di kalangan kamu telah menunaikan solat di masjid, pastikanlah rumahnya juga mendapat habuan daripada solatnya. Sesungguhnya Allah menjadikan kebaikan daripada solatnya itu.”

Riwayat Muslim (778)

Ketiga: Mendahulukan jemaah perempuan bersurai selepas solat. Selepas bersolat, sunat bagi jemaah lelaki terus berada di tempat masing-masing hingga semua jemaah perempuan bersurai. Ini kerana bercampur gaul dengan mereka merupakan punca kerosakan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Salamah R.Anha:

أَنَّ النِّسَاءَ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُنَّ إِذَا سَلَّمْنَ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ قُمنَ، وَتَبَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَنْ صَلَّى مِنَ الرِّجَالِ مَا شَاءَ اللَّهُ، فَإِذَا قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ الرِّجَالُ

Maksudnya: “Perempuan-perempuan pada zaman Rasulullah SAW setelah mengucapkan salam mengakhiri solat fardhu, mereka terus bangun sedangkan Rasulullah SAW dan para jemaah lelaki terus duduk sehingga Rasulullah SAW bangun barulah mereka bangun.”

Riwayat al-Bukhari (828)

Dalam riwayat yang lain daripada Ummu Salamah R.Anha berkata:

إِذَا سَلَّمَ قَامَ النِّسَاءُ حِينَ يَقْضَى تَسْلِيمَهُ، وَيَمْكُثُ هُوَ فِي مَقَامِهِ يَسِيرًا قَبْلَ أَنْ يَقُومَ

Maksudnya: “Apabila Rasulullah SAW mengucapkan salam, para jemaah perempuan terus bangun ketika Baginda sedang mengucapkannya dan kemudian Baginda terus duduk sekejap di tempatnya sebelum bangun.”

Riwayat al-Bukhari (832)

Ibn Syihab al-Zahri seorang periwayat hadith berkata: “Kami memahami perbuatan Baginda tersebut bertujuan supaya jemaah perempuan beredar terlebih dahulu sebelum bertembung dengan seseorang daripada jemaah lelaki.”

MAKRUH DALAM SOLAT

Kaedah

Pada asasnya, setiap yang bertentangan dengan perkara-perkara sunat sebagaimana yang dinyatakan dahulu adalah termasuk dalam kategori makruh.

Makruh dalam solat ialah perkara yang diberi pahala kepada orang yang bersolat kerana patuh meninggalkannya, dan tidak pula berdosa melakukannya.

Meninggalkan takbir ketika perpindahan antara rukun dan meninggalkan doa *iftitah* ketika bersolat adalah makruh kerana melakukan kedua-duanya adalah sunat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perlakuan tertentu yang lain sunat dijaui dan makruh dilakukan oleh orang yang bersolat, antaranya ialah:

Pertama: Menolehkan Kepala Ketika Bersolat Kecuali dengan Sebab yang Diperlukan

Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda:

لَا يَزَالُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مُقْبِلًا عَلَى الْعَبْدِ وَهُوَ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ فَإِذَا انْتَصَرَ عَنْهُ

Maksudnya: “Allah SWT sentiasa berhadapan dengan hamba-Nya yang bersolat selagi dia tidak menoleh, dan apabila dia menoleh Allah SWT pun berpaling daripadanya.”

Riwayat Abu Daud (909) dan yang lainnya

Hadith seterusnya:

بَيْنَ النَّبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ الْإِلْتِفَاتِ إِنَّمَا هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ

Maksudnya: “Nabi SAW menerangkan bahawa menoleh itu merupakan pencurian yang dilakukan oleh syaitan daripada solat seseorang.”

Riwayat al-Bukhari (718)

Perbuatan menoleh tersebut juga menghilangkan khusyu’ yang dituntut ketika bersolat. Sebaliknya jika ada sebab berbuat demikian seperti untuk memerhatikan musuh, perbuatan tersebut tidaklah makruh.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sahal bin Hanzhaliyah, katanya:

ثُوبٌ بِالصَّلَاةِ يَعْنِي صَلَاةَ الصُّبْحِ فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَهُوَ يَلْتَفِتُ إِلَى الشَّعْبِ. قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَكَانَ أَرْسَلَ فَارِسًا إِلَى الشَّعْبِ مِنَ اللَّيْلِ يَحْرُسُ

Maksudnya: “Telah diserukan azan solat Subuh, lalu Rasulullah SAW bersolat sambil menoleh ke arah celah-celah bukit.” Abu Daud berkata: “Baginda telah menghantar pengawal berkuda ke situ sejak malamnya untuk berkawal.”

Riwayat Abu Daud (916) dengan sanad yang sahih

Semua yang dinyatakan di atas adalah tentang menolehkan kepala sahaja. Adapun menoleh sehingga memalingkan dada daripada kiblat akan membatalkan solat kerana meninggalkan rukun menghadap kiblat. Namun tidak mengapa sekiranya melihat dengan jelingan mata sahaja tanpa menoleh. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ali bin Syaiban RA, katanya:

قَدَّمْنَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَلَّيْنَا مَعَهُ فَلَمَحَ بِمُؤَخَّرِ عَيْنِهِ رَجُلًا لَا يُقِيمُ صَلَاتَهُ فِي الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ فَقَالَ: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يُقِيمِ صَلَاتَهُ

Maksudnya: “Kami menemui Rasulullah SAW dan bersolat bersamanya. Baginda ternampak melalui jelingan matanya seorang lelaki seorang yang tidak menetapkan punggungnya ketika rukuk dan sujud. Baginda bersabda: Tidak sempurna solat orang yang tidak menetapkan punggungnya.”

Riwayat Ibn Hibban (500) dalam Sahihnya

Hal ini bermaksud tidak tetap seketika (طَمَآنِينَةً) semasa ruku'nya.

Kedua: Memandang ke atas

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا بَالُ أَقْوَامٍ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي صَلَاتِهِمْ. فَاشْتَدَّ قَوْلُهُ فِي ذَلِكَ حَتَّى قَالَ:
لِيَتَّهَنَنَّ عَنْ ذَلِكَ أَوْ لِيُخَطَفَنَّ أَبْصَارُهُمْ

Maksudnya: “Apa halnya orang yang memandang ke atas langit ketika bersolat? Kemudian Baginda bersabda lagi: Mereka hendaklah menghentikan perbuatan itu atau penglihatan mereka akan dihapuskan.”

Riwayat al-Bukhari (717) dan Muslim (428) dan (429) daripada Jabir bin Samurah dan Abu Hurairah R.Anhuma

Ketiga: Mengusap Rambut dan Melipat-melipat Hujung Pakaian Ketika Bersolat. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Nabi SAW bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ وَلَا أَكُفَّ ثَوْبًا وَلَا شَعْرًا

Maksudnya: “Aku disuruh sujud dengan tujuh anggota dan tidak mengusap-ngusap pakaian dan rambut.”

Riwayat al-Bukhari (777) dan Muslim

Yang sunat ialah membiarkan sahaja pakaian itu dengan seadanya.

Keempat: Bersolat Berhampiran Hidangan yang Menyelerakan

Makruh bersolat dalam keadaan demikian kerana tumpuannya kepada hidangan tersebut akan menghilangkan khusyu'.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءُ أَحَدِكُمْ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَابْدُؤُوا بِالْعَشَاءِ وَلَا يَعْجَلْ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila makan malam kamu telah terhidang sedang iqamah solat juga telah selesai, kamu mulakanlah makan dan usahlah tergesa-gesa sehingga kamu selesai daripadanya.”

Riwayat al-Bukhari (642) dan Muslim (559)

Kelima: Bersolat sambil Menahan Buang Air Kecil atau Besar

Bersolat dalam keadaan tersebut tidak mungkin dapat disempurnakan dengan khusyu' dan penuh tumpuan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ

Maksudnya: “Tiada solat di samping makanan yang terhidang. Demikianlah juga orang yang menahan buang air kecil atau air besar.”

Riwayat Muslim (560)

Maksud *tiada solat* dalam hadith tersebut ialah *tidak sempurna solat*.

Keenam: Bersolat Ketika Sangat Mengantuk

Orang yang bersolat dalam keadaan tersebut tidak terlepas daripada kemungkinan bacaan yang tidak tepat dan terlupa membacanya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّي فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ التَّوَمُّ، فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ نَاعِسٌ لَا يَدْرِي لَعَلَّهُ يَسْتَغْفِرُ فَيَسُبُّ نَفْسَهُ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu berasa mengantuk ketika bersolat dia hendaklah tidur sehingga mengantuknya hilang. Ini kerana jika dia terus bersolat dalam keadaan itu, mungkin dia ingin memohon keampunan lalu memaki dirinya sendiri.”

Riwayat al-Bukhari (209) dan Muslim (786)

Ketujuh: Solat di tempat-tempat berikut

Tempat-tempat tersebut ialah bilik air, jalan, pasar, kawasan perkuburan, gereja, kawasan pembuangan sampah dan kandang unta. Ini kerana dikhuatiri terdapat najis di sesetengah tempat tersebut dan perasaan tidak selesa di sesetengah bahagian yang lainnya.

Hal ini berdasarkan larangan yang terdapat dalam hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الصَّلَاةِ فِي الْمَنْزِلَةِ وَالْمَجْزَرَةِ وَالْمَقْبَرَةِ وَقَارِعَةِ الطَّرِيقِ وَفِي الْحَمَّامِ وَفِي مَعَاظِنِ الْإِبِلِ وَفَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ

Maksudnya: “Nabi SAW melarang bersolat di tempat buangan sampah, tempat sembelihan, kawasan perkuburan, di jalan-jalan, di dalam bilik air, kandang unta dan di atas Kaabah.”

Riwayat al-Tirmizi (346)

Walau bagaimanapun al-Tirmizi mengatakan bahawa sanad hadith ini tidak berapa kukuh. Terdapat juga hadith yang lain.

الْأَرْضُ مَسْجِدٌ إِلَّا الْمَقْبَرَةَ وَالْحَمَّامَ

Maksudnya: “Seluruh bumi ini adalah tempat sujud kecuali tanah perkuburan dan bilik air.”

Riwayat Ibn Hibban (338)

Begitu juga hadith:

لَا تُصَلُّوا فِي أَعْطَانِ الْإِبِلِ

Maksudnya: “*Janganlah kamu bersolat di kandang unta.*”

Riwayat Ibn Hibban (336), al-Tirmizi (348) dan yang lainnya

Maksud *kandang unta* ialah tempat unta berkumpul dan berehat di sekeliling air.

PERBEZAAN CARA SOLAT PEREMPUAN DENGAN SOLAT LELAKI

Sunat bagi perempuan yang bersolat melakukan cara yang berbeza daripada lelaki pada lima perkara:

Pertama: Merapatkan anggotanya antara satu dengan yang lain ketika sujud, iaitu merapatkan dua siku ke rusuk dan melekapkan perut ke pehanya. Berlainan dengan lelaki, mereka sunat merenggangkan kedua-dua belah siku daripada rusuknya dan menjarakkan perut daripada dua pehanya.

Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW berjalan berhampiran dua orang perempuan yang bersolat, lalu Baginda bersabda:

إِذَا سَجَدْتُمْ فَضُمَّمَا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الْأَرْضِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيَسْتَفِي ذَلِكَ كَالرَّجُلِ

Maksudnya: “Apabila sujud rapatkanlah sebahagian badan kamu ke lantai kerana orang perempuan tidak sama cara sujudnya sebagaimana orang lelaki.”

Riwayat al-Baihaqi (2/232)

Kedua: Memperlahankan suara walaupun ketika bersolat yang bacaannya nyaring (جهر) sekiranya bersolat di tempat yang ada lelaki bukan mahram kerana dikhuatiri menimbulkan fitnah.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ

Maksudnya: Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu).

(Surah al-Ahzab: 32)

Tegahan dalam ayat di atas menunjukkan bahawa suara perempuan boleh menimbulkan fitnah. Oleh itu, mereka dituntut memperlahankan suara ketika bersama-sama lelaki yang bukan mahram. Keadaan ini berbeza dengan orang lelaki yang sunat menyaringkan suara pada solat-solat yang nyaring bacaannya.

Ketiga: Orang perempuan yang ingin mengingatkan orang lain untuk sebarang tujuan tentang sesuatu yang berlaku ketika hendak bersolat bertepuk tangan dengan cara menepuk tangan kanan ke atas belakang tangan kirinya. Sementara orang lelaki pula hanya bertasbih dengan suara yang kuat tetapi bukan dengan tujuan memberi ingatan.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sahal bin Sa'ad RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى شَيْءًا فِي صَلَاتِهِ فَلْيَسِّحْ، فَإِنَّهُ إِذَا سَبَّحَ التَّيْتِ إِلَيْهِ، وَإِنَّمَا التَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meragui sesuatu ketika solat hendaklah bertasbih. Apabila bertasbih dia akan diberi perhatian sementara bertepuk tangan hanya untuk wanita.”

Riwayat al-Bukhari (652) dan Muslim (421)

Keempat: Sebagaimana yang dinyatakan aurat perempuan adalah seluruh anggota badan melainkan muka dan dua tapak tangan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.

(Surah al-Nur: 31)

Pendapat yang masyhur di kalangan ulama' menyatakan bahawa maksud *perhiasan* ialah tempat-tempat perhiasan tersebut, dan maksud *yang zahir daripadanya* ialah muka dan tapak tangan.

Begitu juga hadith, daripada Ummu Salamah R.Anha, dia bertanya kepada Nabi SAW:

أَتَصَلَّى الْمَرْأَةُ فِي دِرْعٍ وَخِمَارٍ لَيْسَ عَلَيْهَا إِزَارٌ قَالَ: إِذَا كَانَ الدَّرْعُ سَابِعًا يُعْطَى ظُهُورَ قَدَمَيْهَا

Maksudnya: “Adakah perempuan bersolat dengan pakaian baju labuh dan tudung kepala sahaja tanpa memakai kain? Sabda Baginda: Apabila baju itu labuh hingga menutup bahagian yang zahir daripada dua tapak kakinya.”

Riwayat Abu Daud (640) dan yang lainnya

Adalah jelas apabila pakaian itu menutup bahagian atas tapak kaki ketika berdiri dan ruku’ sudah tentu ia akan berjela ketika sujud dan menutup tapak kaki kerana kain itu labuh ke bawah.

Adapun aurat lelaki ialah bahagian di antara pusat dan lutut. Ini bererti sah solat orang yang hanya menutup bahagian anggota badannya dari pusat hingga ke lutut. Hal ini berdasarkan *hadith marfu’*:

مَا فَوْقَ الرُّكْبَتَيْنِ مِنَ الْعَوْرَةِ، وَمَا أَسْفَلَ مِنَ السُّرَّةِ مِنَ الْعَوْرَةِ

Maksudnya: “Anggota sebelah atas dua lutut dan bawah dari pusat adalah aurat.”

Riwayat al-Daraqutni (1/231) dan al-Baihaqi (2/229)

Begitu juga hadith, daripada Jabir RA, dia bersolat dengan memakai sehelai pakaian, katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW bersolat dengan memakai sehelai pakaian.”

Riwayat al-Bukhari (346)

Sementara riwayat yang lain pula menyebut:

صَلَّى جَابِرٌ فِي إِزَارٍ قَدْ عَقَدَهُ مِنْ قِبَلِ قَفَاهُ

Maksudnya: “Jabir bersolat dengan memakai sehelai kain yang diikat ke bahagian belakangnya.”

Riwayat al-Bukhari (345)

Menurut kebiasaan, kain ialah pakaian yang menutup bahagian tengah badan yang meliputi anggota di antara pusat dan lutut dan bahagian anggota yang berhampiran dengan kedua-duanya.

Kelima: Azan tidak sunat bagi orang perempuan namun sunat baginya iqamah sahaja. Walau bagaimanapun tidak makruh jika perempuan azan dengan suara yang perlahan malah ia dianggap sebagai zikir yang berpahala. Tetapi jika azan dengan dengan suara yang kuat hukumnya makruh malah haram pula jika dikhuatiri fitnah. Sebagaimana diketahui azan adalah sunat bagi mereka pada setiap solat fardhu yang akan didirikan.

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

Solat seseorang akan batal apabila melakukan satu daripada perkara yang berikut:

i. Berkata-kata dengan Sengaja

Kata-kata yang dimaksudkan ialah kata-kata yang lain selain daripada al-Quran, zikir dan doa.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Zaid bin Arqam RA, katanya:

كُنَّا نَتَكَلَّمُ فِي الصَّلَاةِ يُكَلِّمُ أَحَدُنَا أَخَاهُ فِي حَاجَتِهِ حَتَّى نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ (حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَى وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ) فَأَمَرْنَا بِالسُّكُوتِ

Maksudnya: “Kami pernah berbual-bual ketika menunaikan solat. Seorang daripada kami bercakap rakannya tentang keperluannya sehinggalah turun ayat yang maksudnya: Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyu²⁹ lalu kami diperintahkan diam.”

Riwayat Bukhari (4260) dan Muslim (539)

Hadith seterusnya, daripada Mu'awiyah bin Hakam al-Sulami RA, Nabi SAW berdoa kepadanya yang mendoakan seseorang yang bersin ketika bersolat:

إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلِحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ إِئِمَّا هُوَ التَّسْبِيحُ وَالتَّكْبِيرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ

²⁹ Surah al-Baqarah: 238

Maksudnya: “Ini ialah ibadat solat, kata-kata manusia tidak wajar di dalamnya walaupun sedikit. Ia adalah semata-mata untuk bertasbih, bertakbir dan membaca al-Quran.”

Riwayat Muslim (537)

Kata-kata yang dianggap membatalkan solat ialah kata-kata yang mengandungi dua huruf dan lebih walaupun tidak memberi apa-apa pengertian. Begitu juga satu huruf tetapi ia mempunyai makna seperti *qi* (ق) yang bererti *peliharalah*, *ie* (ع) yang bererti *sedarlah*, dan *fi* (ف) yang bererti *tunaikanlah*.

Walau bagaimanapun jika berkata-kata ketika bersolat kerana terlupa atau tidak mengetahui tentang haramnya disebabkan baru memeluk Islam, kedua-duanya dimaafkan sekiranya kata-kata tersebut sedikit, tidak melebihi enam perkataan.

ii. Melakukan Perbuatan yang Banyak

Perbuatan yang dimaksudkan ialah pergerakan yang banyak dan berturut-turut selain daripada perbuatan solat. Ini kerana ia bertentangan dengan peraturan solat. Ukuran perbuatan yang banyak yang membatalkan solat ialah tiga kali pergerakan dan lebih manakala penentuan berturut-turut pula ialah perbuatan yang berturutan pada anggapan umum.

iii. Terkena Najis pada Pakaian atau Badan

Terkena najis bermaksud apabila najis mengenai mana-mana bahagian pakaian atau badan orang yang bersolat. Solatnya batal sekiranya najis tersebut tidak dibuang dengan segera. Ini kerana telah berlaku perkara-perkara yang bertentangan dengan satu daripada syarat solat, iaitu suci badan dan pakaian daripada najis.

Walau bagaimanapun jika terkena najis yang ditiup angin atau sebagainya dan dapat pula dibuang dengan segera kerana najis itu kering, solat tersebut tidaklah batal.

iv. Terbuka Aurat Walaupun Sedikit

Kita telah pun mengetahui sempadan aurat lelaki dan perempuan ketika bersolat. Oleh itu, seseorang yang sengaja membuka auratnya ketika bersolat walaupun sedikit, batallah solatnya tanpa kecuali. Tetapi jika auratnya terbuka tanpa disengajakan, solatnya tidak batal sekiranya ditutup dengan segera. Namun jika lambat ditutup solatnya tetap batal. Ini kerana ketiadaan satu daripada syarat sah solat pada satu bahagian daripada solat tersebut.

v. Makan atau Minum

Makan dan minum adalah bertentangan dengan tingkah laku dan peraturan solat. Justeru, seseorang yang sengaja melakukannya ketika bersolat batallah solatnya walaupun sedikit. Namun jika tidak disengajakan solatnya juga batal jika kadar yang dimakan atau minum itu banyak pada anggapan umum.

Ulama' fiqh menganggarkan kadar *banyak* tersebut ialah apabila kadar keseluruhan yang tertelan menyamai sebiji kacang putih. Walau bagaimanapun solat tidak batal jika tertelan air liur yang bercampur dengan sisa-sisa makanan yang terselit di celah-celah gigi sekiranya tidak sampai kadar tersebut.

Termasuk juga dalam pengertian makanan yang membatalkan solat adalah apabila menelan larutan gula yang ada di dalam mulut.

vi. Berhadass Sebelum Salam yang Pertama

Solat akan batal sama ada berhadass dengan sengaja atau pun terlupa kerana ketiadaan satu daripada syarat solat, iaitu suci daripada hadass sebelum sempurna semua rukunnya. Sebaliknya jika berhadass sekepas salam yang pertama dan sebelum salam yang kedua, solat itu dikira telah telah berakhir dengan sah. Inilah hukum yang disepakati oleh semua orang Islam.

vii. Berdehem, Tertawa, Menangis dan Mengerang jika Terkeluar dengan Jelas Bunyi Dua Huruf daripada Setiap Perbuatan Tersebut

Ukuran yang membatalkan solat bagi empat perkara tersebut adalah apabila berlaku dengan sengaja hingga ternyata bunyi dua huruf walaupun tidak difahami. Tetapi solat tidak batal sekiranya perkara itu sedikit sahaja dan hanya terdengar satu huruf atau tiada apa-apa huruf yang terkeluar.

Begitu juga solat tidak batal apabila ia berlaku secara terdesak seperti terbatuk secara tiba-tiba atau tidak dapat menahan ketawa. Dalam hal ini, tersenyum tidak membatalkan solat. Sebaliknya zikir dan doa akan membatalkan solat apabila ditujukan kepada seseorang seperti menyebut (يَرْحَمُكَ اللَّهُ) yang bermaksud: “*Semoga Allah merahmatimu*” kerana ia dianggap percakapan sesama manusia yang tidak wajar dicampurkan dalam solat.

viii. Berubah Niat

Berubah niat, iaitu membuat keputusan keluar daripada solat atau akan berhenti solat kerana sesuatu sebab seperti kedatangan seseorang atau seumpamanya. Oleh itu, solatnya terus batal sebaik sahaja ada niat tersebut. Hal ini kerana solat tidak sah melainkan dengan niat yang tetap, dan ia bertentangan dengan perubahan tersebut.

ix. Membelakangi Kiblat

Menghadap kiblat adalah salah satu syarat asas daripada syarat-syarat solat. Perbuatan membelakanginya akan membatalkan solat sama ada disengajakan atau dia dipusing oleh orang lain secara paksa.

Dalam keadaan sengaja, solat akan batal serta merta. Manakala dalam keadaan dipaksa pula, solat tidak batal kecuali jika dia terus membelakanginya tanpa segera menghadap kiblat. Penentuan sama ada lama membelakangi kiblat atau tidak ditetapkan oleh tanggapan umum.

SUJUD SAHWI

Pengertian *sahwi* dari segi bahasa ialah lupa atau lalai akan sesuatu, manakala yang dimaksudkan dengan *sahwi* di sini ialah kecacatan solat yang dilakukan seseorang ketika bersolat sama ada disengajakan atau terlupa. Oleh itu sujud ini yang dilakukan di penghujung solat akan menjadi penutup kepada kecacatan tersebut.

Hukum Sujud *Sahwi*

Sunat sujud *sahwi* apabila terjadi satu daripada sebabnya yang akan diterangkan nanti namun solat tidak batal jika tidak melakukannya.

Sujud *sahwi* juga tidak wajib kerana ia tidak disyariatkan bagi meninggalkan perkara yang wajib. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

صَلَّى بِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ أَوْ الْعَصْرَ فَسَلَّمَ، فَقَالَ لَهُ ذُو الْيَدَيْنِ: الصَّلَاةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْقَصَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَحَقُّ مَا يَقُولُ. قَالُوا: نَعَمْ. فَصَلَّى رُكْعَتَيْنِ أُخْرَيَيْنِ ثُمَّ سَجَدَ سَجْدَتَيْنِ

Maksudnya: “Nabi SAW bersolat Zuhur atau Asar bersama-sama kami, kemudian Baginda mengucapkan salam. Lalu Zulyadain bertanya kepada Baginda: Wahai Rasulullah! Adakah engkau menguranginya? Nabi SAW bersabda: Betulkah apa yang dikatakannya itu? Mereka menjawab: Ya! Lalu Baginda bersolat dua rakaat lagi, kemudian Rasulullah SAW sujud pula sebanyak dua kali.”

Riwayat al-Bukhari (1169)

Sebab-sebab Sujud *Sahwi*

Pertama: Meninggalkan satu daripada sunat *Ab'adh* seperti *tasyahhud* yang pertama dan qunut.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Buhainah RA, katanya:

صَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكَعَتَيْنِ مِنْ بَعْضِ الصَّلَوَاتِ ، وَفِيهِ الرِّوَايَةُ :
 قَامَ مِنْ أَنْتَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ ثُمَّ قَامَ فَلَمْ يَجْلِسْ ، فَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ ، فَلَمَّا قَضَى صَلَاتَهُ وَنَظَرْنَا
 تَسْلِيمَهُ كَبَّرَ قَبْلَ التَّسْلِيمِ فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ وَهُوَ جَالِسٌ ثُمَّ سَلَّمَ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersolat hanya dua rakaat daripada sebahagian solat bersama-sama kami. Dalam riwayat yang lain pula menyatakan bahawa Baginda melakukan dua rakaat daripada solat Zuhur, kemudian terus bangun dan tidak duduk, lalu orang-orang ramai pun turut bangun bersama-sama Baginda. Tatkala Baginda mengakhiri solat dan kami menanti-nantikan salamnya, Baginda bertakbir sebelum salam, lalu sujud sebanyak dua kali ketika Baginda masih duduk. Kemudian barulah Baginda mengucapkan salam.”

Riwayat al-Bukhari (1166) dan Muslim (570)

Hadith yang lain pula, daripada Mughirah bin Syu'bah katanya, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ مِنَ الرَّكَعَتَيْنِ فَلَمْ يَسْتَيْمِمْ قَائِمًا فَلْيَجْلِسْ فَإِذَا اسْتَيْمِمْ قَائِمًا فَلَا يَجْلِسْ
 وَيَسْجُدْ سَجْدَتَيْ السَّهْوِ

Maksudnya: “Apabila seseorang di kalangan kamu terus bangun dari dua rakaat dan belum sempurna berdiri lagi dia hendaklah duduk semula, dan apabila telah sempurna beridiri janganlah duduk lagi tetapi hendaklah sujud sahwi dua kali.”

Riwayat Ibn Majah (1208) Abu Daud (1036) dan selainnya

Kedua: Meragui bilangan rakaat.

Seseorang yang meragui bilangan rakaat yang dilakukannya hendaklah mengambil kira bilangan yang sedikit dan menyempurnakan bakinya, kemudian hendaklah sujud sahwi sebagai penutup kepada kesilapan yang

berlaku kerana kemungkinan dia telah menambah bilangan rakaat dalam solatnya.

Contohnya, jika seseorang berasa ragu-ragu sama ada telah bersolat Zuhur tiga atau empat rakaat sedangkan dia masih dalam solat tersebut, dia hendaklah mengambil kira telah bersolat tiga rakaat dan menambah satu rakaat lagi, kemudian sujud *sahwi* sebagai penutup kepada kesilapannya kerana kemungkinan dia telah bersolat Zuhur lima waktu.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Sa'id RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحِ الشُّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعَنَ لَهُ صَلَاتُهُ وَإِنْ كَانَ صَلَّى إِيْتِمَامًا لِأَرْبَعٍ كَانَتْ تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ

Maksudnya: “Apabila seseorang di kalangan kamu berasa ragu-ragu ketika menunaikan solat, tidak pasti berapa rakaat yang telah dilakukannya sama ada tiga atau empat, dia hendaklah membuang keraguan itu dan meneruskan solat berasakan apa yang diyakininya. Kemudian sujudlah sebanyak dua kali sebelum salam. Jika dia telah bersolat lima rakaat maka kesemuanya itu cukup menyempurnakan solatnya, dan jika dia telah mencukupkan empat rakaat maka kedua-dua sujud tersebut menjadi tamparan hebat yang sangat mengecewakan syaitan.”

Riwayat Muslim (571)

Adapun keraguan yang timbul selepas bersolat ia tidak memberi kesan kepada sah dan sempurnanya solat tersebut kecuali keraguan pada niat dan takbiratu al-Ihram. Oleh itu dia wajib mengulanginya.

Makmum yang lupa ketika mengikut imam seperti terlupa *tasyahhud* yang pertama akan ditanggung oleh imam dan dia tidak perlu sujud *sahwi* selepas imam mengucap salam.

Hal ini berdasarkan hadith:

الإِمَامُ ضَامِنٌ

Maksudnya: “*Imam adalah penjamin.*”

Riwayat Ibn Hibban (362) dan beliau mensahihkannya

Ketiga: Tidak sengaja melakukan perbuatan yang ditegah yang jika disengajakan akan membatalkan solat.

Contohnya, seseorang yang bercakap perkataan yang sedikit atau menambah satu rakaat kerana terlupa, kemudian apabila menyedarinya ketika masih dalam bersolat dia hendaklah sujud *sahwi*.

Keempat: Memindahkan sesuatu perbuatan solat sama ada rukun atau sunat *ab'adh* atau surah yang dipindahkan kepada bukan tempatnya.

Contohnya, membaca *fatihah* ketika duduk *tasyahhud*, membaca qunut ketika ruku' atau membaca surah yang sunat selepas *fatihah* ketika *i'tidal*. Oleh hal yang demikian sunat sujud *sahwi* pada akhir solat.

Cara Sujud dan Tempatnya

Sujud *sahwi* ialah sujud sebanyak dua kali sebagaimana sujud-sujud solat dengan niat sujud *sahwi*. Tempatnya ialah pada akhir solat sebelum salam. Jika mengucapkan salam sebelum sujud sama ada dengan sengaja atau terlupa yang agak lama luputlah sujud tersebut. Sebaliknya, jika terlupa sekejap sahaja bolehlah menyambung semula dengan sujud sebanyak dua kali dengan niat sujud *sahwi* dan mengucapkan salam sekali lagi.

SUJUD TILAWAH

Sujud kerana Bacaan

Sujud *Tilawah* adalah sunat bagi orang yang membaca ayat al-Quran yang mengandungi perkataan *Sajdah* sama ada semasa di dalam solat atau di luarnya. Begitu juga bagi orang yang mendengarnya semasa di luar solat.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ عَلَيْنَا السُّورَةَ فِيهَا السَّجْدَةُ، فَيَسْجُدُ وَنَسْجُدُ، حَتَّى مَا يَجِدُ أَحَدُنَا مَوْضِعَ جَبْهَتِهِ

Maksudnya: “Nabi SAW membaca surah yang mengandungi perkataan *Sajdah* kepada kami, lalu Baginda sujud dan kami pun turut sujud sehingga ada di kalangan kami yang tiada tempat untuk meletak dahi.”

Riwayat al-Bukhari (1025)

Begitu juga hadith:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ فَإِذَا مَرَّ بِالسَّجْدَةِ كَبَّرَ وَسَجَدَ وَنَسْجُدُنَا مَعَهُ

Maksudnya: “Nabi SAW membacakan al-Quran kepada kami. Apabila sampai kepada ayat yang mengandungi perkataan *Sajdah*, Baginda bertakbir dan terus sujud. Lalu kami pun turut sujud bersama-sama Baginda.”

Riwayat Abu Daud (1413)

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَرَأَ ابْنُ آدَمَ السَّجْدَةَ فَسَجَدَ اعْتَزَلَ الشَّيْطَانُ يَبْكِي يَقُولُ: يَا وَيْلَهُ، أُمِرَ ابْنُ آدَمَ بِالسُّجُودِ فَسَجَدَ فَلَهُ الْجَنَّةُ وَأُمِرْتُ بِالسُّجُودِ فَعَصَيْتُ فَلِيَ النَّارُ

Maksudnya: “Apabila seseorang membaca ayat yang mengandung perkataan Sajdah lalu dia sujud, syaitan pun mengasingkan diri sambil menangis dan berkata: Hai celakanya! Manusia disuruh sujud lalu dia sujud, maka dia diberi syurga. Tetapi aku telah ingkar apabila diperintahkan sujud maka untukku hanyalah neraka.”

Riwayat Muslim (81)

Hadith yang lain pula, daripada Umar RA, katanya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا نُمَرُّ بِالسُّجُودِ فَمَنْ سَجَدَ فَقَدْ أَصَابَ، وَمَنْ لَمْ يَسْجُدْ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Wahai manusia! Kita membaca ayat Sajdah. Sesiapa yang sujud itulah yang sebetulnya dan sesiapa yang tidak sujud maka tidak pula berdosa.”

Riwayat al-Bukhari (1027)

Hadith yang lain lagi, daripada Ibn Umar R.Anhuma:

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَفْرِضِ السُّجُودَ إِلَّا أَنْ نَشَاءَ

Maksudnya: “Allah SWT tidak memfardhukan kita sujud melainkan atas kehendak kita.”

Riwayat al-Bukhari (1077)

Bilangan Tempat Sujud Tilawah

Dalam al-Quran terdapat 14 tempat sujud tilawah sebagaimana dalam surah-surah yang berikut:

- Sekali dalam tiap-tiap surah *al-A`raf*, *al-Ra`du*, *al-Nahlu*, *al-Isra`* dan *Maryam*.
- Dua kali pada Surah al-Haj.
- Sekali dalam tiap-tiap surah *al-Furqan*, *al-Namlu*, *Alif Lam Mim Tanzil*, *Ha Mim al-Sajdah*, *al-Najmu*, *al-Insyiqaq* dan *al-`Alaq*.

Sesiapa yang hendak sujud tilawah hendaklah bertakbir untuk memulakannya sambil mengangkat kedua-dua belah tangan. Kemudian bertakbir pula tanpa mengangkat tangan lalu terus sujud sekali seperti sujud solat. Kemudian mengucap salam. Oleh itu takbiratu al-Ihram dan salam merupakan dua syarat bagi sujud tilawah di samping syarat-syarat solat yang lain, seperti bersuci, menghadap kiblat dan lain-lain lagi.

SOLAT BERJEMAAH

Sejarah Permulaannya

Nabi SAW mula mendirikan solat berjemaah selepas peristiwa hijrah. Selama 13 tahun berada di Makkah, Baginda menunaikan solat tanpa berjemaah kerana para sahabat terpaksa menunaikan solat di rumah masing-masing. Setelah berpindah ke Madinah barulah Baginda memulakan solat berjemaah dan melakukannya dengan tekun.

Hukum Solat Berjemaah

Menurut pendapat yang sahih, hukum solat berjemaah selain daripada solat Jumaat ialah fardhu *kifayah*.³⁰ Justeru, tuntutan melakukannya tidak gugur daripada semua penduduk setempat sehingga suasana berjemaah itu benar-benar kelihatan wujud di tempat tersebut. Jika tidak dilakukan sama sekali atau dilakukan dalam keadaan yang tidak nyata berdosa semua penduduk, dan pemerintah wajib bertindak mengatasinya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ

Maksudnya: *Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu.*

(Surah al-Nisa': 102)

³⁰ Ulama' dalam mazhab al-Syafie telah *khilaf* dengan hukum solat berjemaah dan juga pendapat lain kepada beberapa pendapat.

- i. **Sunat Muakkad.** Inilah pendapat Imam al-Rafie di dalam kitanya *al-Syarh al-Saghir* dan *al-Muharrar* serta beberapa tokoh ulama' lain dalam Mazhab al-Syafie juga.
- ii. **Fardhu Kifayah.** Inilah pendapat Imam al-Nawawi dan beberapa tokoh ulama' lain dalam mazhab al-Syafie. Mereka menegaskan bahawa solat berjemaah hukumnya fardhu *kifayah* iaitu wajib ke atas lelaki yang merdeka lagi bermukim dan mempunyai pakaian yang menutup aurat.

Perintah dalam ayat di atas adalah berkaitan solat semasa ketakutan. Apabila dalam keadaan ini pun masih disuruh berjema'ah apatah lagi dalam keadaan aman ia lebih utama. Begitu juga hadith, Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya: “Solat berjema'ah melebihi solat bersendirian sebanyak 27 darjat.”

Riwayat al-Bukhari (618) dan Muslim (650)

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ أَوْ بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمُ الْجَمَاعَةُ إِلَّا اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذَّبُّ الْقَاصِيَةَ

Maksudnya: “Apabila terdapat tiga orang di sesebuah kampung atau di kawasan pedalaman tidak mendirikan solat berjema'ah sesama mereka, berjajalah syaitan menguasai mereka. Oleh itu hendaklah kamu berjemaah kerana kambing yang jauh terpencil sahaja yang akan dibaham serigala.”

Riwayat Abu Daud (547), Ibn Hibban (425) dan yang lainnya. Ibn Hibban mensahihkannya

Hikmah Disyariatkan Solat Berjemaah

Islam membangun dengan teguh berasaskan saling berkenalan dan bersaudara antara sesama Islam dan juga kerjasama mereka menyatakan kebenaran dan melenyapkan kebatilan. Perkenalan dan persaudaraan ini tidak akan berlaku di tempat lain yang lebih baik selain daripada masjid ketika orang Islam bertemu untuk menunaikan solat berjemaah sebanyak lima kali pada setiap hari.

Walau apapun kepentingan keduniaan yang memporak-perandakan mereka sehingga meninggalkan bibit-bibit iri hati di dalam jiwa masing-masing, namun pertemuan mereka yang berterusan ketika solat berjemaah akan memecahkan semua halangan, dan meleburkan perasaan dendam serta dengki di hati sekiranya mereka benar-benar beriman kepada Allah dan tidak

bersikap munafiq dengan berpura-pura bersolat, beribadat dan pergi ke masjid-masjid.³¹

Halangan yang Dbolehkan Meninggalkan Solat Berjemaah

Terdapat dua jenis halangan, iaitu *halangan umum* dan *halangan khusus*.

Pertama: Halangan Umum

Halangan umum ini adalah seperti hujan, angin ribut pada waktu malam dan jalan yang sangat berlumpur. Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ أَدَانَ بِالصَّلَاةِ فِي لَيْلَةٍ ذَاتِ بَرْدٍ وَرِيحٍ ثُمَّ قَالَ: أَلَا صَلُّوا فِي الرَّحَالِ. ثُمَّ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ الْمُؤَدَّنَ إِذَا كَانَتْ لَيْلَةٌ ذَاتُ بَرْدٍ وَمَطَرٍ أَنْ يَقُولَ: أَلَا صَلُّوا فِي رِحَالِكُمْ

Maksudnya: “*Ibn Umar R.Anhuma* azan untuk bersolat pada suatu malam yang sejuk dan berangin, kemudian dia menyeru: Bersolatlah di tempat tinggal kamu! Kemudian dia berkata: Rasulullah SAW menyuruh orang yang azan ketika malam yang sejuk dan hujan, lalu Baginda bersabda: Bersolatlah di tempat kamu tinggal.”

Riwayat al-Bukhari (635) dan Muslim (697)

Sebagaimana diketahui halangan seperti itu jarang berlaku hari ini kecuali di kampung-kampung malah di sesetengah kampung sahaja.

³¹ Antara lain, hikmah solat berjema'ah juga ialah akan wujudlah sistem persahabatan dan kasih sayang yang akan berlaku dengan saling mengadakan pertemuan di waktu-waktu solat antara jiran dan sahabat. Orang jahil pula berkesempatan untuk mempelajari ilmu-ilmu agama daripada orang alim. Mereka juga boleh bertukar-tukar pandangan dalam urusan hidup seharian (*Solat Jemaah: Satu Huraian Menurut Mazhab al-Syafie* 5-6). Antara hikmahnya sebagaimana yang dinaqalkan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili daripada kitab *Dur al-Mukhtar*. Sistem yang menjinakkan dan mengajar orang jahil daripada orang alim. Perasaan kasih sayang akan mudah terhasil dengan kerap kali pertemuan pada setiap waktu solat antara jiran (*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* 2/1167)

Kedua: Halangan Khusus

Halangan khusus itu adalah seperti sakit, tersangat lapar dan dahaga, takut kepada orang menzalimi diri atau hartanya dan terdesak oleh buang air kecil atau air besar. Hal ini berdasarkan hadith:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءُ أَحَدِكُمْ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَأَبْدَأُوا بِالْعَشَاءِ وَلَا يَعْجَلَنَّ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila makanan malam kamu telah terhidang sedang iqamah solat juga telah selesai, kamu dahulukanlah makan malam dan usahlah tergesa-gesa hinggalah kamu menyudahkannya.”

Riwayat al-Bukhari (642) dan Muslim (559)

Hadith seterusnya:

لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ طَعَامٍ وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ

Maksudnya: “Tidak sempurna solat sedangkan makanan telah sedia terhidang, dan orang yang menahan buang air kecil atau air besar.”

Riwayat Muslim (560)

Begitu juga orang berhutang yang sentiasa diikuti oleh pemiutangnya apabila dia pergi berjemaah sedangkan dia masih dalam kesusahan atau orang yang makan makanan berbau yang tidak menyenangkan dan orang yang memakai pakaian kotor dan berbau yang tidak disenangi. Semua ini merupakan halangan syar’ie yang membolehkan orang yang berkenaan tidak menghadiri solat berjemaah.

Hadith yang lain lagi, daripada Jabir RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَكَلَ ثَوْمًا وَقِيسَ غَيْرِهِ مِنَ الْأَعْدَارِ عَلَيْهِ فَلْيَعْتَزَلْ أَوْ قَالَ: فَلْيَعْتَزَلْ مَسْجِدَنَا، وَلْيَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ

Maksudnya: *Sesiapa yang makan bawang putih diqiaskan dengan benda lain yang menjadi halangan dia hendaklah mengasingkan diri. Atau sabdanya: Dia hendaklah menjauhkan diri daripada masjid kami dan duduk di rumahnya sahaja.*

Riwayat al-Bukhari (817) dan Muslim (564)

Syarat Menjadi Imam

Orang yang menjadi imam perlu memenuhi beberapa syarat yang kebanyakannya adalah relatif mengikut keadaan makmum. Ia dirumuskan pada perkara-perkara yang berikut:

i. **Makmum tidak mengetahui atau meyakini bahawa solat imamnya batal**

Contohnya, dua orang berijtihad tentang arah kiblat, dan setiap orang meyakini arah kiblat yang berlainan. Oleh itu tidak harus seseorang daripada mereka menjadi imam kepada yang lain. Ini kerana setiap orang daripada mereka yakin arah rakannya salah dan solatnya ke arah tersebut tidak sah.

ii. **Imam jangan seorang *ummi* (buta huruf) sedangkan makmumnya seorang qari (fasih bacaannya)**

Yang dimaksudkan dengan *ummi* ialah seorang yang tidak teliti bacaan *fatihahnya* sehingga mencatitkan bacaannya seperti tercicir huruf, *syaddah* dan sebagainya. Walau bagaimanapun jika kedua-duanya sama sahaja bolehlah setiap orang menjadi imam kepada yang lainnya.

iii. **Imam jangan seorang perempuan sedangkan makmumnya seorang lelaki**

Seorang lelaki tidak boleh berimamkan seorang perempuan. Namun jika kedua-duanya perempuan bolehlah setiap orang menjadi imam kepada yang lain. Hal ini berdasarkan kepada hadith, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُؤْمَنُ امْرَأَةٌ رَجُلًا

Maksudnya: “Perempuan jangan menjadi imam kepada seorang lelaki.”³²

Riwayat Ibn Majah (1134)

Sifat yang Sangat Digalakkan bagi Seseorang Imam

Sifat yang sangat digalakkan bagi seseorang imam antaranya ialah yang lebih alim, lebih fasih, lebih soleh dan lebih tua di kalangan mereka. Apabila sifat-sifat ini terdapat kepada seseorang imam, maka bersolatlah di belakangnya adalah lebih afdhal dan pahalanya lebih diharapkan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Mas’ud RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَوْمُ الْقَوْمِ أَقْرَبُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ فَإِنْ كَانُوا فِي
السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِنًا

Maksudnya: “Yang menjadi imam bagi sesuatu kumpulan ialah orang yang lebih pandai membaca al-Quran. Sekiranya mereka setara dalam bacaan, maka yang lebih alim dalam hadith, jika dalam hadith mereka pun sama maka yang lebih dahulu berhijrah, dan jika dalam hijrah juga mereka masih sama maka yang lebih tua usianya di kalangan mereka.”

Riwayat Muslim (613)

Ketahuiilah bahawa orang yang berwudhu’ boleh mengikut imam yang bertayammum dan imam yang bertayammum dan imam yang menyapu *khuf*. Begitu juga orang yang berdiri mengikut imam yang duduk, orang yang

³² Fuqaha’ berpendapat tidak sah wanita menjadi imam kepada lelaki, ini kerana ulama’ telah membahas berkenaan hadith yang membenarkan perempuan menjadi imam kepada lelaki. Imam al-San’ani dalam *Subul al-Salam (2/47)* berkata: *Hadith ini menunjukkan bahawa perempuan tidak layak menjadi imam kepada lelaki*. Inilah mazhab Hadawiah, Hanafiah, Syafieyyah dan lainnya. Sedangkan al-Muzani dan Abu Thur mengharuskan imam perempuan kepada lelaki. Begitu juga al-Tabari mengharuskannya pada solat tarawih selama mana tidak terdapat lelaki yang menghafaz al-Quran. Hujah mereka bersandarkan kepada hadith Ummu Waraqah. Mereka juga menanggung bahawa larangan ini merupakan sekadar larangan *tanzih* sahaja atau mereka berkata bahawa hadith ini dhaif.

baligh berimamkan kanak-kanak, orang yang bebas berimamkan hamba, orang sihat berimamkan orang yang *tidak tus* air kencingnya, orang yang bersolat tunai mengikut imam yang bersolat qadha' dan yang bersolat fardhu berimamkan orang yang bersolat sunat dan begitulah sebaliknya.

Tatacara Mengikut Imam

Mengikut imam tidak akan terlaksana seperti yang disyariatkan kecuali dengan menyempurnakan beberapa syarat dan tatacara yang dirumuskan seperti berikut:

Pertama: Makmum tidak boleh mendepani imam

Apabila seseorang makmum telah mendepani imam, maka kedudukannya sebagai makmum adalah batal. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ

Maksudnya: “Dijadikan imam adalah untuk diikuti.”

Riwayat al-Bukhari (657) dan Muslim (411)

Imam bermaksud ikutan. Hal ini tidak akan terlaksana kecuali apabila yang mengikut terbelakang namun tidak mengapa sekiranya kedudukan makmum selari dengan imamnya walaupun perbuatan itu makruh.

Oleh itu, makmum sunat berdiri terkebelakang sedikit daripada imamnya dan batal solat makmum jika berlaku sebaliknya. Kedudukan yang diambil kira dalam menentukan terkehadapan dan terkebelakang ialah kedudukan bahagian tumit. Makmum yang lebih daripada seorang hendaklah berbaris di belakang imam tetapi jika seorang sahaja berdirilah di sebelah kanan imam, dan apabila datang seorang lagi dia hendaklah berdiri di sebelah kiri imam.

Kemudian barulah kedua-duanya berundur ke belakang atau imamnya melangkah ke hadapan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA berkata:

صَلَّيْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُمْتُ عَنْ يَمِينِهِ ثُمَّ جَاءَ جَابِرُ بْنُ صَخْرٍ
فَقَامَ عَنْ يَسَارِهِ فَأَخَذَ بَأَيْدِينَا جَمِيعًا فَدَفَعَنَا حَتَّى أَقَامَنَا خَلْفَهُ

Maksudnya: “Aku bersolat di belakang Rasulullah SAW dan berdiri di sebelah kanan Baginda. Jabir bin Sokhar datang dan berdiri di sebelah kiri Baginda, lalu Baginda pun memegang tangan kami sehingga kami ditempatkan di belakang Baginda.”

Riwayat Muslim (7705)

Jarak di antara imam dan makmum sunat tidak melebihi 3 hasta, iaitu kira-kira 150 cm, dan begitulah seterusnya jarak di antara setiap dua saf.

Apabila terdapat ramai lelaki dan perempuan bersolat di belakang imam, bariskan jemaah lelaki dahulu di belakang imam diikuti dengan jemaah perempuan. Jika makmumnya seorang lelaki dan seorang perempuan, makmum lelaki hendaklah berdiri di sebelah kanan imam, manakala makmum perempuan pula berdiri di belakang makmum lelaki.

Adapun jemaah perempuan sahaja, imamnya hendaklah berdiri di tengah-tengah barisan mereka. Hal yang demikian sebagaimana yang telah *thabit* daripada Aisyah R.Anha dan Ummu Salamah R.Anha.³³

Makmum makruh bersendirian di dalam satu saf. Dia hendaklah masuk ke dalam saf yang lain jika masih ada ruang. Sebaliknya jika tiada lagi ruang, sunat dia menarik seorang³⁴ daripada saf tersebut kepadanya selepas bertakbiratul *ihram* dan orang yang ditarik sunat memberi kerjasama berundur ke arahnya supaya mendapat kelebihan bekerjasama membuat kebajikan.

³³ Riwayat al-Baihaqi dengan sanad yang sahih.

³⁴ Sekiranya dia mengetahui orang yang ditarik itu menyетуinya. Jika tidak mengetahuinya janganlah berbuat demikian kerana dikhuatiri menimbulkan fitnah.

Kedua: Makmum hendaklah mengikut perpindahan imamnya dalam semua rukun *fi'li*.

Perbuatan makmum hendaklah terkemudian daripada perbuatan imam tetapi sebelum selesai perbuatan imam tersebut.

Adalah makruh bagi makmum terkemudian satu rukun daripada imamnya malah solatnya batal jika ketinggalan dua rukun yang panjang.

Contohnya, imam telah rukuk dan *i'tidal* kemudian sujud dan bangun sedangkan makmum masih lagi berdiri tanpa sebab yang dimaafkan. Tetapi jika dia ketinggalan disebabkan sesuatu yang dimaafkan seperti lambat bacaannya, dia dibolehkan terkemudian daripada imam sehingga 3 rukun. Walau bagaimanapun, jika masih tidak memadai untuk mengikut imam selanjutnya, dia hendaklah menghentikan perbuatan yang sedang dilakukannya dan teruskan mengikut imam. Kemudian dia hendaklah menyambung perbuatannya semula yang tertinggal selepas imam mengucapkan salam.

Ketiga: Mengetahui perpindahan rukun *fi'li* imam

Hal ini sama ada makmum melihat imamnya atau melihat sebahagian daripada saf atau pun mendengar suara *muballigh*.

Keempat: Imam dan makmum jangan terpisah oleh jarak yang luas.

Syarat ini adalah apabila kedua-duanya tidak berada di dalam masjid. Tetapi jika sama-sama berada di dalam masjid maka mengikut imam adalah sah walau sejauh mana sekalipun jarak antara kedua-duanya ataupun terlindung oleh dinding-dinding yang boleh dilalui.

Apabila kedua-dua imam dan makmum berada di luar masjid atau imam di dalam masjid dan makmum di luarnya, ketika ini disyaratkan jarak antara kedua-duanya tidak terlalu jauh.

Penentuan jarak adalah sebagaimana yang berikut:

1. Apabila imam dan makmum berada di kawasan yang luas seperti tanah lapang dan sebagainya, disyaratkan jarak antara kedua-duanya tidak melebihi 300 hasta *Hashimiy* iaitu kira-kira 150 meter.
2. Imam dan makmum masing-masing berada di dalam bangunan yang berlainan seperti dua buah rumah atau sebuah rumah dan halamannya. Maka selain daripada syarat yang tersebut di atas, saf daripada satu binaan ke binaan yang lain itu mestilah bersambung sekiranya bangunan yang ada imam di dalamnya itu melencong ke kanan atau ke kiri daripada tempat makmum.
3. Imam berada di dalam masjid dan sebahagian makmum pula berada di luar masjid, disyaratkan jarak di antara tepi dinding luar masjid dengan tempat berdiri makmum yang terdekat di luar masjid tidak melebihi 300 hasta *hashimiy* (150 meter).

Kelima: Makmum hendaklah berniat jema'ah atau mengikut imam.

Disyaratkan niat tersebut berserta dengan *takbiratul ihram*. Seseorang yang meninggalkan niat mengikut imam tetapi masih mengikut semua perpindahan dan perbuatan imam tersebut solatnya batal jika dia ikut menunggu imam agak lama pada anggapan umum.

Walau bagaimanapun, jika persamaan perbuatannya secara kebetulan sahaja tanpa tujuan mengikut imam atau dia menunggu imam tersebut sekejap sahaja, solatnya tidak batal. Adapun imam tidak wajib berniat menjadi imam, namun sunat baginya berbuat demikian supaya mendapat kelebihan berjemaah.

Sekiranya tidak berniat menjadi imam dia tidaklah mendapat kelebihan tersebut kerana seseorang tidak mendapat sesuatu daripada perbuatannya selain yang diniatkannya. Hal ini berdasarkan hadith, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: “*Sesungguhnya segala amalan itu adalah dengan niat dan setiap orang hanya mendapat apa yang diniatkannya.*”

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Makmum mendapat kelebihan berjemaah selagi imam belum mengucap salam. Begitu juga jika dia dapat bertakbiratul *ihram* bersama-sama imam adalah satu kelebihan, iaitu makmum bertakbir sebaik-baik sahaja selesai takbiratul *ihram* imam tersebut.

Makmum juga akan mendapat rakaat bersama-sama imam apabila dia mendapat menyertainya ketika rukuk pada rakaat berkenaan. Sebaliknya makmum akan terlepas rakaat tersebut sekiranya dia menyertai imamnya selepas ruku'. Oleh itu, dia hendaklah menggantikan rakaat berkenaan atau rakaat-rakaat lain yang terlepas sekiranya lebih daripada satu rakaat setelah imam mengucap salam.

SOLAT MUSAFIR

Qasar dan Jama'

Pendahuluan

Allah SWT berfirman:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: *Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*

(Surah al-Haj: 78)

Allah SWT tidak mensyariatkan hukum-hakam agama yang menyebabkan kesusahan dan kerumitan sehingga kerja-kerja yang dilakukan menjadi tidak keruan. Sebaliknya di mana sahaja orang Islam mengalami kesempitan, Allah SWT akan melonggarkan perintah agamanya supaya semua hukumnya dapat diterima dan mampu ditanggung.

Musafir walau dengan apa cara dan tujuan sekalipun adalah sebahagian daripada kesusahan yang menyebabkan seseorang hilang tumpuan dan ketenangan. Oleh itu, Allah SWT meringankan banyak perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum agama-Nya daripada orang yang musafir. Antaranya ialah solat.

Cara Solat Musafir

Allah SWT memberi dua kemudahan kepada orang yang musafir ketika bersolat.

Pertama: Mengurangkan bilangan rakaat dan ia dinamakan *qasar*.

Kedua: Menghimpunkan dua solat ketika menunaikannya supaya orang yang musafir mendapat masa lapang sebanyak yang mungkin, dan ini dinamakan *jama'*.

Qasar

Qasar ialah melakukan solat yang 4 rakaat, iaitu Zuhur, Asar dan Isya' dengan 2 rakaat sahaja sebagaimana dalil yang akan diterangkan. Dalil disyariatkan *qasar* ialah firman Allah SWT:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

Maksudnya: *Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang.*

(Surah al-Nisa': 101)

Dan hadith, daripada Ya'la bin Umayyah, katanya:

قُلْتُ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ (لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا) فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ؟ فَقَالَ: عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتَ مِنْهُ فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ. فَقَالَ: صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَأَقْبَلُوا صَدَقَتَهُ

Maksudnya: “*Aku mengatakan firman Allah kepada Umar bin al-Khattab RA yang maksudnya (tidaklah berdosa mengqasarkan sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir). Bagaimana pula ketika keadaan orang ramai telah pun aman? Umar berkata: Aku juga tertanya-tanya tentang perkara yang engkau tanyakan itu. Lalu aku bertanya Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Baginda bersabda: Itu adalah pemberian Allah kepada kamu, maka terimalah pemberian-Nya.*”

Riwayat Muslim (686) dan yang lainnya

Hadith di atas menunjukkan bahawa solat *qasar* tidaklah khusus ketika dalam keadaan takut sahaja. Supaya solat *qasar* sah, mestilah mematuhi syarat-syarat yang berikut:

Pertama: Solat fardhu berkenaan wajib atas seseorang ketika bermusafir dan dia melakukannya ketika bermusafir itu.

Solat yang telah masuk waktunya tetapi belum ditunaikan sebelum memulakan perjalanan tidak harus *diqasarkan* kerana dia belum dikatakan bermusafir ketika solat tersebut wajib atasnya.

Begitu juga solat yang masuk waktunya ketika bermusafir tetapi tidak menunaikannya sehingga balik semula ke tempatnya, solat tersebut tidak harus lagi *diqasarkan* kerana ketika melakukannya nanti dia bukan lagi musafir sedangkan *qasar* adalah untuk orang musafir.

Kedua: Perjalanannya telah melepasi pagar sempadan *qaryah*nya atau kawasan bangunannya jika *qaryah* tersebut tidak berpagar.

Orang yang masih berada di dalam kawasan pagar *qaryah*nya atau kawasan bangunan *qaryah*nya tidak dinamakan musafir. Ini kerana perjalanan tersebut hanya bermula ketika melepasi pagar dan akan berakhir apabila sampai semula ke kawasan itu. Oleh itu, tidak harus *mengqasarkan* solat kecuali solat yang wajib atasnya dan melakukannya dalam lingkungan tempoh musafir tersebut. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA, katanya:

صَلَّيْتُ الظُّهْرَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا، وَالْعَصْرَ بِذِي الْحُلَيْفَةِ
رَكَعَتَيْنِ

Maksudnya: “Aku menunaikan solat Zuhur bersama-sama Nabi SAW di Madinah 4 rakaat dan solat Asar di Zulhulaifah 2 rakaat.”

Riwayat al-Bukhari (1039) dan Muslim (690)

Zulhulaifah terletak di luar kawasan bangunan Madinah.

Ketiga: Tidak berniat menetap selama empat hari di tempat yang dituju selain pada hari mula sampai dan pada hari akan keluar.

Apabila berniat menetap selama empat hari jadilah tempat yang dituju itu seolah-olah negerinya atau tempat tinggalnya yang tetap. Oleh itu dia tidak harus bersolat *qasar* lagi di situ dan haknya untuk bersolat *qasar* kekal semasa dalam perjalanan sahaja.

Seseorang yang berniat tinggal di sesuatu tempat kurang daripada empat hari atau tidak pasti tempohnya tinggal di situ kerana melakukan tugas yang belum tentu bila selesainya, dalam keadaan yang pertama dia harus mengqasarkan solatnya sehingga kembali ke tempat asalnya.

Sementara dalam keadaan yang kedua pula dia harus mengqasarkan solat sehingga lapan belas hari selain pada hari mula sampai dan pada hari keluar meninggalkan tempat tersebut. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Imran bin Husain RA, katanya:

غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَهِدْتُ مَعَهُ الْفَتْحَ فَأَقَامَ بِمَكَّةَ ثَمَانِي
عَشْرَةَ لَيْلَةً لَا يُصَلِّي إِلَّا رَكْعَتَيْنِ

Maksudnya: “*Aku berperang bersama-sama Rasulullah SAW dan bersama-sama Baginda ketika pembebasan Makkah. Baginda tinggal di Makkah selama lapan belas hari dan Baginda tidak bersolat kecuali mengqasarkannya dua rakaat.*”

Riwayat Abu Daud (1229)

Nabi SAW telah tinggal di Makkah selama tempoh tersebut pada tahun pembebasan kerana memerangi puak *Hawazin*, dan Baginda mengqasarkan solatnya sedangkan Baginda tidak pasti berapa lama Baginda terpaksa tinggal di situ.

Keempat: Tidak mengikut imam yang bermukim.

Jika berimamkan seorang yang bermukim dia hendaklah bersolat sepenuhnya mengikut imam tersebut dan tidak harus mengqasarkannya.

Sebaliknya seseorang musafir yang menjadi imam kepada orang yang bermukim, harus mengqasarkan solatnya, dan selepas mengucap salam sebaik selesai dua rakaat dia sunat segera memberitahu makmum dengan berkata: “*Cukuplah solat kamu. Aku adalah seorang musafir.*”

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas RA ketika ditanya:

مَا بَالَ الْمُسَافِرِ يُصَلِّي رَكَعَتَيْنِ إِذَا انْفَرَدَ وَأَرْبَعًا إِذَا اتَمَّ بِمُقِيمٍ؟ فَقَالَ تِلْكَ هِيَ السُّنَّةُ

Maksudnya: “Bagaimana halnya musafir, dia bersolat 2 rakaat ketika bersendirian dan 4 rakaat ketika mengikut imam yang bermukim? Dia berkata: Itulah sunnah Rasulullah SAW.”

Riwayat Ahmad dengan *sanad* yang sahih

Begitu juga hadith daripada Imran bin Husain RA, katanya:

يَا أَهْلَ الْبَلَدِ صَلُّوا أَرْبَعًا فَإِنَّا قَوْمٌ سَفَرٌ

Maksudnya: “Wahai penduduk di sini, bersolatlah kamu 4 rakaat. Kami adalah musafir.”

Riwayat Abu Daud (1231)

Jama’

Pengertian jama’ telah pun diketahui sebelum ini, dan ia adalah berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمَعُ بَيْنَ صَلَاةِ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَى ظَهْرٍ سَيْرٍ، وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW menjama’kan solat Zuhur dengan Asar ketika bermusafir dan menjama’kan solat Maghrib dengan Isya’.”

Riwayat al-Bukhari (1056)

Hadith seterusnya, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بَيْنَ الصَّلَاةِ فِي سَفَرَةٍ سَافَرْنَاهَا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ فَجَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ قَالَ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ فَقُلْتُ لِابْنِ عَبَّاسٍ: مَا حَمَلَهُ عَلَى ذَلِكَ؟ قَالَ: أَرَادَ أَنْ لَا يُحْرَجَ أُمَّتُهُ

Maksudnya: “Nabi SAW menjama’kan solat dalam perjalanan yang kami lakukan ketika peperangan Tabuk. Baginda menjama’kan solat Zuhur dengan solat Asar dan solat Maghrib dengan Isyak. Said bin Jubair berkata: Aku bertanya kepada Ibn Abbas: Apakah yang mendorong Baginda berbuat begitu? Jawabnya: Baginda tidak mahu menyusahkan umatnya.”

Riwayat Muslim (705)

Jenis Jama’

Jama’ terbahagi kepada dua jenis, iaitu *jama’ taqdim* yang bermaksud membawa solat yang kedua ke dalam solat yang pertama, dan *jama’ ta’akhir* yang bermaksud membawa solat yang pertama ke dalam waktu solat yang kedua. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Muaz RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَرْتَفِعَ الشَّمْسُ
 أَخَّرَ الظُّهْرَ حَتَّى يَجْمَعَهَا إِلَى الْعَصْرِ يُصَلِّيهِمَا جَمِيعًا وَإِذَا ارْتَحَلَ بَعْدَ زَيْغِ الشَّمْسِ صَلَّى
 الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا ثُمَّ سَارَ وَكَانَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ الْمَغْرِبِ أَخَّرَ الْمَغْرِبَ حَتَّى يُصَلِّيَهَا
 مَعَ الْعِشَاءِ وَإِذَا ارْتَحَلَ بَعْدَ الْمَغْرِبِ عَجَّلَ الْعِشَاءَ فَصَلَّاهَا مَعَ الْمَغْرِبِ

Maksudnya: “Ketika Nabi SAW di peperangan Tabuk, apabila Baginda berangkat pergi sebelum matahari meninggi, Baginda melambatkan solat Zuhur hingga menghimpunkannya ke solat Asar lalu Baginda menunaikan kedua-duanya sekali. Dan sebelum meneruskan perjalanan selepas matahari gelincir, Baginda bersolat Zuhur dan Asar secara jama’. Kemudian barulah Baginda pergi. Begitu juga apabila berangkat sebelum waktu Maghrib, Baginda melambatkan solat Maghrib hingga dilakukannya bersama-sama solat Isya’, dan sebelum meneruskan perjalanan selepas waktu Maghrib, Baginda menyegerakan solat Isya’ bersama-sama solat Maghrib.”

Riwayat Abu Daud (1208), al-Tirmizi (553) dan yang lainnya

Solat yang Boleh Dijama'kan

Sebagaimana diketahui bahawa solat yang boleh dijama'kan ialah solat Zuhur dengan Asar dan solat Maghrib dengan Isya'. Oleh itu, tidak sah dijama'kan solat Subuh dengan solat sebelum atau selepasnya. Begitu juga tidak sah dijama'kan solat Asar dengan solat Maghrib. Ini kerana setiap *jama' taqdim* dan *ta'khir* mempunyai beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

Syarat-syarat *Jama' Taqdim*

- i. Kedua-dua solat dilakukan mengikut urutannya iaitu dimulai dengan solat pertama yang empunya waktu kemudian diikuti solat yang kedua.
- ii. Berniat menjama'kan solat yang kedua dengan yang pertama sebelum selesai solat yang pertama. Walau bagaimanapun niat tersebut sunat berserta takbiratul ihram.
- iii. Kedua-dua solat dilakukan secara berturutan, iaitu memulakan solat yang kedua dengan segera sebaik sahaja selesai salam solat yang pertama tanpa dipisahkan dengan berzikir, mengerjakan sunat dan sebagainya. Jika dipisahkan di antara kedua-duanya dengan masa yang lama pada anggapan umum atau melengah-lengahkan solat yang kedua tanpa sebab, batallah *jama'* tersebut dan solat yang kedua itu wajib ditangguhkan sehingga waktunya tiba.

Hal ini adalah kerana mengikut Nabi SAW dalam semua perkara tersebut sebagaimana hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَعَجَلَهُ السَّيْرُ يُؤَخِّرُ الْمَغْرِبَ، فَيُصَلِّيهِمَا ثَلَاثًا
ثُمَّ يُسَلِّمُ، ثُمَّ قَلَّمَا يَلْبَثُ حَتَّى يُقِيمَ الْعِشَاءَ فَيُصَلِّيهِمَا رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ يُسَلِّمُ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW melambatkan solat Maghrib apabila Baginda hendak segera berjalan. Kemudian Baginda menunaikannya sebanyak 3 rakaat. Selepas salam Baginda duduk sekejap lalu mendirikan solat Isya' sebanyak 2 rakaat. Kemudian Baginda mengucapkan salam.”

Riwayat al-Bukhari (1041)

- iv. Masih dalam musafir sehingga memulakan solat yang kedua. Oleh itu, tidak menjadi masalah sekiranya sampai semula ke tempat asalnya ketika solat yang kedua masih belum selesai.

Syarat-syarat *Jama' Ta'khir*

1. Berniat menjama'kan solat yang pertama dalam waktunya yang asal kepada solat yang kedua. Sekiranya tamat waktu Zuhur tanpa berniat menjama'kan solat Zuhur kepada Asar maka solat Zuhur wajib diqadha' serta berdosa oleh sebab melengah-lenghkannya.
2. Masih dalam musafir hingga selesai mengerjakan kedua-dua solat. Oleh itu, sekiranya telah sampai sebelum kedua-dua solat berkenaan selesai maka solat yang terkemudian menjadi solat qadha'
3. Dalam hal ini tertib antara kedua-dua solat tidak syaratkan malah boleh dimulakan dengan mana-mana antara dua solat yang dikehendaki. Begitu juga syarat berturutan antara dua solat hanya sunat dan bukannya syarat sah *jama'* tersebut.

Syarat-syarat Perjalanan yang Diharuskan *Qasar dan Jama'*

- i. Perjalanan yang jaraknya hingga 81 km dan lebih.³⁵ Oleh itu, tidak diambil kira perjalanan yang kurang daripada jarak tersebut.

Hal ini berdasarkan hadith:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ وَابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقْصُرَانِ وَيُفْطِرَانِ فِي أَرْبَعَةِ بُرْدٍ وَهَيَّ
 سِتَّةَ عَشَرَ فَرَسَخًا (وَتَسَاوِي ٨١ كَم تَقْرِيْبًا) وَمِثْلُهُمَا يَفْعَلَانِ تَوْقِيْفًا

³⁵ Kadar 2 *marhalah* ini yang ditetapkan ini berdasarkan *taqribi* (lebih kurang) bukan *tahdidi* (tepat). Dalam *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* 89 km dan secara tepatnya 88.704 km.

Maksudnya: “Ibn Umar dan Ibn Abbas R.Anhum mengqasarkan solat dan tidak berpuasa dalam perjalanan sejauh 4 barid,³⁶ iaitu 16 farsakh³⁷ (yang menyamai kira-kira 81 km). orang seperti mereka berdua tentulah melakukannya dengan ketetapan daripada Nabi SAW.”

- ii. Perjalanan yang tentu tempat tujuannya. Oleh itu, orang yang merayau-rayau tanpa tujuan ke tempat yang tertentu, dan orang yang mengikut ketuanya tanpa mengetahui ke mana hendak di bawanya, perjalanan mereka tidak mengharuskan *qasar* kecuali setelah menjangkau jarak perjalanan yang jauh. Ini kerana telah diyakini jauh perjalanannya.
- iii. Perjalanan tersebut tidak bertujuan maksiat. Justeru, tidak diambil kira perjalanan musafir untuk berniaga arak, mengamalkan riba’ atau menyamun. Ini kerana *qasar* merupakan keringanan yang disyariatkan untuk menunaikan sesuatu tanggungjawab, dan ia tidak boleh terkait dengan sebarang maksiat.

Menjama’kan Dua Solat Ketika Hujan

Harus menghimpunkan dua solat secara *jama’ taqdim* ketika hujan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ، وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ. زَادَ مُسْلِمٌ: مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا سَفَرٍ. وَعِنْدَ الْبُخَارِيِّ: فَقَالَ أَيُّوبُ أَحَدُ رُوَاةِ الْحَدِيثِ لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةِ مَطِيرَةٍ. قَالَ عَسَى، وَعِنْدَ مُسْلِمٍ: قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَرَادَ أَنْ لَا يُحْرَجَ أَحَدًا مِنْ أُمَّتِهِ

Maksudnya: “Nabi SAW mengerjakan solat di Madinah sebanyak 7 dan 8 rakaat, iaitu solat Zuhur dengan solat Asar dan solat Maghrib dengan solat Isya’. Muslim menambah: Bukan ketika takut dan bukan ketika bermusafir. Sementara dalam riwayat al-Bukhari pula: Seorang periwayat hadith

³⁶ Satu *barid* menyamai dua belas batu.

³⁷ Satu *farsakh* menyamai tiga batu.

bernama Ayyub berkata: Mungkinkah ketika itu malam hujan lebat? Jawabnya: Mungkin juga. Dalam riwayat Muslim lagi: Ibn Abbas berkata: Baginda tidak mahu menyusahkan sesiapa pun di kalangan umatnya.”

Riwayat al-Bukhari (518) dan Muslim (705)

Walau bagaimanapun tidak harus menjama'kan kedua-dua solat tersebut dalam waktu yang kedua. Ini kerana kemungkinan hujan akan berhenti, dan menyebabkan solat terkeluar daripada waktunya tanpa halangan.

Syarat-syarat *jama'* ini ialah:

- i. Solat tersebut dilakukan secara berjemaah di masjid yang jauh pada anggapan umum dan terdapat kesulitan bagi seseorang ke sana di sebabkan hujan.
- ii. Hujan berterusan pada permulaan kedua-dua solat dan ketika salam solat yang pertama.

SOLAT KHAUF

Pengertian dan Pensiariatannya

Solat *Khauf* bermaksud solat yang dilakukan dalam keadaan peperangan menentang musuh. Ia diberikan beberapa kemudahan khusus dan kelonggaran yang tidak terdapat pada solat-solat yang lain terutamanya pada jemaahnya.

Pensiariatannya berdasarkan beberapa ayat al-Quran dan hadith yang menerangkan keadaan dan cara solat tersebut dilakukan.

Keadaan Solat *Khauf*

Terdapat dua keadaan bagi solat *Khauf* mengikut keadaan perang yang berlaku, iaitu:

Keadaan Pertama

Dalam keadaan bertahan, berjaga-jaga dan tiada pertempuran. Ketika ini solat mempunyai cara tertentu yang berbeza sedikit daripada cara solat biasa disebabkan kemahuan orang Islam menunaikannya secara berjemaah sama ada di belakang imam besar, pemimpin tertinggi mereka atau sesiapa sahaja yang mengambil tempatnya mengendalikan peperangan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا
أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ
يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَذَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ
تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا

جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِنْ مَطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرَضَى أَنْ تَضَعُوا
 أَسْلِحَتَكُمْ^ط وَخُذُوا حِذْرَكُمْ^ط إِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا

Maksudnya: Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepauk dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing, kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh), dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang (berjemaah) bersama-samamu, dan hendaklah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir suka jika kamu cuai lalai akan senjata dan harta benda kamu, supaya dengan jalan itu mereka dapat menyerbu kamu beramai-ramai dengan serentak dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau sakit. Dan hendaklah kamu mengambil langkah berjaga-jaga. Sesungguhnya Allah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina.

(Surah al-Nisa': 102)

Solat *Khauf* yang dinyatakan oleh ayat tersebut dilakukan dengan dua cara yang berbeza mengikut kedudukan musuh dan orang Islam sama ada kedudukan tersebut menghala ke kiblat ataupun tidak sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui perbuatannya.

i. Cara Pertama

Ketika musuh berada di sebelah arah kiblat dan pertempuran belum berlaku. Apabila semua tentera ingin solat berjemaah tanpa berpecah kepada beberapa kumpulan bagi mendapatkan kelebihan satu jemaah yang besar, imam hendaklah mengatur barisan mereka sama ada sebanyak dua saf, empat saf atau lebih, dan bersolatlah bersama-sama mereka.

Apabila imam sujud, maka saf yang pertama sahaja turut sujud bersama-samanya jika mereka yang bersolat itu dua saf, atau dua saf pertama turut sujud bersama-sama imam sekiranya terdiri daripada empat saf dan begitulah seterusnya.

Sementara saf yang selebihnya terus berdiri sambil mengawasi rakan mereka daripada pergerakan yang mencurigakan atau sebagainya. Apabila imam dan mereka sujud bersama-samanya berdiri barulah mereka pula sujud dan menyertai imam berdiri dalam rakaat yang kedua. Apabila imam sujud bagi rakaat kedua, mereka yang tidak bersertanya ketika rakaat yang pertama pula sujud bersama-samanya dan mereka yang telah bersamanya tetap berdiri ketika itu. Kemudian kesemuanya bersama-sama semula ketika duduk *tasyahhud* dan mengucap salam.

Inilah cara bersolat yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika peperangan *'Usfan*, iaitu antara peperangan yang Baginda sertai dan menjadi ikutan bagi semua keadaan yang serupa dengannya. Hal ini berdasarkan hadith, Ibn Abbas R.Anhuma berkata:

قَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ، فَكَبَّرَ وَكَبَّرُوا مَعَهُ، وَرَكَعَ وَرَكَعَ نَاسٌ مِنْهُمْ، ثُمَّ سَجَدَ وَسَجَدُوا مَعَهُ، ثُمَّ قَامَ لِلثَّانِيَةِ فَقَامَ الَّذِينَ سَجَدُوا وَحَرَسُوا إِخْوَانَهُمْ، وَأَنْتِ الطَّائِفَةُ الْأُخْرَى فَرَكَعُوا وَسَجَدُوا مَعَهُ، وَالنَّاسُ كُلُّهُمْ فِي صَلَاةٍ، وَلَكِنْ يَحْرُسُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا

Maksudnya: “Nabi SAW bangun dan diikuti oleh orang ramai, lalu Baginda bertakbiratul ihram dan mereka menurutinya. Sebahagian mereka ruku’ kemudiannya turut sujud bersama-sama Baginda. Kemudian Baginda berdiri untuk rakaat yang kedua lalu mereka yang sujud pun berdiri dan mengawasi rakan-rakan mereka. Seterusnya kumpulan saf yang lain pula ruku’ dan sujud bersama-sama Baginda, mereka semuanya berjemaah dalam satu solat tetapi bersama-sama mengawasi di kalangan mereka.”

Riwayat al-Bukhari (902)

ii. Cara Kedua

Ketika musuh bertaburan di beberapa tempat yang bukan arah kiblat dan pertempuran belum berlaku. Cara yang sunat bersolat dalam keadaan ini ialah:

- i. Mereka berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan bersedia menghadap dan mengintip musuh sambil mengawasi orang Islam. Manakala kumpulan yang kedua pula bersolat jemaah bersama-sama imam.
- ii. Kumpulan yang kedua ini bersolat bersama-sama imam pada satu rakaat sahaja. Apabila imam bangun untuk rakaat yang kedua, mereka semua berniat berpisah daripada imam dan menyempurnakan rakaat yang kedua tersebut secara bersendirian. Kemudian mereka pun mengambil alih tempat kumpulan yang pertama tadi.
- iii. Kumpulan yang pertama pula datang bersolat bersama-sama imam tersebut yang meneruskan rakaat keduanya yang merupakan rakaat yang pertama bagi mereka. Justeru, imam hendaklah memanjangkan masa berdirinya pada rakaat yang kedua itu hingga kumpulan berkenaan selesai menyertainya. Apabila imam duduk *tasyahhud* mereka terus bangun menyempurnakan rakaat yang kedua kemudian menyertai imam semula yang masih duduk *tasyahhud* dan seterusnya mengucap salam bersama-sama mereka. Demikianlah cara bersolat yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika peperangan *Zatur al-Riqa'*.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Soleh bin Khauwat: Daripada seseorang menyaksikan solat Rasulullah SAW solat Khauf ketika peperangan *Zatur al-Riqa'*

أَنَّ طَائِفَةً صَفَّتْ مَعَهُ، وَطَائِفَةٌ وُجَّاهَ الْعَدُوِّ، فَصَلَّى بِأَلَّتِي مَعَهُ رَكْعَةً، ثُمَّ ثَبَتَ قَائِمًا،
وَأَتَمُّوا لِأَنفُسِهِمْ ثُمَّ انصَرَفُوا، فَصَفُّوا وُجَّاهَ الْعَدُوِّ، وَجَاءَتِ الطَّائِفَةُ الْأُخْرَى

فَصَلَّى بِهِمُ الرُّكْعَةَ الَّتِي بَقِيَتْ مِنْ صَلَاتِهِ، ثُمَّ ثَبَتَ جَالِسًا، وَأَتَمُّوا لِأَنفُسِهِمْ، ثُمَّ
سَلَّمَ بِهِمْ

Maksudnya: “Bahawa satu kumpulan berbaris bersama-sama Baginda dan satu kumpulan lagi menghadapi musuh lalu Baginda bersolat bersama-sama kumpulan yang pertama satu rakaat kemudian Baginda terus berdiri sementara mereka menyempurnakan solat masing-masing bersendirian. Setelah itu, mereka bersurai lalu membuat barisan pertahanan menghadapi musuh. Seterusnya datang pula kumpulan yang kedua lalu Baginda meneruskan solat satu rakaat lagi bersama-sama mereka. Kemudian Baginda terus duduk tasyahhud sedang mereka menyempurnakan rakaat masing-masing, dan akhirnya Baginda mengucap salam bersama-sama mereka.”

Riwayat al-Bukhari (3900), Muslim (842) dan yang lainnya

Dalam kedua-dua cara bersolat ketika orang Islam menghadapi musuh ini, terdapat satu daripada konsep memelihara kepentingan solat berjemaah di samping menjaga keselamatan orang Islam, berwaspada terhadap musuh dan menyedari tipu helah mereka.

Keistimewaan yang paling utama solat ini ialah menurut perbuatan Rasulullah SAW dan mendapatkan pahala kesemua yang bersolat dalam satu jemaah bersama-sama khalifah, imam besar atau panglima di medan perang.

Kedua

Ketika berlaku pertempuran dengan musuh, barisan telah bercampur aduk dan menjadi sangat gawat.

Dalam keadaan ini, tidak ada cara bersolat yang ditentukan malah masing-masing bersolat mengikut cara yang termampu sama ada sambil berjalan atau berkenderaan, sambil bergerak atau berhenti, menghadap kiblat atau melencong ke arah lain. Ruku’ dan sujudlah dengan isyarat gerak kepala. Untuk isyarat sujud, kepala tunduk daripada isyarat untuk ruku’. Jika dapat mengikut di kalangan mereka secara solat berjemaah adalah lebih baik

walaupun mereka berlainan arah atau makmum terkehadapan daripada imam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾ فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ۖ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu, khususnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk. Dan jika kamu takut (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, hendaklah kamu mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya.

(Surah al-Baqarah: 238-239)

Begitu juga hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma ketika menceritakan solat *Khauf* selepas menyebutkan dua caranya yang terdahulu katanya:

فَإِنْ كَانَ خَوْفٌ هُوَ أَشَدُّ مِنْ ذَلِكَ صَلَّوْا رِجَالًا، قِيَامًا عَلَى أَقْدَامِهِمْ، أَوْ رُكْبَانًا مُسْتَقْبِلِي الْقِبْلَةِ أَوْ غَيْرَ مُسْتَقْبِلِيهَا. قَالَ مَالِكٌ: قَالَ نَافِعٌ: لَا أَرَى عَبْدَ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ذَكَرَ ذَلِكَ إِلَّا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Dan jika kegawatan lebih memuncak daripada itu, bersolatlah sama ada sambil berjalan kaki atau berkenderaan, dengan menghadap kiblat ataupun tidak. Malik mengatakan bahawa Nafi’ telah berkata: Setahu aku Abdullah bin Umar tidak akan menyebut demikian kecuali daripada Rasulullah SAW.”

Riwayat al-Bukhari (4261)

Dalam riwayat Muslim pula menyatakan bahawa:

فَصَلِّ رَاكِبًا أَوْ قَائِمًا تُؤْمِيْ إِيْمَاءً

Maksudnya: “Bersolatlah sama ada berkenderaan atau berdiri dan lakukanlah secara isyarat.”

Riwayat Muslim (839)

Ketika bersolat semua pergerakan yang berlaku disebabkan suasana peperangan ini dimaafkan kecuali percakapan dan jeritan kerana tiada keperluan berbuat demikian. Jika terkena najis yang tidak dimaafkan seperti darah atau seumpamanya solat tetap sah tetapi wajib diqadha’ kemudian.

Bersolat secara ini adalah untuk kemudahan bagi semua peperangan yang mematuhi syariat dan setiap keadaan yang sangat ditakuti oleh seseorang mukallaf seperti melarikan diri daripada musuh atau binatang buas dan sebagainya.

Perkara yang diberi perhatian dalam pensyariatan cara bersolat ini ialah menjaga solat tersebut supaya ditunaikan dalam waktunya yang ditetapkan kerana mematuhi perintah Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

(Surah al-Nisa’: 103)

Hikmah Pensyariatan Solat Khauf

Semua cara bersolat tersebut disyariatkan untuk memberi kemudahan kepada orang mukallaf agar mampu menunaikan kewajipan ini yang merupakan hubungan paling penting dengan Allah SWT bagi mendapatkan pertolongan dan kemenangan daripada-Nya semasa berjuang menentang orang kafir di medan perang.

Justeru hatinya berasa tenang mengingati Tuhannya yang Maha Tinggi dan Maha Agung, keyakinannya bertambah dengan pertolongan dan sokongan Allah SWT dan teguh pendiriannya di medan peperangan. Benarlah Allah SWT dan ingatlah firmannya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).*

(Surah al-Anfal: 45)

Perlu dinyatakan bahawa solat *Khauf* dengan semua cara memungkinkan seseorang tentera Islam mendirikan solat tanpa kesulitan dalam apa jua bentuk peperangan dan jenis kelengkapan perang yang dihadapi pada bila-bila masa dan sebarang tempat lebih-lebih lagi ketika peperangan yang tidak memerlukan manusia bertempur secara bersemuka sebagaimana kebanyakan peperangan yang berlaku sekarang.

Kewajipan Bersolat Tidak Gugur dengan Sebarang Keadaan

Dengan keterangan yang tersebut jelaslah bahawa kewajipan bersolat tidak akan gugur daripada seseorang *mukallaf* dengan sebarang keadaan dan bagaimana pun halangannya selagi hayat dikandung badan, namun Allah SWT memudahkan perlaksanaannya sama ada dengan menanggihkan solat seperti solat jama', memendekkan seperti solat musafir atau meringankan cara melakukannya seperti solat *Khauf* dan solat bagi pesakit berdasarkan sebab-sebab dan suasananya.

SOLAT JUMAAT

Pensyariatian Solat Jumaat

Solat Jumaat telah disyariatkan oleh Allah SWT dan ia adalah antara beberapa kelebihan yang dikurniakan khusus kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya mereka mendapat kemuliaan hari Jumaat tersebut.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

نَحْنُ الْآخِرُونَ السَّابِقُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، بَيَدِ أُنْهَمِ أُوْتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِنَا، ثُمَّ هَذَا يَوْمُهُمُ
الَّذِي فُرِضَ عَلَيْهِمْ فَاخْتَلَفُوا فِيهِ، فَهَذَا نَا اللَّهُ، فَالْتَّاسُ لَنَا فِيهِ تَبِعَ، الْيَهُودُ غَدًا وَالنَّصَارَى
بَعْدَ غَدٍ

Maksudnya: “Kita adalah umat yang terakhir (lahir ke dunia) dan umat yang terdahulu (menikmati kelebihan, ganjaran dan masuk syurga) pada hari kiamat walaupun mereka (umat terdahulu) diberikan kitab (syariat samawi) sebelum kita. Hari Jumaat ialah hari yang telah difardhukan atas mereka (untuk mendampingkan diri kepada Allah) tetapi mereka telah mempertikaikannya. Lalu Allah memberi petunjuk kepada kita sedangkan mereka menerima hari-hari berikutnya, iaitu Yahudi pada hari Sabtu dan Nasrani pula pada hari Ahad.”

Riwayat al-Bukhari (836) dan Muslim (855)

Sebenarnya solat Jumaat telah difardhukan di Makkah sebelum Nabi SAW berhijrah ke Madinah tetapi tidak dapat dilaksanakan di Makkah kerana orang Islam masih lemah dan tidak mampu berkumpul untuk mendirikan solat Jumaat.

Orang pertama yang mengumpulkan orang ramai untuk mendirikan solat Jumaat di Madinah sebelum Nabi SAW berhijrah ialah As’ad bin Zararah RA.³⁸

³⁸ Riwayat Abu Daud (1069) dan riwayat yang lain daripada Ka’ab bin Malik.

Dalil Pensyariatian Solat Jumaat

Dalil disyariatkan dan diwajibkan solat Jumaat berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ
وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*³⁹

(Surah al-Jumu'ah: 9)

Antara dalil wajib solat daripada hadith pula ialah, daripada Toriq bin Syihab RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَىٰ كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya: “Solat Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib atas setiap lelaki Muslim.”

Riwayat Abu Daud (1067)

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA dan Ibn Umar R.Anhuma, mereka berdua mendengar Rasulullah SAW bersabda ketika Baginda berada di atas mimbarinya:

لَيَنْتَهِيَنَّ أَقْوَامٌ عَنْ وَدْعِهِمُ الْجُمُعَاتِ أَوْ لَيَخْتِمَنَّ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ ثُمَّ لَيَكُونُنَّ مِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: “Hendaklah sesuatu kaum itu daripada meninggalkan solat Jumaat atau Allah akan menutup hati-hati mereka, akibatnya mereka akan menjadi golongan yang lalai.”

Riwayat Muslim (865) dan yang lainnya

³⁹ Al-Qurtubi berkata: Ayat ini menjadi dalil bahawa Allah fardhukan Jumaat kepada setiap orang Islam dan menolak pendapat yang menyatakan bahawa solat Jumaat hukumnya fardhu kifayah sedangkan Jumhur al-Ummah berpendapat hukumnya adalah fardhu ain.

Hikmah Pensyariatian Solat Jumaat

Solat Jumaat yang disyariatkan itu mempunyai hikmah dan faedah yang banyak. Dalam ruangan ini tidak dapat dimuatkan secara terperinci. Antara hikmah yang terpenting ialah orang Islam akan dapat bertemu bagi peringkat *qaryah* di masjid sekali dalam seminggu.

Di situlah mereka boleh menerima nasihat untuk menyatukan, menguatkan kesatuan dan perpaduan mereka serta tolong menolong sesama mereka. Mereka akan peka dan mengambil berat terhadap peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka pada setiap minggu. Kehadiran mereka dapat menguatkan hubungan dengan pemimpin besar mereka (imam) yang bertindak sebagai khatib atau penasihat.

Justeru, hari Jumaat adalah perhimpunan mingguan kerana pada hari itu orang Islam dapat bertemu dalam satu kumpulan bersama-sama pemimpin mereka, iaitu imam dan khatib. Sebab itu Allah SWT berkali-kali menggesa orang Islam hadir untuk bersolat Jumaat pada hari tersebut dan memberi amaran kepada yang meninggalkannya atau memandang ringan terhadapnya. Perkara-perkara tersebut telah diterangkan sebelum ini dan akan dijelaskan nanti. Hal ini cukuplah kita merenung sabda Nabi SAW:

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan tiga kali Jumaat kerana meringan-ringankannya maka Allah SWT akan menutup pintu hatinya.”

Riwayat Abu Daud (1054)

Syarat Wajib Solat Jumaat

Solat Jumaat diwajibkan kepada mereka yang memenuhi 7 syarat berikut:

Pertama: Beragama Islam

Orang kafir tidak dituntut melaksanakan solat Jumaat di dunia ini kerana mereka dituntut memeluk Islam terlebih dahulu disebabkan Islam merupakan

asas ibadat dan ketaatan keseluruhannya manakala di Akhirat pula mereka tetap didakwa dan diazab.

Kedua: Baligh

Solat Jumaat tidak wajib hadir atas kanak-kanak kerana mereka tidak *mukallaf*.

Ketiga: Berakal

Orang gila tidak wajib mendirikan solat Jumaat kerana mereka juga tidak *mukallaf*.

Keempat: Bebas sepenuhnya

Solat Jumaat tidak wajib atas hamba kerana hamba sibuk menjalankan tanggungjawab terhadap tuannya. Tanggungjawab itu menghalang mereka daripada menunaikan Jumaat.

Kelima: Lelaki

Solat Jumaat tidak wajib atas perempuan kerana sibuk melayan anak-anak dan menguruskan rumahtangga. Kesibukan tersebut sudah tentu menimbulkan kerumitan atas mereka jika diwajibkan menghadiri solat Jumaat.

Keenam: Sihat Tubuh Badan

Solat Jumaat tidak wajib atas pesakit sama ada berasa sakit ketika menghadiri solat Jumaat di masjid, berasa sakit kerana menunggu selesai solat Jumaat, atau akan bertambah kuat sakitnya dan lambat sembuhnya. Begitu juga tidak diwajibkan solat Jumaat atas orang yang ditugaskan merawat dan berkhidmat kepada pesakit. Hal ini kerana tiada orang lain yang boleh mengambil alih tugasnya ketika dia pergi bersolat Jumaat sedangkan pesakit memerlukan khidmatnya. Pengecualian ini tidak dikira sama ada pesakit itu di kalangan ahli keluarganya atau tidak.

Ketujuh: Bermukim di tempat Solat Jumaat Didirikan

Solat Jumaat tidak wajib atas orang musafir dengan syarat perjalanan itu harus walaupun dekat. Seseorang yang musafir itu disyaratkan memulakan perjalanannya sebelum terbit fajar pada hari Jumaat dan dia tidak terdengar azan subuh di tempatnya.

Solat Jumaat juga tidak wajib atas orang yang bermastautin di tempat yang tidak sah didirikan solat Jumaat seperti di kampung yang bilangannya kurang daripada 40 orang yang bermastautin dan tidak mempunyai sebarang keuzuran.

Disyaratkan juga tidak terdengar suara azan daripada masjid *qaryah* sebelahnya yang mendirikan solat Jumaat.

Semua syarat ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ
أَوْ مَرِيضٌ

Maksudnya: “Solat Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib atas setiap orang Islam secara berjemaah melainkan kepada 4 golongan iaitu hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak dan orang sakit.”

Riwayat Abu Daud (1067)

Hadith seterusnya, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَعَلَيْهِ الْجُمُعَةُ إِلَّا امْرَأَةً أَوْ مُسَافِرًا أَوْ عَبْدًا أَوْ مَرِيضًا

Maksudnya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari Akhirat maka wajib atasnya mendirikan solat Jumaat kecuali dia seorang perempuan, musafir, hamba dan orang sakit.”

Riwayat al-Daraqutni (2/3) dan yang lainnya

Hadith yang lain pula:

الْجُمُعَةُ عَلَى كُلِّ مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ

Maksudnya: “*Solat Jumaat wajib atas setiap orang yang mendengar seruan azan.*”

Riwayat Abu Daud (1056)

Syarat Sah Jumaat

Apabila seseorang mempunyai tujuh syarat terdahulu maka wajiblah dia mendirikan solat Jumaat. Bagaimanapun solat Jumaat tidak sah melainkan dengan empat syarat yang berikut.

Pertama: Solat Jumaat hendaklah didirikan di dalam kawasan binaan sama ada di bandar atau di qaryah yang mempunyai penduduk yang bermustautin tidak kurang daripada 40 orang lelaki yang cukup syarat-syarat wajib mendirikan Jumaat.

Maksud *bandar* ialah kawasan yang mempunyai qadhi dan hakim serta pasar untuk berjual beli. Manakala maksud *qaryah* pula ialah kawasan yang tidak terdapat perkara-perkara tersebut.

Solat Jumaat tidak sah didirikan di kawasan padang pasir, di antara khemah-khemah atau di qaryah yang kurang daripada 40 orang lelaki yang wajib mendirikan Jumaat.

Jika mereka terdengar azan daripada bandar yang berhampiran maka mereka wajib pergi ke tempat tersebut untuk mendirikan solat Jumaat. Sebaliknya mereka yang tidak terdengar azan, maka gugurlah kewajipan mendirikan solat Jumaat seperti yang telah dijelaskan.

Syarat solat Jumaat tersebut berdasarkan peristiwa pada zaman Nabi SAW dan zaman Khulafa' al-Rasyidin yang hanya didirikan dalam keadaan demikian. Qabilah-qabilah Arab Badwi yang tinggal di luar bandar Madinah tidak mendirikan solat Jumaat dan Rasulullah SAW tidak pula memerintahkan mereka supaya mendirikan.

Kedua: Bilangan Jemaah bagi solat Jumaat ialah sekurang-kurangnya 40 orang lelaki yang memenuhi syarat syarat wajib Jumaat iaitu lelaki, baligh dan bermastautin.

Hal ini berdasarkan hadith, Jabir bin Abdullah RA berkata:

مَضَتِ السُّنَّةُ أَنَّ فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ فَمَا فَوْقَ ذَلِكَ جُمُعَةٌ

Maksudnya: “Menurut sunnah, solat Jumaat didirikan sekiranya terdapat 40 orang atau lebih.”

Riwayat al-Baihaqi (1/177)

Dalam hadith Ka’ab bin Malik RA:

أَنَّ أَوَّلَ مَنْ جَمَعَ بِهِمْ أَسْعَدُ بْنُ زُرَّارَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَانُوا يَوْمَئِذٍ أَرْبَعِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya yang mula-mula mengumpulkan orang Islam untuk mendirikan solat Jumaat ialah As’ad bin Zararah RA dan bilangan mereka ketika itu ialah 40 orang.”

Riwayat Abu Daud (1071)

Ketiga: Solat Jumaat hendaklah didirikan dalam waktu Zuhur. Jika waktu Zuhur tidak mencukupi untuk mendirikan solat Jumaat, mereka wajib mendirikan solat Zuhur sahaja. Jika mereka telah memulakan solat Jumaat dan waktu Zuhur telah habis sedangkan mereka masih belum selesai hendaklah mereka menukarkan solat Jumaat itu kepada solat Zuhur dengan menyempurnakannya sebanyak empat rakaat.

Hal yang demikian berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang telah mendirikannya dalam waktu tersebut. Daripada Anas RA, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي الْجُمُعَةَ حِينَ تَمِيلُ الشَّمْسُ

Maksudnya: “Nabi SAW mendirikan solat Jumaat ketika matahari gelincir.”

Riwayat al-Bukhari (862)

Daripada Salamah bin al-Akwa’ RA, katanya:

كُنَّا نُصَلِّي مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْجُمُعَةَ ثُمَّ نَتَّصِرُفُ، وَكَيْسَ لِلْحَيْطَانِ ظِلٌّ
نَسْتَضِلُّ فِيهِ

Maksudnya: “*Kami mendirikan solat Jumaat bersama-sama Nabi SAW kemudian kami beredar dalam keadaan dinding-dinding tidak mempunyai bayang-bayang untuk kami berlindung.*”

Riwayat al-Bukhari (3935) dan Muslim (860)

Daripada Sahal bin Sa’ad RA, katanya:

مَا كُنَّا نَقِيلُ وَلَا نَتَغَدَّى إِلَّا بَعْدَ الْجُمُعَةِ

Maksudnya: “*Kami tidak tidur pada tengah hari dan tidak makan kecuali selepas solat Jumaat.*”

Riwayat al-Bukhari (897) dan Muslim (859)

Semua hadith yang tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah SAW tidak bersolat Jumaat melainkan dalam waktu Zuhur bahkan pada awal waktu.

Keempat: Jangan didirikan lebih daripada satu solat Jumaat pada satu tempat selagi ia boleh dilakukan demikian. Malahan mereka wajib berhimpun pada satu tempat. Namun harus berbuat lebih daripada satu tempat jika tempat tersebut tidak dapat menampung bilangan jemaah yang ramai.

Sekiranya solat Jumaat didirikan berbilang dalam satu bandar atau *qaryah* tanpa sebab munasabah hanya solat yang didirikan terlebih dahulu dikira sah.

Solat yang lebih dahulu didirikan bermaksud solat yang lebih dahulu dimulakan, bukan solat yang lebih dahulu selesai. Dalam keadaan ini ia dikira sah. Para jemaah pada solat Jumaat yang lain dianggap cuai kerana mereka mendirikan solat Jumaat berasingan dan tidak berkumpul di tempat solat yang lebih awal dimulakan. Oleh itu mereka hendaklah menggantikannya dengan solat Zuhur.

Jika tidak diketahui dahulu kemudiannya solat Jumaat tersebut, maka kesemuanya dikira batal. Mereka hendaklah mendirikan solat Jumaat yang lain di satu tempat sahaja sekiranya boleh dan masa yang ada.

Dalil Tidak Boleh Berbilang Jumaat

Pada zaman Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin dan Tabi'in, solat Jumaat tidak didirikan kecuali pada satu tempat sahaja dalam sesebuah bandar atau *qaryah*. Sesebuah bandar hanya terdapat satu masjid besar yang dinamakan masjid jami' untuk didirikan solat Jumaat.

Sementara masjid-masjid yang lain⁴⁰ hanya digunakan untuk mendirikan solat fardhu lima waktu.

Daripada Aisyah R.Anha, katanya:

كَانَ النَّاسُ يَنْتَابُونَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مِنْ مَنَازِلِهِمْ وَالْعَوَالِي

Maksudnya: “Orang ramai selalu datang ke masjid pada hari Jumaat dari tempat tinggal mereka dan dari kawasan-kawasan di timur Madinah.”

Riwayat al-Bukhari (860) dan Muslim (847)

Daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

إِنَّ أَوَّلَ جُمُعَةٍ جُمِعَتْ بَعْدَ جُمُعَةٍ فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَسْجِدِ
عَبْدِ الْقَيْسِ بِجُوَاثَى مِنَ الْبَحْرَيْنِ

Maksudnya: “Sesungguhnya solat Jumaat yang pertama didirikan selepas solat Jumaat di masjid Nabi ialah di masjid Abdul Qais di Juwathi, Bahrain.”

Riwayat al-Bukhari (852)

Hikmah tidak boleh didirikan solat Jumaat berbilang-bilang di satu-satu bandar atau *qaryah* adalah supaya boleh sampai kepada tujuan menzahirkan syiar perpaduan dan penyatuan fikiran. Jika didirikan bertaburan tanpa sebab yang munasabah mungkin akan membawa kepada perpecahan dan perbalahan.

⁴⁰ Dalam konteks negara kita Malaysia semua masjid didirikan solat Jumaat sama ada masjid jami' atau tidak. Tempat solat yang lain pula dinamakan surau.

Rukun-rukun Jumaat

Rukun Jumaat terdiri daripada dua. Kedua-duanya menjadi asas rukun Islam yang agung.

Pertama: Dua khutbah. Kedua-duanya mempunyai beberapa syarat seperti berikut:

- i. Ketika membaca khutbah, khatib hendaklah berdiri jika mampu. Di antara kedua-dua khutbah tersebut hendaklah diselangi dengan duduk.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir bin Samurah RA berkata:

أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ خُطْبَتَيْنِ يَجْلِسُ بَيْنَهُمَا وَكَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW berkhotbah dengan dua khutbah, diselangi dengan duduk di antara kedua-duanya dan Baginda berkhotbah dalam keadaan berdiri.*”

Riwayat Muslim

Hadith seterusnya, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ قَائِمًا ثُمَّ يَقَعُدُ ثُمَّ يَقُومُ، كَمَا تَفْعَلُونَ الْآنَ

Maksudnya: “*Nabi SAW berkhotbah dalam keadaan berdiri kemudian duduk dan berdiri semula seperti yang kamu lakukan sekarang.*”

Riwayat al-Bukhari (878) dan Muslim (861)

- ii. Khutbah tidak dikemudiankan daripada solat Jumaat.

Hal ini kerana mengikut sunnah Rasulullah SAW seperti yang telah diketahui daripada beberapa hadith tentang solat Jumaat serta ijma' ulama'.

- iii. Khatib hendaklah suci daripada hadas kecil dan besar serta najis yang tidak dimaafkan pada pakaian, badan dan tempatnya. Khatib juga hendaklah menutup aurat.

Syarat ini kerana khutbah itu adalah sama seperti solat. Malah dua khutbah tersebut adalah sebagai ganti dua rakaat daripada solat Zuhur. Maka disyaratkan bagi khutbah sebagaimana yang disyaratkan kepada solat seperti suci dan sebagainya.

- iv. Rukun-rukun khutbah hendaklah dibaca dalam bahasa Arab.

Khatib hendaklah menyampaikan semua rukun khutbah dalam bahasa Arab walaupun ia tidak difahami oleh para jemaah. Sekiranya tidak ada orang yang tahu berbahasa Arab sedangkan ada masa mempelajarinya maka semua jemaah tersebut berdosa dan tidak boleh mendirikan Jumaat tetapi hendaklah mendirikan solat Zuhur. Sekiranya kesempatan mempelajari bahasa Arab itu tidak ada, maka rukun-rukun khutbah itu hendaklah diterjemahkan kepada sebarang bahasa yang sesuai dan solat Jumaat itu dikira sah.

- v. Berturut-turut antara rukun-rukun khutbah yang pertama dan kedua, dan antara khutbah kedua dengan solat Jumaat.

Jika berhenti lama pada pandangan umum antara khutbah pertama dengan khutbah kedua atau antara dua khutbah dengan solat Jumaat maka khutbah tersebut adalah tidak sah. Sekiranya boleh diulangi khutbah itu semula maka wajib diulangi, dan jika tidak hendaklah diteruskan dengan solat Zuhur.

- vi. Rukun dua khutbah hendaklah didengar 40 orang jemaah yang memenuhi syarat-syarat wajib solat Jumaat.

Rukun dua khutbah tersebut ialah:

- i. Memuji Allah SWT dengan menggunakan sebarang lafaz.
- ii. Berselawat ke atas Nabi SAW dengan sebarang lafaz selawat. Sebutan nama Nabi SAW hendaklah disebut dengan jelas seperti lafaz Nabi, Rasul atau Muhammad dan tidak memadai dengan sebutan ganti nama sebagai ganti kepada lafaz-lafaz tersebut.
- iii. Memberi nasihat supaya bertaqwa kepada Allah SWT dengan menggunakan sebarang lafaz dan gaya bahasa.

Ketiga-tiga rukun itu menjadi rukun bagi kedua-dua khutbah. Oleh itu tidak sah kedua-dua khutbah Jumaat melainkan dengan menyempurnakan rukun-rukun tersebut.

- iv. Membaca satu ayat al-Quran pada satu daripada dua khutbah. Ayat al-Quran yang dibaca itu hendaklah boleh difahami dan jelas maknanya. Tidak memadai membaca satu ayat daripada beberapa huruf potong pada awal surah.
- v. Mendoakan orang mukmin dalam khutbah yang kedua dengan sebarang doa.

Kedua: Solat Dua Rakaat Secara Berjemaah

Hal ini berdasarkan hadith, Umar RA berkata:

صَلَاةُ الْجُمُعَةِ رَكْعَتَانِ عَلَى لِسَانِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Solat Jumaat adalah dua rakaat berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW.”

Riwayat al-Nasaie (3/111)

Hadith seterusnya:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ

Maksudnya: “Solat Jumaat adalah wajib atas setiap orang Islam lelaki yang ditunaikan secara berjemaah.”

Riwayat Abu Daud (1067)

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, ijma’ ulama’ memutuskan bahawa solat Jumaat ialah dua rakaat dan wajib didirikan secara berjemaah.

Sesungguhnya dikira dapat berjemaah dalam solat Jumaat dengan dapat sekurang-kurangnya satu rakaat penuh. Oleh itu, sekiranya dapat satu rakaat sahaja maka Jumaatnya sah. Jika tidak, wajib ditukar kepada solat Zuhur. Bilangan jemaah juga disyaratkan tidak kurang daripada 40 orang yang memenuhi syarat-syarat wajib solat Jumaat.⁴¹

⁴¹ Ibn Hajar al-Asqalani berkata: Ulama’ *khilaf* berkenaan dengan bilangan untuk solat Jumaat kepada banyak pendapat:

- Seorang. Inilah yang dinukilkan oleh Ibn Hazm.
- 2 orang. Ini pendapat al-Nakhaie dan ahli zahir.
- 3 orang selain imam. Inilah pendapat Abu Hanifah dan Muhammad.
- 4 orang. Inilah pendapat al-Auza’ie dan Abi Nas.
- 7 orang. Seperti dihikayatkan daripada Ikrimah.
- 9 orang. Seperti pendapat Rabiah.
- 12 orang. Sebagaimana pendapat oleh Mutawalli, al-Mawardi, al-Zuhri dan Muhammad bin al-Hasan.
- 20 orang. Ini pendapat Imam Malik.
- 30 orang. Inilah satu riwayat daripada Malik.
- 40 orang bersama imam. Inilah yang sahih dalam mazhab al-Syafie.
- 40 orang tidak termasuk imam. Ini riwayat daripada al-Syafie dan Umar bin Abdul Aziz.
- 50 orang. Ini pendapat Imam Ahmad.
- 80 orang seperti yang dihikayatkan oleh al-Mawardi daripada ramai ulama’.

Imam Sayuti berkata: *Tidak sabit tentang Jumaat suatu pun daripada hadith yang menentukan bilangan khusus, jika ada pasti menjadi ijma’*. Dan ini juga yang dipilih oleh Allamah Ahmad bin Zaid al-Habsyi.

Justeru, jika seseorang *masbuq* mengikut imam pada rakaat yang kedua solat Jumaatnya sah, dan dia hendaklah menambah satu rakaat lagi setelah imam mengucapkan salam.

Tetapi jika *masbuq* selepas imam bangun daripada ruku' yang kedua maka solat Jumaatnya tidak dikira, dan dia hendaklah menyempurnakannya dengan solat Zuhur selepas imam mengucap salam.

Sekiranya makmum dapat menyempurnakan rakaat yang pertama solat Jumaat bersama-sama imam kemudian berlaku perkara yang menyebabkan keseluruhan atau sebahagian daripada mereka bercerai daripada imam (*mufaraqah*) dan masing-masing menyudahkan solat Jumaat mereka bersendirian maka solat Jumaat mereka sah. Namun jika *mufaraqah* itu berlaku sebelum selesai rakaat pertama maka solat Jumaat mereka tidak sah dan bertukar menjadi solat Zuhur.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْجُمُعَةِ أَوْ غَيْرِهَا فَلْيُضِفْ إِلَيْهَا أُخْرَى وَقَدْ تَمَّتْ صَلَاتُهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang dapat satu rakaat daripada solat Jumaat dan solat lainnya maka hendaklah menambah baki rakaat yang lain. Dengan demikian solatnya menjadi sempurna.”

Riwayat al-Nasaie (562)

Adab Jumaat dan Caranya

Hari Jumaat dan solat Jumaat mempunyai beberapa adab yang sunat dan patut diambil berat dan diamalkan. Adab-adab Jumaat adalah seperti berikut:

i. Mandi

Hal ini berdasarkan hadith:

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْجُمُعَةِ فَلْيَغْتَسِلْ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu hendak menghadiri solat Jumaat maka hendaklah dia mandi.”

Riwayat al-Bukhari (387) dan Muslim (844)

Perintah mandi dalam hadith tersebut adalah sunat berdasarkan hadith yang berikut:

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهَا وَنَعِمَتْ وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ

Maksudnya: “Sesiapa yang berwudhu’ pada hari Jumaat maka perbuatan itu adalah satu sunnah dan sebaik-baik ikutan, dan sesiapa yang mandi maka mandi itu adalah afdhal.”

Riwayat al-Tirmizi (499)

ii. Membersihkan Tubuh daripada Kekotoran, Bau Busuk dan Memakai Minyak dan Wangi-wangian

Hal yang demikian agar tidak mengganggu orang lain malah dapat menimbulkan rasa kasih sayang dan gembira apabila bertemu sesama jemaah. Sebagaimana yang diketahui bahawa orang yang diberi kelonggaran meninggalkan solat Jumaat ialah orang yang makan sesuatu benda yang mengakibatkan bau busuk yang boleh mengganggu orang lain.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Salman al-Farisi RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَيَتَطَهَّرُ مَا اسْتَطَاعَ مِنْ طَهْرٍ، وَيَدْهِنُ مِنْ دُهْنِهِ، أَوْ يَمَسُّ مِنْ طِيبٍ بَيْنَهُ ثُمَّ يَخْرُجُ، فَلَا يُفْرَقُ بَيْنَ اثْنَيْنِ، ثُمَّ يُصَلِّي مَا كَتَبَ لَهُ، ثُمَّ يَنْصِتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ، إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى

Maksudnya: “Seseorang yang mandi dan bersuci pada hari Jumaat sekadar yang termampu, memakai minyak dan wangi-wangian, kemudian ke masjid dan tidak mengganggu para jemaah dan seterusnya mendirikan solat yang ditentukan, diam ketika imam

berkhutbah. Maka segala dosa kecilnya akan diampunkan di antara Jumaat dan Jumaat yang akan datang.”

Riwayat al-Bukhari (843)

iii. Memakai Pakaian yang Terbaik

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ لَبَسَ ثِيَابَهُ وَمَسَّ طَبِيبًا إِنْ كَانَ عِنْدَهُ ثُمَّ مَشَى إِلَى الْجُمُعَةِ وَعَلَيْهِ السَّكِينَةُ وَلَمْ يَتَخَطَّ أَحَدًا وَلَمْ يُؤْذِهِ ثُمَّ رَكَعَ مَا قُضِيَ لَهُ ثُمَّ انْتَبَرَ حَتَّى يَنْصَرِفَ الْإِمَامُ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

Maksudnya: “Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat, kemudian memakai pakaian yang terbaik, dan menyapu wangi-wangian sekiranya ada, lalu pergi ke masjid tanpa melangkahi seseorang dan menyakitinya, selepas itu dia mendirikan solat sebagaimana yang ditentukan dan menunggu sehingga imam beredar maka dosa-dosanya antara dua Jumaat akan diampunkan oleh Allah SWT.”

Riwayat Ahmad (3/81) dan yang lainnya

Pakaian yang terbaik ialah pakaian yang berwarna putih. Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفْنَا فِيهَا مَوْتَكُمْ

Maksudnya: “Hendaklah memakai pakaian berwarna putih. Sesungguhnya pakaian berwarna putih adalah pakaian yang terbaik, dan kafankanlah orang mati di kalangan kamu dengan kain putih.”

Riwayat al-Tirmizi (994) dan yang lainnya

iv. Memotong Kuku dan Mengemas Rambut

Memotong kuku dan mengemaskan rambut adalah berdasarkan hadith:

أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُقَلِّمُ أَظْفَارَهُ وَيُقِصُّ شَارِبَهُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ

Maksudnya: “Bahawasanya Rasulullah SAW memotong kuku dan menggunting misai pada hari Jumaat.”

Riwayat al-Bazzar dalam *Musnadnya*

v. Bersegera ke Masjid

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقْرَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّلَاثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ

Maksudnya: “Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat sebagaimana mandi janabah kemudian bersegera ke masjid maka dia seolah-olah telah bersedekah dengan seekor unta; sesiapa yang pergi pada saat yang kedua seolah-olah dia telah bersedekah seekor lembu. Sesiapa yang pergi pada saat ketiga seolah-olah dia bersedekah seekor kambing bertanduk cantik. Sesiapa yang yang pergi pada saat keempat dia seolah-olah bersedekah seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada saat kelima dia seolah-olah bersedekah sebiji telur. Kemudian apabila imam keluar naik ke atas mimbar untuk berkhotbah para malaikat hadir bersama-sama mendengar khotbahnya.”

Riwayat al-Bukhari (841) dan Muslim (850)

vi. Solat Dua Rakaat Ketika Memasuki Masjid

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَلْيَتَجَوَّزْ فِيهِمَا

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu sampai ke masjid pada hari Jumaat dan imam sedang berkhotbah dia hendaklah mendirikan solat dua rakaat yang ringkas dan sempurna.”

Riwayat Muslim (875)

Sekiranya khatib masih belum mengakhiri khutbahnya. Jika demikian, dia hendaklah menunggu solat fardhu didirikan. Apabila dia terus duduk maka solat sunat dua rakaat tersebut terluput dan tidak sah jika dia melakukannya semula. Malah dia wajib terus duduk mendengar khutbah sehingga solat Jumaat didirikan.

vii. Diam Ketika Dua Khutbah

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ. وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ

Maksudnya: “Apabila kamu berkata ‘diam’ kepada sahabat kamu pada hari Jumaat ketika imam membaca khutbah maka sia-sialah Jumaat kamu.”

Riwayat al-Bukhari (892), Muslim (851) dan yang lainnya

Ali RA meriwayatkan:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Bahawa sesiapa yang Jumaatnya sia-sia dia tidak dapat apa-apa kelebihan dan pahala yang diharapkan daripada Jumaatnya itu.”

Riwayat Abu Daud (1051)

Adab-adab Umum Pada Hari Jumaat

Hari Jumaat ialah hari yang paling mulia dalam seminggu. Pada hari Jumaat ada beberapa perkara sunat dan adab-adab yang sepatutnya diketahui oleh orang Islam untuk diamalkan setakat yang mampu.

Antara adab tersebut ialah:

i. Sunat Membaca Surah al-Kahfi pada Malam Jumaat dan Siangnya

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat Allah akan meneranginya dengan cahaya sepanjang masa di antara dua Jumaat.”

Riwayat al-Nasaie (453)

ii. Memperbanyakkan Doa pada Malam dan Siangnya

Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW menyebut tentang hari Jumaat, sabdanya:

فِيهَا سَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ، وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي، يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى شَيْئًا إِلَّا
أَعْطَاهُ إِيَّاهُ

Maksudnya: “Pada hari tersebut ada satu ketika jika bertepatan seseorang Muslim yang mendirikan solat Jumaat memohon sesuatu kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT memperkenankannya.”

Riwayat al-Bukhari (893) dan Muslim (852)

Sambil bersabda, Baginda mengisyaratkan *ketika yang sedikit* itu dengan tangannya.

iii. **Sunat Berselawat ke atas Nabi SAW dengan Banyak pada Malam dan Siangnya**

Hal ini berdasarkan hadith:

إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَّامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَأَكْثَرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِيهِ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوضَةٌ عَلَيَّ

Maksudnya: “Antara hari yang paling mulia adalah hari Jumaat. Justeru, banyakkannya berselawat kepadaku pada hari tersebut kerana selawat kamu akan dikemukakan kepadaku.”

Riwayat Abu Daud (1047) dan yang lainnya dengan *sanad* yang sahih

SOLAT NAFAL

Pengertian *Nafal*

Perkataan *nafal* (النَّفَلُ) dari segi bahasa bererti *tambahan* manakala pada istilah ialah solat lain solat fardhu. Ia dinamakan demikian kerana solat tersebut adalah tambahan kepada solat fardhu. Solat ini juga disebut *sunat*, *mandub* atau *mustahab*.

Solat sunat terbahagi kepada dua bahagian. Satu bahagian tidak sunat dilakukan secara berjemaah dan satu bahagian lagi sunat dilakukan secara berjemaah.

Solat yang Tidak Sunat Dilakukan Secara Berjemaah

Bahagian ini terbahagi kepada dua, iaitu solat yang mengiringi solat-solat fardhu sebagaimana yang telah diterangkan dahulu, dan solat sunat yang tidak mengikut solat fardhu. Kesemua bahagian solat ini akan dihuraikan satu-persatu.

Pertama: Solat sunat mengiringi solat fardhu.

Solat sunat yang mengiringi solat fardhu terbahagi kepada dua iaitu sunat *muakkad* dan sunat yang *tidak muakkad*.

Solat sunat *muakkad* ialah solat sunat dua rakaat sebelum solat fardhu Subuh, dua rakaat sebelum dan selepas solat fardhu Zuhur, dua rakaat selepas solat fardhu Maghrib dan dua rakaat selepas solat Isya'.

Hal ini berdasarkan kepada hadith. Daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

حَفِظْتُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ رَكَعَاتٍ رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَهَا، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرَبِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكَعَتَيْنِ قَبْلَ صَلَاةِ الصُّبْحِ، وَكَانَتْ سَاعَةً لَا يُدْخَلُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيهَا

Maksudnya: “Aku ingat 10 rakaat daripada Nabi SAW iaitu dua rakaat sebelum Zuhur dan dua rakaat selepasnya, dua rakaat selepas Maghrib di rumah Baginda, dua rakaat selepas Isya’ di rumah Baginda dan dua rakaat sebelum solat Subuh. Kesemuanya merupakan waktu yang Baginda SAW tidak ditemui.”

Riwayat al-Bukhari (1126) dan Muslim (729)

Solat yang paling *muakkad* antara semua solat sunat tersebut ialah dua rakaat solat *Fajar*. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

لَمْ يَكُنِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى شَيْءٍ مِنَ التَّوَافِلِ أَشَدَّ تَعَاهُدًا مِنْهُ عَلَى رَكَعَتِي الْفَجْرِ

Maksudnya: “Nabi SAW sangat mengambil berat dan menjaga solat sunat fajar dua rakaat lebih utama daripada sunat yang lain.”

Riwayat al-Bukhari (1116) dan Muslim (724)

Adapun solat sunat yang tidak *muakkad* ialah dua rakaat yang lain bagi sebelum solat fardhu Zuhur. Hal ini berdasarkan hadith, Aisyah R.Anha meriwayatkan bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَدَعُ أَرْبَعًا قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكَعَتَيْنِ قَبْلَ الْعَدَاةِ

Maksudnya: “Nabi SAW tidak meninggalkan empat rakaat solat sunat sebelum solat Zuhur dan dua rakaat sebelum solat Subuh.”

Riwayat al-Bukhari (1127)

Hadith seterusnya:

كَانَ يُصَلِّي فِي بَيْتِي قَبْلَ الظُّهْرِ أَرْبَعًا ثُمَّ يَخْرُجُ فَيُصَلِّي بِالنَّاسِ ثُمَّ يَدْخُلُ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ

Maksudnya: “Baginda bersolat di rumahku empat rakaat sebelum Zuhur, kemudian Baginda keluar bersolat bersama-sama orang ramai. Selepas itu Baginda masuk semula bersolat pula dua rakaat.”

Riwayat Muslim (730)

Baginda juga menambah solat dua rakaat lagi selepas itu. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Habibah R.Anha katanya, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعًا بَعْدَهَا حَرَمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bersolat empat rakaat sebelum solat Zuhur dan empat rakaat sesudahnya, Allah memeliharanya daripada neraka.”

Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasaie, Ibn Majah dan Ahmad dan disahihkan oleh al-Tirmizi (427 & 428)

Sehubungan itu solat Jumaat sama seperti solat Zuhur dalam hal tersebut. Ini kerana solat Jumaat menggantikan solat Zuhur. Justeru, sunat bersolat empat rakaat iaitu dua rakaat *muakkad* dan dua rakaat lagi tidak *muakkad* sebelum solat Jumaat. Begitu juga solat sunat yang dilakukan selepas solat fardhu Jumaat.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ الْجُمُعَةَ فَلْيُصَلِّ بَعْدَهَا أَرْبَعًا

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu bersolat Jumaat dia hendaklah bersolat empat rakaat selepasnya.”

Riwayat Muslim (881)

Begitu juga hadith, daripada Ibn Mas'ud RA, katanya:

كَانَ يُصَلِّي قَبْلَ الْجُمُعَةِ أَرْبَعًا وَبَعْدَهَا أَرْبَعًا

Maksudnya: “Dia bersolat empat rakaat sebelum solat fardhu Jumaat dan empat rakaat selepasnya.”

Riwayat al-Tirmizi (523)

Hal ini jelas diketahuinya daripada perbuatan Nabi SAW.

Empat Rakaat Sebelum Solat Fardhu Asar

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

رَحِمَ اللَّهُ امْرَأً صَلَّى قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعًا

Maksudnya: “Allah SWT merahmati seseorang yang bersolat empat rakaat sebelum solat fardhu Asar.”

Riwayat al-Tirmizi (430)

Solat Tersebut Dilakukan Dua Rakaat

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ali RA:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ يَفْصِلُ بَيْنَهُنَّ بِالتَّسْلِيمِ

Maksudnya: “Nabi SAW bersolat bersolat sebelum solat fardhu Asar sebanyak empat rakaat dan memisahkannya dengan salam.”

Riwayat al-Tirmizi (429) dan yang lainnya

Dua Rakaat Ringkas Sebelum Solat Fardhu Maghrib

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA berkata:

كُنَّا بِالْمَدِينَةِ فَإِذَا أَذَّنَ الْمُؤَذِّنُ لِصَلَاةِ الْمَغْرِبِ ابْتَدَرُوا السَّوَارِيَ فَيَرْكَعُونَ رَكَعَتَيْنِ
رَكَعَتَيْنِ حَتَّىٰ إِنَّ الْغَرِيبَ لَيَدْخُلُ الْمَسْجِدَ فَيَحْسِبُ أَنَّ الصَّلَاةَ قَدْ صَلَّيْتَ مِنْ كَثْرَةِ مَنْ
يُصَلِّيهِمَا

Maksudnya: “Semasa kami di Madinah, apabila muazzin menyerukan azan untuk solat Maghrib, orang ramai segera ke tiang-tiang lalu masing-masing bersolat dua rakaat hingga orang asing yang masuk ke masjid menyangkakan solat telah pun selesai disebabkan ramai orang yang melakukan solat dua rakaat tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (599) dan Muslim (837)

Maksud *dua rakaat ringkas* ialah tidak melakukan yang lebih daripada sekurang-kurang rukun solat, sunat-sunat dan adab-adabnya.

Begitu juga sunat bersolat dua rakaat yang ringkas sebelum solat fardhu Isya’.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Mughaffal R.Anhuma, bahawa Rasulullah SAW bersabda sebanyak tiga kali:

بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلَاةٌ، ثَلَاثًا لِمَنْ شَاءَ. وَفِي رِوَايَةٍ: بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلَاةٌ بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ
صَلَاةٌ ثُمَّ قَالَ فِي الثَّلَاثَةِ: لِمَنْ شَاءَ

Maksudnya: “Di antara tiap-tiap dua azan ada solat. Kemudian tambah Baginda lagi, iaitu bagi sesiapa yang ingin melakukannya. Dalam riwayat yang lain pula menyatakan bahawa: Di antara tiap-tiap dua azan ada solat, di antara tiap-tiap dua azan ada solat. Kemudian Baginda menyebut pada kali yang ketiga, bagi sesiapa yang hendak melakukannya.”

Riwayat al-Bukhari (601) dan Muslim (838)

Maksud *dua azan* dalam hadith tersebut ialah azan dan iqamah.

Kedua: Solat yang Tidak Mengiringi Solat Fardhu

Solat sunat ini juga terbahagi kepada dua, iaitu solat sunat yang ditentukan namanya serta mempunyai waktu yang tertentu, dan solat sunat *mutlaq* yang tidak ditentukan nama dan waktunya.

Solat Sunat yang Ditentukan Namanya serta Mempunyai Waktu yang Tertentu

i. Tahiyatul Masjid

Tahiyatul Masjid ialah solat dua rakaat yang dilakukan oleh setiap orang yang masuk ke dalam masjid sebelum dia duduk. Hal ini berdasarkan hadith:

فَإِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلَا يَجْلِسَ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, janganlah duduk sehingga dia bersolat sebanyak dua rakaat.”

Riwayat al-Bukari (433) dan Muslim (714)

Tahiyatul Masjid terhasil dengan sendirinya apabila melakukan solat fardhu atau solat-solat sunat yang lain. Tujuannya ialah supaya seseorang itu tidak harus duduk di dalam masjid tanpa bersolat terlebih dahulu.

ii. Solat Witir

Solat *witir* ialah sunat *muakkad*.⁴² Ia dinamakan demikian kerana ditamatkan dengan satu rakaat, dan berbeza dengan solat yang lain.

⁴² Mengikut mazhab Hanafi, hukumnya adalah wajib. Walaupun begitu, pendapat jumhur ulama yang mengatakan sunat *muakkad*, adalah lebih kuat berdasarkan hadith Sayyidina Ali RA yang bermaksud: *Solat Witir tidaklah wajib seperti solat yang diwajibkan atas kamu, tetapi Rasulullah SAW melakukannya.*

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ali RA, katanya:

إِنَّ الْوَيْتَرَ لَيْسَ بِحَتْمٍ كَصَلَاتِكُمْ الْمَكْتُوبَةِ وَلَكِنَّ سَنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Solat witir tidaklah wajib seperti solat yang difardhukan atas kamu, tetapi Rasulullah SAW melakukannya.”

Riwayat al-Tirmizi (453) dan yang lainnya

Hadith yang lain pula, Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَهْلَ الْقُرْآنِ أَوْتَرُوا فَإِنَّ اللَّهَ وَتَرٌ يُحِبُّ الْوَيْتَرَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beramal dengan al-Quran! Hendaklah kamu melakukan solat Witir, sesungguhnya Allah itu bersifat witir dan dia menyukainya.”

Riwayat Abu Daud (1416)

Waktu solat *witir* ialah antara solat Isya’ dan terbit fajar. Namun yang afdhal ialah melakukannya pada akhir solat malam. Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ أَمَدَّكُمْ بِصَلَاةٍ وَهِيَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ وَهِيَ الْوَيْتَرُ فَجَعَلَهَا لَكُمْ فِيمَا بَيْنَ الْعِشَاءِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ

Maksudnya: “Allah SWT mengurniakan kamu solat yang lebih baik daripada unta merah. Solat itu ialah solat witir yang ditentukan waktunya di antara solat Isya’ sehingga terbit fajar.”

Riwayat Abu Daud (1418)

Hadith seterusnya, daripada Nabi SAW, sabdanya:

اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ مِنَ اللَّيْلِ وَتَرًا

Maksudnya: “Jadikanlah akhir solat malam kamu dengan solat Witir.”

Riwayat al-Bukhari (953) dan Muslim (749)

Bersolat *Witir* Selepas Solat Fardhu Isya' dan Solat-solat Sunat

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ خَافَ أَنْ لَا يَقُومَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ فَلْيُوتِرْ أَوَّلَهُ وَمَنْ طَمِعَ أَنْ يَقُومَ آخِرَهُ فَلْيُوتِرْ
آخِرَ اللَّيْلِ فَإِنَّ صَلَاةَ آخِرِ اللَّيْلِ مَشْهُودَةٌ وَذَلِكَ أَفْضَلُ

Maksudnya: “Sesiapa yang takut tidak terbangun pada saat akhir malam, dia hendaklah bersolat *Witir* lebih awal, dan sesiapa yang bersungguh-sungguh untuk bangun pada akhir malam dia hendaklah bersolat *Witir* pada akhir malam. Sesungguhnya solat pada akhir malam dihadiri bersama oleh para malaikat, dan itulah yang *afdhal*.”

Riwayat Muslim (755)

Hadith yang lain pula, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

أَوْصَانِي خَلِيلِي بِثَلَاثِ صِيَامٍ: ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَكَعَتِي الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ
قَبْلَ أَنْ أَرْقُدَ

Maksudnya: “Kekasihku (*Muhammad SAW*) mengingatkanku supaya melakukan tiga perkara iaitu: Berpuasa tiga hari pada setiap bulan, bersolat *Dhuha* sebanyak dua rakaat dan bersolat *Witir* sebelum tidur.”

Riwayat al-Bukhari (1880) dan Muslim (721)

Sekurang-kurang solat *Witir* ialah satu rakaat, tetapi makruh melakukannya satu rakaat sahaja. Sekurang-kurang sempurna solat *Witir* ialah tiga rakaat, iaitu melakukannya secara dua rakaat bersambung dan satu rakaat lagi berasingan. Sementara yang paling sempurna adalah melakukannya sebanyak sebelas rakaat dengan mengucap salam selepas setiap dua rakaat dan diakhiri dengan satu rakaat.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْوَتْرُ رَكْعَةٌ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ

Maksudnya: “Solat Witir ialah satu rakaat dilakukan pada akhir malam.”

Riwayat Muslim (752)

Hadith seterusnya, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مَا بَيْنَ أَنْ يَفْرُغَ مِنْ صَلَاةِ الْعِشَاءِ إِلَى الْفَجْرِ إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُسَلِّمُ بَيْنَ كُلِّ رَكْعَتَيْنِ وَيُوتِرُ بِوَاحِدَةٍ فَإِذَا سَكَتَ الْمُؤَذِّنُ مِنْ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَتَبَيَّنَ لَهُ الْفَجْرُ وَجَاءَهُ الْمُؤَذِّنُ قَامَ فَرَكَعَ رَكْعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ ثُمَّ اضْطَجَعَ عَلَى شِقِّهِ الْأَيْمَنِ حَتَّى يَأْتِيَهُ الْمُؤَذِّنُ لِلْإِقَامَةِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersolat sebanyak sebelas rakaat di antara selepas Baginda solat Isya’ waktu terbit fajar. Baginda mengucap salam setiap dua rakaat dan mengakhirinya dengan satu rakaat. Apabila muazzin selesai azan solat Subuh dan fajar telah nyata, muazzin pun menemui Baginda, lalu Baginda bangun bersolat sunat dua rakaat yang ringkas, kemudian Baginda mengiring atas lambung kanannya sehingga muazzin menemuinya lagi untuk iqamah.”

Riwayat al-Bukhari (1071), Muslim (736) dan yang lainnya

Hadith berikutnya, daripada Abu Ayyub RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda:

الْوَتْرُ حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِخَمْسٍ فَلْيَفْعَلْ وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِثَلَاثٍ فَلْيَفْعَلْ وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ

Maksudnya: “Solat Witir ialah syariat yang dituntut atas setiap orang Islam. Sesiapa hendak melakukannya 5 rakaat lakukanlah, sesiapa yang hendak melakukannya 3 rakaat lakukanlah, dan sesiapa hendak melakukannya 1 rakaat sahaja lakukanlah.”

Riwayat Abu Daud (1422)

iii. *Qiamullail*

*Qiamullail*⁴³ ialah solat malam yang dinamakan *Tahajjud* jika dilakukan selepas tidur. Ini kerana perkataan *Tahajjud* bererti meninggalkan tidur.

Qiamullail ialah solat sunat yang tidak ditentukan bilangan rakaatnya dan dilakukan selepas terjaga daripada tidur sebelum azan Subuh.⁴⁴

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ ۗ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا

⁴³ Semua ulama sepakat menetapkan solat *Qiamullail* atau *Tahajjud*, hukumnya **Sunat Muakkad**.

⁴⁴ Kami ingin menerangkan sebab-sebab yang memudahkan *qiamullail*. Ibn Qudamah menyebut dalam kitabnya, *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*: Ketahuilah *qiamullail* amat sukar untuk dilaksanakan kecuali siapa yang diberi *taufiq* dengan syarat-syarat yang memudahkannya.

Terdapat dua syarat iaitu zahir dan batin.

Antara sebab zahir ialah:

- i. **Tidak makan terlalu banyak.** Justeru, mereka berkata: *Hai golongan sufi, jangan makan banyak, nescaya kamu minum banyak, kamu tidur banyak dan sesal banyak.*
- ii. **Jangan berpenat pada siang hari** dengan kerja-kerja yang membebankan.
- iii. **Jangan meninggalkan tidur *qailulah*** pada siang hari kerana ia menolong untuk bangkit pada malam hari.

Antara sebab batin pula ialah:

- **Menjauhkan dosa.** Dengan sebab itu al-Thauri berkata: *Aku dihalang untuk qiamullail selama lima bulan kerana satu dosa yang aku lakukan.*
- **Selamatkan hati daripada prasangka dan perasaan tidak baik** kepada orang Islam.
- **Menjauhkan diri dari amalan bid'ah.**
- **Berpaling daripada lebih dunia.**
- **Mengetahui kelebihan qiamullail.**

Sebab yang paling kuat mendorong seseorang melakukan qiamullail ialah **cintakan Allah dan kekuatan iman**, kerana ia bermunajat kepada Tuhannya dalam keadaan *musyahadah*.

Maksud: *Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah “sembahyang tahajjud” padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari Akhirat di tempat yang terpuji.*

(Surah al-Isra’: 79)

Dalil seterusnya ialah hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya: Rasulullah SAW ditanya:

أَيُّ الصَّلَاةِ أَفْضَلُ بَعْدَ الْمَكْتُوبَةِ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ

Maksudnya: *“Apakah solat lain yang afdhal selain daripada solat fardhu? Baginda menjawab: Bersolat pada waktu tengah malam.”*⁴⁵

Riwayat Muslim (1163) dan yang lainnya

iv. Solat Dhuha⁴⁶

Sekurang-kurang solat *Dhuha* ialah dua rakaat, dan yang lebih sempurna ialah lapan rakaat.⁴⁷

⁴⁵ Terdapat banyak hadith yang menunjukkan kelebihan *qiamullail*, antaranya:

- i. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Seluruh manusia akan dihimpunkan di suatu kawasan pada hari kiamat, lalu kedengaran satu suara yang menyeru: Siapakah dia orang-orang (di dunia dulu yang telah meninggalkan tempat-tempat tidur mereka (qiamullail)? Lalu sekumpulan kecil orang-orang yang bangun malam itu masuk syurga tanpa hisab. Selepas itu, barulah diperintahkan oleh Allah SWT untuk dilakukan hisab pada semua manusia* (Riwayat al-Baihaqi).
- ii. Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *Hendaklah kamu berqiamullail kerana ia merupakan perjalanan orang yang soleh sebelum kamu, mendekatkan kepada Tuhanmu, mengampunkan segala dosa dan mencegah segala kejahatan.*

⁴⁶ Ibn Manzur dalam kitabnya, *Lisan al-Arab* berkata: *Dhuha merujuk makna matahari dikatakan cahayanya. Ada pendapat mengatakan cahayanya apabila sampai ke bumi. Begitu juga dengan pendapat tanduknya mengenaimu dan dikatakan setiap apa yang terkena oleh matahari maka dinamakan Dhuha. Inilah pendapat kebanyakan ulama’ bahasa seperti al-Azhari Abu Haitam dan al-Asmu’i. Justeru, maksud solat Dhuha ialah solat pada waktu matahari baru muncul atau terbit.*

⁴⁷ Ada pendapat yang menyatakan 12 rakaat. Ini berdasarkan banyak hadith. Antaranya hadith daripada Ibn Umar RA katanya: Aku berkata kepada Abu Zar: Hai pakcik, wasiatkan aku! Jawabnya: Kamu bertanya kepadaku sebagaimana aku bertanya kepada Rasulullah SAW lantas Baginda bersabda yang bermaksud: *Jika kamu laksanakan solat Dhuha dua*

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah, katanya:

أَوْصَانِي خَلِيلِي بِثَلَاثٍ: صِيَامٍ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَكَعَتِي الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَرْقُدَ

Maksudnya: “Kekasihku (Muhammad SAW) mengingatkanku supaya melakukan tiga perkara iaitu: berpuasa tiga hari pada setiap bulan, bersolat Dhuha sebanyak dua rakaat dan bersolat Witir sebelum tidur.”

Riwayat al-Bukhari (1880) dan Muslim (721)

Dalil seterusnya:

أُمُّ هَانِي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا حَدَّثَتْهُ أَنَّهُ لَمَّا كَانَ عَامَ الْفَتْحِ أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ بِأَعْلَى مَكَّةَ. فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى غُسْلِهِ فَسَتَرَتْ عَلَيْهِ فَاطِمَةُ ثُمَّ أَخَذَ ثَوْبَهُ وَالتَّحَفَ بِهِ ثُمَّ صَلَّى ثَمَانَ رَكَعَاتٍ سُبْحَةَ الضُّحَى

Maksudnya: “Ummu Hani’ R.Anha menyatakan bahawa pada tahun pembukaan kota Makkah dia menemui Rasulullah SAW ketika Baginda berada di pinggir kawasan Makkah. Lalu Rasulullah SAW pergi bersuci dengan dilindungi oleh Fatimah. Kemudian Baginda mengenakan pakaiannya dan terus bersolat Dhuha sebanyak lapan rakaat.”

Riwayat al-Bukhari (350) dan Muslim (336)

rakaat nescaya tidak ditulis di kalangan orang yang lalai, dan jika kamu laksanakan solat Dhuha empat rakaat nescaya ditulis dikalangan Abidin, jika kamu laksanakan solat Dhuha enam rakaat, nescaya kamu tidak diikuti dengan dosa dan jika kamu laksanakan lapan rakaat solat Dhuha nescaya kamu ditulis di kalangan Qanitin (sentiasa berdiri untuk beribadat) dan jika kamu laksanakan solat Dhuha dua belas rakaat nescaya dibina bagimu istana di dalam syurga dan barang siapa yang melakukan ibadah hanya kerana Allah SWT tidak kira siang atau malam akan dianggap pahala sedekah oleh Allah dan Allah akan kurniakan ke atas sesiapa yang dikehendaki-Nya dan begitu juga ada di kalangan mereka yang diilhamkan untuk sentiasa berzikir kepada-Nya. (Hadith Riwayat al-Bazzar)

Cara yang *afdhal* melakukan solat tersebut ialah dengan memisahkan setiap dua rakaat. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Hani' R.Anha:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى يَوْمَ الْفَتْحِ سُبْحَةَ الضُّحَى ثَمَانِي رَكَعَاتٍ يُسَلِّمُ مِنْ كُلِّ رَكَعَتَيْنِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersolat Dhuha sebanyak lapan rakaat pada hari pembukaan kota Makkah. Baginda mengucap salam setiap kali selesai dua rakaat.”

Riwayat Abu Daud (1290)

Waktu solat *Dhuha* bermula daripada matahari naik sehingga ia gelincir. Yang *afdhal*, dilakukan tatkala berlalu $\frac{1}{4}$ waktu siang. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Zaid bin Arqam RA, katanya:

خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَهْلِ قُبَاءٍ وَهُمْ يُصَلُّونَ الضُّحَى فَقَالَ: صَلَاةُ الْأَوَّابِينَ إِذَا رَمَضَتِ الْفِصَالُ

Maksudnya: “Nabi SAW pergi ke Quba’ dan mendapati penduduk di situ sedang bersolat Dhuha lalu Baginda bersabda: Solat Awwabin adalah tatkala anak unta terasa bahang panas matahari.”

Riwayat Muslim (748) dan yang lainnya

v. Solat Istikharah

Solat *Istikharah* ialah solat sunat sebanyak dua rakaat⁴⁸ yang boleh dilakukan pada waktu-waktu yang tidak makruh.⁴⁹ Solat ini sunat

⁴⁸ Terdapat banyak pendapat berkenaan dengan bilangan rakaat solat *Istikharah*, antaranya dua rakaat, empat rakaat, enam rakaat, lapan rakaat, sepuluh rakaat dan dua belas rakaat.

⁴⁹ Solat ini boleh dikerjakan pada bila-bila masa sahaja yang dikehendaki, seperti selepas mengerjakan solat sunat *Rawatib* atau solat sunat *Tahiyat al-Masjid* dan boleh dikerjakan pada waktu siang, mahupun waktu malam, pagi atau petang, asalkan bukan pada waktu yang terlarang iaitu selepas solat Subuh, ketika matahari tepat di kepala dan selepas Asar. Akan tetapi sebahagian ulama’ berpendapat alangkah baiknya jika solat ini dikerjakan pada waktu malam, ketika suasana sepi dan hening, sebelum mengerjakan solat *Witir*.

dilakukan oleh sesiapa yang menginginkan sesuatu perkara yang harus sedangkan dia tidak mengetahui kebaikan perkara tersebut. Selepas bersolat *Istikharah*, sunat berdoa dengan doa yang *ma'thur*.

Jika Allah SWT melapangkan dadanya untuk melakukan perkara itu selepas mengerjakan solat tersebut maka lakukanlah, dan jika sebaliknya janganlah melakukannya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir bin Abdullah al-Ansari RA, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا الْإِسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ يَقُولُ: إِذَا هَمَّ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْفَرِيضَةِ ثُمَّ لِيَقُلْ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ، فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَأَقْدِرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ، وَأَقْدِرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِّنِي بِهِ، قَالَ: وَيُسَمَّى حَاجَتَهُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW menganjurkan kami supaya bersolat *Istikharah* dalam semua hal sebagaimana Baginda mengajarkan kami surah al-Quran. Sabdanya: Apabila seseorang daripada kamu ingin melakukan sesuatu dia hendaklah bersolat sunat sebanyak dua rakaat kemudian berdoalah: Ya Allah! Aku memohon daripada-Mu pilihan yang terbaik dengan ilmu-Mu, memohon ketentuan-Mu dengan kudrat-Mu, dan memohon keruniaan-Mu yang agung. Engkaulah yang Maha Berkuasa sedangkan aku tidak mampu. Engkaulah yang Maha Mengetahui sedang aku tidak tahu dan Engkaulah yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib. Ya Allah! Jika pada pengetahuan-Mu perkara ini baik bagiku dari segi agama, kehidupanku dan akibatnya,

maka kurniakanlah kepadaku, permudahkanlah ia untukku, dan berkatkanlah ia bagiku. Ya Allah! Jika perkara ini tidak baik untukku dari segi agama, kehidupanku, dan akibatnya, maka hindarkanlah ia daripadaku dan hindarilah aku daripadanya, takdirkanlah kebaikan bagiku seadanya, seterusnya redhailah aku dengan takdir itu. Sabdanya lagi: Kemudian hendaklah dia menyebutkan hajatnya.”

Riwayat al-Bukhari (1109) dan yang lainnya

Solat Sunat *Mutlaq* yang Tidak Ditentukan Nama dan Waktunya

Solat sunat ini boleh dilakukan sebanyak mana yang dikehendaki dan pada bila-bila masa yang tidak makruh bersolat sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu. Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW bersabda kepada Abu Dzar RA:

الصَّلَاةُ خَيْرٌ مَوْضُوعٍ اسْتَكْثِرَ أَوْ أَقَلَّ

Maksudnya: “Solat adalah sebaik-baik amalan. Justeru, lakukanlah sebanyak-banyaknya atau sekurang-kurangnya.”

Riwayat Ibn Majah (901)

Ketika melakukan solat *Mutlaq*, sunat mengucap salam setiap kali selesai dua rakaat sama ada dilakukan pada waktu malam atau siang hari. Hal ini berdasarkan hadith:

صَلَاةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى

Maksudnya: “Solat malam dilakukan secara dua-dua rakaat.”

Riwayat al-Bukhari (946) dan Muslim (749)

Apa yang dikehendaki dengan *dua-dua rakaat* ialah mengucap salam pada setiap dua rakaat.

Solat yang Sunat Dilakukan Secara Berjemaah

Semua solat sunat yang telah disebutkan tidak sunat melakukannya secara berjemaah. Manakala solat sunat yang sunat berjemaah ialah solat sunat dua Hari Raya, solat Tarawih, solat Gerhana Matahari dan Bulan serta solat Minta Hujan yang akan diterangkan kemudian.

SOLAT DUA HARI RAYA

Pengertian Hari Raya

Perkataan `Id (عيد) berasal daripada `aud (عود) bererti ulangan. Ini kerana sama ada hari raya itu berulang pada setiap tahun, atau kegembiraannya berulang setiap kali menjelang hari raya atau banyak nikmat Allah SWT dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya pada hari raya tersebut.

Pensyariatan Solat Hari Raya dan Dalilnya

Solat `Idil Fitri dan `Idil Adha telah disyariatkan pada tahun Hijrah yang kedua. Solat hari raya pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah solat `Idil Fitri pada tahun yang kedua Hijrah tersebut.

Sementara dalil pensyariatannya pula ialah firman Allah SWT yang ditujukan kepada Nabi SAW:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْخَرْ

Maksudnya: Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

(Surah al-Kautsar: 2)

Ulama' tafsir menyatakan maksud *sembahyang* dalam ayat tersebut ialah solat `Idil Adha.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى إِلَى الْمُصَلَّى، فَأَوَّلُ شَيْءٍ يَبْدَأُ بِهِ الصَّلَاةُ ثُمَّ يَنْصَرِفُ، فَيَقُومُ مُقَابِلَ النَّاسِ، وَالنَّاسُ جُلُوسٌ عَلَى صُفُوفِهِمْ، فَيَعْظُمُهُمْ وَيَأْمُرُهُمْ، فَإِنْ كَانَ يُرِيدُ أَنْ يَقْطَعَ بَعْثًا قَطَعَهُ، أَوْ يَأْمُرَ بِشَيْءٍ أَمَرَ بِهِ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW pergi ke musolla pada hari `Idil Fitri dan `Idil Adha. Perkara pertama yang Baginda lakukan ialah solat. Kemudian Baginda berpaling menghadap orang ramai yang masih duduk di dalam saf mereka, lalu Baginda memberikan nasihat dan menyampaikan apa-apa arahan kepada mereka. Jika hendak menghantar pasukan pejuang atau menyampaikan apa-apa arahan, Baginda membuat keputusan dan mengarahkannya pada masa itu. Selepas itu Baginda pun bersurai.”

Riwayat al-Bukhari (913) dan Muslim (889)

Hukum Solat Hari Raya

Solat hari raya ialah sunat *muakkad*. Ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya sejak mula disyariatkan sehinggalah Baginda wafat. Begitu juga para sahabat Baginda terus melakukannya selepas itu.

Berdasarkan hadith daripada Abu Sa’id al-Khudri yang terdahulu, solat hari raya disyariatkan secara berjemaah namun sah dilakukan secara bersendirian. Begitu juga ia disyariatkan berjemaah kepada semua *mukallaf* sama ada lelaki, perempuan, bermukim, musafir, orang bebas atau hamba kecuali perempuan yang berhias atau yang memungkinkan fitnah. Mereka hendaklah bersolat di rumah sahaja.

Solat hari raya tidak wajib berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda kepada seorang yang bertanya tentang solat yang difardhukan:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ. قَالَ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطَّوَعَ

Maksudnya: “Lima solat sehari semalam. Baginda ditanya lagi: Adakah wajib atasku selain daripada itu? Baginda menjawab: Tidak, kecuali engkau ingin mengerjakan solat sunat.”

Riwayat al-Bukhari (46) dan Muslim (11)

Begitu juga hadith:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُضَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا
بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ
إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Allah SWT mewajibkan lima solat atas hamba-Nya. Sesiapa yang melakukannya tanpa meninggalkan sedikit pun kerana meringan-ringankannya, Allah SWT menjanjikannya masuk syurga, manakala sesiapa yang tidak melakukannya, Allah tidak menjanjikan apa-apa kepadanya. Allah akan mengazabkannya atau memasukkannya ke dalam syurga menurut kehendak-Nya.”

Riwayat Abu Daud (1420)

Hadith seterusnya, daripada Ummu ‘Atiyyah al-Ansariyah R.Anha:

كُنَّا نُؤْمَرُ أَنْ نَخْرُجَ يَوْمَ الْعِيدِ، حَتَّى نُخْرَجَ الْبِكْرَ مِنْ خِدْرِهَا، حَتَّى نُخْرَجَ الْحَيْضَ فَيَكُنَّ
خَلْفَ النَّاسِ، فَيَكْبِرْنَ بِتَكْبِيرِهِمْ، وَيَدْعُونَ بِدَعَائِهِمْ يَرْجُونَ بَرَكَةَ ذَلِكَ الْيَوْمِ وَطَهْرَتَهُ.
وَفِي رِوَايَةٍ قَالَتْ امْرَأَةٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِحْدَانَا لَيْسَ لَهَا جِلْبَابٌ؟ فَقَالَ: لَتَلْبِسَهَا صَاحِبَتُهَا
مِنْ جِلْبَابِهَا

Maksudnya: “Kami disuruh keluar pada hari raya dan membawa gadis-gadis keluar dari bilik-bilik pingitan mereka bersama-sama yang haidh, kesemuanya berada di belakang jemaah lelaki. Mereka bertakbir dan berdoa bersama-sama memohon keberkatan dan kesucian hari tersebut. Sementara dalam riwayat yang lain pula, seorang perempuan berkata: Wahai Rasulullah, seorang daripada kami tidak mempunyai baju labuh (jilbab). Baginda menjawab: Rakannya hendaklah meminjamkan kepadanya.”

Riwayat al-Bukhari (928) dan Muslim (890)

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّهُ أَرْسَلَ إِلَى ابْنِ الزُّبَيْرِ فِي أَوَّلِ مَا بُوِيعَ لَهُ إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ يُؤَدِّنُ بِالصَّلَاةِ يَوْمَ الْفِطْرِ، وَإِنَّمَا
الْخُطْبَةُ بَعْدَ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Dia diutus kepada Ibn Zubair pada awal pelantikannya untuk memberitahu bahawa tidak ada azan ketika solat `Idil Fitri, yang ada cuma khutbah selepas solat tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (916) dan Muslim (886)

Seterusnya hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma dan Jabir bin Abdullah RA, mereka berkata:

لَمْ يَكُنْ يُؤَدِّنُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَلَا يَوْمَ الْأَضْحَى

Maksudnya: “Tidak ada azan ketika `Idil Fitri dan `Idil Adha.”

Riwayat al-Bukhari (917) dan Muslim (886)

Waktu Solat Hari Raya

Waktu solat hari raya bermula dari matahari terbit hingga gelincir.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada al-Barra’ RA katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبَدُّ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ نُصَلِّيَ

Maksudnya: “Perkara yang pertama kita mulakan hari ini ialah bersolat.”

Riwayat al-Bukhari (908)

Bermulanya *hari* adalah apabila fajar terbit. Pada waktu itu dilakukan solat Subuh sebelum matahari terbit, dan solat Zuhur selepas matahari gelincir. Namun waktu solat hari raya yang afdhal adalah ketika matahari naik tinggi segala. Ini kerana Nabi SAW sentiasa melakukannya pada waktu tersebut.

Cara Solat Hari Raya

Solat hari raya dua rakaat dimulai dengan *takbiratul ihram* diikuti dengan doa *Iftitah*. Kemudian bertakbir sebanyak tujuh kali sambil mengangkat tangan selari dengan bahu sebagaimana *takbiratu al-Ihram*. Hendaklah diselangi di antara dua takbir sekadar masa satu ayat sederhana dan sunat membaca tasbih.

Seterusnya membaca (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ), *Fatihah* dan satu surah atau beberapa ayat daripada al-Quran. Selepas takbir ketika bangun pada rakaat yang kedua, hendaklah bertakbir sebanyak lima kali sebelum memulakan bacaan, dan setiap takbir diselangi dengan bacaan tasbih sebagaimana yang disebutkan tadi.

Semua takbir tambahan ini sunat sahaja. Jika terlupa melakukannya dan telah memulai bacaan *fatihah*, sunatnya terluput namun solatnya tetap sah. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Umar RA, katanya:

صَلَاةُ الْفِطْرِ رَكَعَتَانِ وَصَلَاةُ الْأَضْحَى رَكَعَتَانِ ثُمَّ قَالَ: عَلَى لِسَانِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Solat `Idil Fitri dua rakaat dan solat `Idil Adha dua rakaat. Seterusnya dia berkata: Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW.”

Riwayat al-Nasaie (3/111) dan yang lainnya

Para ulama’ juga telah berijma’ tentang cara-cara solat hari raya berdasarkan hadith tersebut.

Hadith seterusnya, Amru bin Auf al-Muzani RA meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَبَّرَ فِي الْعِيدَيْنِ فِي الْأُولَى سَبْعًا قَبْلَ الْقِرَاءَةِ وَفِي الْآخِرَةِ خَمْسًا قَبْلَ الْقِرَاءَةِ

Maksudnya: “Nabi SAW bertakbir ketika solat dua hari raya, pada rakaat yang pertama sebanyak 7 kali sebelum membaca fatihah dan pada rakaat yang akhir sebanyak 5 kali sebelum membaca fatihah.”

Riwayat al-Tirmizi (536)

Seterusnya al-Tirmizi mengatakan bahawa inilah keterangan-keterangan yang terbaik daripada Nabi SAW tentang solat hari raya.

Khutbah Hari Raya

Selepas selesai solat hari raya, sunat melakukan dua khutbah. Khutbah tersebut secara ringkas adalah seperti berikut:

- i. Khutbah hendaklah dibacakan selepas solat hari raya. Ia berlainan daripada khutbah Jumaat. Cara ini adalah mengikut perbuatan Nabi SAW.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يُصَلُّونَ الْعِيدَيْنِ قَبْلَ الْخُطْبَةِ

Maksudnya: “Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar melakukan solat hari raya sebelum berkhotbah.”

Riwayat al-Bukhari (920) dan Muslim (888)

Hadith seterusnya, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

خَرَجْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فِطْرٍ وَأُضْحَى، فَصَلَّى ثُمَّ خُطِبَ

Maksudnya: “Aku keluar bersama-sama Nabi SAW pada hari raya `Idil Fitri dan `Idil Adha lalu Baginda bersolat, kemudian Baginda berkhotbah.”

Riwayat al-Bukhari (932)

- ii. Semua rukun dan sunat khutbah Jumaat yang disebutkan dahulu adalah sama digunakan pada khutbah hari raya.

Hal ini berdasarkan hadith, Imam al-Syafie meriwayatkan daripada Ubaidillah bin Abdullah bin `Utbah bin Mas'ud RA, katanya:

السُّنَّةُ أَنْ يَخْطُبَ الْإِمَامُ، فِي الْعِيدَيْنِ خُطْبَتَيْنِ يُفْصِلُ بَيْنَهُمَا بِجُلُوسٍ

Maksudnya: “Menurut sunnah, imam berkhotbah pada kedua-dua hari raya tersebut sebanyak dua kali diselanggi dengan duduk.”

Riwayat Imam al-Syafie Rahimahullah

- iii. Khutbah yang pertama sunat dimulakan dengan takbir sebanyak sembilan kali dan khutbah yang kedua dengan takbir sebanyak tujuh kali.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ubaidillah bin Abdullah bin `Utbah bin Mas'ud RA, katanya:

السُّنَّةُ أَنْ تُفْتَتِحَ الْخُطْبَةُ بِتِسْعِ تَكْبِيرَاتٍ تَتْرَى، وَالثَّانِيَةَ بِسَبْعِ تَكْبِيرَاتٍ تَتْرَى

Maksudnya: “Menurut sunnah, khutbah dimulakan dengan takbir sebanyak sembilan kali berturut-turut dan khutbah yang kedua dimulakan dengan takbir sebanyak tujuh kali berturut-turut.”

Riwayat al-Baihaqi

Tempat Solat Hari Raya

Solat hari raya boleh didirikan sama ada di masjid atau di kawasan lapang. Walau bagaimanapun, yang afdhal antara kedua-duanya ialah tempat yang dapat menampung lebih ramai jemaah. Jika kedua-dua tempat tersebut sama luasnya, maka bersolat di masjid afdhal daripada bersolat di kawasan lapang. Ini kerana masjid lebih mulia daripada tempat yang lain dan para jemaah yang bersolat di masjid akan mendapat pahala beribadat di samping pahala berada di dalamnya.

Namun peristiwa Nabi SAW telah bersolat hari raya di kawasan lapang semata-mata disebabkan keadaan masjidnya ketika itu sempit dan tidak dapat menampung para jemaah.

Sedangkan sebagaimana yang diketahui solat hari raya disyariatkan kepada semua *mukallaf* lelaki dan perempuan melakukannya secara berjemaah.

Justeru, apabila ada masjid yang besar dan dapat menampung semua jemaah dengan selesa dan tenang, maka kelebihan bersolat di kawasan lapang tidak bererti lagi.

Takbir Hari Raya

Sunat bertakbir bagi mereka yang tidak mengerjakan ibadat haji apabila matahari terbenam pada malam `Idil Fitri dan `Idil Adha hinggalah imam mula bersolat hari raya. Ia dilafazkan dengan suara yang nyaring sama ada di rumah, di jalan, di masjid dan di tempat-tempat awam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْنَكُمۢ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: *Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.*

(Surah al-Baqarah: 185)

Ulama' tafsir mengatakan bahawa ayat ini adalah berkenaan dengan takbir `Idil Fitri, dan takbir `Idil Adha diqiaskan kepada takbir `Idil Fitri tersebut.

Semasa `Idil Adha, semua orang Islam sama ada yang mengerjakan haji ataupun tidak, sunat bertakbir selepas setiap solat fardhu atau solat sunat, bermula dari solat Subuh hari Arafah hinggalah selepas Asar hari Tasyriq yang akhir. Hari Tasyriq ialah tiga hari yang berikut selepas hari `Idil Adha. Adapun semasa hari raya `Idil Fitri tidak sunat bertakbir selepas bersolat, malah sunatnya terputus apabila imam memulakan solat sunat hari raya sebagaimana yang telah disebutkan.

Semua hal yang tersebut berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW dan amalan yang diteruskan oleh para sahabatnya sebagaimana hadith-hadith yang berikut:

Daripada Ali dan Ammar R.Anhuma, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُكَبِّرُ يَوْمَ عَرَفَةَ صَلَاةَ الْعَدَاةِ، وَيَقْطَعُهَا صَلَاةَ الْعَصْرِ
آخِرَ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ

Maksudnya: “Nabi SAW bertakbir pada hari Arafah selepas solat Subuh dan memberhentikannya selepas solat Asar hari Tasyriq yang akhir.”

Riwayat al-Hakim (1/299)

Al-Hakim mengatakan bahawa sanad hadith ini sahih dan dia tidak mendapati sebarang cacat cela yang dikaitkan dengan semua periwayatnya. Hadith seterusnya:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يُكَبِّرُ فِي قُبْتِهِ بِمِنَى فَيَسْمَعُهُ أَهْلُ الْمَسْجِدِ، فَيُكَبِّرُونَ
وَيُكَبِّرُ أَهْلُ الْأَسْوَاقِ، حَتَّى تَرْتَجَّ مِنِّي تَكْبِيرًا. وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يُكَبِّرُ بِمِنَى تِلْكَ الْأَيَّامِ
وَخَلْفَ الصَّلَوَاتِ، وَعَلَى فِرَاشِهِ وَفِي فُسْطَاطِهِ، وَمَجْلِسِهِ وَمَمَشَاهُ تِلْكَ الْأَيَّامِ جَمِيعًا

Maksudnya: “Ibn Umar R.Anhuma bertakbir di rumahnya di Mina lalu terdengar oleh jemaah di masjid. Mereka pun turut bertakbir dan diikuti pula oleh orang ramai yang berada di tempat awam hingga Mina gegak gempita dengan suara takbir. Ibn Umar telah bertakbir sepanjang masa dia berada di Mina, selepas solat, ketika berehat dirumahnya, ketika duduk dan ketika berjalan pada hari-hari tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (12)

Lafaz Takbir yang *Afdhal*

Lafaz takbir yang *afdhal* ialah:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Adab-adab Berhari Raya

Antara adab hari raya ialah:

- i. Mandi, memakai bau-bauan dan memakai pakaian yang baru.
- ii. Sunat bersegera ke masjid pada pagi hari raya.
- iii. Sunat makan sedikit makanan sebelum pergi bersolat `Idil Fitri manakala `Idil Adha pula tidak sunat makan dan minum sehingga selesai bersolat.
- iv. Sunat pergi ke masjid dengan berjalan kaki dan balik semula melalui jalan yang lain.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمَ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ

Maksudnya: “Nabi SAW melalui jalan yang berlainan ketika pergi dan balik pada hari raya.”

Riwayat al-Bukhari (943)

- v. Selepas matahari terbit, makruh bagi imam bersolat sunat sebelum solat hari raya, manakala tidak makruh bagi orang lain melakukannya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ يَوْمَ الْفِطْرِ، فَصَلَّى رَكَعَتَيْنِ لَمْ يُصَلِّ قَبْلَهُمَا وَلَا بَعْدَهُمَا

Maksudnya: “Nabi SAW keluar pada hari `Idil Fitri lalu Baginda bersolat hari raya sebanyak 2 rakaat dan tidak melakukan solat yang lain sama ada sebelum atau selepasnya.”

Riwayat al-Bukhari (945)

ZAKAT FITRAH

Pengertiannya

Zakat fitrah ialah kadar yang tertentu daripada harta yang wajib dikeluarkan oleh setiap *mukallaf* bagi dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya setelah matahari terbenam pada hari terakhir bulan Ramadhan, dengan syarat-syarat tertentu.

Pensyariaan

Pendapat yang masyhur menurut sunnah menyatakan bahawa zakat fitrah difardhukan pada tahun kedua hijrah, iaitu pada tahun yang difardhukan puasa Ramadhan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ، ذَكَرٌ أَوْ أُنْثَى، مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah, iaitu satu gantang tamar atau satu gantang gandum pada bulan Ramadhan atas setiap orang Islam, sama ada yang bebas atau hamba, lelaki atau perempuan.”

Riwayat al-Bukhari (1433) dan Muslim (984)

Syarat Wajib Zakat Fitrah

Zakat fitrah diwajibkan dengan 3 syarat:

Pertama: Islam.

Zakat fitrah diwajibkan atas orang Islam sahaja. Tidak wajib zakat fitrah atas orang kafir sebagai kewajipan yang dituntut di dunia. Hal ini berdasarkan hadith yang telah disebutkan oleh Ibn Umar R.Anhuma.

Kedua: Terbenam matahari pada hari terakhir bulan Ramadhan.

Sesiapa yang meninggal dunia selepas matahari terbenam pada hari tersebut, wajib zakat fitrah atasnya sama ada meninggal dunia setelah dia mampu mengeluarkannya atau sebelumnya. Namun tidak wajib zakat ke atas bayi yang baru dilahirkan selepas matahari terbenam, dan sesiapa sahaja yang meninggal dunia sebelum matahari terbenam. Sementara bayi yang wajib dilahirkan sebelum matahari terbenam wajib dikeluarkan zakat fitrahnya.

Ketiga: Memiliki harta yang melebihi keperluan untuk makan bagi diri dan tanggungannya pada siang dan malam raya, serta keperluan tempat tinggal dan khadam jika perlu.

Seseorang tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah jika hartanya tidak mencukupi untuk perbelanjaan pada malam dan siang hari raya bagi diri dan tanggungannya.

Bagaimanapun sekiranya dia mempunyai harta yang mencukupi untuk perbelanjaan pada siang dan malam raya sahaja dan tidak pada hari-hari berikutnya, maka zakat fitrah tetap wajib atasnya tanpa mengambil kira perbelanjaan pada hari-hari selepas raya.

Golongan yang Diwajibkan ke atas *Mukallaf*⁶⁰ Mengeluarkan Zakat

⁵⁰ Muzakarah Kebangsaan Kali ke-10 pada 23 Oktober 2003 memutuskan:

Hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan dan banduan Islam di Institusi Penjara adalah wajib sekiranya cukup syarat wajib zakat fitrah iaitu:

- Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
- Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
- Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.

Sesiapa yang padanya terdapat ketiga-tiga syarat yang disebutkan tadi, wajib mengeluarkan zakat fitrah bagi diri dan tanggungannya seperti ibu bapa, datuk dan seterusnya, anak, cucu dan seterusnya dan isterinya. Walau bagaimanapun, tidak wajib seseorang mengeluarkan zakat fitrah anaknya yang baligh dan mampu berusaha sendiri. Zakat fitrah juga tidak wajib dikeluarkan bagi pihak keluarga yang bukan tanggungannya. Bahkan tidak sah mengeluarkannya kecuali dengan izin atau mewakilkannya.

Sekiranya seseorang itu memiliki kadar harta yang tidak mencukupi untuk membayar zakat fitrah seluruh ahli keluarga di bawah tanggungannya, dia hendaklah mendahulukan dirinya, diikuti isterinya, seterusnya anak-anak yang masih kecil, bapa, ibu dan anak-anak yang telah dewasa yang tidak mampu berusaha.

Jenis Zakat Fitrah dan Kadarnya

Kadar dan jenis zakat fitrah ialah segantang makanan asasi penduduk negeri tempat seseorang *mukallaf* itu bermukim.

Hal ini juga berdasarkan hadith daripada Ibn Umar R.Anhuma yang lalu dan hadith yang lain. Daripada Abi Sa'id al-Khudri RA, katanya:

كُنَّا نُخْرِجُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ. وَكَانَ طَعَامَنَا الشَّعِيرُ وَالزَّبِيبُ وَالْأَقِطُ وَالتَّمْرُ

Maksudnya: “Pada zaman Rasulullah SAW kami mengeluarkan zakat fitrah pada hari raya sebanyak segantang makanan. Gandum, kismis, keju dan tamar ialah makanan kami.”

Riwayat al-Bukhari (1439)

Ukuran gantang yang digunakan oleh Rasulullah SAW menyamai 4 cupak. Kadar ini menyamai sukatan 3 liter, iaitu bersamaan kira-kira 2400 gram.

Sekiranya gandum ialah makanan asasi penduduk di negara kita, maka zakat fitrah yang wajib atas setiap individu adalah sebanyak 3 liter.

Dalam Mazhab al-Syafie, zakat fitrah tidak memadai jika dikeluarkan dengan nilai. Bahkan ia mesti dikeluarkan dengan makanan asasi penduduk negara itu. Walau bagaimanapun tidak menjadi masalah pada masa kini untuk mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai mengikut mazhab Hanafi.

Ini kerana mengeluarkannya dengan nilai lebih memberi manfaat kepada orang fakir dan lebih dekat kepada matlamat yang diharapkan daripada makanan asasi tersebut.

Waktu Mengeluarkan Zakat

Waktu wajib mengeluarkan zakat fitrah sebagaimana dinyatakan bermula dari matahari terbenam pada hari akhir bulan Ramadhan. Waktu harus mengeluarkannya adalah sepanjang bulan Ramadhan dan pada hari raya pertama. Manakala waktu sunat pula ialah pada pagi hari raya sebelum pergi bersolat.

Hal ini berdasarkan hadith riwayat Ibn Umar R.Anhuma yang lalu dan riwayat yang lain:

وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Dan Baginda memerintahkan kami menunaikan zakat fitrah sebelum orang ramai keluar bersolat.”

Riwayat al-Bukhari (1432)

Sementara waktu makruh pula adalah selepas solat hari raya sehingga akhir hari tersebut. Sekiranya zakat fitrah itu dikeluarkan lewat dari waktu tersebut, maka dia telah berdosa dan wajib mengqadha'kannya.

QURBAN

Pengertiannya

Qurban ialah sembelihan binatang, iaitu unta, lembu, kambing dan biri-biri. Qurban ini bertujuan untuk mendampirkan diri kepada Allah SWT dan dilakukan pada Hari Raya Qurban.

Dalil Pensyariatan

Firman Allah SWT:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ

Maksudnya: *Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).*⁵¹

(Surah al-Kautsar: 2)

Maksud sembelih dalam ayat tersebut menurut pendapat yang paling sahih ialah sembelihan qurban. Dalil hadith pula ialah:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَحَّى بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ وَسَمَّى وَكَبَّرَ
وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا

Maksudnya: “Nabi SAW menyembelih dua ekor kibasy putih yang bertanduk besar sebagai qurban dengan tangannya sendiri sambil menyebut nama Allah dan bertakbir, serta meletakkan kaki Baginda di tengkuk kibasy tersebut.”

Riwayat al-Bukhari (5245) dan Muslim (1966)

⁵¹Ibn Kathir berkata: *Oleh kerana itu, ikhlaslah menjalankan solat wajib dan sunnahmu serta dalam berkorban hanya untuk Tuhanmu. Beribadallah kepada-Nya semata-mata yang tiada sekutu bagi-Nya dan berqurbanlah dengan menyebut nama-Nya semata-mata yang tiada sekutu bagi-Nya.*

Hikmah Pensyariatan

Qurban ialah ibadat. Setiap qurban yang dilakukan kerana ibadat mempunyai hikmah dan faedah selain daripada mengabdikan diri kepada Allah SWT. Hal ini samalah dengan ibadat-ibadat yang lain.

Hikmah yang paling jelas dan tinggi nilainya tentang qurban adalah untuk menghayati samangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS, iaitu ketika Allah SWT menguji Baginda supaya menyembelih anaknya. Kemudian Allah SWT menebusnya dengan seekor kibasy yang diturunkan-Nya dan memerintahkan Baginda menyembelihnya. Peristiwa ini berlaku setelah Nabi Ibrahim AS dan anaknya berusaha bersama-sama melaksanakan perintah Allah SWT.

Di samping hikmah tersebut, ibadat qurban juga menolong orang fakir dan orang yang berhajat serta mengembirakan mereka, anak isteri dan keluarga pada hari raya. Seterusnya dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara anggota masyarakat Islam dan menanamkan semangat hidup berjemaah serta berkasih sayang.

Hukum Qurban

Hukum Qurban ialah sunat *muakkad* tetapi kadangkala menjadi wajib dengan dua sebab:

Pertama: Apabila seseorang mengisyarkan binatang kepunyaannya yang boleh dijadikan qurban sambil berkata: “*Inilah qurbanku*” atau “*Aku akan qurbankan kambing ini.*” Dengan itu dia wajiblah melakukannya.

Kedua: Apabila seseorang berazam hendak melakukan qurban untuk mendampingkan diri kepada Allah dengan berkata: “*Aku mewajibkan diriku berqurban kerana Allah.*” Lantas menjadi wajib kepadanya melaksanakan qurban itu. Hal ini samalah jika dia mewajibkan dirinya melakukan sebarang ibadat-ibadat sunat kerana ketika itu ia telah menjadi nazar.

Orang yang Dituntut Berqurban

Sunat berqurban bagi orang-orang yang cukup syarat-syarat berikut:

Pertama: Islam

Tidak dituntut berqurban bagi orang yang bukan Islam.

Kedua: Baligh dan Berakal

Orang yang belum baligh dan tidak berakal tidak sunat berqurban kerana tidak *mukallaf*.

Ketiga: Berkemampuan

Maksud berkemampuan ialah seseorang yang mempunyai harta atau wang melebihi perbelanjaan untuk dirinya sendiri dan mereka di bawah tanggungannya, sama ada makan, pakaian dan tempat tinggal pada sepanjang hari hari raya dan hari *tasyriq*.

Binatang yang Disyariatkan untuk Qurban

Qurban hanya sah dengan unta, lembu kambing dan biri-biri. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةٍ
الْأَنْعَامِ

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih qurban (atau lain-lainnya supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka, binatang-binatang ternak yang disembelih itu.

(Surah al-Haj: 34)

Tidak terdapat hadits Nabi SAW atau kata-kata sahabat yang menunjukkan bahawa yang dijadikan qurban selain daripada binatang-binatang tersebut.

Binatang yang afdhal dijadikan qurban ialah unta, diikuti lembu dan kambing. Harus berqurban dengan seekor unta jantan atau betina atau lembu untuk tujuh orang. Hal ini berdasarkan hadits, daripada Jabir RA, katanya:

نَحَرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْحُدَيْبِيَّةِ الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقْرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ

Maksudnya: “Kami berqurban bersama-sama Rasulullah SAW pada tahun Hudaibiyah dengan seekor unta untuk 7 orang dan seekor lembu untuk tujuh orang.”

Riwayat Muslim (1318)

Syarat Binatang Qurban

Umur: Umur unta yang hendak diqurban disyaratkan masuk tahun keenam. Umur lembu dan kambing telah masuk tahun ketiga, manakala umur biri-biri pula telah masuk tahun kedua atau telah tanggal gigi hadapannya sekalipun umurnya belum sampai setahun.

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Abu Hurairah RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

نَعِمَتِ الْأَصْحِيَّةُ الْجَذَعُ مِنَ الضَّأْنِ

Maksudnya: “Biri-biri yang paling baik dibuat qurban ialah yang berumur 8 ke 9 bulan.”

Riwayat Ahmad (2/245)

Tidak cacat: Ketiga-tiga jenis binatang qurban tersebut tidak cacat yang menyebabkan kurang dagingnya. Oleh itu, tidak sah qurban kambing yang terlalu kurus, sangat tempang, buta sebelah mata, berpenyakit atau putus sebahagian telinganya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada al-Barra' bin Azib RA, daripada Rasulullah SAW, sabdanya:

أَرْبَعٌ لَا تُجْزَى فِي الْأَصْحَابِي: الْعَوْرَاءُ بَيْنَ عَوْرَتَيْهَا وَالْمَرِيضَةُ بَيْنَ مَرَضَتَيْهَا وَالْعَرَجَاءُ بَيْنَ عَرَجَتَيْهَا وَلَا الْعَجَفَاءُ الَّتِي لَا تُنْتَقِ

Maksudnya: “4 perkara yang menyebabkan binatang tidak sah dijadikan qurban ialah binatang yang jelas buta sebelah matanya, penyakit yang nyata, jelas tempangnya, dan terlalu kurus hingga menampakkan tulang.”

Riwayat al-Tirmizi (1497), Abu Daud (2802), al-Nasaie (7/188) dan Ibn Majah (2/1050)

Setiap perkara yang menyebabkan binatang itu kurus dan kurang dagingnya hendaklah diqiaskan kepada keempat-empat kecacatan tersebut.

Waktu Qurban

Waktu qurban bermula selepas terbit matahari pada Hari Raya Qurban, iaitu sekadar tempoh masa dua rakaat solat sunat hari raya dan dua khutbah. Waktu tersebut berterusan sehingga matahari terbenam pada hari *tasyriq* yang akhir. Hari *tasyriq* ialah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Waktu yang *afdhal* menyembelih binatang qurban ialah setelah selesai solat sunat hari raya. Hal ini berdasarkan hadith:

أَوَّلَ مَا نَبَدُّ بِهِ يَوْمَنَا هَذَا نُصَلِّي ثُمَّ نَرْجِعُ فَنَنْحَرُ، فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا، وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ، لَيْسَ مِنَ التُّسْكِ فِي شَيْءٍ

Maksudnya: “Perkara pertama yang kami lakukan pada hari raya ini ialah bersolat kemudian balik dan menyembelih binatang qurban. Sesiapa yang melakukan perkara tersebut mereka telah melaksanakan sunnah kami dan sesiapa yang melaksanakannya sebelum itu maka dagingnya adalah pemberian biasa kepada ahli keluarganya dan tidak dikira ibadat qurban.”

Riwayat al-Bukhari (5225) Muslim (1961)

Dalil hadits yang lain ialah, daripada Jubair bin Mut'im RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَكُلُّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

Maksudnya: “Dan setiap hari tasyriq adalah waktu untuk sembelihan qurban.”

Riwayat Ibn Hibban (1008)

Agihan Daging Qurban

Jika qurban wajib, sama ada kerana qurban nazar atau qurban binatang yang telah diisyaratkannya seperti yang dijelaskan, ia tidak harus digunakan oleh orang yang berqurban dan mereka yang di bawah tanggungannya. Mereka yang memakannya hendaklah menggantikannya atau membayar nilai.

Jika qurban sunat, harus bagi orang yang berqurban makan daging qurban yang dikehendaknya dengan syarat disedekahkan sebahagiannya. Tetapi yang afdhalnya ialah dia makan sedikit untuk mendapat keberkatan dan selebihnya disedekahkan.

Dia juga boleh makan 1/3 bahagian, menyedekahkan 1/3 bahagian kepada orang fakir dan 1/3 bahagian lagi dihadiahkan kepada sahabat handai dan jiran tetangganya sekalipun mereka kaya. Akan tetapi mereka yang kaya tidak boleh menjualnya kerana pemberian qurban itu sebagai hadiah untuk dimakan. Sementara daging yang disedekahkan kepada orang fakir telah menjadi hak miliknya.

Dia boleh makan atau melakukan apa sahaja mengikut kehendaknya. Firman Allah SWT:

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ ۖ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبَهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ

Maksudnya: *Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu, pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu. Oleh itu, sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta.*

(Surah al-Hajj: 36)

Orang yang berqurban boleh menyedekahkan kulit binatang qurbannya atau mengambil manfaatnya, tetapi tidak harus menjualnya atau diberi kepada penyembelih sebagai upah menyembelih. Ini kerana perbuatan demikian adalah kecacatan yang merosakkan qurbannya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ بَاعَ جِلْدَ أَضْحِيَّتِهِ فَلَا أَضْحِيَّةَ لَهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang menjual kulit binatang qurbannya, tidak sempurna qurbannya.”

Riwayat al-Baihaqi (9/294)

Sunat dan Adab Berqurban

Apabila tibanya 10 Zulhijjah, seseorang yang berazam melakukan sembelihan qurban, sunat baginya supaya tidak menghilangkan bulunya seperti rambut, janggut, misai dan lain-lain dan kukunya sehingga dilakukan penyembelihan. Oleh itu hendaklah menjaga kedua-duanya dengan baik. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Nabi SAW, sabdanya:

إِذَا رَأَيْتُمْ هَالَالَ ذِي الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضْحِيَ فَلْيَمْسِكْ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ

Maksudnya: “Apabila kamu melihat anak bulan Zulhijjah, dan antara kamu ada yang hendak melakukan ibadat qurban, maka janganlah dia membuang bulu dan kukunya.”

Riwayat Muslim (1977)

Orang yang berqurban, sunat menyembelihnya sendiri. Jika tidak dapat membuat demikian kerana uzur dan sebagainya, maka hendaklah dia menyaksikan penyembelihan tersebut.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah R.Anha:

قَوْمِي إِلَىٰ أَضْحِيَّتِكَ فَاشْهَدِيهَا فَإِنَّهُ بِأَوَّلِ قُطْرَةٍ مِنْ دَمِهَا يَغْفِرُ لَكَ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكَ.
قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا لَنَا أَهْلُ الْبَيْتِ خَاصَّةً أَوْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَةً؟ قَالَ: بَلْ لَنَا
وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَةً

Maksudnya: “Bangun dan pergilah ke tempat penyembelihan qurban kamu dan saksikanlah sendiri kerana dengan titisan darahnya yang pertama akan diampunkan dosa kamu yang teerdahulu. Fatimah bertanya: Wahai Rasulullah! Ini adakah khas untuk kita Ahlil Bait sahaja atau untuk kita dan orang Islam keseluruhannya? Jawab Rasulullah SAW: Bahkan untuk kita dan untuk orang Islam seluruhnya.”

Riwayat al-Hakim (4/222) dengan *sanad* yang sahih

Sunat bagi pemerintah atau pemimpin orang Islam menggunakan wang Baitul Mal untuk melakukan ibadat qurban bagi pihak umat Islam. Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَحَّى بِكَبْشٍ، وَقَالَ عِنْدَ ذَبْحِهِ: بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنِّي
مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَأُمَّةٍ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: “Nabi SAW menyembelih seekor kibasy untuk qurban sambil membaca: Bismillah Ya Allah! Terimalah qurban daripada Muhammad, keluarga Muhammad dan umat Muhammad.”

Riwayat Muslim (1967)

Baginda melakukan sembelihan itu di kawasan lapang di tempat orang ramai berkumpul mendirikan solat sunat hari raya. Sembelihan itu dilakukan oleh Baginda sendiri. Hal ini jelas dalam hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْبَحُ وَيَنْحَرُ بِالْمُصَلَّى

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah menyembelih binatang qurban di kawasan lapang tempat bersolat.”

Riwayat al-Bukhari (5232)

SOLAT TARAWIH

Solat tarawih disyariatkan khusus pada bulan Ramadhan. Ia sunat dilakukan secara berjemaah namun tetap sah dilakukan bersendirian. Solat ini dinamakan *Tarawih* kerana mereka yang melakukannya akan berhenti rehat setiap kali selesai empat rakaat. Solat ini juga dinamakan *ibadat malam Ramadhan*.

Solat Tarawih ialah sebanyak 20 rakaat. Ia dilakukan pada setiap malam sepanjang bulan Ramadhan dengan cara setiap dua rakaat sekali salam. Waktu melakukannya adalah di antara solat Isya' dan solat Subuh sebelum melakukan solat Witr. Solat Tarawih tidak sah sekiranya dilakukan empat rakaat sekali salam kerana bertentangan dengan cara yang disyariatkan. Oleh itu ketika berniat hendaklah ditentukan niat dua rakaat solat Tarawih atau qiam Ramadhan, dan solat tidak sah sekiranya diniatkan solat sunat sahaja.

Dalil Pensyariatan Solat Tarawih

Semua kenyataan yang tersebut adalah berdasarkan kepada beberapa hadith.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bangun beribadat pada malam bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan, diampunkan dosanya yang telah lalu.”⁵²

Riwayat al-Bukhari (37), Muslim (759) dan yang lainnya

⁵² Ibn Abd al-Bar berkata: *Ini menunjukkan bahawa melakukan qiam Ramadhan pada malam hari adalah harus yang disandarkan kepada Nabi kerana galakannya dan perbuatannya. Dan Umar pula menghidupkan sunnah Nabi tersebut.* Al-Iraqi berkata dalam *Tarh al-Tathrib* mereka berdalilkan dengan hadith Aisyah R.Anha bahawa yang melakukan qiam Ramadhan di masjid secara berjemaah kerana ini perbuatan yang pernah dilakukan oleh Nabi SAW. Inilah mazhab jumhur ulama' antaranya Abu Hanifah, al-Syafie dan Imam Ahmad.

Hadith seterusnya, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَصَلَّى بِصَلَاتِهِ نَاسٌ، ثُمَّ صَلَّى مِنَ الْقَابِلَةِ فَكَثُرَ النَّاسُ، ثُمَّ اجْتَمَعُوا مِنَ اللَّيْلَةِ الثَّلَاثَةِ أَوْ الرَّابِعَةِ، فَلَمْ يَخْرُجْ إِلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَصْبَحَ قَالَ: قَدْ رَأَيْتُ الَّذِي صَنَعْتُمْ وَلَمْ يَمْنَعَنِي مِنَ الْخُرُوجِ إِلَيْكُمْ إِلَّا أَنِّي خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: “Pada suatu malam, Nabi SAW bersolat di masjid lalu diikuti oleh orang ramai. Pada malam yang berikutnya Baginda bersolat lagi dan jemaah semakin ramai. Pada malam yang ketiga atau keempat orang ramai telah berkumpul, namun Baginda tidak kunjung tiba. Menjelang pagi Baginda bersabda: Aku tahu apa yang kamu telah lakukan. Aku tidak datang semata-mata kerana bimbang solat tersebut difardhukan atas kamu.”

Riwayat al-Bukhari (882) dan Muslim (761)

Peristiwa tersebut telah berlaku dalam bulan Ramadhan. Seterusnya hadith, daripada Abdul Rahman bin Abdun al-Qari, katanya:

خَرَجْتُ مَعَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَيْلَةً فِي رَمَضَانَ، إِلَى الْمَسْجِدِ، فَإِذَا النَّاسُ أَوْزَاعٌ مُتَفَرِّقُونَ يُصَلِّي الرَّجُلُ لِنَفْسِهِ، وَيُصَلِّي الرَّجُلُ فِيصَلِّي بِصَلَاتِهِ الرَّهْطِ فَقَالَ عُمَرُ إِنِّي أَرَى لَوْ جُمِعَتْ هَؤُلَاءِ عَلَى قَارِيٍّ وَاحِدٍ لَكَانَ أَمْثَلًا. ثُمَّ عَزَمَ فَجَمَعَهُمْ عَلَى أَبِي بِنِ كَعْبٍ، ثُمَّ خَرَجْتُ مَعَهُ لَيْلَةً أُخْرَى، وَالنَّاسُ يُصَلُّونَ بِصَلَاةِ قَارِيهِمْ، قَالَ عُمَرُ نَعَمَ الْبِدْعَةُ هَذِهِ، وَالَّتِي يَنَامُونَ عَنْهَا أَفْضَلُ مِنَ الَّتِي يَقُومُونَ. يَعْنِي آخِرَ اللَّيْلِ، وَكَانَ النَّاسُ يَقُومُونَ

أَوْلَهُ

Maksudnya: “Pada malam bulan Ramadhan aku pergi ke masjid bersama-sama Umar bin al-Khattab. Terdapat orang ramai berkelompok-kelompok. Ada yang bersolat sendirian dan ada pula yang bersolat berjemaah dengan kumpulan-kumpulan yang kecil. Umar berkata: Aku fikir alangkah baik kalau aku kumpulkan mereka mengikut seorang qari sahaja sebagai imam. Lalu

Umar pun berusaha mengumpulkan mereka supaya berimamkan Ubay bin Ka'ab. Pada satu malam yang lain, aku keluar lagi bersama-samanya sedangkan kesemua orang ramai mengerjakan solat berjemaah dengan dengan seorang imam sahaja. Umar berkata: Alangkah baiknya perbuatan bid'ah⁵³ ini, namun orang yang tidur untuk bangun bersolat pada akhir malam lebih baik daripada mereka yang mengerjakannya sekarang. Orang ramai ketika itu mengerjakan solat tersebut pada awal malam.”

Riwayat al-Bukhari (906)

Dalam satu riwayat menyatakan:

أَنَّهُمْ كَانُوا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بَعِشْرِينَ رَكْعَةً

Maksudnya: “Pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab RA orang ramai bersolat malam pada bulan Ramadhan sebanyak 20 rakaat.”⁵⁴

Riwayat al-Baihaqi (2/496) dan yang lainnya dengan *sanad* yang sahih

Riwayat yang lain pula menyatakan:

كَانَ النَّاسُ فِي زَمَانِ عُمَرَ يَقُومُونَ فِي رَمَضَانَ بِثَلَاثٍ وَعِشْرِينَ رَكْعَةً

Maksudnya: “Pada zaman pemerintahan Umar orang ramai bersolat malam pada bulan Ramadhan sebanyak 23 rakaat.”

Riwayat Malik dalam *al-Muwatta'* (1/115)

Al-Baihaqi menyelaraskan kedua-dua riwayat tersebut bahawa maksud tiga rakaat lagi dalam riwayat yang kedua ialah solat *Witir*.

⁵³ Bid'ah adalah sesuatu perkara yang baru yang belum pernah terjadi seumpamanya pada masa-masa yang lalu. Ia adalah baik dan disyariatkan sekiranya menepati kehendak syara' dan termasuk dalam perkara yang dianggap baik oleh syara'. Sebaliknya ia dicela dan ditolak apabila bertentangan dengan syara' atau termasuk dalam perkara yang dianggap tidak elok oleh syara'. Namun jika ia tidak bertentangan dengan syara' dan tidak pula termasuk dalam mana-mana asas pensyariatannya adalah harus.

⁵⁴ Inilah pendapat Abu Hanifah, al-Syafie, Ahmad, al-Thauri dan jumhur. Ibn Abd al-Bar berkata: *Pendapat jumhur ini adalah yang terpilih dari kami dan seolah-olah ia adalah ijma'.*

SOLAT GERHANA MATAHARI DAN GERHANA BULAN

Pengertian dan Pensyariatian

Gerhana matahari (الكُسُوف) dan gerhana bulan (الْحُسُوف) dari segi bahasa adalah tertutup cahayanya sama ada sebahagian atau keseluruhannya. Kedua-dua perkataan boleh digunakan untuk maksud dua jenis gerhana tersebut.

Solat gerhana matahari dan bulan tergolong dalam jenis solat yang disyariatkan kerana bersebab. Dalam solat ini orang Islam memohon kepada Allah SWT agar menghindarkan segala bencana dan mengembalikan cahaya. Solat gerhana matahari disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Manakala solat gerhana bulan pada tahun kelima hijrah.

Hukum Solat Gerhana

Solat gerhana adalah sunat *muakkad*.⁵⁵

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ وَإِنَّهُمَا لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَصَلُّوا وَادْعُوا حَتَّى يَنْكَشِفَ مَا بِكُمْ

Maksudnya: “Matahari dan bulan adalah dua daripada tanda keagungan Allah. Gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila mengetahui gerhana berlaku kamu hendaklah bersolat dan berdoa sehingga cahaya kelihatan semula.”

Riwayat Muslim (904)

⁵⁵ Pendapat Maliki dan Hanafi, hukum solat Gerhana Matahari adalah sunat *muakkad* sedangkan solat Gerhana Bulan hukumnya sunat.

Dalil seterusnya adalah berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang melakukan solat gerhana.

Suruhan supaya bersolat dan berdoa dalam hadith tersebut tidak ditafsirkan sebagai suruhan wajib berdasarkan hadith, seorang Badwi bertanya kepada Nabi SAW tentang solat lima waktu:

هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ فَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ

Maksudnya: “Adakah solat lain yang wajib atasku? Nabi SAW menjawab: Tidak, kecuali engkau melakukan solat sunat.”

Riwayat al-Bukhari (46) dan Muslim (11)

Kedua-dua solat gerhana ini sunat dilakukan secara berjemaah dan seruan untuk solat tersebut ialah (الصَّلَاةُ جَامِعَةً)⁵⁶

Cara Bersolat Gerhana

Solat gerhana matahari atau bulan ialah sebanyak dua rakaat yang dilakukan dengan niat solat gerhana berkenaan. Terdapat dua cara melakukannya, iaitu cara yang ringkas dan cara yang lebih sempurna.

Pertama: Cara yang ringkas: Dilakukan adalah pada tiap-tiap rakaat dengan dua kali berdiri, dua kali bacaan dan dua kali ruku' sebagaimana solat biasa tanpa memanjangkannya. Begitu juga sah dilakukan sebanyak dua rakaat dengan dua kali berdiri dan dua kali ruku' sebagaimana solat fardhu Jumaat. Namun cara ini meninggalkan fadhilat kerana berlainan daripada perbuatan Nabi SAW.

Kedua: Cara yang lebih sempurna: Dilakukan adalah pada tiap-tiap rakaat dengan dua kali berdiri serta memanjangkan bacaan dengan membaca surah al-Baqarah atau surah yang lain yang sama kadar panjangnya selepas

⁵⁶ Disyariatkan tanpa azan dan iqamah dan disunatkan berjemaah. Boleh dilakukan berseorangan atau berjemaah sama ada dengan khutbah atau tidak mengikut mazhab masing-masing. Tetapi yang afdhalnya dilakukan di masjid dan secara berjemaah.

membaca al-Fatihah ketika berdiri yang pertama bagi rakaat yang pertama, dan membaca sekadar yang menyamai 200 ayat ketika berdiri yang keduanya. Sementara ketika berdiri yang pertama bagi rakaat yang kedua pula ialah membaca sekadar 150 ayat, dan ketika berdiri yang keduanya ialah membaca sekadar yang menyamai 100 ayat daripada surah a-Baqarah.

Kemudian, hendaklah memanjangkan ruku' selama bacaan yang menyamai kira-kira 100 ayat. Sementara pada ruku' yang kedua pula membaca anggaran 80 ayat, ruku' yang ketiga sekadar 70 ayat dan ruku' yang keempat sekadar 50 ayat.

Apabila selesai bersolat, imam berkhotbah sebagaimana dua khutbah Jumaat dari segi hukum dan syarat-syaratnya. Dalam dua khutbah tersebut imam menggalakkan jemaah supaya bertaubat dan membuat kebajikan serta menyedarkan mereka daripada lalai dan tertipu.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Samurah bin Jundub RA, katanya:

صَلَّى بِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي كُسُوفٍ لَا نَسْمَعُ لَهُ صَوْتًا

Maksudnya: “Nabi SAW bersolat Gerhana Matahari bersama-sama kami dan suaranya kami dan suaranya tidak kedengaran oleh kami.”

Riwayat al-Tirmizi (562) dan katanya hadith ini adalah *hasan* sahih

Hadith seterusnya, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

جَهَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلَاةِ الْخُسُوفِ بِقِرَاءَتِهِ

Maksudnya: “Nabi SAW menyaringkan bacaan ketika bersolat Gerhana Bulan.”

Riwayat al-Bukhari (1016) dan Muslim (901)

Justeru, maksud *suaranya tidak kedengaran* dalam hadith yang pertama ialah ketika bersolat Gerhana Matahari kerana ia solat pada waktu siang, manakala maksud *menyaringkan bacaan* dalam hadith yang kedua pula ialah

ketika bersolat Gerhana Bulan kerana ia solat pada waktu malam. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

خَسَفَتِ الشَّمْسُ فِي حَيَاةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَخَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَقَامَ فَكَبَّرَ وَصَفَّ النَّاسُ وَرَأَاهُ فَاقْتَرَأَ قِرَاءَةً طَوِيلَةً ثُمَّ كَبَّرَ فَرَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلًا ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. ثُمَّ قَامَ فَاقْتَرَأَ قِرَاءَةً طَوِيلَةً هِيَ مِنْ الْقِرَاءَةِ الْأُولَى ثُمَّ كَبَّرَ فَرَكَعَ رُكُوعًا طَوِيلًا هُوَ أَدْنَى مِنَ الرُّكُوعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. ثُمَّ سَجَدَ فِي رِوَايَةٍ أُخْرَى فَأَطَالَ السُّجُودَ ثُمَّ فَعَلَ فِي الرَّكْعَةِ الْأُخْرَى مِثْلَ ذَلِكَ حَتَّى اسْتَكْمَلَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ... أَرْبَعَ رُكُوعَاتٍ وَأَرْبَعَ سَجَدَاتٍ وَأَنْجَلَتِ الشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ يَنْصَرِفَ ثُمَّ قَامَ فَخَطَبَ النَّاسَ فَأَتْنَى عَلَى اللَّهِ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ ثُمَّ قَالَ «إِنَّمَا الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ عِزِّ وَجَلِّ لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَافْزِعُوا إِلَى الصَّلَاةِ. فِي رِوَايَةٍ: فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Maksudnya: “Gerhana matahari berlaku pada zaman Nabi SAW, lalu Baginda pergi ke masjid dan bersolat. Orang ramai pun berbaris mengikut Baginda di belakang. Baginda membaca surah yang panjang. Kemudian Baginda bertakbir sambil ruku’ yang panjang, kemudian Baginda bangun i’tidal sambil berkata: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. Baginda terus berdiri dan membaca bacaan yang panjang kurang sedikit daripada bacaan yang pertama. Kemudian Baginda ruku’ yang lama kurang sedikit daripada ruku’ yang pertama dan i’tidal sambil berkata: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ.

Seterusnya Baginda sujud. Dalam riwayat yang lain pula menyebut: Baginda sujud dengan lama. Begitu juga yang dilakukan Baginda pada rakaat yang kedua sehingga sempurna empat kali ruku’ dan empat kali sujud, dan matahari pun bersinar semula sebelum Baginda selesai bersolat. Sesudah itu, Baginda berkhotbah kepada orang ramai serta memuji Allah dengan selayaknya dan bersabda: Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua

daripada tanda keagungan Allah. Gerhana berlaku bukanlah disebabkan mati⁵⁷ atau hidup seseorang. Apabila kamu mengetahui gerhana, segeralah bersolat. Dalam riwayat yang lain pula menyebutkan bahawa, apabila kamu mengetahui gerhana berlaku berdoalah kepada Allah SWT, bersolat dan bersedekahlah.”

Riwayat al-Bukhari (947) dan Muslim (901)

Rasulullah SAW melakukan solat gerhana matahari tanpa menyaringkan bacaannya dan Baginda mengingatkan orang ramai supaya jangan lalai dan tertipu.

Tiada Qadha' Solat Gerhana

Apabila luput waktu solat gerhana, setelah matahari atau bulan bersinar semula sebelum melakukan solat, tidaklah disyariatkan mengqadha'kannya. Hal ini demikian kerana solat gerhana tergolong dalam jenis solat yang bersebab. Justeru, apabila hilang sebabnya maka hilanglah tuntutan bersolat tersebut.

Mandi Solat Gerhana

Seseorang yang hendak melakukan solat gerhana sunat mandi sebagaimana mandi untuk bersolat Jumaat. Ini kerana solat gerhana sama keadaannya dengan solat Jumaat dari segi perhimpunan ramai dan suruhan berjemaah.

⁵⁷Gerhana matahari itu berlaku berbetulan pada hari anakanda Baginda bernama Ibrahim meninggal dunia. Pada zaman jahiliyah, apabila berlaku gerhana, mereka menganggap ada orang kenamaan meninggal dunia. Justeru, mereka kaitkan gerhana yang kebetulan berlaku dengan kematian anak Rasulullah SAW, lantas Baginda membatalkan sangkaan tersebut.

SOLAT *ISTISQA'* (SOLAT MEMOHON HUJAN)

Pengertiannya

Solat Istisqa' ialah solat yang disyariatkan apabila berlaku kemarau. Ia sunat⁵⁸ dilakukan apabila ada sebab tersebut, dan tidak sunat lagi apabila hujan turun atau mata air mengalir kerana sebab-sebabnya telah luput.

Cara Solat *Istisqa'*

Istisqa' dilakukan dengan dengan tiga cara, iaitu:

Pertama: Sekurang-kurangnya dengan berdoa pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Kedua: Cara yang sederhana ialah berdoa selepas ruku' pada rakaat yang akhir solat fardhu dan selepas bersolat.

Ketiga: Cara yang paling sempurna ialah melakukannya seperti berikut:

- i. Imam atau penolongnya hendaklah meminta orang ramai bersama-sama melakukan perkara-perkara berikut:
 - Bertaubat dengan sebenar-benarnya.
 - Bersedekah kepada fakir miskin, meninggalkan kezaliman dan mendamaikan persengketaan.
 - Berpuasa selama empat hari berturut-turut.

Perkara tersebut sunat dilakukan kerana ia memberi kesan kepada termakbulnya doa sebagaimana yang *thabit* dalam beberapa hadith yang sahih.

⁵⁸ Mengikut pendapat Abu Hanifah, tiada sunat solat *istisqa'* yang disyariatkan secara berjemaah tetapi jika sembahyang secara berseorangan, maka hukumnya harus.

- ii. Pada puasa hari keempat, imam bersama-sama orang ramai keluar ke kawasan lapang, berpakaian biasa, merendah diri dan bersopan santun. Kemudian mereka melakukan solat sebanyak dua rakaat sama seperti solat sunat hari raya.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَوَاضِعًا مُتَبَدِّلًا مُتَخَشِّعًا مُتَرَسِّلًا خَرَجَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَوَاضِعًا مُتَبَدِّلًا مُتَخَشِّعًا مُتَرَسِّلًا مُتَصَرِّعًا فَصَلَّى
رَكَعَتَيْنِ فِي الْعِيدِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW keluar dengan tawadhu’, berpakaian biasa, khusyu’, berlemah-lembut dan merendah diri. Kemudian Baginda bersolat dua rakaat sebagaimana Baginda bersolat pada hari raya.”

Riwayat Ibn Majah (1266)

- iii. Apabila selesai bersolat, imam berkhotbah sebagaimana khutbah hari raya. Akan tetapi, apabila dia memulakannya dengan beristighfar sebanyak sembilan kali pada khutbah yang pertama dan sebanyak tujuh kali pada khutbah yang kedua sebagai ganti pada solat hari raya.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ
مِدْرَارًا

Maksudnya: Sehingga Aku berkata (kepada mereka): Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah ia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu.

(Surah Nuh: 10-11)

Setelah berlalu sepertiga khutbah yang kedua, khatib hendaklah berpaling menghadap kiblat dan membelakangi para jemaah.

Seterusnya, dia mengubah kedudukan selendangnya yang bahagian atas ke bawah dan yang bahagian bawah ke atas, diikuti bahagian kanan diubah ke kiri dan bahagian kiri diubah ke kanan. Semua ini dilakukan untuk menzahirkan rasa rendah diri yang teramat sangat kepada Allah SWT. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا يَسْتَسْقِي فَصَلَّى بِنَا رَكَعَتَيْنِ بِلَا أَذَانٍ
وَلَا إِقَامَةٍ ثُمَّ خَطَبَنَا وَدَعَا اللَّهَ وَحَوْلَ وَجْهَهُ نَحْوَ الْقِبْلَةِ رَافِعًا يَدَيْهِ ثُمَّ قَلَبَ رِءَاءَهُ
فَجَعَلَ الْأَيْمَنَ عَلَى الْأَيْسَرِ وَالْأَيْسَرَ عَلَى الْأَيْمَنِ

Maksudnya: “Pada suatu hari Rasulullah SAW keluar untuk melakukan solat Istisqa’. Kemudian Baginda bersolat bersama-sama kami sebanyak dua rakaat tanpa azan dan iqamah. Seterusnya Baginda berkhotbah dan berdoa kepada Allah sambil memalingkan mukanya ke kiblat dan mengangkat kedua-dua belah tangan tangannya. Kemudian Baginda membalikkan selendangnya yang kanan ke kiri dan yang kiri ke kanan.”

Riwayat Ibn Majah (1268)

Orang ramai juga sunat membalikkan selendang mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Dalam hal ini sunat bagi khatib membanyakkan *istighfar*, berdoa, bertaubat, merendah diri dan bertawassul dengan orang yang soleh dan yang bertakwa.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Anas RA apabila berlaku kemarau, Umar bin al-Khattab RA memohon hujan dengan perantaraan Abbas bin Abdul Muttalib dengan berkata:

اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا فَتَسْقِينَا وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا فَاسْقِنَا. قَالَ فَيَسْقُونَ

Maksudnya: “Ya Allah! Dahulu kami bertawassul kepada-Mu dengan Nabi kami maka Engkau menurunkan hujan ke atas kami. Dan sekarang kami bertawassul pula kepada-Mu dengan bapa saudara kami, maka turunkanlah hujan ke atas kami. Anas berkata: Mereka pun diturunkan hujan.”

Riwayat al-Bukhari (964)

- iv. Sunat dibawa bersama-sama ke kawasan bersolat kanak-kanak, orang tua dan binatang ternakan. Ini adalah kerana bencana yang menimpa turut mengenai mereka semua. Begitu juga ahli *zimmah* tidak wajar dihalang untuk turut hadir bersama.

Doa untuk Memohon Hujan

Doa yang dianjurkan untuk memohon hujan, antaranya:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا سُقِيًّا رَحْمَةً وَلَا تَجْعَلْهَا سُقِيًّا عَذَابٍ وَلَا مَحَقٍّ وَلَا بَلَاءٍ وَلَا هَدْمٍ وَلَا غَرْقٍ
اللَّهُمَّ عَلَى الظُّرَابِ وَالْأَكَامِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ وَبُطُونِ الْأُودِيَةِ، اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا
اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيثًا، هَنِيئًا مَرِيئًا مَرِيئًا، سَحًّا عَامًّا عَدَقًا طَبَقًا مُجَلَّلًا، دَائِمًا إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ اللَّهُمَّ اسْقِنَا الْغَيْثَ وَلَا تَجْعَلْنَا مِنَ الْقَانِطِينَ اللَّهُمَّ إِنَّ بِالْعِبَادِ وَالْبِلَادِ مِنَ الْجُهْدِ
وَالْجُوعِ وَالضَّنَنِ مَا لَا نَشْكُو إِلَّا إِلَيْكَ اللَّهُمَّ أَنْبِتْ لَنَا الزَّرْعَ وَأَدِرْ لَنَا الضَّرْعَ وَأَنْزِلْ
عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِ السَّمَاءِ وَأَنْبِتْ لَنَا مِنْ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ وَاكْشِفْ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ مَا لَا
يَكْشِفُهُ غَيْرُكَ اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ إِنَّكَ كُنْتَ غَفَّارًا فَأَرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْنَا مِدْرَارًا

Maksudnya: “Ya Allah! Jadikanlah hujan itu rahmat, bukan azab, bukan kemusnahan, bukan bala, bukan kehancuran dan bukan banjir. Ya Allah! Turunkanlah hujan ke atas bukit, kawasan berpasir, kawasan tumbuh-tumbuhan dan kawasan lembah. Ya Allah! Turunkanlah hujan di sekeliling

kami bukan di atas kami. Ya Allah! Turunkanlah hujan yang menyelamatkan kami daripada kegetiran. Hujan yang menyegarkan dan menyuburkan, hujan yang turun lebat di merata bumi, hujan yang sentiasa mendatangkan manfaat sehingga hari kiamat. Ya Allah! Siramilah kami dengan hujan dan janganlah Engkau jadikan kami golongan yang berputus asa. Ya Allah! Sesungguhnya hamba-hamba-Mu dan negara ini telah didatangi kesukaran, kesempitan hidup dan kelaparan. Kami tidak mengadu melainkan kepada-Mu. Ya Allah! Tumbuhkanlah tanam-tanaman kami, banyakkkanlah susu ternakan kami, turunkanlah kepada kami keberkatan daripada langit, dan tumbuhkanlah bagi kami dari bumi tanaman yang berkat. Hindarkanlah bala bencana daripada kami yang tiada sesiapa yang boleh menghindarkannya selain-Mu. Ya Allah! Kami memohon ampun kepada-Mu kerana sesungguhnya Engkaulah Maha Pengampun, maka turunkanlah hujan yang lebat ke atas kami.”

Riwayat al-Bukhari (967), Muslim (897), Abu Daud (1169), al-Syafie (*al-Umm* 1/222) dan yang lainnya

HUKUM-HUKUM BERKAITAN JENAZAH

Mengingati Mati

Sunat bagi setiap orang selalu mengingati mati, kerana sabda Rasulullah SAW:

أَكْثَرُوا مِنْ ذِكْرِ هَازِمِ اللَّذَاتِ

Maksudnya: “Banyakkanlah mengingati perkara yang menghancurkan kelazatan.”

Riwayat Ibn Hibban (2559) dan yang lainnya

Maksud *perkara yang menghancurkan kelazatan* ialah perkara yang serta merta memutuskan segala kelazatan iaitu mati.

Sunat juga bersedia untuk mati dengan bertaubat serta berterusan taat kepada Allah SWT sama ada masih remaja, dewasa atau telah lanjut usia, dan sama ada ketika sihat atau sakit. Hal ini demikian kerana ajal seseorang hanya dalam pengetahuan Allah SWT. Tidak semestinya maut lebih hampir kepada orang tua daripada orang muda atau lebih hampir kepada orang sakit daripada orang sihat. Kemungkinan seorang remaja menemui ajal ketika dia tenggelam dalam mimpi remajanya, dan kemungkinan seorang yang telah lanjut usia terus hidup sedangkan dia menunggu mati dari hari ke hari.

Apabila seseorang ditimpa sakit, lebih patut baginya mengingati mati dan amat perlu serta mementingkan persediaan.

Perkara-perkara yang Dituntut Dilakukan Terhadap Seseorang Muslim yang Nazak

Nazak ialah zahir tanda-tanda mati daripada pesakit dan mula tercabut roh daripada jasadnya.

- i. Apabila pesakit telah sampai ke tahap nazak, ahli keluarganya sunat membaringkannya mengiring ke kanan dengan mukanya menghadap kiblat. Jika susah berbuat demikian, maka baringkanlah menelentang

dengan mukanya ditinggikan sedikit supaya menghadap kiblat. Begitu juga dua kakinya sunat diarahkan ke kiblat.

- ii. Sunat mengajarkannya kalimah syahadah, iaitu dengan cara yang lembut dan tanpa mendesak. Kalimah tersebut diulang-ulang ke telinganya tanpa disuruh melafazkannya. Hal ini berdasarkan hadith:

لَقِّنُوا مَوْتَكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya: “Ajarlah orang yang hampir mati di kalangan kamu kalimah لا إله إلا الله.”

Riwayat Muslim (916 & 917)

- iii. Sunat membaca surah Yasin di sisinya.

Hal ini berdasarkan hadith:

اقْرءُوا عَلَي مَوْتَكُمْ يس

Maksudnya: “Bacalah surah Yasin kepada orang yang hampir mati di kalangan kamu.”

Riwayat Abu Daud (3121) dan Ibn Hibban (720) yang menyatakan hadith sahih

- iv. Sunat bagi pesakit yang merasai tanda-tanda awal kematian berbaik sangka terhadap Allah dengan melupakan segala dosa dan maksiatnya sambil mengingati dirinya sedang menghadap Tuhannya yang Maha Mulia lagi Maha Mengampuni segala dosanya selagi dia memelihara imannya dan mentauhidkan Allah SWT. Hal ini berdasarkan hadith yang sahih, Allah SWT berfirman:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي

Maksudnya: “Aku mengikut sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku.”

Hadith Qudsi riwayat al-Bukhari (6970) dan Muslim (2675)

Perkara yang Sunat Dilakukan kepada Orang Muslim Selepas Mati

Apabila seseorang mati dan keluar rohnya, sunat dilakukan perkara-perkara berikut:

Pertama: Memejamkan kedua belah matanya dan mengikat dagu supaya mulutnya tidak terbuka. Hal ini berdasarkan hadith:

إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَقَدْ شَقَّ بَصْرَهُ أَي
شَخْصَ فَأَغْمَصَهُ

Maksudnya: “Nabi SAW menziarahi jenazah Abu Salamah RA yang matanya terbuka. Lalu Baginda memejamkannya.”

Riwayat Muslim (920)

Kedua: Melembutkan sendi kedua belah tangan dan kakinya serta anggota yang lain dengan senaman ringan.

Ketiga: Meletakkan sesuatu yang berat di atas perutnya supaya tidak kembung yang boleh mencemarkan pandangan dan sunat ditutup seluruh anggotanya dengan kain nipis.

Keempat: Sunat menanggalkan kesemua pakaiannya dan meletakkan mayat di atas katil atau seumpamanya yang tinggi daripada lantai, serta menghadapkannya ke kiblat sebagaimana dilakukan ketika nazak. Tugas ini hendaklah dilakukan oleh *mahram* yang paling baik dengannya.

Perkara yang Wajib Dilakukan kepada Orang Mati

Sunat segera menguruskan jenazah dengan memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikannya. Ulama Islam telah berijma' menyatakan hukum keempat-empat urusan tersebut adalah fardhu *kifayah* atas kesemua orang Islam di tempat kematian. Jika tidak ada seorang pun di kalangan mereka melaksanakan tugas tersebut, maka berdosa lah semuanya.

Memandikan Mayat

Perkara pertama dalam hal menguruskan mayat ialah memandikannya. Terdapat dua cara memandikan mayat.

Cara Pertama: Cara ringkas yang mencapai maksud mandi dan terlepas daripada dosa ialah menghilangkan najis yang mungkin terdapat di badan kemudian meratakan air ke seluruh badannya.

Cara Kedua: Cara paling sempurna yang mengikut sunnah dengan melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- i. Meletakkan mayat di tempat yang lapang dan tinggi seperti papan atau seumpamanya dan menutup auratnya dengan kain dan seumpamanya.
- ii. Orang yang memandikan mayat hendaklah mendudukkannya di tempat mandi dengan keadaan condong ke belakang. Kepala mayat disandarkan ke kanannya, manakala tangan kirinya mengurut perut mayat dengan tekanan yang kuat supaya najis yang mungkin ada di dalamnya keluar.

Kemudian, balut tangan kiri dengan perca kain atau sarung tangan untuk membasuh kedua-dua kemaluannya. Bersihkan mulut dan dua lubang hidungnya dan seterusnya ambikkan wudhu'nya sebagaimana orang hidup berwudhu'.

- iii. Membasuh kepala dan mukanya dengan sabun atau dengan sesuatu yang boleh membersihkannya. Sikatkan rambutnya jika ada, dan meletakkan semula rambut yang tercabut untuk dikebumikan bersamanya.
- iv. Mandikan keseluruhan sebelah kanan bahagian hadapan badan mayat selari dengan mukanya, kemudian keseluruhan sebelah kiri bahagian hadapan badan juga selari dengan mukanya. Seterusnya mandikan pula bahagian rusuk kanannya selari dengan tengkuk dan diikuti rusuk sebelah kiri juga selari dengan tengkuk.

Dengan cara demikian, ratalah air ke seluruh tubuhnya bagi kali pertama. Kemudian, sunat pula diulang sebanyak dua kali untuk mencukupkan sebanyak tiga kali. Campurkanlah sedikit kapur barus di dalam air mandi yang ketiga itu sekiranya mayat tersebut tidak berada dalam keadaan berihram.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ummu `Atiyyah al-Ansariyah R.Anha katanya, Rasulullah SAW masuk menemui kami yang sedang memandikan jenazah puteri Baginda, lalu Baginda bersabda:

اغْسَلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مَنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتِنَّ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي
الْآخِرَةِ كَافُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ وَأَبْدَأْنَا بِمِيَامِنِهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا

Maksudnya: “Mandikanlah dia dengan air biasa dan air bidara sebanyak tiga kali, lima kali atau lebih daripada itu, sekiranya kamu lihat ia perlu dilakukan sebanyak itu. Mandikanlah dia pada jirusan yang terakhir dengan air kapur barus atau air yang dicampurkan sedikit kapur barus dengan memulakannya pada bahagian kanan dan anggota wudhu’nya.”

Riwayat al-Bukhari (165) dan Muslim (939)

Jika mayat tersebut dalam berihram, mandikanlah dia sebagaimana orang yang lainnya dengan air tanpa dicampurkan dengan kapur barus atau dengan sesuatu yang berbau harum.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, seseorang lelaki dicampak oleh untanya dan dipijak tengkuknya lalu mati sedang dia dalam keadaan berihram. Rasulullah SAW bersabda:

اغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَكَفَّنُوهُ فِي ثَوْبَيْنِ، وَلَا تَمْسُوهُ طَبِيًّا وَلَا تُخَمِّرُوا رَأْسَهُ، فَإِنَّ اللَّهَ
يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَبَّدًا. وَفِي رَوَايَةٍ: مُلَبَّبًا

Maksudnya: *“Mandikanlah dia dengan air biasa serta air bidara dan kafankan dengan dua helai kain, jangan sentuhkan dia dengan wangi-wangian dan janganlah tutup kepalanya. Allah SWT akan membangkitkannya pada hari Kiamat dalam keadaan rambutnya melekat. Dalam riwayat yang lain: Sambil mengucapkan talbiah.”*

Riwayat Bukhari (1208)

Mayat lelaki wajib dimandikan oleh orang lelaki dan mayat perempuan oleh orang perempuan sebagaimana yang disebut dalam hadith-hadith yang lalu. Bagaimana pun harus bagi lelaki memandikan mayat isterinya dan isteri memandikan mayat suaminya.

Jika tidak ada yang memandikan mayat perempuan melainkan lelaki bukan mahramnya atau tidak ada yang memandikan mayat lelaki melainkan perempuan yang bukan mahramnya, maka dalam kedua-dua keadaan ini gugurlah tuntutan mandi, dan hendaklah menggantikannya dengan tayammum.

Tujuan disyariatkan mandi mayat ialah untuk memuliakan dan membersihkannya. Hukumnya wajib bagi semua mayat orang Islam melainkan mayat orang yang mati syahid dalam medan peperangan sebagaimana yang akan dijelaskan.

Mengkafankan

Sekurang-kurang kafan yang dituntut oleh syara' ialah membalut seluruh tubuhnya dengan sehelai kain, begitu juga kepalanya jika dia tidak dalam berihram. Menurut pendapat yang lebih sahih, kafan yang wajib ialah sehelai kain yang menutup aurat.

Cara yang lebih sempurna bagi mayat lelaki ialah mengkafkannya dengan tiga helai kain putih yang setiap helai sama panjangnya dengan mayat. Manakala lebar setiap helai kain pula kira-kira boleh membalut seluruh tubuh mayat.

Makruh mengkafankan mayat dengan kain yang bukan berwarna putih atau dengan sesuatu yang menyerupai baju dan menutup kepalanya dengan

sesuatu yang menyerupai serban. Hal ini berdasarkan hadits, daripada Aisyah R.Anha, katanya:

كُفِّنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَلَاثَةِ أَتْوَابٍ بَيِّضٍ سَحْوَلِيَّةٍ، لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلَا عِمَامَةٌ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah dikafankan dengan tiga lapis kain kafan yang bersih tanpa baju dan serban.”

Riwayat al-Bukhari (1214) dan Muslim (941)

Hadith yang lain pula, Rasulullah SAW bersabda:

الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفَنُوا فِيهَا مَوْتَكُمْ

Maksudnya: “Pakailah pakaian kamu yang berwarna putih kerana ia adalah sebaik-baik pakaian dan kafankanlah yang mati di kalangan kamu dengannya.”

Riwayat al-Tirmizi (994) dan yang lainnya

Bagi mayat perempuan, sunat dikafankan dengan lima helai kain putih, iaitu sehelai kain menutup daripada pusat hingga ke hujung badan, sehelai tudung yang menutup badan bahagian atas hingga ke kain dan dua helai lagi setiap satu membalut seluruh tubuhnya.

Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ أَنْ تُكْفَنَ ابْنَتُهُ أُمُّ كَلْثُومٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فِي ذَلِكَ

Maksudnya: “Nabi SAW menyuruh kafankan puteri Baginda Ummu Kalthum R.Anha dengan cara tersebut.”

Riwayat Abu Daud (3157) dan yang lainnya

Cara mengkafan tersebut ialah bagi mayat yang bukan dalam berihram. Jika mayat lelaki dalam berihram wajib dibiarkan kepalanya terdedah, sebagaimana dijelaskan dalam hadith yang lalu tentang orang yang mati

terjatuh daripada untanya, ketika itu dia dalam berihram. Muka mayat perempuan yang dalam berihram sama hukumnya dengan kepala mayat lelaki tersebut.

Wajib menggunakan kain kafan daripada jenis yang harus dipakai ketika hidup. Oleh itu tidak harus mengkafankan mayat lelaki dengan kain sutera asli. Hendaklah diletakkan kapas yang dibubuh ubat mayat atau kapur barus pada semua rongga badan dan anggota sujudnya. Begitu juga kafannya diikat dengan perca kain, kemudian dibuka ketika di dalam kubur.

Solat Jenazah

Pensyariatan solat jenazah berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَى النَّجَاشِيَّ فِي الْيَوْمِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، فَخَرَجَ إِلَى الْمُصَلَّى، فَصَفَّ بِهِمْ وَكَبَّرَ أَرْبَعًا

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersedih atas kematian al-Najasyi, lalu Baginda keluar ke tempat solat, berbaris bersama-sama sahabat dan bersolat sebanyak empat kali.”

Riwayat al-Bukhari (1188) dan Muslim (951)

Tidak sah solat jenazah kecuali setelah dimandikan. Cara solat Jenazah adalah seperti berikut:

Pertama: Bertakbiratul ihram sambil berniat solat Jenazah. Cara berniat ialah ingat dalam fikiran, *bersolat jenazah, empat takbir, fardhu kifayah*.

Kedua: Setelah bertakbir, letakkan kedua-dua tangan ke dada sebagaimana solat biasa, kemudian bacalah *fatihah*.

Ketiga: Setelah selesai membaca *al-Fatihah*, bertakbir pula kali kedua sambil mengangkat kedua-dua tangan hingga ke cuping telinga, kemudian meletakkannya semula ke dada, dan bacalah apa-apa selawat ke atas Nabi SAW. Selawat yang afdhal ialah selawat Ibrahimiyah sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab *hukum-hukum solat*.

Keempat: Bertakbir kali ketiga dan diikuti dengan mendoakan mayat. Mendoakan mayat adalah maksud utama solat jenazah. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Talhah bin Abdullah bin `Auf, katanya:

صَلَّيْتُ خَلْفَ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَلَى جَنَازَةٍ فَقَرَأَ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ قَالَ لِيَعْلَمُوا أَنَّهَا سُنَّةٌ

Maksudnya: “*Aku bersolat Jenazah di belakang Ibn Abbas R.Anhuma, dia membaca Fatihah. Kemudian katanya: Supaya mereka tahu itulah sunnah.*”

Riwayat al-Bukhari (1270)

Hadith yang lain pula, daripada Umamah bin Sahal RA:

أَنَّهُ أَخْبَرَهُ رَجُلٌ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ أَنَّ السُّنَّةَ فِي الصَّلَاةِ عَلَى الْجَنَازَةِ أَنْ يُكَبِّرَ الْإِمَامُ، ثُمَّ يَقْرَأُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ بَعْدَ التَّكْبِيرِ الْأُولَى سِرًّا فِي نَفْسِهِ ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيُخَلِّصَ الدُّعَاءَ لِلْجَنَازَةِ فِي التَّكْبِيرَاتِ وَلَا يَقْرَأُ فِي شَيْءٍ مِنْهُنَّ ثُمَّ يُسَلِّمُ سِرًّا فِي نَفْسِهِ

Maksudnya: “*Dia diberitahu oleh seorang lelaki di kalangan sahabat Nabi SAW bahawa solat jenazah menurut sunnah ialah imam bertakbir, kemudian membaca al-Fatihah dengan perlahan selepas takbir yang pertama, seterusnya berselawat ke atas Nabi SAW dan mendoakan jenazah semata-mata dalam takbir-takbir tersebut tanpa apa-apa bacaan yang lain. Kemudian mengucap salam dengan perlahan.*”

Riwayat al-Nasaie (4/75) dengan *sanad* yang sahih

Sekurang-kurang doa ialah mengucapkan:

اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ أَوْ اغْفِرْ لَهُ

Maksudnya: “*Ya Allah! Rahmatilah dia. Atau Ya Allah! Ampunilah dia.*”

Doa yang paling sempurna ialah doa yang berasaskan daripada Nabi SAW. Mulakan doa ini dengan:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنثَانَا اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَيَّ الْإِسْلَامَ وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَيَّ الْإِيمَانَ

Maksudnya: “Ya Allah! Ampunilah kami yang masih hidup dan yang telah mati, yang bersama-sama kami dan yang tiada bersama-sama kami, yang muda dan yang tua, dan yang lelaki dan yang perempuan. Ya Allah! Sesiapa di kalangan kami yang Engkau teruskan hidupnya, hiduskanlah dia beragama Islam dan sesiapa yang Engkau matikan, matikanlah dia di dalam iman.”

Riwayat al-Tirmizi (1024) dan Abu Daud (3201)

Kemudian doa yang seterusnya, bagi jenazah lelaki:

اللَّهُمَّ هَذَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ

Maksudnya: “Ya Allah! Inilah hamba-Mu dan anak kepada dua hamba-Mu.”

Bagi jenazah perempuan:

اللَّهُمَّ هَذِهِ أُمَّتُكَ وَابْنَةُ أُمَّتِكَ

Maksudnya: “Ya Allah! Inilah hamba-Mu dan anak kepada dua hamba-Mu.”

Dan doa yang seterusnya:

خَرَجَ مِنْ رُوحِ الدُّنْيَا وَسَعَتِهَا، وَمَحْبُوبِهِ وَأَحْبَابِهِ فِيهَا، إِلَى ظِلْمَةِ الْقَبْرِ وَمَا هُوَ لِأَقْبِهِ، كَانَ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَحَدَّكَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ، وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنَّا. اللَّهُمَّ إِنَّهُ نَزَلَ بِكَ وَأَنْتَ خَيْرُ مَنْزُولٍ بِهِ، وَأَصْبَحَ فَقِيرًا إِلَى رَحْمَتِكَ، وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ،

وَقَدْ جَنَّاتِكَ رَاغِبِينَ إِلَيْكَ، شُفَعَاءَ لَهُ. اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَرِّدْ فِي إِحْسَانِهِ وَإِنْ كَانَ مُسِيئًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ، وَلَقِهِ بِرَحْمَتِكَ رِضَاكَ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَهُ وَأَفْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَجَافِ الْأَرْضَ عَنْ جَنِّيهِ وَلَقِهِ بِرَحْمَتِكَ الْأَمْنَ مِنْ عَذَابِكَ، حَتَّى تَبْعَثَهُ إِلَى جَنَّتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: “Dia telah keluar daripada kesenangan dan kemewahan dunia, meninggalkan orang yang dikasihi dan mereka yang menyayanginya menuju kegelapan kubur serta apa-apa yang akan ditempuhinya. Dia telah bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Engkau sahaja dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Mu. Engkaulah yang Maha Mengetahui daripada kami. Ya Allah! Dia telah menjadi tetamu Engkau dan Engkau menjadi penerima tetamu yang terbaik. Sekarang dia perlukan rahmat-Mu, Engkau boleh tidak mengazabkannya. Kami menghadapi-Mu dengan penuh sukacita kepada-Mu memohonkan syafaat untuknya. Ya Allah! Jika dia melakukan kebaikan, tambahkanlah kebaikannya, sekiranya dia melakukan kejahatan, ampunilah dia, kuniakanlah kepada-Nya keredhaan dengan rahmat-Mu, peliharalah dia daripada fitnah kubur serta azabnya, berilah kelapangan baginya di dalam kubur, jarakkanlah tanahnya dari dua rusuknya, dan dengan rahmat-Mu selamatkanlah dirinya daripada azab-Mu wahai Tuhan yang Maha Penyayang dari semua yang menyayang.”

Bagi mayat kanak-kanak, doa yang kedua tersebut diganti dengan doa berikut:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطًا لِأَبَوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا، وَثَقِّلْ بِهِ مَوَازِينَهُمَا وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهُ

Maksudnya: “Ya Allah! Jadikanlah dia sebagai laba bagi ibu bapa kandungannya, sebagai pinjaman, sebagai simpanan, pengajaran, iktibar dan pemberi syafaat kepada mereka. Berikanlah timbangan amal mereka kerananya dan limpahkanlah kesabaran ke dalam hati mereka. Jangan menimbulkan fitnah kepada mereka selepas kematiannya dan jangan hilang pahalanya daripada dinikmati oleh mereka.”

Doa-doa tersebut diambil oleh Imam al-Syafie daripada himpunan hadith, dia kemungkinan dia menyebutnya dengan memberi pengertiannya sahaja. Bagaimanapun para sahabatnya telah menerima doa berkenaan sebagai doa yang baik untuk diamalkan.

Hadith yang paling sahih dalam bab doa ini ialah, daripada Auf bin Malik RA, katanya:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى جَنَازَةٍ فَسَمِعْتَهُ يَقُولُ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمَهُ
وَاعْفُ عَنَّهُ وَعَافِهِ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِمَاءٍ وَتَلْحِجْ وَبَرِّدْ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا
كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ
وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah melakukan solat jenazah, lalu aku mendengar Baginda berdoa. Ya Allah! Ampunilah dan rahmatilah dia, lepaskanlah dia daripada apa-apa yang tidak disukainya dan maafkanlah dia, muliakanlah keadaannya dan luaskan kuburnya. Mandikanlah dia dengan air, salji dan air yang dingin. Bersihkanlah dia daripada segala kesalahan sebagaimana dibersihkan baju yang putih daripada segala kekotoran. Gantikanlah rumahnya yang lebih baiki daripada rumahnya, keluarga yang lebih baik daripada keluarganya dan pasangan yang lebih baik daripada pasangannya. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan peliharalah dia daripada fitnah kubur dan azab neraka. Auf berkata: Aku berharap biarlah aku menjadi mayat itu kerana doa Rasulullah SAW ke atas mayat tersebut.”

Riwayat Muslim (963)

Kelima: Bertakbir kali keempat, kemudian berdoa:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ

Maksudnya: “Ya Allah! Janganlah Engkau tahan pahalanya daripada kami dan janganlah timbulkan fitnah kepada kami selepas kematiannya serta ampunilah kami dan dia.”

Riwayat Abu Daud (3201)

Keenam: Mengucap salam sebanyak dua kali, iaitu ke kanan dan ke kiri sebagaimana salam solat-solat yang lain.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abdullah bin Mas'ud R.Anhuma, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُ التَّسْلِيمَ عَلَى الْجَنَازَةِ مِثْلَ التَّسْلِيمِ فِي الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Nabi SAW mengucap salam ketika bersolat jenazah hanya dengan berdiri tanpa ruku’, sujud dan duduk.”

Riwayat al-Baihaqi (4/43) dengan *sanad* yang *hasan*

Daripada keterangan yang telah disebutkan ternyata bahawa solat jenazah hanya dengan berdiri tanpa ruku’, sujud dan duduk.

Mengebumikan Mayat

Sekurang-kurangnya cara yang wajib mengebumikan mayat ialah di dalam lubang yang tidak boleh keluar baunya dan tidak boleh dibongkar binatang buas, dan keadaan mayat itu menghadap kiblat.

Sementara cara mengebumikan mayat yang lebih sempurna adalah seperti berikut:

Pertama: Mengebumikan mayat di dalam kubur yang kadar dalamnya setinggi lelaki yang sederhana yang meluruskan dua tangannya ke atas. Luasnya pula ialah satu hasta sejengkal.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Hisyam bin Amir RA, daripada Rasulullah SAW yang bersabda tentang mereka yang terkorban di Uhud:

احْفَرُوا وَأَوْسِعُوا وَأَحْسِنُوا

Maksudnya: “Galilah kubur, luaskanlah dan perelokkanlah.”

Riwayat Abu Daud (3215) dan al-Tirmizi (1713) yang menyatakannya sebagai hadith *hasan* dan *sahih*

Kedua: Wajib mengiringkan mayat ke sebelah kanan dengan menghadap kiblat, dan pipinya sunat dikenakan pada tanah. Jika tidak dihadapkan ke kiblat dan kubur telah pun ditimbus, kubur wajib digali semula untuk menghadapkan mayat tersebut ke kiblat jika mayat itu belum berubah keadaannya.

Ketiga: Sunat dibuat kubur yang berlahad jika keadaan tanahnya keras.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Sa'ad bin Abu Waqqas RA dia berkata ketika sakit yang membawa kematiannya:

الْحَدُّوا لِي لِحْدًا وَأَنْصِبُوا عَلَيَّ اللَّيْنَ نَصَبًا كَمَا صُنِعَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “*Buatkan lahad untukku dan letakkan batu-bata atasnya sebagaimana yang dibuat untuk Rasulullah SAW.*”

Riwayat Muslim (966)

Lahad ialah lubang yang digali pada dinding kubur sebelah kiblat. Ukurannya kira-kira semua mayat diletakkan di dalamnya. Kemudian permukaan lahad tersebut ditutup dengan batu yang nipis supaya tanah tidak runtuh ke atas mayat.

Walau bagaimanapun bagi tanah kubur yang lembut eloklah dibuatkan teraju, iaitu ruang di tengah-tengah bahagian dalam kubur, kira-kira semua mayat yang diletakkan di dalamnya. Hujung dan pangkalnya dibinakan batu-batu atau seumpamanya, dan permukaannya ditutup dengan batu yang nipis. Kemudian barulah dikambuskan tanah ke atasnya.

Keempat: Sunat disorongkan mayat dibahagian kepalanya selepas meletakkannya di dalam lahad dan menghulurkannya dengan cermat. Hal ini berdasarkan hadith:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ يَزِيدَ الْخَطْمِيَّ الصَّحَابِيَّ أَدْخَلَ الْحَارِثَ الْقَبْرَ مِنْ قِبَلِ رِجْلِي الْقَبْرِ وَقَالَ:
هَذَا مِنَ السُّنَّةِ

Maksudnya: “*Abdullah bin Yazid al-Khatmiy al-Sahabi RA memasukkan mayat al-Harith ke dalam kubur di bahagian kakinya dan berkata: Cara ini adalah mengikut sunnah.*”

Riwayat Abu Daud (3211) dengan *sanad* yang sahih

Sunat bagi orang lelaki yang akrab dengan si mati masuk ke dalam kubur untuk meratakan tanahnya manakala orang yang memasukkan jenazah ke dalam lahad sunat membaca doa.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Umar R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا وَضَعَ الْمَيِّتَ فِي الْقَبْرِ قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

Maksudnya: “*Nabi SAW apabila meletakkan mayat di dalam kubur, Baginda membaca doa yang maksudnya dengan nama Allah dan atas sunnah Rasulullah.*”

Riwayat Abu Daud (3213) dan al-Tirmizi (1046)

MENGIRINGI JENAZAH

Hukum Mengiringi Jenazah Bagi Lelaki dan Perempuan

Orang lelaki sunat mengiringi jenazah ke kubur. Hal ini berdasarkan hadith, al-Barra' bin Azib berkata:

أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاتِّبَاعِ الْجَنَازَةِ، وَعِيَادَةِ الْمَرِيضِ، وَتَشْمِيتِ
الْعَاطِسِ، وَإِجَابَةِ الدَّاعِي، وَنَصْرِ الْمَظْلُومِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW menyuruh kami mengiringi jenazah, menziarahi pesakit, mendoakan pesakit, mendoakan orang bersin, memenuhi jemputan dan membantu orang yang teraniaya.”

Riwayat al-Bukhari (1182)

Begitu juga sunat menunggu mayat selesai dikebumikan. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ شَهِدَ الْجَنَازَةَ حَتَّى يُصَلِّيَ عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ، وَمَنْ شَهِدَ حَتَّى تُدْفَنَ كَانَ لَهُ قِيرَاطَانِ.
قِيلَ: وَمَا الْقِيرَاطَانِ؟ قَالَ: مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bersama-sama jenazah sehingga selesai disolatkan dia mendapat satu qirath (قيراط) dan sesiapa yang bersama-samanya sehingga selesai dikebumikan dia mendapat dua qirath. Lalu Baginda ditanya: Apakah dua qirath itu? Baginda menjawab: Ganjarannya umpama dua buah bukit yang besar.”

Riwayat al-Bukhari (1261) dan Muslim (945)

Adapun orang perempuan tidak sunat mengiringi jenazah ke kubur malah perbuatan itu bertentangan dengan sunnah dan wasiat Rasulullah SAW. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ummu Atiyyah R.Anha, katanya:

نُهَيْنَا عَنْ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ، وَلَمْ يُعَزَّمْ عَلَيْنَا

Maksudnya: “Kami ditegah mengiringi jenazah namun ia bukanlah sebagai perintah kepada kami.”

Riwayat al-Bukhari (1219) dan Muslim (938)

Hadith tersebut menunjukkan bahawa orang perempuan tidaklah ditegah sangat dan tidak pula diharamkan mengiringi jenazah. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ali RA, katanya:

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا نِسْوَةٌ جُلُوسٌ فَقَالَ: مَا يُجْلِسُكُمْ. قُلْنَ نَتَّظِرُ الْجِنَازَةَ. قَالَ: هَلْ تَغْسِلْنَ؟ قُلْنَ: لَا. قَالَ: هَلْ تَحْمِلْنَ؟ قُلْنَ: لَا. قَالَ: هَلْ تُدَلِّينَ فِيمَنْ يُدَلِّي؟ قُلْنَ: لَا. قَالَ فَارْجِعْنَ مَأْزُورَاتٍ غَيْرَ مَأْجُورَاتٍ

Maksudnya: “Ketika Rasulullah SAW keluar, tiba-tiba Baginda bertemu beberapa orang perempuan yang sedang duduk. Baginda bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu duduk? Mereka menjawab: Kami sedang menunggu jenazah. Baginda bertanya lagi: Adakah kamu akan memandikannya? Mereka menjawab: Tidak. Adakah kamu akan mengusungnya? Mereka menjawab: Tidak. Baginda seterusnya bertanya: Adakah kamu akan memasukkannya ke dalam kubur? Mereka menjawab: Tidak. Lalu Baginda bersabda: Baliklah. Kamu dalam keadaan bersalah tanpa mendapat ganjaran.”

Riwayat Ibn Majah (1645)

Hadith tersebut menunjukkan bahawa mereka berdosa dan tidak mendapat ganjaran dengan perbuatan mereka mengiringi jenazah dan menghadiri pengebumian itu.

Adab Mengiringi Jenazah

Antara adab mengiringi jenazah ialah:

Pertama: Mengiringi dengan berjalan kaki, namun tidak mengapa sekiranya berkenderaan semasa balik. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Thauban RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ أُتِيَ بِدَائِيَّةٍ وَهُوَ مَعَ الْجَنَازَةِ فَأَبَى أَنْ يَرْكَبَهَا فَلَمَّا انْصَرَفَ أُتِيَ بِدَائِيَّةٍ فَرَكَبَ، فَقِيلَ لَهُ، فَقَالَ: إِنَّ الْمَلَائِكَةَ كَانَتْ تَمْشِي فَلَمْ أَكُنْ لِأَرْكَبَ وَهُمْ يَمْشُونَ فَلَمَّا ذَهَبُوا رَكِبْتُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW dibawakan binatang tunggangan kepadanya ketika Baginda sedang mengiringi jenazah tetapi Baginda enggan menungganginya. Ketika balik, Baginda telah menunggangi pula binatang tunggangan yang dibawakan kepadanya. Apabila ditanya, Baginda menjawab: Ketika itu para malaikat bersama-sama berjalan, masakan aku pula menaiki tunggangan sedangkan mereka berjalan kaki. Aku menaiki tunggangan setelah mereka pergi.”

Riwayat al-Bukhari (3177)

Hal yang demikian dianggap sunat kerana telah *thabit* bahawa Baginda SAW pernah juga berkenderaan ketika mengiringi jenazah pada masa yang lain. Hadith seterusnya, daripada Jabir bin Samurah RA berkata:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى ابْنِ الدَّحْدَاحِ ثُمَّ أُتِيَ بِفَرَسٍ عُرِيٍّ فَعَقَلَهُ رَجُلٌ فَرَكَبَهُ فَجَعَلَ يَتَوَقَّصُ بِهِ وَنَحْنُ نَتَّبِعُهُ نَسْعَى خَلْفَهُ

Maksudnya: “Setelah Rasulullah SAW melakukan solat jenazah Ibn al-Dahdah, Baginda telah dibawakan seekor kuda kepadanya tanpa pelana. Seorang lelaki memegang kuda tersebut untuk Baginda menungganginya, kemudian kuda itu mula berjalan membawa Baginda dan kami pun ikut berjalan dengan cepat di belakangnya.”

Riwayat Muslim (965)

Kedua: Haram membawa jenazah secara sambil lewa, atau yang dikhuatiri jenazah itu jatuh. Ia sunat dibawa dengan keranda lebih-lebih lagi sekiranya mayat itu perempuan. Ini kerana memelihara kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.

Ketiga: Makruh berbuat bising ketika mengiringi jenazah. Malah sunat tidak meninggikan suara dengan sebarang bacaan, zikir dan seumpamanya. Sebaliknya hendaklah bertafakur mengingati kematian dan balasannya. Hal

ini berdasarkan hadith, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُتَّبَعُ الْجَنَازَةُ بِصَوْتٍ وَلَا نَارٍ

Maksudnya: “Jenazah tidak sepatutnya diringi bunyi suara dan api.”

Riwayat Abu Daud (3171)

Keempat: Mereka yang mengiringi jenazah, *afdhal* berjalan di hadapan berdekatan dengan jenazah. Hal ini demikian kerana mereka mensyafaatkannya kepada Allah SWT, maka sesuailah mereka berada di hadapannya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT, daripada Ibn Umar R.Anhuma:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ يَمْشُونَ أَمَامَ الْجَنَازَةِ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar berjalan di hadapan jenazah.”

Riwayat Abu Daud (3179)

Begitu juga hadith, Nabi SAW bersabda:

الرَّكِبُ يَسِيرُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ وَالْمَاشِي خَلْفَهَا وَأَمَامَهَا وَعَنْ يَمِينِهَا وَعَنْ يَسَارِهَا قَرِيبًا مِنْهَا

Maksudnya: “Orang yang berkenderaan berada di belakang jenazah manakala orang-orang yang berjalan kaki pula berdekatan dengan jenazah sama ada di belakang, di hadapan, di sebelah kanan atau di sebelah kirinya.”

Riwayat Abu Daud (3180)

Kelima: Tiada halangan bagi orang Islam, malah makruh bagi mereka mengiringi jenazah kaum kerabatnya yang kafir.

Keenam: Sunat mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dalam tempoh tiga hari dari hari kematiannya.

Hal ini berdasarkan hadits, Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُعْزَى أَخَاهُ بِمُصِيبَةٍ إِلَّا كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ حُلِّ الْكِرَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Orang Islam yang mengucapkan takziah kepada saudaranya ketika ditimpa kemalangan, pasti Allah mengurniakannya kemuliaan pada hari Kiamat.”

Riwayat Ibn Majah (1601)

Oleh itu, makruh mengucapkan takziah selepas tiga hari kematiannya kecuali bagi musafir. Ini kerana perasaan sedih biasanya hilang selepas tempoh tersebut dan tidaklah elok didatangkan kembali kesedihan tersebut. Begitu juga makruh mengucapkan takziah berulang kali. Yang sebaik-baiknya, takziah diucapkan selepas mayat dikebumikan. Ini kerana sebelum itu keluarga si mati sibuk menguruskan jenazahnya.

Namun jika mereka tersangat sedih, maka takziah lebih baik diucapkan sebelum pengkebumiannya sebagai tanda simpati kepada keluarga tersebut. Ucapan takziah yang sunat ialah:

أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ وَأَحْسَنَ عِزَاءَكَ وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ وَعَوَّضَكَ اللَّهُ عَنْ مُصِيبَتِكَ خَيْرًا

Maksudnya: “Semoga Allah SWT memperbanyak pahala mu, meningkatkan kesabaranmu, mengampuni jenazah si mati, dan menggantikan kemalangan yang menimpa mu dengan sesuatu yang lebih baik.”

Perkara *Bid'ah* Terhadap Jenazah

Pertama: Semua perkara yang bertentangan dengan adab-adab mengiringi jenazah sebagaimana yang telah disebutkan adalah *bid'ah* dan hendaklah dijauhi, seperti mengiringi jenazah dengan kenderaan dan meninggikan suara.

Kedua: Membawa jambangan bunga dan seumpamanya bersama-sama jenazah. Perbuatan ini adalah *bid'ah* yang diharamkan yang telah mempengaruhi orang Islam dengan meniru upacara pengebumian mayat orang kafir yang mengandungi unsur-unsur pembaziran dan kemegahan.

Ketiga: Kubur yang digali dan dibina tidak mengikut cara yang ditetapkan dari segi kedalaman, keluasan dan keutamaan liang lahad daripada liang teraju.⁵⁹

Keempat: Makruh membina kubur sama ada di sebelah dalam atau di luarnya dengan bahan yang menyerap bahang panas seperti simen, batu kapur dan seumpamanya. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, katanya:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW melarang pembinaan kubur dengan batu kapur.*”

Riwayat Muslim (970)

Walau bagaimanapun pembinaan kubur dengan batu marmar dan seumpamanya adalah haram. Ini kerana perbuatan tersebut sangat bertentangan dengan larangan Rasulullah SAW di samping terdapat unsur-unsur pembaziran yang ditegah oleh syara’ serta unsur-unsur kemegahan dan kebanggaan yang dicela oleh agama.

Kelima: Makruh *tahrīm* meninggikan kubur dan membuat binaan di atasnya sebagaimana yang dibuat oleh kebanyakan orang hari ini. Menurut sunnah, kubur tidak boleh ditinggikan melebihi sejengkal dari paras tanah. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ali bin Abu Talib RA, katanya, Abu al-Hayyaj al-Asadiy berkata:

أَلَّا أَبْعَثَكَ عَلَى مَا بَعَثَنِي عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ لَا تَدْعَ تَمَثَالًا إِلَّا طَمَسْتَهُ وَلَا قَبْرًا مُشْرِفًا إِلَّا سَوَّيْتَهُ

Maksudnya: “*Aku menyampaikan pesanan Rasulullah SAW kepadaku bahawa jangan ditinggalkan patung-patung kecuali setelah engkau hancurkannya, begitu juga dengan kubur yang binaannya tinggi kecuali setelah engkau ratakannya.*”

Riwayat Muslim (969) dan yang lainnya

⁵⁹ Teraju ialah liang lahad yang dibuat di tengah-tengah lubang kubur.

Keenam: Mengeluh dan meratapi mayat dengan kata-kata dan perbuatan yang menampakkan kegelisahan dan hilang kesabaran seperti menyebutkan-peribadinya dengan kata-kata *aduhai baiknya atau mulianya dia*, dan perbuatan menepuk-nepuk dada, mengoyak-ngoyak baju dan sebagainya adalah haram. Rasulullah SAW telah melarangnya dengan tegas dalam beberapa hadits yang sahih kerana ia bertentangan dengan kepatuhan kepada Allah dan kesediaan qada' dan qadar-Nya.

Hal ini berdasarkan hadits, daripada Abu Malik al-Asy'ari RA, Nabi SAW bersabda:

النَّائِحَةُ إِذَا لَمْ تَتُبْ قَبْلَ مَوْتِهَا تُقَامُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَعَلَيْهَا سِرْبَالٌ مِنْ قَطِرَانٍ وَدِرْعٌ مِنْ جَرَبٍ

Maksudnya: “Perempuan yang meratap dan tidak bertaubat sebelum dia mati, dia akan dibangunkan pada hari Kiamat dalam keadaan badannya penuh dengan kurap yang berminyak-minyak.”

Riwayat Muslim (935)

Begitu juga hadits, daripada Abdullah bin Mas'ud R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَطَمَ الْخُدُودَ، وَشَقَّ الْجُيُوبَ، وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ

Maksudnya: “Bukanlah daripada golongan kami mereka yang menampar-nampar pipi, mengoyak-ngoyak baju dan meratap sebagaimana ratapan orang zaman jahiliah.”

Riwayat al-Bukhari (1232)

Namun demikian tidaklah menjadi kesalahan tangisan biasa yang timbul daripada perasaan kasih sayang dan hati yang sayu.

Hal ini berdasarkan hadits, Rasulullah SAW menangis ketika melihat anaknya Ibrahim sedang nazak sambil bersabda:

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ، وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ، وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يَرْضَى رَبُّنَا، وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ
لَمَحْزُونُونَ

Maksudnya: “Mata berlinangan, hati bersedih, kami hanya dapat menyebut kata-kata yang meredhai Tuhan dan kami sangat sedih atas pemergianmu wahai Ibrahim.”

Riwayat al-Bukhari (1241) Muslim (2315-2316)

Hadith seterusnya, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

زَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْرَ أُمِّهِ فَبَكَى وَأَبَى مَنْ حَوْلَهُ

Maksudnya: “Nabi SAW menziarahi kubur ibunya. Baginda menangis dan membuatkan orang yang di sekelilingnya juga menangis.”

Riwayat Muslim (976)

Ketujuh: Keluarga si mati sibuk menyediakan makanan dan menjamu orang ramai sebagaimana kebiasaan masa kini. Hal ini adalah *bid'ah* yang sangat bertentangan dengan sunnah yang menganjurkan sebaliknya, iaitu sebahagian mereka yang menziarahi jenazah, menyediakan makanan dan menghantarkannya kepada keluarga si mati atau seseorang mengundang dan menjamu mereka di rumahnya.

Begitu juga sunat menyediakan makanan yang banyak yang mencukupi keperluan mereka sehari semalam. Hal ini berdasarkan hadith, ketika Rasulullah SAW menerima berita Ja'far bin Abu Talib RA terbunuh, Baginda bersabda:

اصْنَعُوا لِأَهْلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَإِنَّهُ قَدْ جَاءَهُمْ مَا يَشْغَلُهُمْ

Maksudnya: “Buatkanlah makanan untuk keluarga Ja'far kerana mereka ditimpa peristiwa yang menyedihkan.”

Riwayat al-Tirmizi (998) Abu Daud (31-32) dan selainnya

Haram menyediakan makanan untuk perempuan-perempuan yang meratap atau seumpamanya sama ada mereka di kalangan keluarga si mati atau orang lain. Ini kerana perbuatan tersebut akan membantu maksiat dan menggalakkannya berterusan.

Termasuk dalam perkara *bid'ah* ialah perbuatan keluarga si mati mengadakan kenduri yang mereka namakan "*sempena berlalu 40 hari*" atau seumpamanya. Sekiranya perbelanjaan kenduri tersebut diambil daripada harta hak para waris, dan antara mereka terdapat pula yang belum baligh, perbuatan tersebut sangat dilarang disebabkan makan harta anak yatim dan menghilangkan haknya bukan untuk kepentingan dirinya. Perbuatan haram ini dikongsi oleh kesemua yang menjemput dan yang makan kenduri tersebut.

Kelapan: Membaca al-Quran di majlis-majlis takziah yang dibuat secara rasmi sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Perbuatan tersebut juga adalah *bid'ah*. Apa yang sunat ialah mengucapkan takziah kepada keluarga si mati hanya dalam tempoh tiga hari dari hari kematiannya sebagaimana yang disepakati ulama atau dengan kata-kata yang lain bukan keluarga si mati yang menentukan tempohnya.

Keguguran Kandungan dan Syahid serta Hukum-hukumnya

Keguguran membawa maksud anak yang lahir sebelum sempurna sifatnya manakala syahid pula bermaksud orang yang terbunuh dalam peperangan yang berlaku kerana mempertahankan Islam dan menegakkan syiarnya.

Keadaan Gugur

Pertama: Keadaan yang pertama, tiada tangisan ketika kelahirannya. Jika tempoh mengandungkannya belum sampai empat bulan, dia tidak wajib dimandikan, dikafankan dan disembahyangkan. Akan tetapi sunat dikafankan dengan secebis kain tanpa disembahyangkan.

Kedua: Keadaan yang kedua, ada tangisan ketika kelahirannya atau diyakini hidupnya seperti bergerak-gerak atau seumpamanya. Dia wajib disembahyangkan di samping kesemua perkara tersebut sebagaimana mayat orang dewasa.

Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

الطِّفْلُ لَا يُصَلَّى عَلَيْهِ وَلَا يَرِثُ وَلَا يُورَثُ حَتَّى يَسْتَهْلَ

Maksudnya: “Kanak-kanak tidak disembahyangi, tidak mewarisi dan tidak diwariskan harta kecuali dia menangis.”

Riwayat al-Tirmizi (1032)

Begitu juga hadith, daripada Jabir RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا اسْتَهَلَ السَّقَطُ صَلَّى عَلَيْهِ وَوَرِثَ

Maksudnya: “Apabila anak yang keguguran itu menangis, hendaklah disembahyangkan dan mewarisi harta.”

Riwayat Ibn Majah (1508)

Syahid

Orang yang mati syahid tidak perlu dimandikan dan disembahyangkan malah sunat dikafankan dengan pakaiannya ketika terbunuh. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Jabir RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ فِي قِتْلَى أَحَدٍ بَدَفِهِمْ فِي دِمَائِهِمْ، وَلَمْ يُغَسَّلُوا وَلَمْ يُصَلَّ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: “Nabi SAW menyuruh para sahabat mengebumikan mereka yang terkorban dalam peperangan Uhud bersama-sama pakaian mereka yang berlumuran darah tanpa perlu dimandikan dan disembahyangkan.”

Riwayat al-Bukhari (1278)

Orang yang luka dalam pertempuran dan mati selepas peperangan berakhir, tidak dianggap syahid sekalipun kematiannya berpunca daripada luka tersebut. Jenazahnya hendaklah dimandikan, disembahyangkan dan diuruskan sebagaimana biasa.

Hikmah orang yang mati syahid tidak dimandikan dan disembahyangkan adalah untuk mengekalkan kesan-kesan syahid yang menjadi saksi pada diri mereka dan sebagai penghormatan kepada mereka yang tidak lagi memerlukan doa daripada manusia. Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا مِنْ كَلِمٍ يُكَلِّمُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا جَاءَ كَهَيْئَتِهِ حِينَ كَلِمٍ،
اللَّوْنُ لَوْنُ دَمٍ وَالرَّيْحُ رِيحُ مِسْكِ

Maksudnya: “Demi Allah SWT yang diri Muhammad dalam kekuasaan-Nya, setiap luka yang disebabkan memperjuangkan agama Allah akan kelihatan pada hari Kiamat sebagaimana keadaannya ketika baru berlaku, darahnya merah dan baunya harum seperti kasturi.”

Riwayat al-Bukhari (235) dan Muslim (1876)

Menziarahi Kubur

Sunat bagi orang lelaki menziarahi kubur orang Islam. Hal ini berdasarkan ijma' ulama dan hadith. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadith yang sahih:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

Maksudnya: “Dulu aku melarang kamu menziarahi kubur, sekarang pergilah kamu menziarahinya.”

Riwayat Muslim (977)

Dalam hadith yang lain pula:

فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ

Maksudnya: “Sesungguhnya menziarahi kubur akan mengingatkan hari Akhirat.”

Riwayat al-Tirmizi (1054)

Begitu juga berdasarkan hadith yang lalu tentang Rasulullah SAW yang pernah menziarahi kubur ibunya. Walau bagaimanapun tidak terdapat waktu-waktu sunat yang ditetapkan bagi menziarahi kubur.

Sementara kaum wanita pula makruh menziarahi kubur disebabkan kemungkinan perbuatan meratap, meninggikan suara dan memperagakan diri. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

لَعَنَ اللَّهُ زَائِرَاتِ الْقُبُورِ

Maksudnya: “Allah SWT melaknat wanita-wanita yang menziarahi kubur.”

Riwayat Abu Daud (3236)

Namun sunat bagi mereka menziarahi kubur Rasulullah SAW, para anbiya’ dan orang soleh dengan syarat mereka tidak memperagakan diri, bercampur gaul, bersesak-sesak, bersentuhan dengan kaum lelaki dan meninggikan suara yang mungkin membawa fitnah sebagaimana yang banyak berlaku ketika mereka berziarah.

Adab Menziarahi Kubur

Sunat bagi mereka yang masuk ke kawasan kubur memberi salam kepada orang yang mati dengan ucapan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ

Maksudnya: “Sejahtera ke atasmu wahai penghuni rumah orang yang beriman. Kami akan bersama-samamu sekiranya Allah menghendaknya.”

Riwayat Muslim (249)

Bacalah di sisi kubur mereka ayat-ayat al-Quran kerana rahmat akan diturunkan ketika itu. Kemudian berdoalah dan hadiahkanlah pahala bacaan kepada roh-roh mereka seperti mana yang diperolehinya, dengan harapan Allah SWT akan memperkenankannya dan seterusnya si mati akan mendapat faedah daripada pahala bacaan tersebut.



Alhamdulillah, selesailah sudah Jilid 1 untuk semakan yang terkini

Pada 2 Februari 2011.

Insyaa-Allah, disusuli pula dengan Jilid 2.